

**TAHAP KEMISKINAN MASYARAKAT ORANG ASLI  
MELALUI PENDEKATAN MODEL KEMISKINAN  
MULTIDIMENSI DI MALAYSIA: KAJIAN KES DI  
TERENGGANU**

**MUHAMMAD FUAD BIN ABDULLAH**

**INSTITUT PENGAJIAN TERMAJU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2020**

**TAHAP KEMISKINAN MASYARAKAT ORANG ASLI  
MELALUI PENDEKATAN MODEL KEMISKINAN  
MULTIDIMENSI DI MALAYSIA: KAJIAN KES DI  
TERENGGANU**

**MUHAMMAD FUAD BIN ABDULLAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH**

**INSTITUT PENGAJIAN TERMAJU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2020**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Muhammad Fuad bin Abdullah

No. Matrik: HHB140013

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Tahap Kemiskinan Masyarakat Orang Asli Melalui Pendekatan Model Kemiskinan Multidimensi di Malaysia: Kajian Kes di Terengganu

Bidang Penyelidikan: Pengajian Pembangunan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**TAHAP KEMISKINAN MASYARAKAT ORANG ASLI MELALUI  
PENDEKATAN MODEL KEMISKINAN MULTIDIMENSI DI MALAYSIA:  
KAJIAN KES DI TERENGGANU**

**ABSTRAK**

Kemiskinan dan ketidakseimbangan sosioekonomi merupakan suatu fenomena global yang perlu ditangani dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Namun begitu, pengukuran kemiskinan unidimensi (pendapatan atau perbelanjaan) melalui purata pendapatan garis kemiskinan (PGK) digunakan di Malaysia tidak menggambarkan kekurangan dan taraf hidup sebenar masyarakat. Pendekatan pengukuran kemiskinan multidimensi yang diperkenalkan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) merupakan metode yang lebih sesuai digunakan dalam mengukur kemiskinan sebenar masyarakat kerana ia melibatkan pelbagai dimensi dan indikator. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi menggunakan empat dimensi dengan 17 indikator terhadap masyarakat Orang Asli di Terengganu, Malaysia. Objektif kajian ini adalah 1. Untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu; 2. Untuk mengenal pasti dimensi dan indikator kemiskinan yang menyebabkan kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu; dan 3. Untuk menentukan indeks kemiskinan menggunakan IKM bagi perkampungan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hasil kajian mendapati hanya terdapat tiga pemboleh ubah sosioekonomi yang mempunyai hubungan signifikan dengan PGK iaitu pendidikan, jenis pekerjaan dan dividen FELCRA. Menerusi pengukuran kemiskinan multidimensi, kekurangan tertinggi adalah dalam dimensi kekayaan diikuti pendidikan dan taraf hidup. Kajian ini juga mendapati, kekurangan tertinggi adalah dalam indikator ternakan komersial diikuti pengurusan sampah, tahun tamat persekolahan dan pendapatan. Selain itu, indeks

kemiskinan IKM paling tinggi adalah di Kampung Sungai Pergam, Kemaman (3.9%) pada garis pemisah  $k=9$  berbanding kampung-kampung lain. Oleh yang demikian, pendekatan kemiskinan multidimensi merupakan suatu kaedah pengukuran kemiskinan yang bersifat komprehensif dan mampu menunjukkan tahap kemiskinan sebenar kelompok masyarakat yang dikaji berbanding menggunakan kaedah pengukuran unidimensi. Hasil kajian ini membuktikan masyarakat Orang Asli khususnya di Terengganu masih lagi miskin walaupun matlamat pembangunan lestari menunjukkan tahap kesejahteraan hidup di Malaysia adalah baik. Kajian ini adalah penting kepada kerajaan khususnya JAKOA dan pembuat polisi dalam memberikan bantuan serta melaksanakan program pembasmian kemiskinan yang efektif kepada Orang Asli.

**Kata kunci:** Kemiskinan, multidimensi, kekurangan, Orang Asli, Terengganu

**ORANG ASLI LEVEL OF POVERTY THROUGH THE  
MULTIDIMENSIONAL POVERTY MODEL APPROACH IN MALAYSIA:  
CASE STUDY IN TERENGGANU**

**ABSTRACT**

Poverty and socioeconomics instability is a global phenomenon that needs to be addressed in making Malaysia a developed nation. Nevertheless, uni-dimensional poverty measures (income or expenditure) through average Poverty Line Income applied in Malaysia do not reflect the shortage and the standard of living of the community. The United Nations Development Programme (UNDP) had introduced the MPI method which is suitable in measuring the actual poverty deprivation of community. Therefore, this study was carried out by applying the multidimensional poverty measurement which used four dimensions with 17 indicators on Orang Asli in Terengganu, Malaysia. The objectives of this study are 1. To identify the relationship between socioeconomic variables on Poverty Line Index (PLI) for the Orang Asli Terengganu; 2. To identify the dimension and indicator deprived by the Orang Asli Terengganu; and 3. To determine the poverty dimension and indicator for Orang Asli in Terengganu. Result shows that, there are only three socioeconomic variables that have significant relationship with PLI. These are education, job type and FELCRA dividend. Multidimensional poverty measurement indicates that, wealth is the highest deprivation dimension followed by education and standard of living. Study also shows that, the highest deprivation indicator is in commercial livestock followed by waste management, years of schooling and income. A part from that, the highest MPI ratio is in Sungai Pergam village, Kemaman (3.9%) when cut-off  $k=9$  compared to other villages. Therefore, the multidimensional poverty approach is a comprehensive poverty measurement and capable of identifying the real poverty level of the targeted community compared to uni-dimensional poverty approach. The results of

this study prove that the Orang Asli in Terengganu is still poor even though the sustainable development goals show that the quality of life in Malaysia is good. This finding is significant for the government, especially JAKOA and policymakers to give aids and implement effective poverty eradication programmes for the Orang Asli.

**Keywords:** Poverty, multidimensional, deprivation, Orang Asli, Terengganu

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmatNYA saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada para penyelia iaitu Dr. Azmah Othman, Prof. Dr. Juli Edo dan Prof. Madya Dr. Rohana Jani atas bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah selaku penyelia bersama di Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari, UMT merangkap ketua projek TRGS: '*Characterising the ethno- and bio-diversity of Kenyir to safeguard Terengganu's natural resources*' (Vot: 59373) kerana memberi peluang untuk menyertai projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah membiayai projek TRGS ini kerana ia membantu dalam proses pengumpulan data di samping membiayai pengajian saya melalui skim MyBrain15. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada pihak JAKOA kerana permit kebenaran menjalankan kerja lapangan yang diberikan serta kerjasama pegawai-pegawai yang bertugas.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga terutamanya kepada ayahanda Almarhum Tn. Hj. Abdullah Idin, ibunda Pn. Siti Habsah Talib, adik-beradik dan keluarga kerana dorongan serta galakan diberikan oleh mereka yang menjadi nadi kekuatan kepada saya untuk terus melanjutkan pengajian sehingga ke tahap ini.

Penghargaan juga diberikan kepada individu-individu yang banyak membantu di Universiti Malaya, Institut Biodiversiti dan Pembangunan Lestari, Universiti Sultan Zainal Abidin terutamanya kepada Prof. Dr. Ramle Abdullah, Candyrilla Vera Bartholomew, Muhamad Aidil Zahidin, Muhammad Syamsul Aznan Ariffin, Nurul Faezah Noor Azizan, Hairul Nizam Mohd Khori dan Shamsul Hafizi Saleh. Ucapan terima kasih juga kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam tempoh pengajian ini. Akhir kata, semoga Allah SWT sahaja dapat membalas segala budi baik yang telah diberikan.



## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>vii</b>
<b>ISI KANDUNGAN .....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN PERKATAAN .....</b>	<b>xviii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN .....</b>	<b>xxi</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan .....	1
1.1 Masyarakat Orang Asli di Malaysia .....	1
1.2 Pembangunan Masyarakat Orang Asli .....	8
1.3 Jabatan Kemajuan Orang Asli .....	10
1.4 Masyarakat Orang Asli di Terengganu .....	26
1.5 Kemiskinan Masyarakat Orang Asli .....	28
1.6 Kemiskinan Multidimensi .....	31
1.7 Permasalahan Kajian .....	35
1.8 Persoalan Kajian .....	38
1.9 Objektif Kajian .....	39
1.10 Kepentingan Kajian .....	39
1.11 Skop Kajian .....	40
1.12 Struktur Laporan Tesis .....	41
1.13 Rumusan .....	43

## **BAB 2: KAJIAN LITERATUR, KONSEPTUAL DAN KERANGKA**

<b>TEORETIKAL .....</b>	<b>44</b>
2.0 Pengenalan .....	44
2.1 Konsep Kemiskinan .....	44
2.2 Pendekatan Pengukuran Kemiskinan .....	46
2.3 Konsep Kemiskinan di Malaysia .....	53
2.4 Indeks Kualiti Hidup Malaysia .....	58
2.5 Konsep Matlamat Pembangunan Milenium .....	63
2.6 Konsep Pembangunan Lestari .....	65
2.7 Konsep Kemiskinan Multidimensi .....	70
2.8 Kepelbagaian Dimensi Kemiskinan Masyarakat Orang Asli .....	74
2.9 Dimensi Pengukuran Kemiskinan Multidimensi .....	77
2.9.1 Pendidikan .....	77
2.9.2 Kesihatan .....	80
2.9.3 Taraf Hidup .....	82
2.9.4 Kekayaan .....	91
2.10 Pengukuran Kemiskinan Multidimensi di Negara Lain .....	93
2.10.1 Amerika Syarikat .....	94
2.10.2 India .....	96
2.10.3 Indonesia .....	98
2.11 Kajian Lepas Berkaitan IKM di Malaysia .....	101
2.12 Kerangka Teoretikal Kajian .....	103
2.13 Rumusan .....	111

<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>113</b>
3.0 Pengenalan.....	113
3.1 Reka Bentuk Kajian .....	114
3.2 Trigulasi Data .....	116
3.3 Populasi dan Sampel Kajian .....	118
3.3.1 Responden .....	119
3.3.2 Informan .....	120
3.4 Teknik Pensampelan.....	122
3.5 Kaedah Pengumpulan Data .....	124
3.5.1 Soal Selidik .....	125
3.5.2 Temu Bual .....	125
3.5.3 Pemerhatian .....	127
3.5.4 Bahasa .....	128
3.5.5 Hubungan Penyelidik .....	128
3.6 Prosedur Kajian dan Kutipan Data .....	128
3.6.1 Kajian Rintis .....	129
3.6.2 Kajian Lapangan .....	130
3.6.3 Analisis Dokumen .....	131
3.7 Instrumen Kajian .....	132
3.8 Kerangka Konseptual Kajian .....	133
3.9 Kaedah Analisis Data Kajian Kes .....	135
3.9.1 Analisis Kuantitatif .....	135
3.9.1.1 Ujian Khi-Kuasa Dua Tak Bersandar .....	135
3.9.1.2 Pengukuran Kemiskinan Multidimensi .....	137
3.9.2 Analisis Kualitatif .....	151
3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian .....	152

3.11	Pematuhan Etika Kajian .....	158
3.12	Rumusan .....	159
<b>BAB 4: ANALISIS SOSIOEKONOMI .....</b>		<b>160</b>
4.0	Pengenalan.....	160
4.1	Latar Belakang Masyarakat Orang Asli di Terengganu .....	161
4.2	Analisis Profil dan Demografi .....	161
4.2.1	Umur .....	161
4.2.2	Suku Kaum .....	163
4.2.3	Agama .....	164
4.2.4	Penduduk Asal .....	165
4.3	Sosioekonomi .....	166
4.3.1	Pendidikan .....	166
4.3.2	Umur Berkahwin .....	169
4.3.3	Jenis Pekerjaan .....	171
4.3.4	Pendapatan .....	172
4.3.5	Perbelanjaan .....	174
4.3.6	Sumber Pendapatan Lain .....	175
4.3.7	Bilangan Isi Rumah .....	176
4.3.8	Rancang Keluarga .....	177
4.4	Hubungan antara Pemboleh ubah Sosioekonomi dengan PGK.....	178
4.4.1	Hubungan antara Tahap Pendidikan dengan PGK .....	178
4.4.2	Hubungan antara Umur Berkahwin dengan PGK .....	179
4.4.3	Hubungan antara Bilangan Isi Rumah dengan PGK .....	180
4.4.4	Hubungan antara Merancang Keluarga dengan PGK .....	181
4.4.5	Hubungan antara Jenis Pekerjaan dengan PGK .....	182

4.4.6	Hubungan antara Perbelanjaan Bulanan dengan PGK .....	183
4.4.7	Hubungan antara Dividen dengan PGK .....	184
4.5	Rumusan .....	185
<b>BAB 5: PENGUKURAN KEMISKINAN MULTIDIMENSI .....</b>		<b>186</b>
5.0	Pengenalan .....	186
5.1	Kemiskinan Multidimensi Tanpa Berpemberat .....	186
5.2	Kemiskinan Multidimensi Berpemberat .....	194
5.3	Kemiskinan Multidimensi bagi Perkampungan Orang Asli Terengganu .....	196
5.4	Kemiskinan Multidimensi Orang Asli Terengganu dari Perspektif UNDP .....	197
5.4.1	Kemiskinan Multidimensi melalui Indikator UNDP .....	198
5.4.2	Kemiskinan Multidimensi UNDP Berpemberat .....	203
5.5	Hubungan Kemiskinan Unidimensi dengan Kemiskinan Multidimensi .....	205
5.6	Perbandingan Pengukuran Kemiskinan .....	208
5.7	Analisis Kualitatif .....	210
5.7.1	Temu bual Mendalam .....	211
5.8	Rumusan .....	240
<b>BAB 6: PERBINCANGAN .....</b>		<b>241</b>
6.0	Pengenalan .....	241
6.1	Tahap Kemiskinan Multidimensi Masyarakat Orang Asli Terengganu .....	241

6.2	Sokongan Sosioekonomi terhadap Masyarakat Orang Asli di Terengganu .....	265
6.3	Implikasi Kajian .....	269
6.3.1	Implikasi Teori .....	269
6.3.2	Implikasi Metodologi .....	269
6.3.3	Implikasi Polisi .....	270
6.4	Rumusan .....	282
<b>BAB 7: KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>		<b>284</b>
7.0	Rumusan Kajian .....	284
7.1	Cadangan Penambahbaikan Komuniti .....	287
7.1.1	Ekopelancongan .....	288
7.1.2	Pembayaran untuk Perkhidmatan Persekitaran .....	291
7.1.3	Penerapan Sosiobudaya dalam Pedagogi Pendidikan Orang Asli .....	295
7.2	Limitasi Kajian .....	297
7.3	Cadangan Kajian akan Datang .....	298
<b>SENARAI RUJUKAN .....</b>		<b>299</b>
<b>SENARAI PENERBITAN .....</b>		<b>330</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>		<b>345</b>

## SENARAI RAJAH

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.0	Masyarakat peribumi di Malaysia .....	4
1.1	Suku kaum Orang Asli di Malaysia .....	6
1.2	Taburan masyarakat Orang Asli di Malaysia mengikut Suku Kaum .....	7
1.3	Tren perubahan bilangan masyarakat Orang Asli di Malaysia .....	9
1.4	Pelan transformasi masyarakat Orang Asli di Malaysia .....	11

### **BAB 2: KAJIAN LITERATUR, KONSEPTUAL DAN KERANGKA**

#### **TEORETIKAL**

2.0	Kadar pertumbuhan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2000-2012	62
2.1	Indikator kelestarian ekologi .....	68
2.2	Doktrin perancangan dan pembangunan sejagat .....	69
2.3	Peratusan kemiskinan di Amerika Syarikat melalui pendekatan multidimensi .....	95
2.4	Peratusan kemiskinan di India melalui pendekatan multidimensi .....	97
2.5	Intensiti kemiskinan multidimensi di Indonesia bagi tahun 2012-2014 ....	99
2.6	Peratusan kemiskinan di Indonesia melalui pendekatan multidimensi .....	100

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Reka bentuk kaedah kajian .....	116
3.1	Model trigulasi kajian kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu	117
3.2	Kedudukan perkampungan Orang Asli di Terengganu .....	119
3.3	Proses pengumpulan data .....	129
3.4	Kerangka konseptual kajian .....	134

### **BAB 5: PENGUKURAN KEMISKINAN MULTIDIMENSI**

5.0	Peratusan kekurangan dihadapi oleh isi rumah dalam setiap indikator .....	188
5.1	Peratusan isi rumah mengalami kekurangan dalam indikator kemiskinan	191
5.2	Peratusan kekurangan dalam setiap indikator ditetapkan UNDP .....	198
5.3	Peratusan isi rumah mengalami kekurangan indikator kemiskinan UNDP	200

## SENARAI JADUAL

### BAB 1: PENDAHULUAN

1.0	Program rancangan kerajaan bagi pembangunan Orang Asli .....	12
1.1	Pelan strategik kemajuan Orang Asli bagi tahun 2011-2015 .....	13
1.2	Peruntukan kerajaan mengikut program RMK-10 .....	14
1.3	Perangkaan pelajar Orang Asli bagi tahun 2005-2010 .....	25
1.4	Taburan masyarakat Orang Asli di Terengganu .....	26
1.5	Bilangan kes kemiskinan Orang Asli mengikut negeri .....	28
1.6	Kategori sumber hutan diambil Orang Asli .....	29
1.7	Kemiskinan masyarakat Orang Asli .....	30
1.8	Pemboleh ubah pengukuran indeks kemiskinan multidimensi .....	33
1.9	Dimensi dan indikator pengukuran IKM bagi standard global .....	34
1.10	Negara yang menggunakan pendekatan IKM .....	35

### BAB 2: KAJIAN LITERATUR, KONSEPTUAL DAN KERANGKA

#### TEORETIKAL

2.0	Purata pendapatan garis kemiskinan Malaysia bagi tahun 2004 dan 2009 .....	55
2.1	Purata pendapatan garis kemiskinan Malaysia bagi tahun 2014 .....	55
2.2	Komponen indeks kesejahteraan rakyat Malaysia .....	61
2.3	Matlamat pembangunan milenium .....	63
2.4	Kes penyakit berjangkit Orang Asli Kg. Sg. Berua tahun 2011-2015 ....	81
2.5	Kes kematian dan kelahiran Orang Asli Kg. Sg. Berua tahun 2011-2015 .....	82
2.6	Pengukuran dimensi kemiskinan multidimensi Amerika Syarikat .....	95
2.7	Dimensi pengukuran IKM di India .....	96
2.8	Dimensi pengukuran multidimensi di Indonesia .....	98

### BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Taburan masyarakat Orang Asli mengikut suku kaum di setiap negeri ..	118
3.1	Bilangan responden .....	120
3.2	Senarai Informan bagi kaedah temu bual .....	121
3.3	Rujukan pekali kebolehpercayaan <i>crombach alpha</i> .....	133
3.4	Purata pendapatan garis kemiskinan Malaysia tahun 2014 .....	136
3.5	Kaedah ringkas pengiraan pemberat bagi dimensi dikaji .....	145



3.6	Skop pengukuran kajian .....	149
-----	------------------------------	-----

#### **BAB 4: ANALISIS SOSIOEKONOMI**

4.0	Jumlah populasi masyarakat Orang Asli di Terengganu .....	161
4.1	Peratusan umur .....	162
4.2	Peratusan suku kaum .....	164
4.3	Peratusan anutan agama .....	165
4.4	Peratusan status penduduk asal .....	166
4.5	Peratusan tahap pendidikan .....	167
4.6	Peratusan kehadiran murid Tadika Kg. Sg. Berua bagi tahun 2009-2015 .....	168
4.7	Bilangan murid berdaftar di SK. Berua bagi tahun 2008-2015 .....	168
4.8	Bilangan murid Orang Asli berdaftar di SMK. Jenagor tahun 2004-2015 .....	169
4.9	Peratusan umur berkahwin .....	170
4.10	Peratusan jenis pekerjaan .....	172
4.11	Peratusan pendapatan utama .....	173
4.12	Peratusan perbelanjaan bulanan .....	174
4.13	Peratusan sumber pendapatan sampingan .....	175
4.14	Peratusan bilangan isi rumah .....	176
4.15	Peratusan penyertaan program rancang keluarga .....	177
4.16	Analisis $\chi^2$ tahap pendidikan dengan PGK .....	178
4.17	Analisis $\chi^2$ umur berkahwin dengan PGK .....	179
4.18	Analisis $\chi^2$ bilangan isi rumah dengan PGK .....	180
4.19	Analisis $\chi^2$ penyertaan program rancang keluarga dengan PGK .....	181
4.20	Analisis $\chi^2$ jenis pekerjaan dengan PGK .....	182
4.21	Analisis $\chi^2$ perbelanjaan bulanan dengan PGK .....	183
4.22	Analisis $\chi^2$ dividen FELCRA dengan PGK .....	184

#### **BAB 5: PENGUKURAN KEMISKINAN MULTIDIMENSI**

5.0	Purata agregat dimensi kemiskinan .....	190
5.1	Kemiskinan multidimensi beragregat .....	193
5.2	Kemiskinan mengikut perkampungan Orang Asli di Terengganu .....	194
5.3	Pemberat untuk setiap indikator .....	195
5.4	Kemiskinan multidimensi berpemberat .....	196

5.5	Kemiskinan multidimensi berpemberat mengikut kawasan .....	197
5.6	Purata agregat dimensi kemiskinan UNDP .....	199
5.7	Kemiskinan multidimensi UNDP beragregat .....	201
5.8	Kemiskinan UNDP mengikut kampung Orang Asli di Terengganu .....	202
5.9	Pemberat untuk setiap indikator UNDP .....	203
5.10	Kemiskinan multidimensi UNDP berpemberat .....	204
5.11	Kemiskinan multidimensi UNDP berpemberat mengikut kawasan .....	205
5.12	Kemiskinan daripada pekerjaan utama .....	206
5.13	Kemiskinan daripada pekerjaan utama dengan dividen .....	206
5.14	Analisis kemiskinan berdasarkan PGK .....	208
5.15	Perbandingan analisis kemiskinan .....	210

## **BAB 6: PERBINCANGAN**

6.0	Projek pertanian dan ternakan dalam RMK-10 .....	271
6.1	Perangkaan keciciran pelajar Orang Asli di sekolah rendah .....	277
6.2	Keciciran pelajar Orang Asli yang tidak mendaftar di tingkatan 1 .....	278

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN PERKATAAN

AS	Amerika Syarikat
IBB	Indeks Berat Badan
CDA	<i>Community Development Academy</i>
CHIP	<i>Civil Society Human and Institutional Development Programme</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DHS	Demografi dan Servey Kesihatan
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DWN	Dasar Wawasan Nasional
FAO	<i>Food and Agriculture Organization</i>
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus
FGT	<i>Foster Greer Thorbecke</i>
HDI	Indeks Pembangunan Manusia
HDR	Laporan Pembangunan Manusia
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IEA	<i>International Energy Agency</i>
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Malaysia
IKM	Indeks Kemiskinan Multidimensi
IKPMO	Inisiatif Kemiskinan dan Pembangunan Manusia Oxford
IKRM	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
IKS	Industri Kecil Sederhana
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPBDS	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JKKK	Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KIR	Ketua Isi Rumah
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KMM	Kumpulan Miskin Melampau
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSP	Kajian Separuh Penggal

KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
LLP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MDGs	<i>Millennium Development Goals</i>
MFLS	<i>Malaysian Family Life Survey</i>
MICS	Servey Indikator Pelbagai Kelompok
MID	Medan Info Desa
MPI	Indeks Kemiskinan Multidimensi
MPL	Matlamat Pembangunan Lestari
MPM	Matlamat Pembangunan Milenium
NGO	Agensi Bukan Kerajaan
OECD	Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OPHI	<i>Oxford Poverty Human Index</i>
P&P	Pengajaran & Pembelajaran
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PES	<i>Payment For Environmental Services</i>
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PLBD	Pembelajaran Luar Bilik Darjah
PLI	Indeks Garis Kemiskinan
PPE	Program Pembangunan Ekonomi
PPRT	Program Perumahan Rakyat Termiskin
PPT	Program Penempatan Tersusun
PSK	Penyusunan Semula Kampung
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RKB	Rancangan Kampung Baru
RMK-11	Rancangan Malaysia Ke-11
RMK-10	Rancangan Malaysia Ke-10
RMK-9	Rancangan Malaysia Ke-9
RMK-8	Rancangan Malaysia Ke-8
RMK-7	Rancangan Malaysia Ke-7
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
RPS	Rancangan Pengumpulan Semula
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>
SDK	Survei Demografi dan Kesihatan

SIPK	Survei Indikator Pelbagai Kelompok
SIPP	Pendapatan dan Program Penyertaan
SK	Sekolah Kebangsaan
SKD	Survei Kesihatan Dunia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
UN	<i>United Nations</i>
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNICEF	Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UPE	Unit Perancang Ekonomi Malaysia
USD	US Dolar
WCO	<i>World Custom Organisation</i>
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Taburan masyarakat Orang Asli di Malaysia .....	345
Lampiran B	Sosioekonomi .....	345
Lampiran B1	Kaedah digunakan masyarakat orang asli untuk memburu .....	345
Lampiran B2	Jenis tumbuhan herba yang dijadikan sebagai ubatan .....	346
Lampiran B3	Binatang buruan masyarakat Orang Asli Kampung Sungai Berua .....	347
Lampiran C	Gambar kajian kes: Persekitaran perkampungan Orang Asli negeri Terengganu .....	348
Lampiran D	Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 .....	352
Lampiran D1	Teras 1: Pembangunan modal insan .....	352
Lampiran D2	Teras 2: Menggerakkan kegiatan ekonomi dan industri berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan secara bersepadu .....	358
Lampiran D3	Teras 3: Perluasan akses prasarana .....	367
Lampiran D4	Teras 4: Meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat Orang Asli .....	370
Lampiran D5	Teras 5: Menyelidik, mengumpul, memulihara & mengetengahkan pengetahuan tradisional & warisan Orang Asli .....	380
Lampiran D6	Teras 6: Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang baik .....	384
Lampiran E	Borang kaji selidik (Kuantitatif) .....	387
Lampiran F	Borang temu bual mendalam (Kualitatif) .....	403
Lampiran G	Dokumen kebenaran menjalankan penyelidikan .....	407
Lampiran G1	Surat mohon kebenaran menjalankan penyelidikan .....	407
Lampiran G2	Surat mohon kebenaran menjalankan penyelidikan kepada PKOAD .....	408

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini menerangkan secara terperinci latar belakang kajian mengenai kemiskinan masyarakat Orang Asli di Malaysia khususnya di negeri Terengganu dengan mengaplikasikan pendekatan kemiskinan multidimensi. Aspek lain yang turut dibincangkan adalah permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kerangka konseptual kajian.

### **1.1 Masyarakat Orang Asli di Malaysia**

Malaysia sememangnya terkenal dengan keunikan kepelbagaian kaum dan etnik. Di kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak), terdapat lebih daripada 70 etnik peribumi yang masing-masing mempunyai identiti dan gaya hidup tersendiri (Ramle Abdullah, 2014). Di Semenanjung Malaysia pula, etnik peribumi lebih dikenali sebagai Orang Asli. Sama seperti etnik peribumi yang lain, masyarakat Orang Asli turut mempunyai identiti mereka tersendiri. Kebiasaannya, corak hidup mereka lebih berasaskan kepada persekitaran dan alam semula jadi di mana mereka mendirikan penempatan yang lazimnya terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Kewujudan masyarakat Orang Asli merupakan komuniti penduduk yang terawal di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan bukti arkeologi, keturunan Orang Asli Negrito dipercayai dari susur galur masyarakat *Hoabinhian* yang hidup di antara 8,000 dan 1,000 Sebelum Masihi iaitu pertengahan Zaman Batu (Kardooni et al., 2014) dan mempunyai ciri-ciri persamaan fizikal dengan masyarakat pigmi Afrika (Allen, 1879; Fix, 1995; Endom Ismail et al., 2013); dan masyarakat Orang Asal di Australia dan Papua New Guinea (Endom Ismail et al., 2013). *Hoabinhian* merujuk kepada masyarakat purba yang hidup sekitar Asia Tenggara pada akhir Zaman Batu (Kipfer, 2000). Manakala, bagi

keturunan Senoi adalah kumpulan Orang Asli dari susur galur *Hoabinhian* dan petani Neolitik yang bermigrasi ke Semenanjung Malaysia melalui arah utara sekitar 2,000 sebelum masihi (Kardooni et al., 2014). Setelah itu, wujud kumpulan Orang Asli dikenali sebagai Melayu-proto yang dipercayai berpindah dari kepulauan Indonesia dan memasuki Semenanjung Malaysia melalui arah selatan, membuat penempatan di persisiran pantai dan sebahagian besar menjadi sebagai nelayan di antara 3000 hingga 5000 tahun dahulu (Nicholas, 1997; Muhamad Aidil Zahidin et al., 2016). Hal ini bertepatan dengan kajian Dunn (1977), di mana beliau tidak menafikan sebarang kemungkinan yang mendapati kewujudan masyarakat Orang Asli di Tanah Melayu ketika itu adalah lebih awal daripada kurun ke-5 kerana terdapat pengeluaran sumber hutan dan aktiviti ekonomi masyarakat pedalaman sejak waktu tersebut.

Menurut Ramle Abdullah (2014), istilah atau gelaran 'Orang Asli' telah mula digunakan sejak zaman penjajahan Inggeris iaitu sekitar tahun 1950an. Sebelum gelaran 'Orang Asli' digunakan, terdapat pelbagai gelaran lain yang turut diguna pakai, misalnya di kawasan utara Semenanjung Malaysia, masyarakat Orang Asli lebih dikenali dengan gelaran 'pagan' yang merujuk kepada masyarakat yang tidak beragama. Manakala, di negeri Kelantan digelar sebagai 'pangan'. Masyarakat di kawasan tengah semenanjung pula, mereka dikenali dengan gelaran 'sakai'. Manakala, di bahagian Selatan, gelaran 'orang darat' digunakan bagi merujuk kepada komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman dan hulu sungai.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai istilah yang telah digunakan oleh pihak pentadbir mahu pun ahli antropologi bagi mendefinisikan masyarakat Orang Asli. Istilah seperti 'orang darat', 'orang laut', 'bersisi', 'mantra' dan 'orang mawas' turut digunakan bagi merujuk kepada masyarakat Orang Asli. Pada tahun 1948 hingga 1960, istilah 'orang asal' digunakan oleh pihak kerajaan ketika itu bagi menambat hati masyarakat Orang Asli dalam membantu memerangi ancaman komunis yang bersembunyi di dalam hutan.



Terdapat sebilangan masyarakat Orang Asli yang dipaksa untuk memberi pelbagai jenis bantuan kepada pihak komunis seperti makanan, ubatan dan maklumat. Ekoran daripada itu, pihak kerajaan memerlukan bantuan masyarakat Orang Asli yang mahir dalam kehidupan hutan untuk mengenal pasti lokasi pihak komunis (JAKOA, 2011).


Sehingga kini, terdapat pelbagai definisi Orang Asli yang diterjemahkan oleh cendekiawan-cendekiawan dunia. Namun, laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (1987), menggunakan definisi Martinez-Cubo (1982), sebagai garis panduan dengan mentakrifkan Orang Asli sebagai masyarakat peribumi, rakyat dan warganegara di mana mereka adalah satu kelompok masyarakat minoriti yang mempunyai kesinambungan daripada aspek sejarah iaitu sejak pra-penaklukan dan pra-kolonial.

Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh pihak JAKOA (2016), pada tahun 1954 pihak kerajaan telah mengiktiraf secara rasmi kedudukan masyarakat Orang Asli dalam kaum minoriti di Malaysia melalui Akta 134 di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No.3, 1954. Akta ini telah menjelaskan dengan terperinci mengenai kedudukan masyarakat Orang Asli dan memberi definisi rasmi untuk golongan tersebut. Akta 134 seksyen 3 menyatakan:

- i. Mana-mana bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan telah dibesarkan sebagai Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau

- iii. Anak daripada mana-mana daripada penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suku kaum lain, dengan syarat anak itu bertutur menggunakan bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada satu masyarakat Orang Asli.

Kemudian pindaan takrifan Orang Asli dalam Perlembagaan Malaysia telah termaktub dalam Perkara 160(2) yang menyatakan Orang Asli adalah merujuk kepada Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Definisi tersebut dirumuskan oleh Hood Md. Salleh (2004), yang menyatakan komuniti Orang Asli dikategorikan sebagai kaum peribumi yang merupakan salah satu kaum asal di Malaysia. Namun, sedikit berbeza dengan kaum bumiputera yang sedia ada di negara ini kerana setiap suku kaum mempunyai identiti sosial tersendiri. Oleh itu, status dan definisi Orang Asli adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal. Peruntukan dalam Orang Asli di atas juga jelas menunjukkan istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal Semenanjung Tanah Melayu. Manakala, lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu diistilahkan sebagai Bumiputera (Norasmah Othman & Mohd Hasril Amiruddin, 2016; Hasan Mat Nor, 1998; Zalizan Mohd Jelas et al., 2009) (Rajah 1.0).



Rajah 1.0: Masyarakat peribumi di Malaysia


Sumber: Zalizan Mohd Jelas et al. (2009)

Kronologi pembahagian suku kaum masyarakat Orang Asli di Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara sejak dahulu lagi. Pembahagian suku kaum ini telah diterima pakai oleh sebahagian besar penyelidik etnografi masyarakat peribumi berdasarkan beberapa ciri-ciri dan identiti yang diklasifikasikan oleh mereka (William Hunt, 1998; Carey, 1976; Nicholas & Raajen, 1996).

Namun begitu, terdapat penyelidik yang mengklasifikasikan suku kaum Orang Asli ini kepada nama yang lain seperti dinyatakan oleh Sket dan Blagden (1966), yang membahagikan kaum Orang Asli ini kepada tiga iaitu Senoi, Sakai dan Jakun. Manakala bagi Dentan (1968), terdapat tiga kaum besar Orang Asli iaitu Semang, Senoi dan Melayu Asli. Benjamin (1967), mengklasifikasikan masyarakat Orang Asli berdasarkan sosiolinguistik. Beliau membahagikan pecahan kumpulan utama iaitu Aslian Utara yang terdiri daripada beberapa pecahan suku kaum yang lebih kecil iaitu Kensiu, Kintaq Bong, Jehai, Mendriq, Bateq, Deq, Bateq Nong, Mintil, Semai dan Che Wong. Manakala, kumpulan kedua dari suku Aslian Tengah yang terdiri daripada suku kaum Lanoh Yir, Lanoh Jeng Jeng, Semnam, Sabun, Temiar dan Jah Hut. Kumpulan ketiga iaitu Aslian Selatan yang terdiri daripada suku kaum Semaq Beri, Temoq, Semelai, Mah Beri, Temuan atau Belandas dan Jakun.

Masyarakat Orang Asli di Malaysia adalah bersifat heterogen dan bukan suatu kaum minoriti terpinggir yang bersifat homogen iaitu terdiri daripada satu suku kaum sahaja. Setiap suku kaum ini mempunyai sifat dan identiti tersendiri dari pelbagai aspek seperti sosiobudaya, psikososial, psikologi-kognitif dan sosioekonomi yang membezakan antara suku kaum tersebut. Perbezaan-perbezaan ini yang membentuk tiga buah rumpun suku kaum Orang Asli yang utama iaitu Senoi, Negrito dan Melayu-Proto (JAKOA, 2011; JAKOA, 2016). Perbezaan-perbezaan ini turut membahagikan tiga rumpun tersebut kepada 18 suku kaum yang lebih kecil. Menurut Juli Edo (1998), masyarakat Orang Asli terdiri daripada tiga kaum besar dan setiap satunya dibahagikan kepada enam suku kaum


yang lebih kecil. Setiap suku kaum ini mempunyai nilai budaya dan identiti tersendiri yang membolehkan mereka dibezakan mengikut suku kaum masing-masing. Namun begitu, pembahagian kaum yang digunakan ini bukan tetap bagi setiap individu. Mereka boleh menukar suku kaum mereka melalui perkahwinan antara berlainan kaum. Contohnya, individu dari suku kaum Senoi akan menjadi suku kaum Negrito apabila berkahwin dengan pasangan daripada suku kaum Negrito dan tinggal di dalam komuniti Negrito (Muhamad Aidil Zahidin et al., 2016). Sungguhpun terdapat banyak istilah suku kaum Orang Asli namun, bagi menjamin pengurusan pembangunan masyarakat Orang Asli yang lebih baik, klasifikasi suku kaum Orang Asli telah dibahagikan kepada tiga iaitu Senoi, Negrito dan Melayu-Proto seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Suku kaum Orang Asli di Malaysia

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Taburan penempatan masyarakat Orang Asli adalah berselerak di Semenanjung Malaysia seperti dalam Rajah 1.2. Namun begitu, pola kewujudan suku kaum Orang Asli di negeri-negeri tersebut dapat diklasifikasikan mengikut kawasan. Kaum Negrito lebih tertumpu di kawasan Timur dan bahagian Utara seperti Kelantan, Terengganu, Parak dan Kedah. Kaum Senoi pula, lebih tertumpu di kawasan Barat seperti di Perak dan Selangor. Manakala, bagi kaum Melayu-Proto mendiami negeri-negeri di sebelah Selatan dan Utara seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Kedah.



Rajah 1.2: Taburan masyarakat Orang Asli di Malaysia mengikut suku kaum

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2016)


## 1.2 Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Secara umumnya, status gelaran “Orang Asli” itu sendiri telah memberi gambaran konotasi masyarakat yang primitif dan mempunyai tahap pembangunan sosial, ekonomi serta budaya yang rendah jika dibandingkan dengan masyarakat lain. Oleh itu, kelompok masyarakat minoriti ini sering kali dipinggirkan daripada arus pembangunan sejak dari zaman penjajahan lagi (JAKOA, 2011; Ramle Abdullah, 2014; Muhammad Fuad Abdullah et al., 2016). Tindakan ini adalah berikutan dengan beberapa anggapan skeptikal masyarakat yang menyatakan Orang Asli merupakan kelompok masyarakat yang tidak dapat dibangunkan dan mempunyai nilai-nilai sosial bertentangan dengan norma masyarakat lain. Tanggapan bersifat anakronistik ini lebih menjadikan masyarakat Orang Asli seperti artifak hidup (Endicott, 2016; Ramle Abdullah, 2014). Masyarakat Orang Asli, dapat dibangunkan dengan berkesan melalui perancangan dan tindakan secara konsisten. Menurut Hasan Mat Nor (2002), masyarakat Orang Asli dapat dibangunkan melalui pendekatan *participatory development* yang melibatkan mereka secara aktif mengikut keperluan, kemahuan dan kepentingan yang ditetapkan sendiri.

Kewujudan masyarakat Orang Asli sememangnya tidak dapat disangkal lagi kerana pertambahan jumlah masyarakat minoriti ini kian jelas kelihatan dalam bancian penduduk di Malaysia. Hal ini kerana sebahagian besar negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai Orang Asli sebagai penghuninya. Walaupun sebahagian besar masyarakat minoriti ini masih tinggal di kawasan pinggir bandar dan pedalaman, namun, berlaku peningkatan dalam bilangan masyarakat ini saban tahun (Rajah 1.3). Mengikut bancian penduduk Orang Asli yang dibuat oleh pihak JAKOA (2010), terdapat seramai 178,197 orang masyarakat Orang Asli di seluruh Malaysia.<sup>1</sup> Manakala, Pahang merupakan negeri yang mempunyai jumlah masyarakat Orang Asli yang paling ramai iaitu 67,506 orang, diikuti dengan negeri Perak iaitu 53,299 orang.

---

<sup>1</sup> Data bancian penduduk Orang Asli oleh pihak JAKOA (2010) ini telah diterbitkan dalam laporan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2016-2020. Tiada data lain yang terkini.



Rajah 1.3: Tren perubahan bilangan masyarakat Orang Asli di Malaysia

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2016)

Pelbagai program transformasi telah dilakukan pihak kerajaan dalam membangunkan dan melestarikan kehidupan masyarakat di Malaysia. Tindakan ini turut dinikmati oleh kelompok minoriti di Malaysia termasuk masyarakat Orang Asli. Dalam konteks pembangunan Orang Asli, terdapat dua pihak yang terlibat secara langsung iaitu pihak kerajaan dan masyarakat Orang Asli itu sendiri. Fungsi saling bergantung ini adalah selari dengan teori sosiologi struktur fungsionalisme yang menyatakan suatu aspek dalam sesebuah masyarakat mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri dan saling bergantung antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan, keharmonian, kesejahteraan dan pembangunan yang lebih baik (Seow et al., 2013). Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan struktur pembangunan sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat Orang Asli (Ronzi Mohd Yusoff et al., 2019). Pembangunan sosial yang dilakukan oleh pihak kerajaan turut memberi impak terhadap masyarakat Orang Asli. Perubahan sosial dapat dilihat menerusi pembangunan dalam masyarakat Orang Asli itu sendiri daripada aspek gaya hidup, sosiobudaya, sosioekonomi, kepercayaan, agama dan psikologi. Perkara ini dapat dilihat menerusi perubahan sosial suku kaum Seletar yang pada asalnya mendiami kawasan laut kemudian berpindah ke kawasan darat. Perkara ini adalah disebabkan oleh pelbagai bentuk insentif pihak kerajaan terutama menerusi dasar dan undang-undang dalam melindungi hak


mereka sebagai kaum Bumiputera di negara ini (Nor Aseken Rosley, 2009; Itam Wali Nawan, 1993).

Seterusnya, perubahan sosial turut dapat dilihat menerusi pembangunan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan turut memberi impak besar terhadap masyarakat Orang Asli dan masyarakat sekitarnya (Ronzi Mohd Yusoff et al., 2019). Pembangunan ini bukan sahaja mengubah cara hidup dan sosial masyarakat Orang Asli malah, ia juga dapat mengubah struktur ekonomi mereka. Pelan pembangunan dan pemeraksanaan ekonomi masyarakat Orang Asli ini dapat dilihat menerusi teras kedua dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 dan fokus keempat dalam Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020 di mana telah memberi penekanan dalam menggerakkan kegiatan ekonomi dan industri berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan secara bersepadu (JAKOA, 2011; JAKOA, 2016).

### **1.3 Jabatan Kemajuan Orang Asli**

Pihak kerajaan telah melaksanakan dan turut merancang pelbagai pelan pembangunan bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak lagi tersisih dengan arus pemodenan termasuklah Orang Asli (Rajah 1.4). Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memainkan peranan penting dalam memastikan kemajuan pembangunan turut dapat dikecapi oleh masyarakat Orang Asli. JAKOA merupakan sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan hala tuju masyarakat Orang Asli di Malaysia selaras dengan pelan tindakan yang telah dibuat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Wawasan 2020. JAKOA turut berperanan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi di samping mengekalkan budaya masyarakat Orang Asli melalui kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat yang lain agar tidak terdapat jurang perbezaan yang begitu ketara.





Rajah 1.4: Pelan transformasi masyarakat Orang Asli di Malaysia

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Bagi mencapai matlamat tersebut, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan garis panduan agar hala tuju pembangunan masyarakat Orang Asli lebih sistematik (Jadual 1.0). Matlamat-matlamat tersebut adalah berdasarkan prinsip berikut:

- a. Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974).
- b. Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961.
- c. Keputusan Jemaah Menteri 1977 mengenai rancangan mengumpulkan masyarakat Orang Asli yang tinggal berselerak di bawah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS).

- d. Panduan tugas pembangunan Orang Asli dalam masyarakat moden 1978
- Pelaksanaan dasar-dasar kerajaan melalui KKLW dan JAKOA yang dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah menampakkan perkembangan yang positif dalam pembangunan sosioekonomi serta kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Prinsip-prinsip ini telah mendorong pembangunan masyarakat Orang Asli melalui tiga komponen utama tindakan kerajaan iaitu:

Jadual 1.0: Program rancangan kerajaan bagi pembangunan Orang Asli

<b>Program Penempatan Tersusun</b>	<b>Program Pembangunan Ekonomi</b>	<b>Program Pembangunan Sosial</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan Pengumpulan Semula (RPS).</li> <li>• Penyusunan Semula Kampung (PSK).</li> <li>• Bencana Alam.</li> <li>• Rancangan Kampung Baru (RKB).</li> <li>• Pembangunan Tanah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Ekonomi Negeri.</li> <li>• Projek Pengembangan Kursus.</li> <li>• Bimbingan Usahawan.</li> <li>• Pembangunan Tanah Fasa II Negeri.</li> <li>• Pembinaan Ruang Niaga</li> <li>• Pelancongan Desa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).</li> <li>• Perumahan Ketua Masyarakat.</li> <li>• Infrastruktur dan Kemudahan Awam.</li> <li>• Kesihatan dan Perubatan</li> <li>• Pembangunan Keluarga dan Masyarakat.</li> <li>• Kemudahan Pentadbiran JAKOA.</li> <li>• Program Pembangunan Minda.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Pihak kerajaan menerusi KKLW dan JAKOA telah berusaha keras dalam mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli melalui program-program pembangunan sosioekonomi yang telah disediakan dalam RMK-8, RMK-9, RMK-10 dan RMK-11 (Jadual 1.1). Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan menampakkan kejayaan apabila tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli dapat dikurangkan daripada 83.4% pada tahun 2000 kepada 31.16% pada tahun 2010 (JAKOA, 2011).

Jadual 1.1: Pelan strategik kemajuan Orang Asli bagi tahun 2011-2015

<b>Bil.</b>	<b>Teras</b>	<b>Bilangan Strategi</b>	<b>Bilangan Program</b>	<b>Jumlah Kos (RM Juta)</b>
1.	Pembangunan modal insan	6	37	48.26
2.	Menggerakkan kegiatan ekonomi dan industri berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan secara bersepadu	11	25	182.77
3.	Perluasan akses prasarana	5	5	1081.43
4.	Meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat Orang Asli	5	19	177.73
5.	Menyelidik, mengumpul, memulihara dan mengetengahkan pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli	6	8	21.70
6.	Memantapkan sistem perkhidmatan dan tadbir urus yang baik	3	6	9.40
<b>Jumlah</b>		36	100	1,521.20

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak JAKOA adalah selaras dengan misi negara dalam menuju Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah dilancarkan sebelum ini. Garis panduan terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula bagi mempercepatkan peningkatan taraf sosioekonomi di samping mengekalkan budaya mereka. Pembangunan masyarakat Orang Asli bukan sahaja dapat memberi kesejahteraan dan keselamatan kepada mereka tetapi juga dapat mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar yang sebelum ini mempunyai jurang sosial yang tinggi.

Fokus utama dalam membangunkan masyarakat Orang Asli di negara ini terbahagi kepada tiga program utama iaitu Program Penempatan Tersusun, Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Sosial (Jadual 1.2). Dalam bajet RMK-10, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi pembangunan masyarakat Orang Asli kepada JAKOA sebanyak RM358,100 dan selepas Kajian Separuh Penggal

(KSP) dilaksanakan, penambahan peruntukan sebanyak RM19,200,000 telah buat bagi melaksanakan program-program yang telah dirancang bagi tujuan pembangunan Orang Asli tersebut.

Jadual 1.2: Peruntukan kerajaan mengikut program RMK-10

<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM/ Juta)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Penempatan Tersusun	109.9	29
Pembangunan Ekonomi	109.1	29
Pembangunan Sosial	158.3	42

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Menerusi bajet yang telah dikeluarkan oleh RMK-10 ini, terdapat banyak program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak JAKOA dalam memenuhi pelan pembangunan jangka panjang Orang Asli seperti:

a. Program penempatan tersusun

Diperkenalkan oleh JAKOA bagi menyediakan penempatan Orang Asli yang lebih tersusun dan lengkap dengan komponen infrastruktur serta sumber ekonomi yang dapat membantu menampung kehidupan. Di bawah program ini, kampung-kampung baru dan tradisional dikenal pasti akan disusun semula berdasarkan pelan yang lebih sistematik dan memberi kualiti hidup yang lebih sempurna. Projek pembangunan ini perlu mematuhi garis panduan dan penilaian standard yang telah ditetapkan oleh pihak JAKOA. Bagi tempoh RMK-10, sebanyak RM 109.9 juta telah diperuntukan dan sebanyak RM 70 juta pada tahun 2016 serta unjuran RM 20 juta pada tahun 2020 di bawah RMK-11 kepada JAKOA untuk melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal (JAKOA, 2016). Namun, ia perlu melibatkan komponen kualiti hidup seperti rumah, bekalan air, bekalan elektrik, jalan kampung dan projek ekonomi. Di samping itu, program ini turut melibatkan kerja-kerja ukur tanah dan sempadan bagi mengenal pasti dan

mengetahui had tanah rizab Orang Asli. Tindakan ini perlu bagiewartakan dan memberi kesahihan pemilikan hak milik tanah.

i. Rancangan pengumpulan semula

Melalui program ini terdapat 16 rancangan pengumpulan semula (RPS) telah diwujudkan bagi memindahkan dan menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal secara berselerak di kawasan pedalaman ke sebuah kawasan penempatan semula yang disertakan dengan pelbagai kemudahan asas. Kawasan ini telah dibangunkan secara bersepadu yang melibatkan pembangunan tanah, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam serta perumahan yang sistematik. Pihak kerajaan telah meneruskan projek ini dalam RMK-10 dan pada tahun 2010 peruntukan sebanyak RM5 juta telah disediakan meliputi projek menaik taraf infrastruktur dan ekonomi di RPS Kuala Betis, Dala dan Sungai Rual yang melibatkan sejumlah 500 Orang Asli. Peruntukan tersebut dinaikkan kepada RM6 juta dalam RMK-11 bagi kampung yang sama. Seterusnya sebanyak RM70 juta diperuntukkan dalam RMK-11 di mana memfokuskan pembangunan bersepadu perkampungan Orang Asli Sungai Siput, Perak dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM24.5 juta.

ii. Penyusunan semula kampung

Penyusunan semula kampung (PSK) adalah projek pembangunan setempat yang bertujuan untuk melengkapkan kemudahan asas dan infrastruktur dalaman di kampung-kampung Orang Asli yang sedia ada. JAKOA telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.3 juta pada tahun 2009 untuk melengkapkan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan dalam kawasan perkampungan tersebut tanpa perlu memindahkan mereka

ke kawasan lain. Program ini melibatkan seramai 7,500 orang masyarakat Orang Asli.

iii. Bencana alam

Projek ini melibatkan penempatan baru bagi penduduk Orang Asli yang terdedah kepada ancaman bencana alam. Ia meliputi kawasan yang dijangka berisiko tinggi untuk mengalami masalah ini. Pihak JAKOA telah memperuntukkan sejumlah RM4,000,000 untuk tujuan tersebut.

iv. Rancangan kampung baru

Program rancangan kampung baru (RKB) adalah satu rancangan penempatan semula perkampungan Orang Asli yang terlibat dengan pelaksanaan projek awam kerajaan seperti pembinaan empangan, pembinaan lapangan terbang dan sebagainya. Pihak JAKOA bertanggungjawab dalam memastikan masyarakat Orang Asli yang dipindahkan mendapat insentif dan kemudahan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Setakat ini, terdapat tiga buah kampung yang terlibat secara langsung dengan projek ini seperti RKB Lubuk Legong di Kedah, RKB Sungai Rual di Kelantan dan RKB Sungai Kejar di Perak.

v. Pembangunan tanah

Projek pembangunan tanah adalah satu projek yang dirancang bagi memulihkan infrastruktur kampung dan memajukan tanah melalui kerjasama dengan agensi-agensi yang lebih berkepakaran seperti FELCRA, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP) selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) di mana ia memberi

penekanan terhadap strategi pembasmian kemiskinan dalam kalangan golongan miskin. Sehingga tahun 2010, pihak FELCRA telah membangunkan kawasan seluas 9,105 hektar dan RISDA sebanyak 14,999 hektar bagi tujuan pembangunan ekonomi Orang Asli dan laporan JAKOA (2016), pula menyatakan sebanyak 4000 hektar tanah lagi telah dibangunkan dan ditanam semula.

b. Program pembangunan ekonomi

Menerusi program ini, terdapat beberapa projek yang telah dilaksanakan oleh JAKOA dalam meningkatkan aspek ekonomi masyarakat Orang Asli. Program ini diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan serta taraf ekonomi masyarakat Orang Asli ke arah matlamat membasmi kemiskinan tegar. Projek-projek yang dilaksanakan di bawah program ini adalah berteraskan kepada sektor pertanian yang telah terbukti berdaya maju dengan hasil yang mempunyai nilai pasaran dan komersial yang tinggi. Antara projek tanaman kontan yang diusahakan adalah seperti tanaman sayuran dan juga ternakan kambing, lembu, biri-biri dan ikan sangkar. Selain daripada projek asas tani ini, tumpuan program ini turut diberikan kepada pembangunan usahawan kecil Orang Asli dengan memberi bantuan berupa peralatan dan membina premis perniagaan. Pengusaha yang berminat dan terlibat secara serius dalam program ini akan diberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam aspek pengurusan dan keusahawanan dengan kerjasama agensi-agensi teknikal kerajaan yang dilantik. Di samping itu, projek tanaman kelapa sawit dan getah terus dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli. Melalui projek-projek ini, lebih ramai masyarakat Orang Asli yang berada dalam kelompok miskin dapat dilibatkan sama ada sebagai peserta atau sebagai pekerja ladang yang dibangunkan. Menerusi projek ini

sejumlah RM109.1 juta telah diperuntukkan bagi mempergiat dan membangunkan sektor ekonomi masyarakat Orang Asli. Pada tahun 2016, program perluasan projek tanaman kontan dan penternakan yang melibatkan 500 orang ketua isi rumah Orang Asli telah dilaksanakan. Terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan oleh pihak JAKOA dalam membangunkan ekonomi Orang Asli seperti projek pembangunan ekonomi negeri, program pengembangan kursus, bimbingan usahawan, pembangunan tanah fasa II negeri, pembinaan ruang niaga, pelancongan desa dan koperasi Orang Asli.

i. Pembangunan ekonomi negeri

Projek ini adalah melibatkan pembangunan tanah yang berada di luar kawasan RPS. Projek ini adalah meliputi kawasan tanah ladang yang diperuntukkan untuk tanaman kelapa sawit dan getah secara besar-besaran. Projek ini telah dibantu oleh FELCRA dan RISDA yang sememangnya mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Oleh itu, ini akan memberi pelbagai faedah kepada masyarakat Orang Asli terutama sebagai sumber pendapatan alternatif. Selain daripada faedah atau dividen yang diperoleh, masyarakat Orang Asli, juga digalakkan untuk bekerja sebagai buruh ladang dan pengurus operasi kilang dalam projek ini. Bagi menjayakan program ini, peruntukan sebanyak RM2,660,000 telah disediakan oleh JAKOA pada tahun 2008.

ii. Projek pembangunan kursus

Projek ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan masyarakat Orang Asli khususnya terhadap pertanian moden. Tindakan ini dapat memupuk minat mereka kepada sektor berasaskan pertanian seperti petani, nelayan dan penternak. Kegiatan



ekonomi ini juga adalah sektor yang berpotensi dalam menjaga pendapatan lumayan pada masa akan datang ekoran daripada bekalan hasil pertanian negara yang semakin berkurangan untuk dipasarkan. Oleh yang demikian, pihak JAKOA telah merangka kursus, ceramah, latihan amali yang berkesan kepada masyarakat Orang Asli agar mendedahkan mereka kepada kepentingan sektor ini selain memberikan tunjuk ajar kepada kaedah pertanian moden untuk pasaran komersial. Untuk itu, pihak JAKOA telah menyediakan peruntukan sebanyak RM9,000,000. Laporan JAKOA (2016) juga menyatakan sebanyak 100 bentuk kursus pengembangan pertanian telah dirancang bagi tempoh 2016 hingga 2020.

iii. Bimbingan usahawan

Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat Orang Asli dalam dunia perniagaan berbentuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan memberi sumber pekerjaan serta pendapatan alternatif kepada mereka. Untuk itu, program ini telah menyediakan peruntukan bantuan berbentuk peralatan, mesin dan kursus yang dilengkapi dengan latihan keusahawanan dalam mewujudkan usahawan Orang Asli yang berdaya tahan dan maju selaras dengan hasrat kerajaan melibatkan kaum Bumiputera dalam bidang IKS. Pada tahun 2008, peruntukan sebanyak RM380,000 telah disediakan untuk tujuan tersebut. Pelan strategik JAKOA (2016), telah melahirkan seramai 600 orang usahawan baru dalam kalangan masyarakat Orang Asli akan dikeluarkan sehingga tahun 2020.

iv. Pembangunan Tanah Fasa II Negeri

Projek ini adalah berteraskan kepada pembangunan tanah dalam sektor pertanian komersial. Projek ini melibatkan tanaman komersial kelapa sawit dan getah di kawasan-kawasan yang berpotensi seperti kawasan tanah terbiar, kawasan tanaman semula dan kawasan pembukaan tanah baru. Oleh yang demikian, FELCRA dan RISDA adalah badan yang bertanggungjawab dalam memastikan projek ini berjalan dengan lancar dengan kepakaran yang mereka miliki. Projek ini telah dilaksanakan di Johor, Perak dan Kelantan. Pihak JAKOA telah memperuntukkan sebanyak RM5,750,000. Selain itu, dalam laporan JAKOA (2016), pemberian input pertanian (baja dan racun), peralatan dan jentera pertanian, penternakan dan nelayan diberikan kepada 5000 orang masyarakat Orang Asli yang berminat antara tahun 2016 hingga 2020.

v. Pembinaan ruang niaga

Projek ini adalah satu projek bantuan pembangunan usahawan Orang Asli yang berminat untuk menjual hasil produk mereka secara kecil-kecilan. Dalam projek ini, kemudahan seperti ruang niaga dan bengkel kepada peniaga atau usahawan Orang Asli di lokasi-lokasi berpotensi disediakan. Jenis perniagaan yang digalakkan adalah dalam perniagaan runcit, perkhidmatan dan pembuatan. Projek pembinaan ruang niaga ini merangkumi kawasan di sekitar Selangor, Melaka, Kelantan dan Pahang dengan peruntukan sebanyak RM320,000.

vi. Pelancongan desa

Projek ini lebih kepada memperkenalkan destinasi percutian dan rekreasi di penempatan Orang Asli yang berpotensi dan mempunyai sumber alam semula jadi yang menjadi daya tarikan utama kepada pelancong yang menggemarinya. Selain sumber semula jadi di sekitar kawasan penempatan, persembahan kebudayaan dan penjualan hasil barangan kraf tangan dan hasil hutan adalah antara daya tarikan lain yang boleh dinikmati oleh pelancong. Oleh yang demikian, terdapat banyak faedah ekonomi dalam menambah pendapatan sampingan yang boleh diperoleh daripada aktiviti ini. Masyarakat Orang Asli dapat bekerja sebagai pemandu pelancong, menjual hasil produk hutan dan sebagainya. Sejumlah RM4 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Projek ini meliputi kawasan di Telok Tongkah di Selangor, Kampung Bukit Kepong di Negeri Sembilan dan Kampung Bakar Batu di Johor.

v. Koperasi Orang Asli

Program ini merupakan antara strategi yang dilancarkan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli menerusi ekonomi mampan dalam RMK-11. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pelaksanaan majlis dialog, kursus-kursus pengurusan yang berkaitan. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pemilikan aset koperasi Orang Asli melalui pinjaman atau bantuan geran di mana telah menyasarkan sebanyak 20 koperasi yang mempunyai nilai aset dan perolehan RM 1 juta bagi tempoh 2016 hingga 2020.

c. Program pembangunan sosial

Program pembangunan sosial (PPS) ini diwujudkan untuk meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat Orang Asli terutama yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan kawasan pedalaman. Projek PPS yang dilaksanakan ini merangkumi komponen pembangunan seperti:

- i. Bantuan Pendidikan
- ii. Perumahan Rakyat Termiskin
- iii. Infrastruktur dan Ameniti Sosial
- iv. Pembangunan Minda
- v. Pembangunan Keluarga
- vi. Kemudahan Kesihatan

Melalui projek yang dilaksanakan ini, JAKOA telah berusaha dalam menyediakan sesuatu perubahan hidup yang boleh diterima oleh masyarakat Orang Asli agar pembangunan fizikal dan mental yang seimbang dapat dicapai secara berterusan. Bagi melaksanakan projek ini, sejumlah RM158.3 juta telah diluluskan.

a. Kemiskinan dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli

Kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih berlaku sehingga ke hari ini. Selain daripada aspek kemiskinan, mereka juga tidak lepas daripada tahap kualiti hidup yang rendah di mana mereka masih mengamalkan cara hidup lama tinggalkan nenek moyang dahulu (Noor Zamani Md. Noor, 1999; Ramle Abdullah, 2014). Matlamat pembasmian kemiskinan dilihat bukan sahaja memberi fokus terhadap masyarakat Orang Asli, bahkan telah dilakukan secara holistik dan sistematik sejak penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah diperkenalkan pada awal tahun 1970an. Ekoran daripada itu, pihak kerajaan ini terus komited dalam membasmi kemiskinan dan menangani masalah

ketidakseimbangan sosioekonomi yang berlaku di dalam negara secara keseluruhannya. Pada tahun 2012, pihak kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM90 juta untuk menyediakan dan menaiktaraf kemudahan asas luar bandar termasuk memperluas projek bekalan air terawat serta program meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Selain itu, untuk memastikan keselamatan masyarakat Orang Asli di kawasan Sungai Ruil, Cameron Highland yang ditimpa tanah runtuh, pihak kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM20 juta bagi pemindahan penduduk ke kawasan yang lebih selamat dan penempatan baru (Norlida Hanim Mohd Salleh et al., 2012). Selain itu, pihak kerajaan juga telah mengenal pasti terdapat tompokan kecil kemiskinan yang berlaku di kawasan-kawasan pedalaman kepulauan Borneo dan Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, penekanan terhadap usaha-usaha pembasmian kemiskinan termasuk dalam kalangan minoriti Bumiputera Sabah dan Sarawak, kawasan setingan, kawasan peladangan, kawasan pekebun kecil dan seterusnya penempatan masyarakat Orang Asli akan terus dipertingkatkan di bawah perlaksanaan dasar dan program yang telah dirancang rapi.

b. Penjagaan kesihatan dan perubatan

Aspek kesihatan juga tidak dipandang enteng oleh pihak kerajaan dalam membangunkan aspek sosial masyarakat Orang Asli khususnya. Selain daripada perkhidmatan klinik bergerak dan klinik desa, pihak kerajaan telah memberikan perkhidmatan doktor udara (*flying doctor*) telah dijalankan oleh Bahagian Kesihatan dan Perubatan JAKOA dengan menggunakan khidmat helikopter swasta yang disewa khas untuk tujuan tersebut. Perkhidmatan ini dilakukan sebanyak dua hingga empat kali dalam tempoh sebulan terutama di kawasan-kawasan pedalaman Orang Asli seperti di Daerah Gua Musang, Kelantan dan

kawasan lain yang memerlukan. Pihak JAKOA telah membina 11 buah pusat transit kesihatan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam RMK-8, pihak JAKOA telah membina sebuah pusat transit kesihatan Orang Asli yang terbesar iaitu Hospital JAKOA, Gombak yang mula beroperasi pada tahun 2004 yang menelan belanja sebanyak RM2.7 juta (JAKOA, 2011).

c. Pendidikan masyarakat Orang Asli

Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara. Menurut Hasan Mat Nor (1998) dan Norizan Mt Akhir et al. (2013), keutuhan sesebuah negara adalah bergantung kepada sistem pendidikan yang baik dan masyarakat berpendidikan. Malaysia turut menitikberatkan sistem pendidikan agar modal insan yang dikeluarkan mampu bersaing di peringkat global (Ishak Sin & Nor Asikin Salleh, 2003). Tambahan pula, dengan desakan pembangunan dan teknologi yang memberi impak besar terhadap sistem pendidikan negara (Siti Aminah Mohd Sam & Seow, 2013). Menurut laporan UNESCO (2015), sistem pendidikan perlu bersifat terbuka dalam memberi ruang dan peluang kepada masyarakat terutama golongan kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan lebih baik di peringkat rendah.

Pembangunan sistem pendidikan Malaysia dilaksanakan secara menyeluruh dan sama rata bagi semua golongan termasuk masyarakat Orang Asli. Malaysia telah berusaha meningkatkan tahap pencapaian pendidikan masyarakat Orang Asli sejak zaman penjajah lagi. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah bekerjasama membendung masalah keciciran pendidikan masyarakat minoriti (Wan Afizi Wan Hanafi et al., 2014).

Orang Asli lazimnya dikenali sebagai satu kelompok masyarakat yang tertinggal jauh daripada arus pemodenan semasa terutama daripada aspek pendidikan kerana lebih berlatarbelakangkan kehidupan primitif dan kepercayaan nenek moyang. Menurut Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razaq Ahmad (2009), masyarakat Orang Asli hidup dalam kelompok terasing dan kurang mendapat perkhidmatan yang sempurna terutama pendidikan dan kesihatan. Menurut KKLW (2007), masyarakat Orang Asli adalah golongan minoriti yang ketinggalan dalam arus pemodenan dan pendidikan negara. Bagi Meiji (2008), masyarakat Orang Asli tidak pernah menerima sebarang pendidikan formal sebelum tertubuhnya JAKOA terutama bagi yang tinggal di pedalaman.

Faktor kedudukan geografi menjadi penghalang utama dalam mendapatkan pendidikan formal dan mempengaruhi minda golongan tua untuk tidak menghantar anak-anak ke sekolah (Abdul Razak Ahmad et al., 2009). Namun begitu, usaha transformasi dilihat berhasil apabila berlaku peningkatan jumlah pelajar Orang Asli berdaftar bagi tahun 2005 hingga 2010 (Jadual 1.3). Selain itu, seramai 880 orang pelajar Orang Asli dari tahun 1971 hingga tahun 2010 telah berjaya melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi dalam pelbagai bidang pengajian (Laporan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015, 2011).

Jadual 1.3: Perangkaan pelajar Orang Asli bagi tahun 2005-2010

<b>Tahun</b>	<b>Sekolah Rendah</b>	<b>Sekolah Menengah</b>	<b>Jumlah</b>
2005	26,240	8,488	34,728
2006	26,911	8,774	35,685
2007	26,791	9,600	36,391
2008	27,176	9,738	36,914
2009	26,990	10,725	37,715
2010	27,585	11,314	38,899

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

#### 1.4 Masyarakat Orang Asli di Terengganu

Masyarakat Orang Asli di Terengganu sering kali tidak mendapat perhatian masyarakat luar kerana kelompok masyarakat ini adalah yang paling kecil iaitu hanya menyumbang 0.5% sahaja daripada jumlah keseluruhan penduduk Orang Asli di Malaysia (JAKOA, 2013). Terdapat tiga buah kampung penempatan semula masyarakat Orang Asli di Terengganu iaitu di Kampung Sungai Pergam di Daerah Kemaman, Kampung Sungai Berua di Daerah Hulu Terengganu dan Kampung Sungai Sayap di Daerah Besut yang majoritinya terdiri daripada suku kaum Semaq Beri (Senoi) dan Bateq (Negrito).

Perkampungan ini juga diklasifikasikan sebagai kawasan pinggir bandar. Terdapat seramai 893 orang penduduk Orang Asli di ketiga-tiga buah kampung di mana jumlah paling ramai adalah di Kampung Sungai Pergam, Kemaman iaitu seramai 495 orang yang majoriti adalah daripada suku kaum Semaq Beri, diikuti dengan Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu iaitu seramai 366 orang yang majoriti daripada suku kaum Semaq Beri dan seterusnya Kampung Sungai Sayap, Besut iaitu seramai 32 orang yang majoritinya daripada suku kaum Bateq JAKOA (2010) (Jadual 1.4).

Jadual 1.4: Taburan masyarakat Orang Asli di Terengganu

Daerah	Kampung	Kawasan	Jumlah Penduduk		Jumlah Penduduk	Suku Kaum
			KIR	AIR		
Besut	Kg.Sg. Sayap	Pinggir	8	24	32	Bateq
Hulu Terengganu	Kg.Sg.Berua	Pinggir	60	306	366	Semaq Beri
Kemaman	Kg. Sg. Pergam	Pinggir	114	381	495	Semaq Beri
<b>Jumlah</b>			182	711	893	

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2010)



Pada awalnya, tidak ada penempatan khusus bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Mereka masih mengamalkan corak kehidupan primitif tinggalan nenek moyang. Mereka tinggal di dalam hutan dan hidup secara *semi-nomadic* di sekitar negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Sebelum merdeka lagi, pihak kerajaan telah berusaha untuk menjaga kebajikan kaum Orang Asli ini. Masyarakat minoriti ini merupakan sasaran terbaik bagi pihak komunis untuk mendapatkan bahan bekalan makanan, ubatan dan maklumat semasa dari luar ketika itu. Tindakan ini adalah berikutan dengan lokasi perkampungan yang dibina di dalam hutan yang juga menjadi tempat persembunyian tentera komunis. Oleh itu, pihak kerajaan telah berusaha memindahkan masyarakat Orang Asli ini ke sebuah penempatan semula yang lebih baik daripada aspek kemudahan asas dan infrastruktur di samping dikawal rapi oleh pihak tentera bagi mengelak daripada gangguan dan ancaman komunis.

Pasca kemerdekaan, memperlihatkan pihak kerajaan persekutuan turut berusaha keras dalam membangunkan masyarakat Orang Asli dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan agar jurang perbezaan antara kaum dapat dikurangkan dari semasa ke semasa, selaras dengan perancangan 20 tahun DEB yang diperkenalkan pada tahun 1971 oleh Tunku Abdul Razak yang merupakan perdana menteri Malaysia ketika itu. Ekoran daripada itu, pembangunan masyarakat Orang Asli tidak pernah diabaikan oleh pihak kerajaan. Antara pembangunan yang diberikan seperti penempatan semula masyarakat Orang Asli di tempat-tempat yang lebih baik yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan prasarana yang diperlukan. Di Terengganu, penempatan masyarakat Orang Asli paling awal adalah Kampung Sungai Pergam, Kemaman yang dibina pada tahun 1961 dan diikuti dengan Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu sekitar tahun 1977.

## 1.5 Kemiskinan Masyarakat Orang Asli

Masyarakat Orang Asli sering kali dikaitkan dengan kemiskinan kerana mempunyai pendapatan di bawah paras kemiskinan (Jadual 1.5). Selain itu, kualiti hidup yang rendah merupakan satu anggapan umum dan masih berlaku sehingga kini dalam kalangan masyarakat Orang Asli (Noor Zamani Md. Noor, 1999). Dalam laporan JAKOA (2011), masyarakat Orang Asli di Malaysia masih mengalami kekurangan dalam aspek kemudahan asas misalnya, 37.0% daripada perkampungan Orang Asli masih belum menerima bekalan elektrik pada tahun 2005 dan jumlah ini meningkat kepada 38.3% pada tahun 2008 dan berkurangan kepada 23.9% pada tahun 2010. Dalam aspek bekalan air bersih/ terawat (paip) pula, sebanyak 29.0% perkampungan masih belum menerimanya pada tahun 2005 dan jumlah tersebut berkurangan kepada 23.6% pada tahun 2008 dan meningkat kepada 32.6% pada tahun 2010. Selain itu, bagi aspek akses jalan perhubungan (berturap) pula, sebanyak 27.0% perkampungan Orang Asli masih belum memilikinya pada tahun 2005 dan berkurangan kepada 14.7% pada tahun 2008 dan pada tahun 2010. Berdasarkan bukti empirikal tersebut, jelas menunjukkan kualiti dan taraf hidup masyarakat Orang Asli di Malaysia masih lagi rendah.

Jadual 1.5: Bilangan kes kemiskinan Orang Asli mengikut negeri

Negeri	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Johor	398	524	992
Kelantan	205	1,265	1,470
Melaka	52	41	93
N. Sembilan	350	226	576
Pahang	1,675	4,254	5,929
Perak	1,704	2,231	3,935
Selangor	547	420	967
Terengganu	8	41	49
<b>Malaysia</b>	<b>4,942</b>	<b>9,003</b>	<b>13,945</b>

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2010)

Kemiskinan ini adalah disebabkan oleh kebergantungan sepenuhnya terhadap sumber ekonomi tradisional (Jadual 1.6). Kebergantungan ini mendorong mereka untuk lebih selesa tinggal di kawasan pinggir bandar dan kawasan pedalaman yang hampir dengan sumber semula jadi yang diperlukan. Menurut laporan JAKOA (2016), sebanyak 63.2% masyarakat Orang Asli mendiami pinggir bandar manakala, 36.1% tinggal di kawasan pedalaman. Hanya 0.7% sahaja masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan bandar. Namun begitu, kedudukan yang jauh di kawasan pedalaman menyukarkan sumber bantuan kerajaan untuk sampai. Perkara tersebut menjadikan kehidupan mereka dibelenggu kedaifan dari pelbagai aspek termasuk pendidikan, kesihatan dan seterusnya membawa kepada taraf hidup yang begitu rendah. Oleh itu, struktur sosioekonomi ini telah menghalang peningkatan kualiti hidup mereka. Menurut Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah (2007), kebergantungan sumber ekonomi tradisional dari hutan seperti gaharu, rotan, candan dan haiwan liar menyebabkan masyarakat Orang Asli berada dalam kemiskinan. Tradisi dan amalan budaya yang diturunkan daripada nenek moyang menjadi penghalang utama untuk mereka menerima arus pembangunan secara terbuka. Tambahan pula, masyarakat Orang Asli ini sering kali ditindas oleh orang tengah yang membeli hasil kegiatan ekonomi mereka dengan harga yang murah (Zahid Emby et al., 1996; Ronzi Mohd Yusoff et al., 2019).

Jadual 1.6: Kategori sumber hutan diambil Orang Asli

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Makanan / Pendapatan</b>
1.	Karbohidrat	Pelbagai jenis ubi liar (10 Jenis)
2.	Sayuran	Paku-pakis dan umbut (5 Jenis)
3.	Protien	Haiwan liar dan ikan (Kecuali beracun)
4.	Buah-Buahan	Semua jenis buah-buahan kecuali beracun
5.	Pendapatan	Sumber hutan yang mempunyai nilai pasaran seperti rotan, gaharu, candan, haiwan buruan dan ikan.

Sumber: Abdullah (2014)

Namun, keadaan kemiskinan masyarakat Orang Asli di Malaysia semakin bertambah baik (Jadual 1.7). Penerimaan pelan tindakan dan rancangan kerajaan dalam membangunkan masyarakat Orang Asli telah membawa perubahan langsung terhadap cara hidup, budaya, sosioekonomi. Mereka lebih tertumpu dengan aktiviti ekonomi yang dalam sektor perniagaan, perkilangan, perkhidmatan dan perladangan.

Walau bagaimanapun, keadaan pola penempatan Orang Asli yang berselerak khususnya di kawasan pedalaman, menyukarkan pembangunan untuk sampai ke kawasan tersebut. Bermula dalam RMK-7, pihak kerajaan menerusi JAKOA telah merancang dan melaksanakan perancangan pembangunan tanah secara berkelompok melalui Program Penempatan Tersusun dan Program Pembangunan Ekonomi melalui Projek Pembangunan Ladang. Dalam projek ini, pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli untuk hidup lebih selesa. Dengan penyediaan kemudahan seperti rumah, bekalan elektrik, air bersih, jalan raya di samping pembukaan ladang-ladang berhampiran untuk kegiatan ekonomi mampu untuk mengubah taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli ke arah yang lebih baik.

Jadual 1.7: Kemiskinan masyarakat Orang Asli

Tahun	Jumlah KIR	Kemiskinan				Terkeluar Miskin			
		Miskin %	Miskin KIR	Miskin Tegar %	Miskin Tegar KIR	Jumlah %	Jumlah KIR		
2000	25,337	39.80	10,085	43.60	11,046	83.40	21,131	16.60	4,206
2001	26,198	39.80	10,428	41.03	10,749	80.83	21,177	19.17	5,021
2002	28,476	41.20	11,732	37.88	10,788	79.08	22,520	20.92	5,946
2003	29,873	41.63	12,435	35.26	10,532	76.88	22,967	23.12	6,906
2007	27,841	18.00	5,011	32.00	8,909	50.00	13,920	50.00	13,921
2008	27,841	17.75	4,942	32.34	9,004	50.09	13,946	49.91	13,895
2009	27,841	33.53	9,335	15.47	4,307	49.00	13,642	51.00	14,199
2010	36,658	11.19	4,102	19.97	7,321	31.16	11,423	68.84	25,235

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2010)

## 1.6 Kemiskinan Multidimensi

Sekian lama, kemiskinan didefinisikan sebagai kekurangan material terutama dalam aspek pendapatan. Walau bagaimanapun, kemiskinan tidak lagi didefinisikan sebegitu, bahkan ia mempunyai skop lebih luas dan multidimensi (Narayanan & Patel, 2000; Laderchi, 2000; Misturelli & Hefferman, 2010). Kemiskinan tidak boleh dijelaskan hanya melalui sumber material sahaja, tetapi perlu juga bergantung kepada bagaimana ia dilihat, dinilai dan diukur. Selain itu, definisi kemiskinan juga bergantung kepada kaedah pengukuran kemiskinan yang digunakan (Mohamed Saladin Abdul Rasool et al., 2011).

Kemiskinan secara material diukur menggunakan indikator pendapatan sahaja. Namun, pada masa kini pendapatan hanya sebahagian daripada indikator pengukuran kemiskinan iaitu sebagai pelengkap dalam pengukuran kemiskinan multidimensi. Laporan Bank Dunia mendefinisikan kemiskinan tegar adalah individu yang memperolehi pendapatan di bawah USD 1.90 sehari. Walau bagaimanapun, kadar ini adalah tidak relevan kepada negara maju di mana Bank Dunia menganggarkan 10.7% populasi dunia atau 760 juta orang menghadapi kemiskinan tegar. Oleh itu, pengklasifikasian yang lebih tepat digunakan dengan membahagikan negara-negara di dunia kepada berpendapatan rendah (USD 1.90/ hari), berpendapatan sederhana rendah (USD 3.20/ hari), berpendapatan sederhana tinggi (USD5.50/ hari) dan berpendapatan tinggi (21.70/ hari) (Weller, 2017).

Pendekatan yang tepat adalah penting dalam mengukur tahap kemiskinan sesebuah masyarakat dan membolehkan penyelidik untuk mencadangkannya kepada penggubal polisi dalam menangani isu kemiskinan yang berlaku. Setiap definisi yang dikemukakan akan menjelaskan konsep, indikator, tahap kemiskinan yang berbeza (Benner, 2001; Idris, 2015). Menurut Laderchi et al. (2003), pemilihan indikator kekurangan berbeza adalah penting dalam mengukur tahap kemiskinan yang berlainan. Oleh itu, definisi berbeza dapat menentukan dimensi kemiskinan yang berlainan

seterusnya dapat mengenal pasti isi rumah dalam kelompok miskin. Dalam kajian kemiskinan di Peru dan India oleh Lederchi (2003), beliau mendapati penggunaan pengukuran kemiskinan yang berlainan dapat mengenal pasti perbezaan kemiskinan dihadapi individu dan isi rumah.

Kemiskinan multidimensi adalah kaedah alternatif dalam mengukur kemiskinan selain menggunakan aspek pendapatan atau satu dimensi (unidimensi) sahaja sebagai indikator utama. Ia lebih cenderung untuk mengenal pasti 'siapa miskin' dalam kalangan masyarakat miskin (Alkire & Foster, 2011). Alkire dan Foster (2009), berpandangan pendekatan unidimensi dalam mengukur tahap kemiskinan adalah tidak tepat. Penggunaan indikator pendapatan dalam mengukur kemiskinan hanya mengukur tahap kemiskinan di peringkat isi rumah sahaja dan tidak memberi maklumat berkaitan sumber agihan antara isi rumah tersebut.

Alkire dan Foster (2009), telah menggunakan pendekatan indeks kemiskinan multidimensi (IKM) yang dicadangkan oleh mereka pada tahun 2007 bagi mengukur tahap kemiskinan dan mengenal pasti isi rumah miskin. Mereka turut berpendapat masyarakat miskin merupakan kelompok komuniti yang sangat memerlukan perhatian dan bantuan. Oleh itu, pengukuran tahap kemiskinan perlu tepat dalam memberi gambaran sebenar kemiskinan. Perkara dibentangkan dalam laporan Pembangunan Manusia (LPM) pada tahun 1997 dan Deklarasi Milenium pada tahun 2000. Pada tahun 2010, pengukuran kemiskinan multidimensi telah digunakan bagi mengukur kemiskinan di peringkat global di bawah *United Nations Development Programme* (UNDP) dengan kerjasama Indeks Kemiskinan Manusia Oxford (IKMO) dan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) (Jadual 1.8).

Jadual 1.8: Pembolehubah pengukuran indeks kemiskinan multidimensi

Indeks	Dimensi	Indikator
Indeks Pembangunan Manusia (HDI)	Kesihatan	Jangka hayat selepas kelahiran (Minimum 20 tahun & maksimum 83.4 tahun).
	Pendidikan	Purata tahun persekolah untuk dewasa adalah 25 tahun. Jangkaan tahun persekolahan bagi kanak-kanak adalah pada umur persekolahan hingga 18 tahun.
	Taraf Hidup	GNI perkapita (Pendapatan minimum \$100 dan maksimum \$107,721).
Indeks Kemiskinan Manusia (HPI-Negara Maju)	Kesihatan	Kadar kematian (jangkaan tidak mencapai umur 60 tahun).
	Pendidikan	Peratusan orang dewasa yang buta huruf.
	Taraf Hidup	Peratusan populasi yang mendapat pendapatan kurang daripada garis kemiskinan (50% pendapatan boleh guna).
UNDP-IKM (Negara Membangun)	Pengecualian Sosial	Tidak mendapat pekerjaan dalam tempoh yang lama (12 bulan dan lebih).
	Kesihatan	Kadar Kematian (Terdapat kematian bayi dalam keluarga). Nutrisi (Terdapat isi rumah mengalami malnutrisi). Pendaftaran kanak-kanak umur persekolah yang tidak ke sekolah).
	Taraf Hidup	Jenis dapur : Najis, kayu dan arang. Sanitasi: Besaliran buruk. Air: Tiada akses atau 30 minit berjalan kaki mendapatkan sumber air bersih. Elektrik: Tiada bekalan elektrik. Lantai: Tanah, pasir, najis. Aset: Tiada radio, televisyen, telefon, motosikal, basikal, peti sejuk, kereta & lori.
IKM-Eropah	Asas	Tidak memperolehi makanan, pakaian dan aktiviti sosial seperti bercuti, makanan beserta daging dan sayur, pemanas rumah dan kasut.
	Penggunaan Kesihatan	Tidak mempunyai komputer, kereta dan akses internet. Akses status kesihatan sendiri, dihalang melakukan aktiviti dan menghadapi penyakit kronik.
	Kejiranan	Pembuangan sampah, kerosakan harta awam, pencemaran.
	Persekitaran	Jenayah/ keganasan/ vandalisme/ pencemaran bunyi.
	Kemiskinan Pendapatan	Kemiskinan relatif (Pendapatan yang kurang daripada 60% daripada median pendapatan boleh guna).

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

Menurut Alkire dan Foster (2011), pengukuran multidimensi yang diperkenalkan meliputi dimensi kemiskinan seperti pendidikan, kesihatan dan taraf hidup (Jadual 1.9). Garis pemisah digunakan dalam menentukan kemiskinan seseorang individu itu dalam suatu dimensi manakala pemberat digunakan bagi menunjukkan kepentingan relatif bagi setiap kekurangan dalam dimensi yang berbeza. Seterusnya, garis pemisah kemiskinan digunakan dalam menentukan siapa yang mempunyai kekurangan yang paling banyak untuk diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi.

Dimensi dan indikator pengukuran kemiskinan multidimensi adalah berbeza mengikut negara. Namun, bagi UNDP pengukuran standard adalah melalui tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup yang dipecahkan lagi kepada indikator-indikator pengukuran yang lebih kecil.

Jadual 1.9: Dimensi dan indikator pengukuran IKM bagi standard global

	<b>Dimensi</b>	<b>Indikator</b>
Kemiskinan Multidimensi	Kesihatan	1. Nutrisi
		2. Kadar Kematian
	Pendidikan	3. Tahap Persekolahan
		4. Pendaftaran Pelajar
	Taraf Hidup	5. Jenis Dapur
		6. Jenis Tandas
		7. Bekalan Air Bersih
		8. Bekalan Elektrik
		9. Jenis Lantai
		10. Aset

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

Bagi Santos dan Ura (2008), dalam kajian IKM di Bhutan menggunakan lima dimensi pengukuran iaitu pendapatan, pendidikan, jumlah bilik tidur, bekalan elektrik dan bekalan air. Bagi kawasan luar bandar pula, mereka menambah dua lagi dimensi pengukuran baru iaitu akses jalan raya dan pemilikan tanah. Bagi Alkire dan Foster (2009), di India terdapat sepuluh dimensi pengukuran kemiskinan di sana iaitu tanah, perumahan, sekuriti makanan, sanitasi, aset, pendidikan, buruh, pekerjaan, status anak dan pinjaman. Dalam kajian ini, dimensi sanitasi, tanah dan pinjaman mempunyai dimensi kemiskinan paling ketara. Bagi Asselin dan Anh (2010), di Vietnam terdapat empat dimensi IKM yang digunakan seperti pengangguran, kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Sehingga kini, lebih 100 buah negara di dunia dalam mengukur tahap kemiskinan di negara mereka menggunakan pendekatan multidimensi ini (Jadual 1.10).



Jadual 1.10: Negara yang menggunakan pendekatan IKM

Wilayah	Bilangan Negara	Negara
Wilayah Arab	20	Algeria, Bahrain, Djibouti, Mesir, Iraq, Jordan, Kuwait, Lebanon, Libya, Morocco, Palestine, Oman, Qatar, Arab Saudi, Somalia, Sudan, Syria, Tunisia, Emirates, Yaman.
Asia Barat dan Asia Pasifik	24	Kemboja, China, Fiji, Indonesia, Kiribati, Korea, Laos, Malaysia, Pulau Marshall, Micronesia, Mongolia, Myanmar, Nauru, Mongolia, Palau, Papua New Guinea, Filipina, Samoa, Pulau Solomon, Thailand, Timor-Leste, Tonga, Tuvalu, Vanuatu, Viet Nam.
Eropah dan Asia Tengah	17	Albania, Armenia, Azerbaijan, Belarus, Bosnia Herzegovina, Georgia, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Moldova, Montenegro, Serbia, Tajikistan, Yugoslavia, Turkey, Turkmenistan, Ukraine, Uzbekistan.
Latin Amerika dan Caribbean	33	Antigua Barbuda, Argentina, Bahamas, Barbados, Belize, Bolivia, Brazil, Chile, Colombia, Costa Rica, Cuba, Dominika, Republik Dominika, Ecuador, El Salvador, Grenada, Guatemala, Guyana, Haiti, Honduras, Jamaica, Mexico, Nicaragua, Panama, Paraguay, Peru, Saint Kitts dan Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent dan the Grenadines, Suriname, Trinidad Tobago, Uruguay, Venezuela.
Asia Barat	9	Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, India, Iran, Maldives, Nepal, Pakistan, Sri Lanka.
Sub-Sahara Afrika	46	Angola, Benin, Botswana, Burkina Faso, Burundi, Cabo Verde, Cameroon, Afrika, Chad, Comoros, Congo, Republik Demokratik Congo, Côte d'Ivoire, Equatorial Guinea, Eritrea, Ethiopia, Gabon, Gambia, Ghana, Guinea, Guinea-Bissau, Kenya, Lesotho, Liberia, Madagascar, Malawi, Mali, Mauritania, Mauritius, Mozambique, Namibia, Niger, Nigeria, Rwanda, Sao Tomé Príncipe, Senegal, Seychelles, Sierra Leone, Afrika Selatan, Sudan Selatan, Swaziland, Tanzania, Togo, Uganda, Zambia, Zimbabwe.

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

## 1.7 Permasalahan Kajian

Masyarakat Orang Asli merupakan golongan masyarakat pinggir bandar yang ketinggalan dalam arus pembangunan semasa. Masyarakat ini diletakkan di bawah kelompok golongan miskin tegar kerana ketidakupayaan untuk memperolehi pendapatan harian yang sepatutnya bagi menyara kehidupan mereka. Namun begitu, definisi kemiskinan yang sebenar tidak hanya melibatkan faktor pendapatan sahaja di mana kemiskinan multidimensi perlu dititikberatkan.

Terdapat faktor-faktor lain yang perlu diambil kira dalam menentukan kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli seperti aspek pendidikan. Status pendidikan masyarakat Orang Asli adalah pada tahap yang membimbangkan. Hal ini kerana, tahap

pendidikan mereka yang rendah ini adalah antara penyumbang terbesar kepada kemerosotan kadar pendidikan di peringkat nasional. Antara faktor yang mendorong keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh kadar buta huruf yang tinggi, peningkatan kadar berhenti sekolah dan ketidakhadiran ke sekolah serta peranan ibu bapa yang tidak begitu mengambil berat tentang hal persekolahan anak-anak. Selain itu, faktor persekitaran seperti keadaan rumah yang tidak kondusif, kelengkapan persekolahan yang tidak mencukupi dan akses kepada pendidikan adalah antara punca lain tahap pendidikan masyarakat Orang Asli yang rendah.

Faktor kesihatan juga turut memainkan peranan penting dalam mengukur tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli. Kedudukan perkampungan masyarakat Orang Asli yang berselerak dan kedudukan geografi di kawasan pedalaman menyukarkan akses bantuan kesihatan dan klinik untuk sampai kepada mereka. Kesukaran untuk memperolehi akses ini membuatkan mereka lebih cenderung untuk menggunakan kaedah perubatan alternatif tinggalan nenek moyang. Ekoran daripada itu, tahap kesihatan mereka menurun kesan daripada pelbagai jenis penyakit yang dialami dan sistem imunisasi yang tidak kuat seperti malaria, taun, denggi dan kusta. Elemen kesihatan juga merangkumi indikator makanan dan nutrisi yang diambil oleh masyarakat Orang Asli. Jenis makanan tidak sihat, kurang berzat dan penyediaan makanan yang tidak bersih turut menyumbang kepada kemerosotan sistem imunisasi, kecerdasan dan kecergasan masyarakat Orang Asli terutamanya golongan kanak-kanak.

Masyarakat Orang Asli juga kebiasaannya mempunyai bilangan isi rumah yang ramai. Hal ini kerana, sebilangan besar daripada masyarakat Orang Asli berkahwin pada usia yang muda. Ekoran itu, kadar fertiliti adalah tinggi dan kebarangkalian untuk mendapatkan zuriat lebih ramai adalah besar. Jumlah isi rumah yang ramai ini menjadi antara punca masalah kemiskinan kerana memerlukan pembiayaan yang banyak. Dengan keadaan rumah kediaman yang tidak begitu baik lebih menyukarkan kehidupan mereka.

Menurut Ramle Abdullah (2014) dan JAKOA (2011), pada kebiasaannya masyarakat Orang Asli akan membina rumah daripada sumber semula jadi seperti kayu, buluh, rotan dan daun-daun hutan yang bersesuaian. Rumah kediaman ini dibina tanpa bilik tidur dan tiada tandas di dalam rumah. Rumah-rumah kediaman ini juga dibina tanpa mempunyai sistem sanitasi yang baik bagi menyalurkan sisa kumbahan dari rumah ke tempat yang sesuai. Sisa kumbahan yang dibuang sekitar rumah mengundang masalah pencemaran bau dan keadaan tidak sihat untuk kehidupan mereka. Hal ini bertambah buruk apabila kebanyakan rumah yang dibina adalah berdekatan antara satu sama lain.

Masyarakat Orang Asli juga menggunakan sumber air sungai dan tasik sebagai punca bekalan air untuk kegunaan harian dan tidak memiliki peralatan lebih moden untuk memudahkan kerja harian mereka seperti ketuhar gelombang, pengisar makanan, mesin basuh pakaian, radio, televisyen dan sebagainya. Peralatan-peralatan ini merupakan indikator yang digunakan oleh UNDP dalam matlamat pembangunan milenium (MPM) dalam menentukan tahap kemiskinan di peringkat global. Tambahan pula, ketiadaan sumber kuasa elektrik yang mencukupi membataskan penggunaan kebanyakan peralatan tersebut. Keadaan geografi dan kedudukan penempatan memainkan peranan penting dalam menentukan akses mereka terhadap sumber bekalan elektrik sepanjang hari. Bagi kawasan pedalaman, inisiatif yang boleh diambil adalah dengan menggunakan mesin penjana elektrik dan tenaga solar. Pada kebiasaannya, masyarakat Orang Asli hanya menggunakan arang dan kayu sebagai sumber bahan bakar untuk memasak makanan. Masyarakat Orang Asli sering kali disisihkan daripada arus perdana kerana kelainan tatacara hidup dan amalkan yang diguna pakai dalam aspek ekonomi, sosial mahupun budaya berbanding dengan masyarakat luar. Kelainan ini menampakkan kekurangan yang dimiliki dan seterusnya telah meletakkan mereka pada status sosial yang rendah berbanding masyarakat lain.

Masyarakat Orang Asli mengutip hasil hutan seperti madu lebah, rotan, herba dan sebagainya untuk dijual kepada peraih selain membuat anyaman rotan dan buluh serta barangan cenderahati berasaskan sumber semula jadi. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengetahui situasi sebenar tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu dengan menggunakan pendekatan kemiskinan multidimensi. Dalam pengukuran ini, kemiskinan Orang Asli tidak hanya dilihat daripada aspek pendapatan sahaja bahkan, turut dilihat daripada dimensi-dimensi lain seperti pendidikan, kesihatan dan taraf hidup.

### **1.8 Persoalan Kajian**

Masyarakat Orang Asli sering kali dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan. Namun, pengukuran tahap kemiskinan yang digunakan telah menimbulkan satu persoalan yang serius iaitu sejauh mana kaedah pengukuran kemiskinan yang telah dilakukan sekarang, dapat mengukur kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli secara menyeluruh. Sedangkan, pengukuran kemiskinan PGK hanya mengambil kira faktor pendapatan sahaja. Oleh itu, kajian serta perbincangan yang lebih terperinci harus dijalankan bagi mengupas isu tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli yang turut mengambil kira dimensi-dimensi kesejahteraan hidup yang lain.

Secara umumnya, kajian ini ingin mengetahui sejauh manakah pengukuran kemiskinan multidimensi dapat mengukur tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu? Secara khususnya, persoalan yang ingin dikaji adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu?
- ii. Apakah dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi yang menyumbang kepada kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu?
- iii. Apakah indeks kemiskinan menggunakan IKM bagi perkampungan masyarakat Orang Asli di Terengganu?

## **1.9 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian adalah untuk menentukan tahap kemiskinan sebenar dengan mengaplikasikan IKM dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Objektif spesifik kajian adalah untuk:

- i. Untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK bagi masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu.
- ii. Untuk mengenal pasti dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi yang menyebabkan kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu.
- iii. Untuk menentukan indeks kemiskinan menggunakan IKM bagi perkampungan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu.

## **1.10 Kepentingan Kajian**

Sejak kebelakangan ini, minat terhadap penyelidikan berkaitan masyarakat Orang Asli menunjukkan perkembangan memberangsangkan dengan terhasilnya banyak laporan yang dapat membantu dalam menangani pelbagai isu berkaitan komuniti tersebut. Jika pada peringkat awal, kajian terhadap masyarakat Orang Asli lebih mendapat perhatian para pendukung sosiologi dan antropologi (Mustaffa Omar, 2008; Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007; Amran Kasimin, 1995; Itam Wali Nawan, 1993; Ramle Abdullah, 2014; Juli Edo, 2012), kini penyelidik daripada bidang lain termasuk aliran pembangunan (Noraini Ali, 1999; Sunaidin San Ka Chang, 1997) turut sama dalam meneroka bidang ini. Memandangkan sehingga laporan ini dibuat masih tiada penyelidikan khusus mengenai kemiskinan pelbagai dimensi terhadap Orang Asli. Oleh itu, penyelidikan ini boleh dianggap sebagai perintis bagi merealisasikan komitmen kerajaan terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar khususnya

masyarakat Orang Asli. Justeru, kajian ini diyakini dapat melengkapkan jurang dalam penyelidikan kajian berkaitan Orang Asli di Malaysia.

Pengukuran kemiskinan melalui pendekatan multidimensi dapat dijadikan panduan dalam membantu pihak terlibat dalam perancangan dan pembangunan Orang Asli. IKM yang diperoleh dapat mengetahui tahap kemiskinan sebenar dalam kelompok masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Aspek manfaat polisi merujuk kepada harapan penyelidik agar hasil kajian ini akan dapat disarankan kepada pihak-pihak pengurusan yang berkenaan agar perubahan dan pemantapan polisi dalam melaksanakan pembangunan masyarakat Orang Asli dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Kajian ini dapat digunakan oleh pihak pengurusan dan badan berwajib sebagai rujukan bagi meningkatkan keberkesanan program pembangunan sosioekonomi dan budaya masyarakat Orang Asli. Oleh itu, masalah yang sama tidak akan berulang lagi pada masa akan datang dan kekurangan dalam dimensi kemiskinan dapat diatasi.

### **1.11 Skop Kajian**

Kajian ini melibatkan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Terdapat tiga buah kampung baru yang dibina khas oleh pihak kerajaan negeri iaitu Kampung Sungai Sayap, Besut, Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu dan Kampung Sungai Pergam, Kemaman. Menurut JAKOA (2010), terdapat 893 orang masyarakat Orang Asli mendiami di ketiga-tiga kampung tersebut. Bagi mengenal pasti tahap kemiskinan dan indikator kekurangan yang dialami dengan lebih tepat, analisis IKM dilakukan. Kaedah pengukuran kemiskinan ini telah digunakan oleh UNDP dalam mengukur kemiskinan di peringkat global. Pengukuran kemiskinan multidimensi kajian ini melibatkan empat dimensi utama iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dengan 17 indikator yang lain.

## 1.12 Struktur Laporan Tesis

Secara keseluruhannya, tesis ini mengandungi enam bab utama. Struktur laporan tesis ini adalah seperti berikut:

### Bab 1: Pendahuluan

Bab ini memberi penekanan tentang latar belakang kajian khususnya dalam aspek kehidupan, kemiskinan dan pembangunan masyarakat Orang Asli di Malaysia terutamanya di negeri Terengganu. Selain itu juga, bab ini turut menyentuh beberapa komponen lain kajian seperti permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan struktur laporan tesis.

### Bab 2: Kajian Literatur, **Konseptual Dan Kerangka Teoretikal**

Bab ini memberi fokus terhadap kajian literatur berkaitan dengan konsep dan teori kemiskinan dan pembangunan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Selain itu, bab ini turut memberi tumpuan terhadap konsep kemiskinan multidimensi yang telah diguna pakai oleh negara luar sebagai pengukuran kemiskinan. Selain itu juga, bab ini turut mengupas aplikasi kemiskinan multidimensi di Malaysia dan kerangka teoretikal kajian.

### Bab 3: Metodologi Kajian

Bab ini memberi tumpuan terhadap kaedah pengumpulan data, kerangka konseptual kajian, sampel kajian dan instrumen kajian dalam proses memperoleh data. Selain itu, bab ini juga menerangkan kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

#### Bab 4: Analisis Sosioekonomi

Bab ini merupakan hasil kajian yang diperoleh dalam menggambarkan profil dan demografi serta status sosioekonomi responden kajian. Selain itu, bab ini juga turut memberi fokus terhadap hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK bagi memberi gambaran yang jelas tentang tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

#### Bab 5: Pengukuran Kemiskinan Multidimensi

Bab ini memberi tumpuan terhadap hasil kajian berdasarkan pengukuran kemiskinan multidimensi. Hasil kajian ini mampu memberi gambaran yang jelas tentang tahap kemiskinan sebenar masyarakat Orang Asli di Terengganu di mana tidak hanya mengambil kira pengukuran kemiskinan berdasarkan PGK sahaja. Selain itu, bab ini turut memuatkan hasil kajian berdasarkan analisis kualitatif (hasil temu bual) bagi menyokong hasil kajian kuantitatif yang dilaksanakan.

#### Bab 6: Perbincangan

Bab ini mengetengahkan pencapaian objektif-objektif kajian dan implikasi teori dalam membantu menambahbaikkan polisi sedia ada bagi meningkatkan status masyarakat Orang Asli seiring dengan arus perdana.

#### Bab 7: Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini merumuskan keseluruhan kajian ini secara ringkas agar ia mudah difahami. Selain itu, bab ini turut memuatkan cadangan yang sesuai diaplikasikan dalam membantu pembangunan masyarakat Orang Asli di Malaysia berdasarkan hasil kajian. Selain itu juga, bab ini memberikan beberapa limitasi yang dihadapi oleh penyelidik semasa kajian ini dilaksanakan.



### 1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, penyelidik telah memberi penerangan berkaitan latar belakang masyarakat Orang Asli di Malaysia khususnya masyarakat Orang Asli di Terengganu yang menjadi kajian kes penyelidikan ini. Masyarakat Orang Asli di Malaysia sering kali diklasifikasikan sebagai kaum minoriti terpinggir, miskin, menolak pembangunan dan ketinggalan dalam pelbagai aspek arus perdana. Namun, sejauh manakah kebenaran pemikiran skeptikal ini terhadap masyarakat Orang Asli di Terengganu dengan mengaplikasikan pendekatan kemiskinan multidimensi. Walaupun Masyarakat Orang Asli di Terengganu telah menerima pelbagai kemudahan dan bantuan daripada pihak kerajaan seperti pemindahan dari dalam hutan ke rancangan penempatan semula (RPS) dengan pelbagai kemudahan dan infrastruktur disediakan seperti rumah batu, elektrik, air paip, sekolah, klinik dan sebagainya namun, mereka masih lagi mengamalkan kegiatan sosioekonomi sara diri daripada hasil hutan seperti kayu gaharu, candan, rotan, herba dan haiwan liar.

Selain itu, dalam bab ini turut menyatakan dengan jelas tiga persoalan kajian di mana secara umumnya sejauh manakah pengukuran kemiskinan multidimensi dapat mengukur tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu? Oleh itu, terdapat tiga objektif kajian yang ditetapkan dengan objektif utama kajian adalah untuk menentukan tahap kemiskinan sebenar dengan mengaplikasikan IKM dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Bab ini juga menyatakan kepentingan kajian ini dalam bidang sosiologi, ilmiah, penambahbaikan polisi.

## **BAB 2: KAJIAN LITERATUR, KONSEPTUAL DAN KERANGKA TEORETIKAL**

### **2.0 Pengenalan**

Bab ini meneliti kajian literatur dan meneroka konsep-konsep yang berkaitan, kajian-kajian terdahulu dan kajian-kajian lain yang berkaitan dengan pendekatan pembangunan, kemiskinan dan pengaplikasian pengukuran kemiskinan multidimensi. Antara konsep-konsep yang diketengahkan dalam bab ini adalah seperti konsep kemiskinan, pendekatan pengukuran kemiskinan, Indeks Kualiti Hidup Malaysia, konsep kemiskinan di Malaysia, konsep matlamat pembangunan milenium, konsep pembangunan lestari dan konsep kemiskinan multidimensi. Selain itu, bab ini juga mengupas kajian literatur berkaitan indikator-indikator kemiskinan multidimensi yang dikaji agar dapat memahami dengan lebih terperinci mengenai permasalahan ukuran kemiskinan berdasarkan kajian-kajian terdahulu dan kaitannya dengan kekurangan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan kajian literatur diperoleh, kajian ini juga dapat mengisi jurang kajian yang diperlukan dalam melengkapkan kajian berkaitan kemiskinan. Selain itu, bab ini turut meneliti kerangka teoretikal yang digunakan sebagai asas dalam kajian ini.

### **2.1 Konsep Kemiskinan**

Konsep kemiskinan kini telah merangkumi pelbagai aspek. Para penyelidik ekonomi berpendapat konsep kemiskinan itu sendiri sebenarnya tidak mempunyai definisi yang khusus dan merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan hidup masyarakat (Narayanan & Patel, 2000; Laderchi, 2000; Misturelli & Hefferman, 2010; Ravallion, 1998). Menurut Hagenars dan De Vos (1998), walaupun terdapat pelbagai definisi kemiskinan yang dikemukakan namun, kesemua definisi tersebut dapat dikategorikan

dalam tiga aspek kemiskinan berikut: (1) kemiskinan bererti mempunyai kurang daripada apa yang ditakrifkan secara objektif; (2) kemiskinan bererti mempunyai kekurangan daripada masyarakat lain; (3) kemiskinan bererti merasakan mempunyai kekurangan untuk meneruskan kehidupan.

Secara kasarnya, terdapat empat definisi kemiskinan dalam sistem ekonomi konvensional iaitu pendekatan monetari, pendekatan keupayaan, penyisihan sosial dan penilaian penyertaan kemiskinan (Laderchi et al., 2003; Siti Hadijah Che Mat & Mukaramah Harun, 2015). Pembangunan dalam pengukuran kemiskinan kini telah melalui tiga peringkat bermula dengan pendekatan kemiskinan tegar yang dicetuskan oleh Rowntree pada awal abad ke-29 hingga awal 1970an di England (Moisio, 2004). Selain itu, pengenalan kepada pengukuran kemiskinan secara relatif juga diperkenalkan oleh Townsend (1987). Kedua-dua pengukuran kemiskinan ini mempunyai persamaan iaitu mengukur kemiskinan masyarakat hanya berdasarkan kepada sumber material sahaja. Walau bagaimanapun, tahap kedua pembangunan pengukuran kemiskinan memperkenalkan pengukuran kemiskinan melalui keadaan kemiskinan kehidupan berdasarkan kekurangan yang dialami oleh masyarakat. Pembangunan pengukuran melalui keadaan kemiskinan dialami masyarakat ini telah dibangunkan oleh Ringen (1985); Bergman (2002); Alkire dan Foster (2007); Alkire dan Santos (2013) yang disokong oleh kajian teoretikal yang diperkenalkan oleh Sen (1987), melalui teori kekurangan dan keupayaan yang dapat mengukur kemiskinan dengan lebih berkesan menggunakan indeks kemiskinan. Seterusnya, pendekatan penyisihan sosial dibangunkan daripada pendekatan keupayaan. Oleh itu, konsep kemiskinan pada masa kini diterima sebagai suatu fenomena multidimensi yang menggunakan pelbagai dimensi (penilaian penyertaan kemiskinan) pengukuran bagi menjelaskan kemiskinan sesebuah masyarakat.

Kemiskinan di Malaysia secara konsep dan operasi hanya mengambil kira perspektif monetari sahaja. Ahli ekonomi telah menyangkal pengukuran kemiskinan

dengan hanya menggunakan pendekatan monetari tidak begitu mencerminkan kemiskinan sebenar iaitu secara unidimensi yang hanya dibangunkan berdasarkan proses pembangunan ekonomi berasaskan kepada perdagangan dan perniagaan global. Menurut Wagle (2005), pendekatan berasaskan monetari seperti pendapatan dan penggunaan adalah unidimensi dan ia tidak mampu untuk mengukur kemiskinan yang pelbagai. Wagle (2008), yang juga menggunakan kajian Sen (1987, 1992, 1999) dan Silver (1995) turut menegaskan pengukuran kemiskinan menggunakan pendekatan keupayaan dan penyisihan sosial adalah lebih tepat dalam mencapai kesejahteraan hidup.

Definisi kemiskinan adalah penting dalam menentukan kaedah pengukurannya. Oleh itu, adalah penting untuk mengetengahkan konsep pengukuran kemiskinan multidimensi di Malaysia berbanding hanya bersandarkan kepada pendekatan pendapatan (unidimensi) dalam penggubalan polisi dan membuat keputusan. Menurut Nolan dan Whelan (2009), integrasi pengukuran kemiskinan menggunakan pendekatan monetari dan bukan monetari adalah lebih baik dalam memahami dan menjelaskan konsep kemiskinan sebenar.

## **2.2 Pendekatan Pengukuran Kemiskinan**

Kemiskinan merupakan suatu situasi masyarakat yang mengalami kekurangan dalam sumber material. Sejak dahulu lagi, kemiskinan didefinisikan sebagai kekurangan dalam material terutama dalam aspek pendapatan. Walau bagaimanapun, kemiskinan tidak lagi didefinisikan sebegini, bahkan ia mempunyai skop yang lebih luas, multidimensi dan komprehensif (Narayanan & Patel, 2000; Franco & Saith, 2003; Laderchi, 2000). Menurut Harun et al. (2006), kemiskinan tidak boleh dijelaskan dengan hanya melalui sumber material sahaja, tetapi perlu juga bergantung kepada bagaimana ia dilihat, dinilai dan diukur oleh seseorang. Beliau juga menyatakan, definisi kemiskinan adalah bergantung kepada kaedah pengukuran kemiskinan yang digunakan. Penggunaan

pengukuran yang tepat adalah penting dalam mengukur tahap kemiskinan sesebuah masyarakat dan membolehkan penyelidik untuk mencadangkannya kepada penggubal polisi dalam menangani isu kemiskinan yang berlaku. Setiap definisi yang dikemukakan akan menjelaskan konsep, indikator, tahap kemiskinan yang berbeza (Benner, 2001). Pernyataan tersebut disokong oleh Laderchi et al. (2003), yang menegaskan pemilihan indikator kekurangan yang berbeza adalah penting dalam mengukur tahap kemiskinan yang berlainan. Oleh itu, definisi yang berbeza dapat menentukan dimensi kemiskinan yang berlainan seterusnya dapat mengenal pasti individu dan isi rumah dalam kelompok miskin. Dalam kajian kemiskinan di Peru dan India oleh Lederchi (2003), beliau mendapati penggunaan pengukuran kemiskinan yang berlainan dapat mengenal pasti perbezaan kemiskinan yang dihadapi oleh individu dan isi rumah.

a. Pendekatan monetari

Pendekatan monetari merupakan suatu kaedah pengukuran kemiskinan yang sering kali digunakan oleh kebanyakan negara di dunia (Laderchi, 2000; Asselin & Dauphin, 2001). Secara ringkasnya, kemiskinan bererti seseorang individu yang tidak mampu untuk menyediakan keperluan asas dengan pendapatan bulanan yang diperoleh dan memenuhi mencapai taraf hidup secara ekonomi atau secara puratanya kekurangan dalam memenuhi kebajikan ekonomi (Ravallion, 1998). Pada asasnya, pendekatan ini adalah berdasarkan teori utiliti yang menjelaskan seseorang individu perlu mencapai tahap kepuasan daripada penggunaan barangan dan perkhidmatan yang digunakan (Asselin & Dauphin, 2001). Secara individunya, konsep taraf hidup yang telah digunakan secara meluas menjelaskan tahap kepuasan. Manakala, dalam konteks agregat konsep kebajikan ekonomi yang digunakan menjelaskan taraf hidup sesebuah masyarakat.

Terdapat pelbagai jenis kemiskinan yang dikenal pasti dengan menggunakan pendekatan monetari ini seperti kemiskinan tegar, kemiskinan relatif, kadar kemiskinan dan jurang kemiskinan. Walau bagaimanapun, konsep kemiskinan tegar dan kemiskinan

relatif sering kali digunakan dalam mengukur kemiskinan masyarakat sesebuah negara. Kemiskinan tegar diukur dengan menggunakan garis kemiskinan yang telah ditetapkan bagi mengekalkan taraf hidup minimum masyarakat. Namun, kemiskinan relatif pula diukur dengan membandingkan pendapatan dua orang individu berbeza atau purata pendapatan di peringkat nasional.

Konsep kemiskinan tegar ini telah diperkenalkan oleh Charles Booth pada tahun 1887 dalam kajiannya di Timur London (Laderchi, 2000). Dengan menggunakan pendapatan keluarga menerusi lembaga lawatan sekolah, beliau telah mengkategorikan populasi kepada lapan kelas sosial berbeza. Keluarga yang memperoleh kurang 18 dolar seminggu dengan enam orang anak diklasifikasikan sebagai miskin dan dikecualikan daripada membayar yuran. Manakala, faktor lain seperti pendapatan, jenis pekerjaan dan keadaan kehidupan turut digunakan dalam mentafsir kemiskinan. Individu yang tidak bekerja dan mempunyai tabiat moral yang rendah seperti ketagihan alkohol, berjudi turut diklasifikasikan sebagai miskin.

Selain Booth, tokoh lain seperti Rowntree dalam kajiannya di York, London pada tahun 1889 turut mengupas kemiskinan dalam bentuk kekurangan pendapatan dalam mengekalkan kecekapan fizikal (Saunders, 2004). Rowntree telah membangunkan kajian Booth dengan meletakkan makanan, pakaian dan sewaan sebagai keperluan asas masyarakat dalam mengukur tahap kemiskinan mereka. Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh isi rumah perlu memenuhi keperluan asas yang turut dikenali sebagai PGK. Menurut beliau lagi, kemiskinan berlaku apabila pendapatan diperoleh berada di bawah PGK yang ditetapkan. Kemiskinan yang berdasarkan pengukuran PGK ini turut dikenali sebagai kemiskinan mutlak. Definisi kemiskinan Rowntree ini telah digunakan di seluruh negara di dunia (Laderchi, 2000).

Kedua-dua tokoh yang mendefinisikan kemiskinan ini telah menjadi asas kepada pengukuran dan anggaran kemiskinan berdasarkan pendapatan. Walau bagaimanapun,

ahli ekonomi berpendapat pengukuran kemiskinan hanya berdasarkan indikator pendapatan tidak menggambarkan aspek kemiskinan sebenar sesebuah masyarakat berdasarkan masalah dalam analisis, menentukan PGK yang sesuai dan penjelasan yang sesuai terhadap 'tahap yang mencukupi' untuk hidup. Selain kelemahan dalam menentukan PGK yang sesuai bagi keperluan individu berbeza, isi rumah yang merupakan unit analisis adalah tidak mencukupi untuk menjelaskan kesejahteraan hidup individu, terutama daripada aspek jantina dan kekurangan pendapatan dalam menentukan pendapatan sebenar individu atau isi rumah.

Kemiskinan relatif adalah berkaitan dengan isu ketidaksamarataan pendapatan dalam kalangan populasi. Kemiskinan jenis ini mengambil kira ketidakseimbangan pendapatan dalam kalangan pelbagai kumpulan masyarakat. Garis kemiskinan tertentu memisahkan setiap kumpulan pendapatan. Kumpulan berpendapatan tertentu adalah miskin apabila pendapatan yang diperoleh lebih rendah berbanding kumpulan yang lain walaupun jika ia lebih tinggi daripada PGK yang ditetapkan. Kemiskinan relatif juga telah digunakan secara meluas di seluruh negara terutama bagi negara maju yang kemiskinan mutlak bukan lagi isu utama untuk ditangani. Kemiskinan jenis ini diukur dengan menetapkan pendapatan yang memisahkan peratusan terendah 'p' dalam taburan pendapatan sesebuah negara (Anand, 1983). Bagi negara membangun, sejumlah 40% daripada kumpulan pendapatan ditentukan untuk mewakili peratusan 'p'. Selain itu, kaedah lain turut digunakan dalam menentukan kemiskinan relatif dengan menganggarkan pendapatan golongan miskin berdasarkan purata pendapatan negara. Contohnya, PGK untuk masyarakat miskin di Kesatuan Eropah adalah 60% daripada purata pendapatan negara (Laderchi et al., 2003). Kemiskinan akan sentiasa berlaku apabila diukur dengan menggunakan konsep kemiskinan relatif kerana ia ditentukan berdasarkan kepada ketidaksamarataan pendapatan yang diperoleh walaupun tiada isi rumah dengan pendapatan di bawah PGK.

b. Pendekatan keupayaan

Kemiskinan adalah penilaian kesejahteraan individu dan susunan sosial yang meletakkan fokus pendekatan keupayaan berbeza daripada kaedah konservatif dengan hanya mengambil kira aspek pendapatan sebagai asas pengukuran. Pendekatan keupayaan telah diperkenalkan oleh Sen (1985), yang mengambil kira aspek bukan pendapatan seperti jangka hayat, pendidikan dan kadar kematian kanak-kanak dalam mengira kemiskinan. Dengan menolak pendekatan kesejahteraan dan teori utilitarian, Sen memberi fokus terhadap kualiti hidup dan menghapuskan halangan bagi membolehkan masyarakat menikmati kebebasan melakukan aktiviti asas bagi mengelak kemiskinan. Sen (1997), menjelaskan fungsi aktiviti dan tindakan individu yang perlu mengambil kira aspek pekerjaan, istirahat, kesihatan, pendidikan dan dihormati. Bagi Alkire (2002), turut bersetuju dengan pendekatan keupayaan diperkenalkan ini dengan meletakkan kebebasan kepada fungsi kehidupan harian. Robeyns (2005) pula, memberi fokus terhadap pendekatan keupayaan tentang apa yang masyarakat mampu lakukan secara efektif.

Berbeza dengan indikator pengukuran Sen, Nassbaum telah membangunkan pendekatan keupayaan dengan memberi fokus terhadap skil individu dan ciri keperibadian (Nassbaum, 1992; Nassbaum, 2000). Secara khususnya, beliau telah mengetengahkan beberapa aspek dalam mengira kemiskinan seperti kehidupan, kesihatan tubuh badan, integriti tubuh badan, emosi dan sebagainya. Dalam kajian Ayala et al. (2009), terhadap hubungan antara kemiskinan pendapatan dengan kekurangan multidimensi di Sepanyol mendapati penentuan terhadap kedua-dua fenomena tersebut sangat bergantung kepada kawasan yang diukur dan kedua-duanya mempunyai kelemahan dalam hubungan statistik. Begitu juga Notten (2009), dalam kajian berkaitan persekitaran fizikal terhadap kanak-kanak di Republik Congo. Kemiskinan di republik itu memperlihatkan pendekatan monetari dan kekurangan yang dialami tidak mempunyai hubungan kuat walaupun kedua-duanya mempunyai hubungan positif.



c. Pendekatan penyisihan sosial

Penyisihan sosial adalah suatu proses apabila seseorang individu atau sekumpulan individu disisihkan sepenuhnya atau sebahagian daripada menyertai masyarakat sekeliling mereka. Konsep ini telah dibangunkan oleh negara-negara industri untuk menjelaskan fenomena kekurangan dan marginalisasi. Konsep ini juga merupakan yang pertama dibangunkan oleh Townsend (1987), dalam usaha untuk menjelaskan kekurangan bagi individu yang disisihkan dalam kehidupan harian mereka, budaya dan aktiviti. Bagi Burchardt et al. (1999), dalam kajian di England, mereka menyatakan masyarakat yang mengalami penyisihan sosial adalah mereka yang tidak memperoleh kehidupan normal dari aspek penggunaan, simpanan, pengeluaran, politik dan aktiviti sosial. Perkara ini disokong oleh penyelidik lain seperti Strobel (1996), Evans (1998) dan Taylor (1999), yang menegaskan pendekatan penyisihan sosial perlu digunakan dalam menjelaskan konsep kemiskinan sebenar masyarakat dengan menggunakan pelbagai dimensi pengukuran seperti ekonomi, politik dan budaya.

Bagi Atkinson (2000), terdapat tiga elemen yang dikaitkan dengan penyisihan sosial iaitu relativiti, agensi dan dinamik. Relativiti adalah merujuk kepada penyisihan yang berkaitan dengan aspek tertentu sosial. Manakala, elemen agensi adalah merujuk kepada agen penyisihan dan aspek dinamik pula mencakupi tahap relevan untuk masa hadapan dan prospek semasa. Poggi (2007), telah mendefinisikan penyisihan sosial sebagai suatu proses penyisihan individu dan kumpulan masyarakat daripada aspek sosial, ekonomi dan rangkaian budaya.

d. Pendekatan penyertaan kemiskinan

Kaedah-kaedah sebelum ini menjelaskan kemiskinan daripada perspektif pihak yang terlibat dalam membuat polisi atau penyelidikan. Namun, pendekatan penyertaan kemiskinan mengambil kira pandangan masyarakat miskin secara langsung. Selain melihat kemiskinan dari luar yang tidak begitu komprehensif, Chambers (1997) yang merupakan pelopor pendekatan ini menjelaskan penyertaan masyarakat miskin dalam membuat keputusan dan polisi adalah penting dalam memahami definisi sebenar kemiskinan. Kaedah ini telah diguna pakai oleh Bank Dunia dalam mengukur kemiskinan di 23 buah negara. Namun, kaedah ini turut mendapat kritikan atas kekurangannya dalam menghapuskan kemiskinan menerusi polisi dan program yang menggunakannya seperti kaedah-kaedah yang lain sebelum ini (Narayanan & Patel, 2000). Dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai untuk masyarakat setempat, kaedah pengukuran ini telah mengenal pasti lima aspek kesejahteraan hidup iaitu material, fizikal, keselamatan, sosial, kebebasan memilih dan kesejahteraan sosial. Satu kajian bertajuk '*Voice of the Poor*' telah mendedahkan kemiskinan masyarakat adalah lebih tertumpu kepada beberapa aspek seperti fizikal, manusia, isu sosial dan persekitaran berbanding aspek pendapatan (Narayan & Patel, 2000).

Pendekatan ini mempunyai kelebihan tersendiri iaitu melibatkan penjelasan dan pemahaman terhadap kemiskinan daripada pelbagai dimensi berdasarkan subjek kajian. Selain itu, kajian ini juga mempunyai kelemahannya tersendiri di mana ia memerlukan masa yang lebih panjang untuk mengumpul data yang diperlukan. Kekangan yang dihadapi ini membuatkan saiz sampel yang diperolehi adalah kecil dan membuatkan analisis data statistik lebih sukar (Laderchi et al., 2003). Oleh itu, pembuat polisi sering kali tidak mengambil hasil kajian yang menggunakan kaedah ini sebagai asas pembentukan polisi.

### 2.3 Konsep Kemiskinan di Malaysia

Pelbagai kajian kemiskinan telah dilakukan di Malaysia yang menggunakan pendekatan monetari. Antara kajian awal telah dilakukan oleh Ungku Aziz (1965) yang telah memperkenalkan tiga kaedah pengukuran sosioekonomi dalam kajian kemiskinan dan pembangunan luar bandar seperti nutrisi, kadar kematian dan indeks sarong. Pertama, hubungan kemiskinan dengan tahap nutrisi yang rendah adalah berhubungan secara negatif dengan tahap protein haiwan. Manakala, pengambilan protein adalah berkadar langsung dengan pendapatan. Penyataan ini turut disokong oleh kajian Ravallion (1998), yang mendapati individu miskin adalah isi rumah yang tidak dapat memenuhi keperluan asas dengan pendapatan yang diperolehi. Oleh itu, peningkatan dalam kemiskinan akan mempengaruhi penurunan pengambilan protein dan sebaliknya. Kedua, menitikberatkan hubungan antara kemiskinan dan kadar kematian, Ungku Aziz mencadangkan penurunan kadar kemiskinan dapat ditunjukkan apabila berlaku peningkatan dalam jangka hayat dan penurunan dalam kadar kematian bayi. Ketiga, bilangan kain sarong yang dibahagikan kepada isi rumah turut dikenali sebagai indeks sarong digunakan dalam mencerminkan tahap kemiskinan yang dialami isi rumah.

Selain itu, Anand (1977) dan Shireen Mardziah Hashim (1998) turut membangunkan profil kemiskinan dalam kajian mereka. Mereka mendapati, terdapat peratusan taburan kemiskinan di dalam pemboleh ubah demografi yang dikaji. Masyarakat yang mempunyai insiden kemiskinan dalam pemboleh ubah demografi tersebut turut menyumbang kepada tahap kemiskinan yang tinggi. Bagi Anand (1983), dan Jamilah Ariffin (1997), mengguna pakai nisbah individu dan menjelaskan kemiskinan di Malaysia lebih tertumpu di kawasan luar bandar. Kajian mereka disokong oleh Dorward et al. (2004), yang menjelaskan kemiskinan merupakan suatu fenomena besar yang sering berlaku di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar. Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Nair dan Sagar (2015), menegaskan insiden kemiskinan

di kawasan bandar adalah berbeza dari luar bandar. Kemiskinan bandar lebih tertumpu kepada kemiskinan kos sara hidup. Bagi Ragayah Mat Zin (2002), menjelaskan kes kemiskinan isi rumah di bandar lebih terdedah kepada kejutan ekonomi berbanding kemiskinan isi rumah luar bandar.

Menurut Zaheruddin Othman dan Yusuf Pon (2005), konsep kemiskinan di Malaysia dijelaskan melalui aspek pendapatan, kewangan atau perbelanjaan. Konsep kemiskinan ini dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kemiskinan tegar dan kemiskinan relatif. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (2015), kemiskinan tegar atau kemiskinan mutlak adalah suatu keadaan di mana isi rumah itu tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas bagi menikmati kesejahteraan hidup minimum. Pengukuran keperluan asas yang ditetapkan adalah seperti rumah kediaman, makanan, pakaian, pendidikan dan perubatan. Kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai golongan yang tidak dapat memenuhi keperluan asas kerana kesempitan hidup (KPWKM, 2015). Kemiskinan ini dapat diukur dengan menggunakan PGK yang ditetapkan pihak kerajaan (Jadual 2.0). Oleh itu, sesebuah isi rumah adalah miskin apabila pendapatan bulanan diperoleh berada di bawah PGK.

Kemiskinan relatif ditakrifkan sebagai keadaan hidup individu atau kelompok masyarakat yang diukur dengan membandingkan keadaan hidup yang dinikmati. Contohnya, taraf hidup golongan pertengahan dilihat lebih rendah berbanding golongan atasan (Zaheruddin Othman & Yusuf Pon, 2005). Konsep kemiskinan relatif juga dilihat melalui ketidakseimbangan wilayah dalam pembangunan ekonomi. Terdapat negeri kurang maju di Malaysia yang masih ketinggalan jauh dari pelbagai aspek termasuk infrastruktur dan perkhidmatan sosial walaupun terdapat kemajuan di negeri lain. Kemiskinan relatif tidak mungkin dapat dihapuskan selagi berlaku ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam sesebuah negara. Kemiskinan jenis ini akan tetap berlaku walaupun kemiskinan tegar telah dihapuskan sepenuhnya dalam sesebuah negara.

Jadual 2.0: Purata pendapatan garis kemiskinan Malaysia bagi tahun 2004 dan 2009

Wilayah	2004 (RM)		2009 (RM)		Kadar Miskin (%)		Miskin Tegar (%)	
	PGK Purata	PGK Per kapita	PGK Purata	PGK Per kapita	2004	2009	2004	2009
	Semenanjung	661	152	763	194	3.6	2.0	0.7
Sabah	888	173	1,048	225	23.0	19.0	6.5	4.7
Sarawak	765	167	912	208	7.5	5.3	1.1	1
<b>Malaysia</b>	691	155	800	198	5.7	3.8	1.2	0.7

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (UPE, 2010)

Di Malaysia, kadar kemiskinan ditunjukkan melalui peratusan bilangan isi rumah miskin daripada keseluruhan penduduk dengan menggunakan PGK. Ia juga akan berubah mengikut tahap pendapatan purata masyarakat dan tidak akan sama pada setiap tahun. Contohnya, PGK bagi tahun 2004 adalah berbeza dengan PGK pada tahun 2009. PGK pada tahun 2014 bagi Semenanjung Malaysia adalah RM930. Isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah daripada RM930 adalah miskin dan RM580 dikategorikan sebagai miskin tegar. Sebaliknya, mereka yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM930 diklasifikasikan sebagai tidak miskin (UPE, 2010) (Jadual 2.1).

Jadual 2.1: Purata pendapatan garis kemiskinan Malaysia bagi tahun 2014

Wilayah	Miskin (RM/ Bulanan)		Miskin Tegar (RM/ Bulanan)	
	Isi Rumah	Per kapita	Isi Rumah	Per kapita
<b>Semenanjung Malaysia</b>	930	230	580	140
Bandar	940	240	580	140
Luar Bandar	870	200	580	130
<b>Sabah</b>	1,170	250	710	150
Bandar	1,160	260	690	150
Luar Bandar	1,180	250	760	160
<b>Sarawak</b>	990	240	660	160
Bandar	1,040	250	700	160
Luar Bandar	920	240	610	150

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (UPE, 2014)

Walau bagaimanapun, dalam kajian Abdul Hakim Roslan (2004) yang menggunakan indeks kemiskinan pengedaran sensitif menyimpulkan semua bentuk pengukuran termasuk indeks jurang kemiskinan pendapatan, indeks Sen dan indeks *Foster Greer Thorbecke* (FGT) menunjukkan bukti pengurangan kadar kemiskinan selari dengan data yang dikeluarkan di peringkat nasional oleh pihak kerajaan. Dalam menjalankan *Emptying Malaysian Family Life Survey* (MFLS), Roslan turut menggunakan indikator pendapatan kewangan dan pendapatan bukan kewangan dalam menterjemahkan pendapatan yang diterima oleh isi rumah. Dengan hanya menggunakan satu pemboleh ubah sahaja bagi mengklasifikasikan kemiskinan adalah kurang tepat. Unidimensi tidak memberi gambaran sebenar tentang kemiskinan. Namun, pengukuran kemiskinan ini telah diguna pakai bagi menentukan kemiskinan masyarakat dalam sesebuah negara sejak 1977 lagi (UPE, 2016). Bagi Albert dan Collado (2004), ukuran PGK tidak menggambarkan ukuran sebenar jumlah penduduk miskin dan tidak dapat menunjukkan jurang kemiskinan antara golongan kaya dan miskin. Menurut Mohamed Saladin Abdul Rasool et al. (2011), definisi kemiskinan seperti ini adalah begitu sempit kerana hanya mengambil kira satu komponen kesejahteraan hidup dan membuang banyak faktor lain yang menyumbang ke arahnya. Bagi Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat (2018), konsep kemiskinan terdiri daripada skop yang luas dan melibatkan pelbagai dimensi serta tidak mempunyai tafsiran yang khusus. Konsep kemiskinan adalah bergantung kepada kesejahteraan setiap negara itu sendiri. Contohnya pengertian kemiskinan bagi negara maju adalah berbeza dengan pengertian kemiskinan bagi negara membangun di mana dimensi kemiskinan yang diukur adalah berbeza.

Bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan yang lebih berkesan, pengukuran kemiskinan multidimensi perlu diambil kira kerana ia menitikberatkan pelbagai aspek kehidupan sesebuah masyarakat. Kesejahteraan seseorang individu itu bukan sahaja bergantung kepada pendapatan, tetapi juga kepada beberapa dimensi lain

seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Perkara ini disokong oleh UPE (2015), menerusi laporan Malaysia *Achieving The Millennium Development Goals* (2015), menyatakan penggunaan IKM boleh dipisahkan mengikut jantina, lokasi dan menerusi dimensi dan dijangkakan boleh menjadi alat pengukuran serta panduan yang baik kepada penggubal dasar kemiskinan.

Selain itu, kajian-kajian terkini seperti yang dilakukan oleh Mohd Taib Dora (2000); Mohd Fauzi Mohd Harun dan Nor Aini Idris (2009), menggunakan pendekatan penyisihan sosial dalam mengkaji kepelbagaian bentuk dan tingkah laku masyarakat miskin. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Taib Dora adalah lebih tertumpu kepada kemiskinan bandar. Manakala, kajian Mohd Fauzi Mohd Harun dan Nor Aini Idris (2009), memberi fokus kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia. Beliau telah membangunkan indeks kemiskinan manusia bagi masyarakat Orang Asli untuk mengkaji kesan peminggiran atau penyisihan sosial terhadap kualiti hidup golongan minoriti itu di Perak. Beliau juga turut menyimpulkan terdapat hubungan positif antara kemiskinan dengan peminggiran. Lebih ramai masyarakat Orang Asli dipinggirkan, mereka akan menjadi lebih miskin. Kemiskinan telah diterjemahkan dalam bentuk multidimensi yang mengambil kira pelbagai dimensi dalam pengukurannya seperti pendidikan, kesihatan, kualiti hidup dan sebagainya. Secara khususnya, dimensi-dimensi yang menyumbang kepada insiden kemiskinan yang tinggi dalam kehidupan masyarakat Orang Asli akan diambil kira seperti fasiliti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Berdasarkan kajian-kajian ini, Mohd Fauzi Mohd Harun dan Nor Aini Idris (2009), menegaskan kemiskinan masyarakat Orang Asli perlu diukur dalam pelbagai aspek. Namun, kajian-kajian seumpama ini masih lagi kurang di Malaysia. Oleh itu, kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi amat diperlukan bagi memahami dengan lebih terperinci tahap kemiskinan di Malaysia khususnya.

## 2.4 Indeks Kualiti Hidup Malaysia

Secara asasnya, konsep kualiti hidup merupakan komponen pengukuran kesejahteraan hidup yang dapat ditentukan melalui psikologi (internal) yang dipengaruhi pelbagai dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan (Magrabi et al., 1991; Atchley, 2004; Billson, 2005; Costanza et al., 2007; Mc Lead, 2008; Brestones & Gonzales, 2011). Menurut Bubolz et al. (1980), kualiti hidup dapat dikaji melalui pelbagai disiplin seperti psikologi, perubatan, ekonomi, persekitaran dan sosiologi dalam memenuhi keperluan asas fizikal, ekonomi, sosial dan biologi. Berdasarkan laporan kualiti hidup Malaysia (1999), kualiti hidup merangkumi pelbagai aspek termasuk kemajuan diri, cara hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk mencapai pengetahuan, taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara.

Kualiti hidup merujuk kepada dua bentuk indikator iaitu secara objektif dan subjektif. Objektif pemilihan indikator adalah tertumpu kepada keadaan sekitar penempatan penduduk, berkaitan infrastruktur dan kemudahan asas dalam kehidupan harian sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, indikator objektif adalah berasaskan kepada data statistik yang terkumpul. Menurut Azahan Awang et al. (2008), indikator objektif dalam kualiti hidup adalah merujuk kepada data yang unggul, lebih mudah, ringkas dan sukar dinafikan. Manakala, indikator subjektif pula merujuk kepada pandangan dan penilaian individu terhadap kehidupan yang dilalui. Indikator subjektif merupakan sokongan kepada data-data objektif yang diperolehi. Menurut Norizan Abdul Ghani (2003), konsep kesejahteraan hidup adalah merujuk kepada kualiti hidup secara subjektif kerana kesejahteraan hidup adalah kemuncak kepada kepuasan yang dialami oleh individu. Oleh yang demikian, kualiti hidup sememangnya tidak boleh diukur hanya dengan menggunakan satu indikator sahaja. Menurut Costanza et al. (2007), kualiti hidup



adalah integrasi beberapa komponen kesejahteraan hidup seperti peluang, keperluan manusia dan kesejahteraan. Kualiti hidup juga memberi penekanan terhadap sejauh mana keperluan manusia dapat dipenuhi dan diukur secara objektif dan subjektif. Namun begitu, menurut Camfield dan Skevington (2008), pengukuran kualiti hidup secara subjektif lebih refleksi terhadap kesejahteraan hidup masyarakat kerana kaedah pengukuran ini lebih luas dan mengambil kira pendapat responden yang dikaji. Ia disokong oleh Bretones dan Gonzales (2011), yang menyatakan kualiti hidup masyarakat yang diukur secara subjektif lebih mempengaruhi kesejahteraan hidup berbanding pengukuran secara objektif.

Selain itu, menurut Herdenson (1996); Eckersley (1999) dan Blair (1998), pengukuran kualiti hidup masyarakat yang kebiasaannya hanya diukur dengan menggunakan indikator ekonomi sahaja adalah tidak tepat dan tidak mencukupi. Menurut mereka, kualiti hidup sesebuah masyarakat perlu mengambil kira pelbagai aspek lain seperti sosial, psikologi, budaya dan alam sekitar. Pernyataan ini telah disokong oleh Azahan Awang et al. (2006), yang menyatakan komponen kualiti hidup meliputi pelbagai indikator penting seperti makanan, keselamatan, perlindungan, kesihatan, pendidikan, kestabilan sosial, rekreasi dan persekitaran fizikal.

Pertumbuhan pencapaian ekonomi dan pembangunan sosioekonomi Malaysia yang memberangsangkan sejak selepas merdeka telah mendorong pihak kerajaan untuk membentuk satu indikator penting dalam menentukan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, pada tahun 1999, Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM), diwujudkan bagi membolehkan kemajuan negara diukur dengan jitu selain menggunakan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebagai asas pengukuran. Pada awalnya, IKHM merangkumi 10 komponen iaitu 1. Pendapatan dan pengagihan; 2. Persekitaran kerja; 3. Pengangkutan dan komunikasi; 4. Kesihatan; 5. Pendidikan; 6. Perumahan; 7. Alam sekitar; 8. Kehidupan keluarga; 9. Penyertaan sosial; dan 10. Keselamatan awam (UPE, 1999).

Selaras dengan hala tuju negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, IKHM diperkukuhkan lagi dengan merujuk kepada indikator antarabangsa yang disesuaikan dengan keadaan domestik semasa. Penyesuaian ini membolehkan IKHM membentuk sebuah model pengukuran yang lain iaitu Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) yang bersesuaian dengan status Malaysia sebagai negara membangun. Menurut UPE (2013), dalam laporan kesejahteraan rakyat Malaysia 2013, terdapat dua langkah utama yang diguna pakai dalam menentukan IKRM. Pertama adalah dengan melihat semula IKRM tahun sebelum yang merangkumi definisi kesejahteraan dan pemilihan komponen serta indikator. Menurut laporan IKRM lagi, kesejahteraan adalah merujuk kepada pelbagai manfaat yang diperoleh dan dinikmati secara langsung atau tidak langsung serta menyumbang kepada kepuasan individu, keluarga dan masyarakat. Manfaat ini mempunyai skop yang sangat luas iaitu daripada aspek ekonomi, sosial mahupun alam sekitar hasil daripada pelbagai dasar, strategi dan program pembangunan sosioekonomi. Komponen yang dipilih sebagai pengukuran IKRM adalah berdasarkan kepada amalan terbaik antarabangsa yang turut memuatkan isu dan cabaran semasa sebagai komponennya seperti kualiti pendidikan, infrastruktur, perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi, tahap kesihatan serta pemilikan rumah mampu milik.


Langkah kedua adalah menganalisis kesejahteraan iaitu dengan mengkaji hubungan antara pertumbuhan ekonomi KDNK dengan kesejahteraan yang diukur melalui IKRM. Menurut Stiglitz (2012), terdapat hubungan yang kuat antara pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat. Menurut laporan yang dikeluarkan Boston Consulting Group (2011), keupayaan sesebuah negara adalah berpandukan kepada kekayaan dimiliki untuk memperoleh kesejahteraan hidup optimum. Oleh itu, pihak kerajaan telah menyenaraikan sub-komposit yang menjadi penanda aras kesejahteraan hidup masyarakat iaitu melalui kesejahteraan ekonomi dan sosial untuk diuji menggunakan komponen-komponen dalam IKRM (Jadual 2.2).

Jadual 2.2: Komponen indeks kesejahteraan rakyat Malaysia

<b>Sub-Komposit</b>	<b>Komponen</b>
Kesejahteraan Ekonomi	Pengangkutan Komunikasi Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesaksamaan</li> <li>• Kualiti</li> </ul>
	Pendapatan & Pengagihan Persekitaran Kerja
Kesejahteraan Sosial	Perumahan
	Liburan
	Tadbir Urus
	Keselamatan Awam
	Penyertaan Sosial
	Kebudayaan
	Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahap Kesihatan</li> <li>• Perkhidmatan Penjagaan</li> </ul>
Alam Sekitar	
Keluarga <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi</li> <li>• Kedudukan Kewangan</li> </ul>	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (UPE, 2013)

Dalam laporan yang dikeluarkan oleh UPE (2013), menunjukkan berlaku peningkatan dalam prestasi keseluruhan IKRM dari tahun 2000 hingga tahun 2012. Peningkatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kesejahteraan masyarakat dengan pertumbuhan ekonomi negara melalui dasar dan strategi pembangunan yang telah dilaksanakan kerajaan. Dalam Rajah 2.0, IKRM meningkat sebanyak 1.9% setahun. Bagi indeks sub-komposit pula meningkat sebanyak 1.6% setahun dan peningkatan 2.4% setahun bagi kesejahteraan ekonomi. Peningkatan ini jelas menunjukkan indikator IKRM yang ditetapkan mampu untuk menjadi penunjuk aras kepada kesejahteraan masyarakat Malaysia.



Rajah 2.0: Kadar pertumbuhan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2000-2012

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (UPE, 2013)

Walaupun IKHM memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap kesejahteraan dan tahap kemajuan sesebuah negara melalui indikator-indikator yang hampir sama dengan pengukuran IKM namun, ia tidak menunjukkan tahap kemiskinan individu dalam kelompok masyarakat miskin. IKHM hanya tertumpu kepada hubungan pertumbuhan indikator ekonomi melalui KDNK dan indikator sosial melalui kadar pekerjaan, kemiskinan dan jenayah dengan kesejahteraan masyarakat secara terhad. Oleh itu, pengukuran kemiskinan berbentuk multidimensi secara terus dan komprehensif terhadap kelompok miskin diperlukan bagi mengenal pasti tahap kemiskinan sebenar individu, masyarakat dan kawasan yang didiami. Namun, ia memerlukan dimensi dan indikator pengukuran yang tepat dan sesuai.

## 2.5 Konsep Matlamat Pembangunan Milenium

Matlamat pembangunan milenium (MPM) atau *millennium development goals* (MDGs), merupakan lapan matlamat dengan 18 bentuk sasaran dan 48 indikator penting yang dipersetujui oleh 192 buah negara yang ahli PBB yang perlu dicapai menjelang tahun 2015. MPM merupakan kesinambungan daripada “Matlamat Pembangunan Antarabangsa” Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OKPE). MPM secara rasmi telah dilancarkan pada sidang Kemuncak Milenium pada September tahun 2000. Pada masa penubuhannya itu, sebanyak 189 buah negara telah menyatakan sokongan dan dikenali sebagai Perisytiharan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Di samping pertumbuhan ekonomi dunia yang pesat membangun, terdapat beberapa elemen lain yang masih menjadi kebimbangan sejagat seperti pembangunan, kesejahteraan dan kemiskinan. Oleh itu, MPM ditubuhkan bagi memperkukuhkan hubungan sejagat melalui keamanan, demokrasi, kepimpinan, kelestarian alam sekitar, mengurangkan kemiskinan, menegakkan hak asasi manusia dan kesamarataan masyarakat. Lapan matlamat MPM adalah seperti dalam Jadual 2.3:

Jadual 2.3: Matlamat pembangunan milenium

Matlamat Pembangunan Milenium	Matlamat / Sasaran
MPM 1 Membasmi kemiskinan tegar dan buluran.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengurangkan setengah daripada perkadaran bagi orang yang berpendapatan satu dolar A.S sehari.</li><li>• Mengurangkan setengah daripada perkadaran bagi orang menderita akibat kebuluran.</li></ul>
MPM 2 Mencapai pendidikan asas sejagat.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan semua kanak-kanak tamat persekolahan asas atau rendah.</li><li>• Peningkatan kemasukan hendaklah disertai dengan usaha untuk memastikan semua kanak-kanak berada di sekolah dan menerima pendidikan bermutu tinggi.</li></ul>
MPM 3 Meningkatkan persamaan jantina dan memberi kuasa kepada wanita. (Memperkasakan Wanita).	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyingkirkan ketaksamaan jantina dalam pendidikan rendah dan menengah menjelang tahun 2005 dan keseluruhan sektor menjelang tahun 2015.</li></ul>

Jadual 2.3: Matlamat pembangunan milenium

Matlamat Pembangunan Milenium		Matlamat/ Sasaran
MPM 4	Mengurangkan mortaliti kanak-kanak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan kadar kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun pada kadar dua per tiga populasi.</li> </ul>
MPM 5	Meningkatkan kesihatan ibu mengandung.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan tiga suku nisbah kematian ketika mengandung dan bersalin.</li> </ul>
MPM 6	Memerangi HIV / AIDS, Malaria dan penyakit lain.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membasmi atau mula mengurangkan kadar penyebaran wabak HIV/AIDS.</li> <li>• Membasmi dan mula mengurangkan kadar jangkitan malaria dan penyakit-penyakit kronik yang lain.</li> </ul>
MPM 7	Memastikan kelestarian alam sekitar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengintegrasikan prinsip pembangunan lestari dan pembangunan lestari dalam melaksanakan dan merancang polisi dan dasar yang digunakan dalam pembangunan negara.</li> <li>• Mengurangkan separuh daripada kadar manusia tanpa akses kepada air minum.</li> <li>• Mencapai jumlah penduduk yang optimum menjelang tahun 2020.</li> </ul>
MPM 8	Membangunkan kesepakatan/ kerjasama global dalam pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangunkan sistem perdagangan terbuka dan kewangan yang berasaskan peraturan, mudah diramal dan tiada diskriminasi. Perkara ini termasuklah mempunyai pemerintah yang baik, pembangunan dan pengurangan kadar kemiskinan.</li> <li>• Mengetahui keperluan negara yang paling kurang membangun. Ini termasuklah bebas daripada tarif dan bebas daripada kuota bagi eksport; meningkatkan perlepasan hutang bagi negara miskin dan kurang membangun yang mempunyai hutang yang banyak; membatalkan hutang rasmi dua pihak dan seterusnya bantuan pembangunan rasmi bagi negara yang komited dalam mengurangkan kadar kemiskinan.</li> <li>• Mengetahui keperluan negara yang tidak mempunyai pantai dan negara pulau.</li> <li>• Berurusan secara menyeluruh dengan masalah hutang negara membangun melalui ukuran negara dan antarabangsa untuk membuatkan hutang lebih lestari bagi jangka panjang.</li> <li>• Bekerjasama dengan negara membangun di mana cuba untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang sesuai dan produktif bagi golongan muda.</li> <li>• Bekerjasama dengan pihak perubatan untuk menyediakan kemudahan akses kepada ubatan yang diperlukan bagi sesebuah negara membangun.</li> <li>• Bekerjasama dengan sektor swasta dalam meningkatkan taraf teknologi maklumat dan komunikasi sesebuah negara.</li> </ul>

Sumber: Laporan MPM Malaysia (2010)

MPM juga boleh dikatakan satu kempen di peringkat global yang digunakan oleh sebahagian besar negara di dunia untuk mengenal pasti dan mengumpul data kemiskinan dunia. Data-data ini digunakan untuk memperbaiki kelemahan sistem pengukuran kemiskinan di dalam sesebuah negara bagi meningkatkan tahap pembangunan manusia. Pendekatan yang dilaksanakan dapat diterima oleh kebanyakan negara kerana ia meliputi kesemua aspek utama pembangunan manusia seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan makanan, nutrisi, jantina dan sebagainya. Walaupun konsep MPM dianggap sempurna dalam membentuk pembangunan manusia namun, ia masih tidak merangkumi pelbagai aspek kekurangan yang ada dalam sesebuah negara itu contohnya seperti keselamatan manusia dan hak asasi manusia. Perkara ini dibuktikan apabila beberapa indikator penting seperti perlindungan daripada keganasan masih dibincangkan dalam persidangan agung Matlamat Pembangunan Milenium Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2000.

## **2.6 Konsep Pembangunan Lestari**

Konsep pembangunan lestari merupakan satu ideologi yang dicetuskan oleh Brundtland pada tahun 1987 dalam persidangan dunia mengenai alam sekitar dan pembangunan. Konsep ini telah diguna pakai secara meluas oleh pelbagai pihak dalam merancang dan melaksanakan pelbagai dasar pembangunan di dalam sesebuah negara. Menurut Brundtland (1989), pembangunan lestari adalah suatu pembangunan yang mampu untuk memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa menolak keupayaan generasi akan datang dalam memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Blower (1992), menggunakan definisi ini dan membentuk tiga konsep lain yang lebih holistik iaitu konsep pembangunan, konsep keperluan dan konsep generasi akan datang.

Blower tidak mengaitkan elemen pembangunan dengan pertumbuhan meskipun kedua-dua konsep ini sering kali dinyatakan dalam memenuhi keperluan pembangunan. Konsep pertumbuhan secara ekonomi merujuk kepada material seperti pertumbuhan

KDNK, pendapatan per kapita dan sebagainya sebagai pengukuran hasil. Manakala, pembangunan lestari adalah merujuk kepada pencapaian keseimbangan antara ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar (Mohd Ekhwan Toriman et al., 2014).

Konsep keperluan pula adalah merujuk kepada asas keperluan setiap individu dalam menjamin kelangsungan hidup. Dalam konteks ini, sumber alam merupakan asas kepada kehidupan yang lebih baik dan perlu untuk diuruskan dengan sebaiknya bagi menjamin kelangsungan hidup masyarakat yang memerlukan. Konsep generasi akan datang adalah merujuk kepada pembangunan lestari yang baik mampu untuk memenuhi keperluan generasi akan datang. Oleh yang demikian, aspek pemeliharaan dan pemuliharaan adalah penting dalam memenuhi kehendak ini.

a. Indikator pembangunan lestari

Menurut Blower (1993), konsep pembangunan lestari dapat dibahagikan kepada tiga indikator yang saling berhubungan iaitu ekonomi, sosial dan fizikal atau ekologi.

i. Indikator ekonomi

Kelestarian dalam indikator ekonomi memerlukan sumber dan modal fizikal atau kewangan yang baik. Menurut Paehlke (1999), indikator ini bertujuan untuk mendapatkan keuntungan maksimum dengan mencapai taraf kehidupan yang lebih tinggi dengan menggunakan sumber dan modal fizikal secara optimum. Menurut Mbaiwa (2003), hasil yang diperoleh perlu diagihkan secara adil bagi membasmi kemiskinan dan merancang pertumbuhan ekonomi. Bagi Veron (2001), kesejahteraan sesebuah negara bergantung kepada pertumbuhan yang baik di samping agihan yang adil.

ii. Indikator sosial

Pembangunan sosial pada lazimnya adalah berkait rapat dengan usaha kerajaan dalam memberikan atau menyediakan keperluan asas yang baik terutama kepada golongan marginal. Keperluan asas daripada aspek kesihatan, pendidikan dan reformasi tanah amat




diperlukan dalam menjamin kesejahteraan hidup mereka. Selain itu, usaha secara kolektif daripada komuniti itu sendiri diperlukan dalam melaksana dan mengurus insentif yang diberikan. Oleh yang demikian, saling kebergantungan antara pihak kerajaan dan komuniti akan memberikan impak yang baik kepada kesejahteraan hidup masyarakat.

### iii. Indikator fizikal atau ekologi

Menurut Leman dan Cox (1991), menerusi Rajah 2.1 memberi gambaran mengenai perbezaan antara konsep pembangunan lestari dengan pembangunan tidak lestari. Pembangunan tidak lestari hanya akan merosakkan sumber alam terutama sumber tidak dapat diperbaharui, menggunakan dapat sumber diperbaharui pada tahap maksimum dan menghasilkan pencemaran. Pembangunan lestari merupakan proses pembangunan seimbang, tidak mencemarkan sistem ekologi dan menjaga sumber semula jadi. Dengan adanya mekanisme institusi lestari menjadi pemangkin kepada pembangunan tanpa mengabaikan keperluan ekosistem masyarakat dan alam semula jadi. Pengambilan sumber secara terancang akan dapat digantikan dengan sumber yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Pengambilan sumber yang sistematik ini akan melalui mekanisme pemprosesan dan rawatan sisa sebelum diagihkan kepada pengguna. Mekanisme institusi lestari juga akan memastikan rawatan sisa, kesaksamaan dan agihan sumber yang lebih baik diberikan kepada pengguna akhir. Tindakan ini akan dapat mengelakkan berlakunya pencemaran alam sekitar walaupun terdapat permintaan yang tinggi daripada pengguna ekoran daripada produk yang dapat dikitar semula.

Menurut Campbell (1996), pembangunan lestari adalah kemampuan jangka panjang suatu sistem semula jadi untuk menghasilkan semula sumber terbabit. Contohnya, bagi mengekalkan semula hutan yang ada, konsep tanam semula selepas aktiviti pembalakan adalah perlu bagi memastikan kemandirian spesies pokok tersebut dan untuk kegunaan pada masa akan datang. Menurut Neuman (1999) dan Kaiser et al.


(1995), alam sekitar, ekonomi dan nilai sosial perlu seimbang bagi mencapai pembangunan lestari. Bagi tujuan ini, proses rundingan dan permuafakatan adalah diperlukan dalam menjamin pembangunan yang stabil dan adil. Ketiga-tiga elemen tersebut adalah saling bergantung bagi pembangunan ekologi yang lebih baik. Pembangunan lestari juga memerlukan penilaian daripada komuniti terhadap suatu pelan pembangunan agar ia tidak tersasar daripada landasan pembangunan yang sepatutnya (Goodland, 1995). Pelan pembangunan yang dibuat harus memastikan fungsi komuniti itu dimasukkan secara langsung dalam aspek persekitaran, ekonomi dan sistem sosial. Oleh itu, komuniti yang berkepentingan perlu memainkan peranan dalam memastikan pembangunan lestari dapat dilaksanakan dengan baik.



Rajah 2.1: Indikator kelestarian ekologi  
 Sumber: Leman & Cox (1991)

b. Konsep komuniti lestari

Menurut Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah (2007), komuniti adalah sekumpulan orang yang tinggal dalam sesebuah kawasan yang mempunyai sifat, kecenderungan dan kepentingan yang sama. Menurut mereka lagi, pembangunan lestari adalah suatu pembangunan penambahbaikan terhadap kualiti hidup manusia dan pada masa yang sama memelihara kehidupan dan biodiversiti. Oleh itu, dapat disimpulkan komuniti lestari adalah sekumpulan manusia yang menambah baik dan membangunkan kualiti hidup dengan memelihara alam sekitar dan biodiversiti yang terdapat di sekeliling mereka. Bagi memastikan pembangunan lestari dilaksanakan dengan baik, komuniti perlu untuk mengambil kira kesinambungan hubungan antara beberapa faktor iaitu ekonomi, alam sekitar dan sosial (Rajah 2.2).



Rajah 2.2: Doktrin perancangan dan pembangunan sejagat

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDS, 1997)

## 2.7 Konsep Kemiskinan Multidimensi

Selain menjadi kaedah lazim yang digunakan dalam mengukur kemiskinan di Malaysia, terdapat kelemahan yang jelas dalam mengukur tahap kemiskinan masyarakat dengan hanya berdasarkan pendekatan pendapatan. Pertama, ia sukar untuk menentukan keperluan setiap individu kerana setiap mereka mempunyai keperluan yang berbeza. Kedua, keperluan bagi setiap jantina juga adalah berbeza dan perbezaan dalam kadar meta biologi di antara mereka juga sukar untuk ditentukan. Ketiga, indikator bukan kewangan yang mencerminkan kualiti hidup masyarakat tidak merangkumi saiz, jenis dan pemilikan rumah, tahap pendidikan dan sebagainya. Keempat, ia boleh disangkal iaitu bagaimana faktor ekonomi seperti inflasi dan perubahan harga diintegrasikan dalam menentukan keperluan isi rumah. Oleh itu, pembuat polisi dan penyelidik dalam negara maju telah memilih untuk menggunakan pendekatan lain seperti pendekatan keupayaan, pendekatan penyisihan sosial dan pendekatan penyertaan kemiskinan yang lebih bersifat multidimensi yang turut mengetengahkan indikator bukan monetari. Nolan dan Whelan (2009), percaya kombinasi indikator bukan monetari dan monetari atau kewangan mampu untuk menambahbaik pengukuran dan kefahaman terhadap konsep kemiskinan sebenar terutama bagi negara maju.

Menurut Siti Hadijah Che Mat et al. (2012), pengukuran kemiskinan berasaskan pendapatan sahaja adalah tidak tepat dan masih boleh diragui kejituannya kerana terdapat banyak faktor lain yang turut mempengaruhi kemiskinan. Pengukuran tahap kemiskinan begini sering kali dilakukan oleh negara-negara membangun. Kemiskinan mempunyai pelbagai dimensi yang perlu diukur untuk menentukan kesejahteraan hidup seseorang. Dalam laporan MPM Malaysia (2010), pengukuran kemiskinan bukan sahaja dikira melalui kekurangan dalam bentuk pendapatan tetapi juga diukur melalui tahap pendidikan, bekalan air, elektrik, kesihatan dan komunikasi. Menurut *United Nations* (2009), setiap isi rumah itu harus berpeluang untuk merasai kehidupan yang lebih baik

dan berkualiti. Perkara tersebut termasuklah kekurangan dalam pendapatan dan sumber-sumber yang produktif untuk memastikan kelangsungan hidup, kebuluran dan malnutrisi, penyakit, tahap pendidikan yang rendah, morbiditi dan mortaliti, tiada tempat tinggal, persekitaran yang tidak selamat dan diskriminasi sosial.

MPM di Malaysia telah mencapai sasarannya dalam mengurangkan kadar kemiskinan 15 tahun lebih awal daripada jangkaan (Mansuri & Rao, 2004). Sejak tahun 1990 lagi pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan isi rumah berpendapatan kurang daripada USD 1 iaitu 17% kepada 4% pada tahun 2009. Dalam polisi kerajaan menerusi pembentangan RMK-9 (2006-2010), pihak kerajaan telah meletakkan antara fokus utama matlamat kerajaan adalah untuk menghapuskan kemiskinan tegar di Malaysia menjelang tahun 2010. Seterusnya dalam RMK-10 (2011-2015), kerajaan berhasrat untuk memberi penekanan dalam aspek pembangunan sosioekonomi (Malaysia, 2010). Manakala, RMK-11 (2016-2020) lebih memberi fokus kepada pembangunan masyarakat Orang Asli secara komprehensif terutama dalam menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan taraf sosioekonomi seiring dengan masyarakat arus perdana.

Kesedaran terhadap kepentingan kemiskinan multidimensi ini, UNDP telah menerima pakai konsep kekurangan dan keupayaan yang dicetuskan oleh Sen (1977) dalam merancang Indeks Kemiskinan Manusia (IKM). Indeks kemiskinan manusia telah mengambil kira kemiskinan berdasarkan kepada tiga dimensi utama iaitu kadar kematian (umur pendek), pengetahuan dan keseluruhan taraf hidup (akses kepada sumber awam dan persendirian). Konsep kemiskinan yang dicetuskan oleh Sen ini telah dikembangkan oleh Alkire dan Foster (2007); Foster dan Santos (2013), dengan memperkenalkan IKM dengan menggunakan 10 indikator bersama tiga dimensi asas IKM. Dengan menggunakan gabungan kedua-dua pendekatan ini, lebih memudahkan pihak berkuasa untuk menentukan polisi berdasarkan keutamaan kemiskinan berasaskan kepada dimensi

dan indikator pengukuran yang dilakukan. Pembuat polisi dapat merangka polisi secara khusus dan tepat berdasarkan kekurangan indikator yang telah dikenal pasti di dalam masyarakat dikaji.

Sehubungan dengan itu, pada Julai 2010, Inisiatif Kemiskinan dan Pembangunan Manusia Oxford (IKPMO) telah memperkenalkan IKM yang merupakan kaedah pengganti kepada indeks kemiskinan manusia untuk melengkapkan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dan pengiraan pembangunan manusia dan kemiskinan. Pada dasarnya, IKM merupakan ringkasan daripada kajian perbandingan antarabangsa iaitu melibatkan 48 buah negara dalam kajian survei demografi dan kesihatan (SDK), 35 buah negara bagi survei indikator pelbagai kelompok (SIPK) dan survei kesihatan dunia (SKD). Tujuannya adalah bagi membantu pembuat dasar untuk mengenal pasti isi rumah dan kumpulan termiskin serta mengetahui kekurangan yang alami. Sebuah kajian yang dibuat oleh OPHI (2010), jelas menunjukkan IKM dapat mengenal pasti kekurangan yang dihadapi oleh isi rumah dalam 104 buah negara yang dikaji. Anand dan Sen (1997), menyatakan pendekatan pembangunan manusia telah lama dilakukan menggunakan instrumen pendapatan. Namun, ia perlu dilengkapi dengan lebih banyak elemen lain yang lebih sesuai dalam mengukur kemiskinan sesebuah masyarakat mahupun individu. IKM merupakan satu kaedah pengukuran antarabangsa terhadap kemiskinan sebenar yang diperkenalkan oleh UNDP. Langkah ini merupakan pendekatan unik yang mengambil kira tiga dimensi utama kemiskinan iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup.

Pengukuran ini dikukuhkan lagi dengan hasil kajian Alkire dan Santos (2010), di mana pendekatan yang dibuat dalam menentukan kadar kemiskinan dengan hanya menggunakan satu pemboleh ubah sahaja adalah tidak relevan dan terbatas. Data yang diperoleh adalah tidak menyeluruh kerana tidak mengambil kira sumber maklumat dalam agihan dan tahap kemiskinan isi rumah yang sebenar serta tidak meliputi pelbagai aspek taraf hidup. Alkire dan Foster (2007); Alkire dan Seth (2009), telah mengenal pasti

kelebihan yang ada dalam menentukan kemiskinan melalui pengiraan multidimensi kemiskinan. Oleh itu, Alkire dan Foster (2007), telah memperkenalkan satu pendekatan baru dalam mengukur tahap kemiskinan yang merangkumi pelbagai dimensi dan indikator taraf hidup. Kelebihan menggunakan pengukuran kemiskinan melalui kaedah multidimensi adalah:

- a. Ia melihat kepada konsep kemiskinan dan kekurangan di mana setiap dimensi adalah bebas dan saling tidak bergantung.
- b. Pendekatan ini bebas untuk menentukan sama ada memberi pemberat yang sama atau berbeza kepada setiap dimensi yang dipilih.
- c. Ia bersifat teguh atau mantap dalam mengenal pasti individu termiskin di kalangan golongan miskin dengan meningkatkan agregat titik pemisah.
- d. Bermanfaat kepada penggubal dasar kerana mampu menunjukkan dimensi yang perlu diperkasakan bagi menangani masalah kemiskinan.

Walaupun kaedah pendekatan kemiskinan multidimensi dapat menganggar tahap kemiskinan setiap individu dalam kelompok masyarakat miskin. Namun, terdapat beberapa faktor kekangan yang menjadikan pengiraan kemiskinan multidimensi tidak dapat dilakukan dengan baik. IKM merupakan satu set data yang memerlukan set data yang lain untuk dibandingkan. Oleh itu, IKM memerlukan set data yang lengkap untuk dibandingkan. Untuk itu, setiap dimensi dan indikator di dalam set data perlu dipenuhi dan lengkap bagi mengelakkan berlakunya pengurangan saiz sampel dan berlakunya bias. Selain itu, IKM perlu dikemaskinikan setiap tiga hingga lima tahun bagi mendapatkan tahap kemiskinan yang baru bagi sesebuah kawasan. Hal ini kerana, kemungkinan terdapat perubahan dalam status kemiskinan individu miskin tersebut. IKM juga tidak mengambil kira sesetengah responden dalam populasi tersebut seperti responden warga

emas kerana IKM menganggap warga emas adalah miskin dalam beberapa dimensi penting seperti kesihatan, pendapatan dan taraf hidup. Oleh yang demikian, akan berlaku bias dalam mengira IKM. Menurut Alkire dan Foster (2009), antara kekangan yang selalu terjadi dalam data pengukuran IKM adalah seperti:

- 62 buah negara mempunyai sepuluh indikator.
- 93 buah negara mempunyai sembilan hingga sepuluh indikator.
- 101 buah negara mempunyai lapan hingga sepuluh indikator.
- Tiga buah negara kurang tiga indikator (Latvia, Myanmar dan Surinam).

Oleh itu akan berlaku bias dalam saiz sampel dan memerlukan pengurangan seperti:

- 15 buah negara mempunyai tahap kemiskinan tidak sama dalam dimensi pengukuran sesebuah negara seperti negara China, Afrika Selatan dan Pakistan.

## **2.8 Kepelbagaian Dimensi Kemiskinan Masyarakat Orang Asli**

Kemiskinan merupakan suatu konotasi yang sering digambarkan tentang kehidupan masyarakat Orang Asli. Namun, hakikatnya kemiskinan masyarakat Orang Asli masih lagi berlaku sehingga kini (JAKOA, 2011; Ramle Abdullah, 2014 & Muhammad Fuad Abdullah et al., 2016). Penyelidikan tentang masyarakat Orang Asli di Malaysia semakin mendapat perhatian dalam kalangan ahli akademik, sains sosial dan perancang ilmu pembangunan. Terdapat pelbagai pendekatan dan penumpuan telah dilakukan terutama dari sudut antropologi, sejarah, geografi, tatacara hidup, sosiobudaya dan sosioekonomi. Kajian secara mendalam mengenai masyarakat Orang Asli ini telah bermula sejak abad ke-19 lagi. Tokoh awal yang dikaitkan dalam kajian masyarakat Orang Asli adalah seperti Anderson (1850); Hole (1888) dan Gomes (1993).



Kajian Abdullah (1993; 2014), mendapati cara hidup masyarakat Orang Asli adalah “primitif” dengan ekonomi berorientasikan “cukup hidup” dan tidak melibatkan ekonomi pasaran. Mereka masih menggunakan pendekatan tradisional “*hunting and gathering*” dalam aktiviti yang dijalankan. Menurut Endicott (1974) dan Kuchikura (1988), masyarakat Bateq dan Semaq Beri (Hulu Terengganu) masih menggunakan peralatan seperti sumpitan, menangkap ikan dan mencari sumber hutan sebagai pekerjaan utama. Kajian tersebut disokong oleh Gomes (1993), yang menyatakan proses pembangunan luar bandar yang pesat di Malaysia dan penerapan sistem ekonomi kapitalisme menyebabkan sistem ekonomi sara diri yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli tidak lagi sesuai digunakan. Beliau telah mengkategorikan aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli ini kepada dua iaitu aktiviti ekonomi yang bertujuan untuk mendapatkan wang seperti menoreh getah, mencari rotan dan kayu gaharu serta ekonomi yang bertujuan untuk sara diri seperti memancing, memburu binatang dan pertanian. Lazimnya, aktiviti-aktiviti ini dilakukan secara berasingan di mana ia dilakukan mengikut keadaan, musim, pasaran dan kecenderungan sendiri. Namun, kedua-dua keadaan ekonomi ini dijalankan juga secara bersama (Gomes & Anthony, 1993).

Namun begitu, masih tiada kajian khusus yang dibuat berkaitan kemiskinan multidimensi terhadap masyarakat Orang Asli. Pengukuran kemiskinan yang hanya berdasarkan PGK yang digunakan sekarang tidak mampu untuk menggambarkan realiti sebenar kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli (Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Idris, 2012). Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan hanya tertumpu kepada pembangunan sosioekonomi, sosiologi dan antropologi masyarakat Orang Asli. Selain itu, kajian kemiskinan yang cuma memperlihatkan faktor pendapatan dan ekonomi sebagai penentu taraf hidup mereka.

Begitu juga kajian ke atas kemiskinan multidimensi yang hanya memberi tumpuan kepada kemiskinan masyarakat luar bandar dan meminggirkan masyarakat

Orang Asli. Kajian mengenai kemiskinan multidimensi di Malaysia menerusi Siti Hadijah Che Mat et al. (2012), yang hanya mengukur kemiskinan multidimensi masyarakat luar bandar di Daerah Baling, Kedah. Kajian ini mengukur kemiskinan melalui indikator kemiskinan multidimensi seperti tahap pendidikan ketua keluarga, tahap pendidikan anak-anak, zat makanan, berat badan, kemudahan air bersih, tandas, bilik tidur, lantai rumah, dinding rumah, bahan pembakar untuk memasak, aset dan kelengkapan rumah, pendapatan dan penggunaan, pemilikan tanah dan binatang ternakan. Kajian Mohamed Saladin Abdul Rasool et al. (2011), turut memberi penekanan dalam pengukuran kemiskinan di Malaysia melalui kaedah multidimensi. Dalam kajian ini, kemiskinan multidimensi dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu kesihatan yang merangkumi nutrisi dan kadar kematian kanak-kanak. Kedua, pendidikan yang merangkumi tahap persekolahan dan pendaftaran ke sekolah dan ketiga, adalah taraf hidup yang merangkumi bekalan elektrik, air minuman, sanitasi, bahan api untuk masak dan aset.

Kemiskinan multidimensi ini juga turut diguna pakai dalam kajian di luar negara seperti kajian Trani dan Cannings (2013), yang memberi tumpuan dalam kemiskinan kanak-kanak di Barat Darfur, Sudan. Kajiannya menitikberatkan beberapa indikator kemiskinan multidimensi sebagai pengukuran kemiskinan. Antaranya kesihatan, keselamatan makanan, air bersih, pendidikan, eksploitasi ekonomi dan bukan ekonomi, aset, tanah, ternakan, ruang, aktiviti sosial, keselamatan, kasih sayang dan psikologi.

Kajian Bourguignon dan Chakravarty (2003), bagi kalangan masyarakat luar bandar di Brazil telah memberi penekanan dalam beberapa indikator kemiskinan multidimensi seperti jangka hayat dan pendidikan berdasarkan kepada data KDNK negara. Hal ini membuktikan pengukuran kemiskinan perlu bersifat komprehensif dalam menentukan tahap kemiskinan sebenar masyarakat. Pengukuran kemiskinan perlu melibatkan dimensi yang turut memberi impak terhadap kesejahteraan hidup masyarakat sama ada dalam aspek monetari mahupun bukan monetari.

## **2.9 Dimensi Pengukuran Kemiskinan Multidimensi**

### **2.9.1 Pendidikan**

Pembangunan dalam aspek pendidikan merupakan suatu yang amat penting dalam dalam melahirkan modal insan berjaya. Pembangunan sistem pendidikan mampu menjadikan sistem ekonomi, sosial dan politik lebih utuh bagi sesebuah negara dan digeruni negara lain (Hasan Mat Nor, 1998; Norizan Mt Akhir et al., 2013). Pembangunan sistem pendidikan yang baik mampu untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia (Ishak Sin & Nor Asikin Salleh, 2003). Di Malaysia, usaha membangunkan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli telah dilaksanakan sejak selepas merdeka lagi iaitu sekitar tahun 1957 (Kamarulzaman Kamaruddin & Osman Jusoh, 2008). Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program pemantapan pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli agar mereka tidak jauh ketinggalan berbanding masyarakat lain (Zainal Abidin Ali, 2008). Ekoran itu, pihak kerajaan telah membina sekolah rendah dalam perkampungan penempatan semula bagi mengurangkan kadar keciciran pendidikan golongan minoriti ini. Hal ini adalah bertepatan dengan Dasar Pendidikan negara yang memastikan individu di negara ini wajib untuk mendapatkan pendidikan awal (Mazdi Marzuki et. al., 2014; JAKOA, 2015).

Namun begitu, tahap pendidikan masyarakat Orang Asli masih lagi di peringkat yang membimbangkan. Pencapaian akademik anak-anak Orang Asli masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan pencapaian warga Malaysia yang lain (Toh Kit Siang et al., 2008). Keciciran anak-anak Orang Asli ini dapat dilihat dengan ketara terutama semasa peralihan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah (Hasan Mat Nor, 1997; Nicholas 2006; Joseph, 2017). Menurut JAKOA (2011), dari tahun 2005 hingga tahun 2010, jumlah keciciran di sekolah menengah adalah tiga kali ganda berbanding jumlah pendaftaran semasa di sekolah rendah. Selain itu, mereka juga mempunyai masalah

pencapaian akademik yang rendah. Antara faktor yang mendorong tahap pendidikan masyarakat Orang Asli yang rendah ini termasuklah kemiskinan, komunikasi, sikap, prejudis sosial dalam konteks hubungan dengan masyarakat luar, pengaruh rakan sebaya, kemudahan pembelajaran di sekolah, budaya mereka yang tidak mengambil berat berkaitan pendidikan formal, keadaan geografi dan perkahwinan di usia muda (Abdul Razaq Ahmad et al., 2011; Ramle Abdullah & Abdul Razaq Ahmad, 2012; Norwaliza Abdul Wahab, 2016).

Walaupun, terdapat banyak hasil kajian yang mendapati tahap pendidikan mereka masih rendah namun, ada segelintir yang telah berjaya. Hal ini terbukti dengan peningkatan dalam jumlah pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi (IPT). Jumlah permohonan pelajar Orang Asli pada sesi akademik 2016/2017 adalah sebanyak 607 permohonan berbanding sesi akademik 2015/2016 iaitu sebanyak 719 permohonan. Dalam jumlah tersebut seramai 344 orang calon pelajar Orang Asli telah layak namun, seramai 284 (83%) telah berjaya ditawarkan tempat untuk sesi akademik 2016/2017. Pada sesi akademik 2015/2016 pula, daripada 626 orang calon yang layak, seramai 325 orang calon telah berjaya ditawarkan tempat di IPT (Berita RTM, 2016).

Pembangunan sistem pendidikan Malaysia dilaksanakan secara menyeluruh dan sama rata bagi semua golongan termasuk masyarakat Orang Asli. Golongan ini merupakan golongan minoriti yang dikatakan ketinggalan dalam pelbagai arus pemodenan dan pendidikan negara berbanding kumpulan etnik yang lain (KKLW, 2007). Menurut Meiji (2008), masyarakat Orang Asli tidak pernah menerima sebarang pendidikan secara formal sebelum tertubuhnya JAKOA terutama bagi mereka yang tinggal jauh di pedalaman. Ramai kanak-kanak Orang Asli gagal menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) telah keciciran sebelum memasuki darjah enam (Johari Talib & Nazri Muslim, 2007). Bagi mereka, kemahiran untuk hidup bagi

mendapatkan bekalan makanan adalah lebih penting (Adliza Othman, 2007). Kajian ini disokong oleh Rosmizawati Saad (2003), terhadap beberapa buah sekolah Orang Asli di Johor. Menurut kajian tersebut, pada tahun 1971 hingga 1990 terdapat 47,667 orang murid telah mendaftar di darjah satu. Namun, hanya 18,048 orang sahaja yang berjaya menamatkan persekolahan hingga ke darjah enam. Menurutnya lagi, 94% daripada mereka gagal untuk menamatkan persekolahan sehingga ke tingkatan lima. Bagi tahun 1995 hingga 2001, tiada di antara mereka yang memperoleh keputusan 5A dan 4A dalam peperiksaan UPSR.

Menurut laporan Status Hak Pendidikan Anak-anak Orang Asli yang dikeluarkan oleh Cheng et al. (2014) dalam laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), terdapat banyak indikator yang disentuh di mana menjadi titik tolak kepada kemunduran dan keciciran pendidikan di kalangan Orang Asli termasuk pengangkutan ke sekolah, sijil kelahiran dan kad pengenalan, bantuan kelengkapan dan peralatan sekolah, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), keprihatinan pengetua, guru besar dan guru-guru, pengajaran dan pembelajaran, penempatan guru besar dan guru-guru, sikap ibu bapa dan murid Orang Asli, kanak-kanak yang tidak bersekolah dan sebuah agensi yang menguruskan pendidikan Orang Asli. Laporan SUHAKAM ini turut disokong oleh Wan Afizi Wan Hanafi et al. (2014), yang turut memberikan beberapa indikator yang sama dalam menentukan keciciran pendidikan Orang Asli. Menurut mereka, usaha gigih dan berterusan agensi terlibat seperti JAKOA dan KPM amat diperlukan dalam menangani faktor-faktor ini.

## 2.9.2 Kesihatan

Kesihatan menjadi salah satu daripada elemen pengukuran kemiskinan kajian ini. Menurut Anand dan Ravallion, (1999); Verhoeven et al. (1999), terdapat hubungan signifikan antara kemiskinan dengan tahap kesihatan isi rumah di mana kemiskinan membawa kepada tahap kesihatan yang rendah. Elemen kesihatan juga turut membawa kepada faktor kemiskinan sesebuah masyarakat (Reading, 2018). Pengukuran faktor kesihatan yang biasa dilakukan adalah dari aspek jangka hayat di mana mengkaji umur kadar mati sesebuah populasi (Case & Deaton, 2003; Panaretto, 2014). Selain itu, tahap kesihatan isi rumah juga dapat diukur melalui penurunan berat badan atau indeks berat badan (IBB) terutama bagi kanak-kanak (Spencer, 2008).

Di Malaysia, kadar kematian anak-anak Orang Asli adalah tinggi disebabkan oleh sistem imunisasi yang rendah dan penularan wabak penyakit seperti malaria, denggi, taun dan sebagainya merupakan kesan daripada kekurangan akses kepada klinik kesihatan. Menurut Mohamed Idris (2010), sekitar tahun 2000 masyarakat Orang Asli menyumbang kepada 48% daripada purata jangkitan malaria yang direkodkan di Malaysia Barat, sebanyak 82% penyakit berkaitan virus serta denggi dan penularan wabak kusta adalah sebanyak 23 kali ganda berbanding masyarakat umum.

Menurut Burgess dan Musa (1950), kemiskinan merupakan faktor utama penyebab salah pemakanan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kekurangan pengambilan nutrisi penting dalam diet harian. Bagi Shavers (2007), kemiskinan luar bandar adalah sinonim dengan salah pemakanan. Dalam perbincangan yang dikeluarkan oleh Ungku Aziz (1964), turut memberi penekanan dalam hubungan antara kemiskinan dengan makanan terutama dalam pengambilan protein dan kedua-dua indikator tersebut saling mempengaruhi antara satu sama lain. Selain itu, kadar salah pemakanan berkait rapat dengan masalah kemiskinan yang wujud terutama dalam masyarakat luar bandar (Sarche & Spicer, 2008; Chen et al., 1979; Chamhuri Siwar et al., 2016).

Malnutrisi akibat kekurangan nutrien ialah punca utama masalah kesihatan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli jika dibandingkan dengan ancaman penyakit lain (Baer, 1999). Lazimnya, kanak-kanak Orang Asli mengalami masalah kekurangan berat badan, keabutan dan kesusutan kerana pengambilan makanan yang tidak memuaskan daripada segi kualiti dan kuantiti. Perkara ini boleh menyumbang kepada kurangnya pengambilan makronutrien dan mikronutrien seperti kalsium, niasin, vitamin A dan zat besi yang tidak mencapai saranan (Khor & Zalilah Mohd Shariff, 2008; Zalilah Mohd Shariff & Tham, 2002).

Status kesihatan dan pemakanan masyarakat Orang Asli masih berada pada tahap yang kurang memuaskan (Khor & Zalilah Mohd Shariff, 2008). Penularan wabak penyakit berjangkit adalah antara penyebab penyusutan tahap kesihatan mereka. Menurut rekod kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu (2015), terdapat beberapa penyakit berjangkit yang sering kali dialami oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu dari tahun 2011 hingga 2015 seperti viral *hipatitis*, *tuberculosis*, *syphilis*, *pertussis*, malaria, *leptospirosis*, *dysentery* dan denggi. Namun, pemantauan berkala dan tindakan lanjut oleh pihak berwajib, berlaku penurunan kes penyakit berjangkit di kampung tersebut dari tahun 2011 hingga 2015 (Jadual 2.4).

Jadual 2.4: Kes penyakit berjangkit Orang Asli Kg. Sg. Berua tahun 2011-2015

Tahun	Viral Hipatitis	Tuberculosis	Syphilis	Pertussis	Malaria	Leptospirosis	Dysentery	Denggi
2011	35	2	9	1	1	36	2	0
2012	0	1	8	1	0	0	2	0
2013	0	0	0	0	0	0	0	0
2014	0	1	1	2	0	0	1	1
2015	0	0	0	0	0	0	0	0

Sumber: Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu (PKD, 2015)

Hal ini juga dibuktikan dengan peningkatan jumlah kelahiran berbanding jumlah kematian yang berlaku di kampung tersebut (Jadual 2.5).

Jadual 2.5: Kes kematian dan kelahiran Orang Asli Kg. Sg. Berua tahun 2011-2015

<b>Tahun</b>	<b>Kelahiran</b>	<b>Kematian</b>
2011	25	2
2012	19	4
2013	19	4
2014	10	2
2015	12	4

Sumber: Klinik Kesihatan Desa Kg. Sg. Berua, Hulu Terengganu (2015)

### **2.9.3 Taraf Hidup**

#### **i. Bekalan elektrik**

Bekalan sumber kuasa juga turut dijadikan salah satu indikator dalam mengukur kemiskinan kajian ini. Bekalan sumber kuasa telah menjadi satu cabaran dalam pembangunan di peringkat global (Nussbaumer et al., 2011). Indikator ini juga turut dibincangkan dengan jelas oleh Modi et al. (2005) dan Nussbaumer et al. (2011), di mana mereka merasakan pendekatan MPM meletakkan sumber bekalan kuasa sebagai medium pengukuran kemiskinan adalah wajar. Menurut Anand dan Sen (1997), akses dalam penggunaan bekalan kuasa adalah berkait rapat dan saling melengkapi dengan isu pembangunan terutama bagi masyarakat miskin terutama luar bandar. Bagi Spreng dan Pachauri (2003), selain daripada tahap bekalan kuasa yang diterima oleh isi rumah akses terhadap sumber bekalan kuasa itu juga perlu dititikberatkan dalam membantu pembangunan sesebuah kawasan itu.

#### **ii. Sistem kumbahan dan sanitasi**

Pengurusan sisa kumbahan dan sanitasi merupakan antara pengukuran faktor kemiskinan yang perlu dititikberatkan. Kebiasaannya, perkampungan tidak terancang kawasan luar bandar mempunyai kedudukan rumah yang tidak sistematik dan ia



menyukarkan sistem saliran kumbahan dan bahan buangan harian disalurkan ke tempat yang sepatutnya (Ahmed Mohammed, 2018). Sebilangan masyarakat luar bandar ini masih menyalurkan sisa bahan buangan harian ke dalam longkang dan seterusnya disalurkan ke sungai berhampiran. Sistem sanitasi ini boleh diklasifikasikan sebagai satu ancaman kerana boleh mengakibatkan pencemaran bau dan persekitaran. Akibatnya, akan timbul masalah kesihatan yang menyebabkan tahap kesihatan dan kualiti hidup merosot (Purwatiningsih et al., 2013). Menurut Mohd Fauzi Mohd Harun dan Nor Aini Idris (2012), indeks sanitasi dilihat melalui jenis tandas yang digunakan oleh isi rumah sama ada jenis pam atau jenis curah. Selain itu, isi rumah yang menggunakan tandas lubang, tandas di sungai, parit dan lain-lain cara turut diberi penekanan dalam menentukan kualiti kehidupan masyarakat Orang Asli dan masyarakat luar bandar.

iii. Bekalan air bersih atau air paip

Bekalan air bersih atau air paip (air dirawat) merupakan salah satu keperluan penting dalam kehidupan seharian kita. Akses kepada bekalan air bersih dapat meningkatkan tahap kesihatan masyarakat. Ia menjadi satu manfaat yang jelas terhadap kesihatan, kualiti hidup, keselamatan makanan, pengurangan kadar kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi jangka panjang (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO, 2006). Keperluan untuk menyediakan akses air bersih kepada masyarakat luar bandar telah menjadi keutamaan bagi agensi-agensi berkaitan dan pembuat polisi (Wallace et al., 2003). Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), punca utama penyakit berjangkit merebak adalah melalui air tidak bersih yang berlaku di kebanyakan negara membangun. Bekalan air bersih juga merupakan salah satu elemen penting dalam mencapai sasaran MPM yang dikemukakan oleh UNDP sejak mula penubuhannya (WHO, 2012).

Di Malaysia, pihak kerajaan sentiasa memastikan infrastruktur dan keperluan asas masyarakat dipenuhi. Menurut Mohd Tap Salleh (1990), sebanyak 71% daripada perkampungan Orang Asli memperoleh bekalan air bersih dan selebihnya masih lagi menggunakan sungai dan telaga yang berhampiran. Menurut Mohd Shafie Apdal (2012), kerajaan akan memastikan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dihubungkan dengan rangkaian jalan perhubungan dan mempunyai akses kepada perumahan, bekalan dan air bersih. Bagi bekalan air bersih dan terawat atau air paip, adalah terhad kerana bergantung kepada lokasi dan keadaan geografi sesebuah kawasan itu. Akses terhadap air bersih tidak dapat diberikan sekiranya lokasi penempatan berada jauh di pedalaman luar bandar. Menerusi RMK-10 (2010), jarak sejauh lima kilometer ke kawasan pedalaman daripada saluran paip air utama merupakan jarak maksimum yang dapat dicapai bagi membekalkan air paip kepada isi rumah.

Bagi masyarakat pedalaman terutama, mereka perlu menggunakan aliran air sungai sebagai punca air bersih untuk kegunaan harian. Menurut Mohd Fauzi Mohd Harun et al. (2006), indeks kesampaian terhadap bekalan air paip adalah merujuk kepada akses terhadap air bersih kepada isi rumah. Walaupun UNDP (1994-1997), mentafsirkan bekalan sumber air bersih diperoleh dari tasik, kolam, sungai, telaga dan paya. Namun, pentafsiran di Malaysia lebih memberi penekanan dalam aspek kebersihan air yang dibekalkan kepada isi rumah. Kajian yang sama, mendapati pengukuran dalam UPE (2004), turut menggunakan air paip sebagai salah satu indikator bekalan air bersih bagi indeks kualiti hidup. Oleh itu, kemiskinan luar bandar juga dapat diukur melalui akses kepada bekalan air bersih. Ekoran daripada itu, terdapat hubungan yang kuat antara kemiskinan pendapatan dengan kemiskinan air (Sullivan, 2002; Timpua et al., 2017).

#### iv Keadaan rumah kediaman

Rumah kediaman merupakan salah satu daripada keperluan asas yang penting dalam menjalani kehidupan seharian. Keadaan rumah yang baik adalah diperlukan bagi memenuhi kualiti hidup masyarakat. Dengan memiliki rumah kediaman yang baik, ia memungkinkan sesebuah masyarakat untuk memiliki kehidupan yang lebih baik seperti pekerjaan, pendidikan, penjagaan anak-anak, nutrisi dan tempat untuk melakukan aktiviti harian keluarga (Crowley, 2003). Oleh itu, keadaan rumah kediaman adalah perlu untuk menjadi salah satu indikator pengukuran kemiskinan (Wang et al., 2016). Kajian terdahulu yang dibuat oleh Peck dan Steward (1985); Husna Sulaiman dan Nurizan Yahya (1987); Lawrence (1995), jelas menunjukkan kepuasan terhadap rumah kediaman dan persekitaran merupakan salah komponen penting dalam mempengaruhi kualiti hidup masyarakat. Menurut Morris dan Winter (1978); Peck dan Steward (1985); Husna Sulaiman dan Nurizan Yahya (1987); Lawrence (1995) pula, menjelaskan kepentingan ciri-ciri luar rumah yang penting di mana turut mempengaruhi kualiti hidup masyarakat. Contohnya seperti, ciri-ciri fizikal rumah, persekitaran dan akses kepada kemudahan. Selain itu, elemen psiko-sosial seperti tanggapan perasaan dan sikap berkaitan budaya serta cara hidup masyarakat turut perlu dititikberatkan dalam membina rumah kediaman dan persekitaran yang baik (Nurizan Yahya & Halimah Ahmad, 1993; Mueller et al., 2007). Kedua-dua aspek ini adalah penting dalam meneliti kesempurnaan perumahan yang didiami dalam mengecap kualiti hidup masyarakat yang lebih baik. Selain itu juga, terdapat hubungan yang signifikan antara jenis rumah kediaman dan persekitarannya dengan kemiskinan masyarakat luar bandar terutama kesannya terhadap kesihatan mereka (Hood, 2005; Seagert & Evans, 2003). Penggunaan indikator ini telah disokong oleh kajian Mohd Fauzi Mohd Harun dan Nor Aini Idris (2012), yang turut menjelaskan indeks fizikal rumah yang kukuh dan selesa diukur melalui aspek struktur rumah, keadaan struktur rumah dan bilangan bilik yang ada. Selain itu, jenis bahan yang digunakan juga

turut dititikberatkan seperti rumah batu, rumah papan, rumah separuh batu dan separuh papan, rumah buluh dan bahan binaan semula jadi persekitaran. Jenis atap yang digunakan juga turut diberi penekanan seperti penggunaan atap zink dan daun nipah.

v. Penyisihan sosial

Menurut Siti Hajar Abu Bakar Ah (2009), istilah penyisihan sosial adalah merujuk kepada bentuk faktor risiko dan proses sosioekonomi yang menekankan dan menghalang keupayaan individu atau masyarakat daripada melakukan fungsi dan peranan dalam aspek sosial. Keadaan ini telah menolak individu atau masyarakat tersebut ke tahap status sosial yang rendah dan memudaratkan. Proses penyisihan ini telah menjadi perdebatan oleh ramai penyelidik seperti Littlewood dan Herkommer (2017); Percy-Smith (2000); Pierson (2009); Silver (1995); Taket et al. (2009); Verma (2002) yang menyatakan bantuan seharusnya diberikan kepada sebilangan masyarakat marginal yang tidak diberi peluang mendapatkan sumber-sumber seperti pendapatan, pekerjaan, kebajikan dan kuasa. Perkara ini termasuklah daripada ketiadaan asas pendidikan dan kemahiran yang baik di mana menyukarkan mereka untuk mendapat pekerjaan yang menggunakan merit sebagai ukuran. Menurut Byrne (1999); Herbert (2005); O'Brien et al. (1997); Rodgers et al. (1995); Taket et al. (2009), menyatakan penyisihan sosial juga dilihat sebagai suatu tindakan sosial yang mendiskriminasikan atau menafikan hak segelintir individu dan masyarakat. Menurut Alcock (2016), penyisihan sosial adalah satu proses di mana sesebuah masyarakat atau individu itu diketepikan hak mereka di dalam masyarakat tersebut kerana kekurangan yang dimiliki. Proses politik setempat ini akan mengabaikan keperluan dan pandangan kumpulan minoriti tersebut dan menyebabkan mereka berada dalam kemiskinan. Menurut Byrne (1999); Pierson (2009); Rodgers et al. (1995); Silver (1995), penyisihan sosial terbahagi kepada dua bentuk iaitu penyisihan sosial objektif dan penyisihan sosial subjektif. Penyisihan sosial objektif adalah seperti kemiskinan,

kekurangan yang dialami (bukan kewangan) seperti pendidikan, buta teknologi dan tiada kemahiran, penyisihan daripada keluarga dan komuniti. Penyisihan sosial subjektif pula dilihat melalui entiti norma, budaya, agama, politik, nilai sosial, genetik dan personaliti.

vi. Jenis dapur dan bahan bakar

Jenis dapur dan bahan bakar yang digunakan oleh isi rumah terutama untuk aktiviti memasak makanan harian diambil kira dalam menentukan kemiskinan multidimensi. Perubahan zaman turut telah membawa kemajuan dalam penggunaan jenis dapur dan bahan bakar untuk memasak. Penggunaan dapur gas petroleum cecair dan dapur elektrik telah digunakan dengan meluas bagi menggantikan kayu, arang, najis dan pelbagai jenis bahan bakar konvensional yang lain (WHO, 2007). Menurut Foell et al. (2011), kemiskinan dalam penggunaan jenis dapur dan bahan bakar memasak adalah antara faktor yang menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Namun, tidak ada penerangan yang terperinci yang dibentangkan dalam MPM mengenainya. Ekoran itu, kajian-kajian berkaitan faktor penyumbang ini perlu diperincikan dalam mencapai matlamat MPM (Modi et al., 2005). Dalam pengukuran WHO terhadap jenis dapur dan bahan bakar melalui konsep '*Fuel for Life*' (Bahan Bakar untuk Kehidupan) yang merangkumi tahap kebersihan, efisien dan kemampuan teknologi yang digunakan untuk mengubah penggunaan bahan bakar konvensional kepada yang lebih baik dalam mencapai matlamat MPM tersebut (WHO, 2007). Oleh yang demikian, kemiskinan dapat dikurangkan apabila perubahan teknologi bahan bakar yang digunakan mengurangkan kadar kematian kanak-kanak, meningkatkan kesihatan ibu, mengurangkan masa yang digunakan oleh kanak-kanak dan wanita untuk mengumpul bahan bakar untuk memasak dan seterusnya dapat mengurangkan impak terhadap alam sekitar (Foell et al., 2011).

Dalam pengukuran MPM, isi rumah yang menggunakan bahan bakar seperti kayu, arang, najis, biomas dan seumpamanya dikategorikan sebagai miskin. Menurut WHO (2007), penggunaan bahan bakar tersebut memberi kesan kepada kesihatan masyarakat. Selain menghasilkan pencemaran udara khususnya penggunaan bahan bakar seperti ini telah mengakibatkan 1.5 juta kematian terutama bagi golongan kanak-kanak dan wanita. Bahan bakar yang digunakan mereka mengeluarkan asap yang dapat memberi kesan terhadap kesihatan seperti sukar bernafas, jangkitan kuman pada mata dan paru-paru. Dengan penggunaan bahan bakar seumpama ini adalah sukar untuk mencapai sasaran MPM bagi sesebuah negara itu. Menurut Foell et al. (2011), bahan bakar yang diperoleh daripada sumber yang kotor seperti najis adalah berbahaya untuk kesihatan dan alam sekitar sekiranya ia tidak melalui proses yang sepatutnya. Menurut laporan IEA (2011) dan WHO (2012), secara globalnya hampir satu setengah populasi dunia mati (terutamanya wanita dan kanak-kanak) akibat daripada pencemaran daripada pembakaran biomas dan pencemaran udara. Ia sekali gus menjadikan jumlah tersebut lebih besar daripada kematian akibat malaria dan tuberculosis.

vii. Peralatan dan kelengkapan rumah

Salah satu daripada komponen dalam mengukur tahap kemiskinan isi rumah adalah melalui peralatan dan kelengkapan rumah yang mampu digunakan. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2015), terdapat banyak keperluan dan kelengkapan rumah yang dimasukkan sebagai komponen dalam menentukan tahap kemiskinan isi rumah itu. Antaranya adalah alat penghawa dingin, mesin basuh, peti sejuk, jenis dapur yang digunakan, ketuhar gelombang mikro, penapis air, televisyen dan sebagainya. Laporan ini menunjukkan peratusan penggunaan kelengkapan dan peralatan kediaman di kawasan luar bandar adalah jauh lebih sedikit dan ketinggalan. Menurut Mohd Ayop Abdul Razid (2013), pengukuran kemiskinan sebenar perlu mengambil kira

kelengkapan dan perkakasan rumah yang boleh disediakan oleh ketua isi rumah (KIR). Laporan akhbar *The Atlantic* menerusi penulisan Thompson (2011), menyatakan kemiskinan di Amerika Syarikat turut memberi penekanan dalam menentukan tahap kemiskinan isi rumah melalui kelengkapan kediaman selain isu keselamatan makanan.

#### viii. Bilangan isi rumah

Bilangan isi rumah merupakan salah satu indikator penting dalam mengukur tahap kemiskinan individu dan masyarakat (Ray, 2000). Semakin ramai bilangan isi rumah dalam sesebuah keluarga semakin banyak agihan perbelanjaan dan pendapatan bagi individu (Mok et al., 2007; Mohd Aqmin Abdul Wahab et al., 2018). Menurut Ungku Aziz (1964), terdapat sekumpulan masyarakat termiskin yang dikenali sebagai Kumpulan Miskin Melampau (KMM) di mana ditakrifkan sebagai sebuah keluarga yang mempunyai lima orang ahli keluarga iaitu ibu bapa serta tiga orang anak dengan pendapatan kasar bulanan di bawah garis kemiskinan kurang daripada RM800. Dalam kajian di Pakistan oleh Lanjouw dan Ravallion (1995), mendapati terdapat hubungan yang kuat antara tahap kemiskinan sesebuah keluarga dengan bilangan isi rumah. Menurut Nelson (1993), terdapat perbezaan keperluan bagi setiap individu. Menurutnya lagi, perbezaan yang ketara adalah keperluan antara orang dewasa dan kanak-kanak. Menurut, Willis (1987), pendapatan seseorang pekerja adalah bergantung kepada agihan pendapatan kepada beberapa faktor penting termasuk keperluan isi rumah. Selain itu, saiz keluarga yang besar juga menyebabkan sumber kewangan yang terhad terpaksa dibahagikan kepada bahagian yang lebih kecil dan menyebabkan status kehidupan keluarga rendah (Blake, 1989; Zahoor Ahmad & Zainab Ejaz, 2011). Hasil kajian Wan Nurulashiah Wan Mustapa et al. (2018), juga turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah pendapatan bulanan diterima isi rumah dengan bilangan tanggungan di mana ia turut menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan masyarakat.

ix. Jalan raya dan jalan perhubungan

Jalan perhubungan merupakan infrastruktur penting dalam menghubungkan suatu kawasan dengan kawasan lain untuk tujuan tertentu. Ketiadaan atau keadaan jalan perhubungan yang tidak baik boleh dijadikan sebagai kayu ukur dalam menentukan kemiskinan sesebuah masyarakat dan kawasan tersebut. Menurut Oraboune (2008), jalan atau laluan di kawasan luar bandar adalah satu kemudahan yang perlu berada dalam keadaan baik untuk digunakan kerana ia menghubungkan dua kawasan iaitu jalan kampung dengan jalan utama di mana membolehkan penduduk di sana untuk ke pasar dan akses kepada sumber ekonomi dan sosial serta kemudahan-kemudahan yang lain. Menurutnya lagi, jalan perhubungan merupakan elemen penting dalam pembangunan sosioekonomi sesebuah kawasan kerana ia membantu dalam memudahkan akses kepada pemasaran barangan keluaran luar bandar, akses kepada sekolah dan klinik kesihatan dan pelbagai infrastruktur dan kemudahan lain yang menjadi keperluan dalam kehidupan harian masyarakat. Bagi Van de Walle dan Gunewardena (2001), kemudahan jalan perhubungan yang baik dapat membantu dalam meningkatkan pembangunan sesebuah kawasan kurang membangun dan luar bandar. Menurut Warr (2005), pembangunan jalan perhubungan secara bermusim dapat mengurangkan kadar kemiskinan di Laos. Jalan perhubungan antara ladang ke pasar dapat menambahbaikkan kehidupan dan aktiviti petani iaitu kemudahan akses kepada input dan teknologi, menjana pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan (Chand et al., 2011; Bojnec & Ferto, 2013).

x. Pengurusan sampah

Pengurusan sampah merupakan salah satu indikator kajian ini bagi mengetahui sejauh mana pengurusan sampah masyarakat Orang Asli. Sampah merupakan sisa buangan yang tidak diperlukan atau tidak digunakan lagi dalam kehidupan harian manusia. Menurut Budiman Chandra (2007) dan Soemirat (1994), sampah merupakan



suatu yang tidak digunakan, tidak dipakai, tidak disenangi atau sesuatu yang dibuang daripada kegiatan manusia. Menurut Heller et al. (2003), pengurusan sampah yang tidak sistematik dan baik akan memberi pelbagai kesan negatif terhadap kehidupan manusia dari pelbagai aspek termasuk kesihatan dan sosioekonomi. Masalah teknikal, kewangan, institusi, ekonomi dan sosial menyumbang kepada kegagalan pengurusan sampah yang lebih berkesan. Perkara ini sering kali berlaku di negara membangun di mana pihak berkuasa tempatan khususnya tidak memandang serius mengenai isu pengurusan sampah di kawasan luar bandar (WHO, 2015).

#### **2.9.4 Kekayaan**

##### **i. Aset**

Aset juga dapat dijadikan sebagai pengukuran terhadap kadar kemiskinan isi rumah. Menurut Nam et al. (2008), jumlah aset yang dikumpulkan turut menentukan kemiskinan seseorang sama ada dikira melalui aset fizikal mahupun aset tetap yang bertindak sebagai jaminan untuk penggunaan masa depan. Bagi Oliver dan Shapiro (1990), mendefinisikan isi rumah sebagai miskin sekiranya tidak mempunyai aset. Ia adalah berdasarkan survei mereka pada tahun 1984 melalui Pendapatan dan Program Penyertaan (SIPP) di mana satu pertiga daripada responden kajian adalah miskin aset. Menurut Haveman dan Wolff (2005), kemiskinan aset berlaku sekiranya isi rumah tidak mampu untuk menampung keperluan harian dengan menggunakan aset yang miliki dalam tempoh tertentu. Menurut Sen (1999); Sherraden (1991); Seigel dan Alwang (1999), aset merupakan elemen penting dalam mengukur kemiskinan kerana ia membawa kepada pembangunan sosioekonomi sesebuah masyarakat yang dikaji.

## ii. Pendapatan

Pengukuran kemiskinan yang biasa digunakan adalah melalui faktor kewangan atau pendapatan (Laderchi, 2000; Asselin dan Dauphin, 2001). Menurut Saunders (2002), kemiskinan berlaku apabila seseorang itu tidak mampu untuk memenuhi keperluan asasnya seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal dengan jumlah pendapatan yang diperoleh setiap bulan. Jumlah pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan asas ini dikenali sebagai garis kemiskinan. Pengukuran kemiskinan melalui pendapatan diukur melalui PGK yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Isi rumah dikategorikan sebagai miskin sekiranya pendapatan bulanan yang diperoleh berada di bawah PGK tersebut. PGK untuk tahun 2014 bagi Semenanjung Malaysia adalah RM940 bagi kategori miskin manakala, RM580 bagi kategori miskin tegar (UPE, 2014).

## iii. Ternakan komersial

Kekayaan isi rumah juga dapat diukur dengan menggunakan ternakan dimiliki. Menurut Ashley et al. (1999), lebih 987 juta masyarakat miskin di dunia bergantung kepada ternakan sebagai sumber utama kehidupan. Menurut FAO (2009), lebih 70% daripada 1.4 juta isi rumah miskin tegar bergantung kepada ternakan sebagai jaminan kehidupan. Bagi Thornton et al. (2003), dalam kajian Sere dan Steinfeld (1996), salah satu pengukuran tahap kemiskinan masyarakat miskin adalah melalui bilangan ternakan yang dimiliki. Menurut Alary et al. (2011), ternakan adalah penyumbang utama kepada bekalan makanan dan penjana sumber ekonomi dengan hasil keluaran seperti produk dan najis untuk tanaman. Ternakan juga merupakan aktiviti ekonomi yang dapat dilakukan oleh masyarakat miskin yang tidak mempunyai tanah untuk tanaman dan bagi pertanian berskala kecil (Upton, 2004). Menurut Foster (2009); Bourguignon dan Chakravarty (2003), faktor ternakan adalah salah satu daripada indikator pembangunan MPM yang penting untuk diambil kira dalam menentukan kemiskinan masyarakat.

## 2.10 Pengukuran Kemiskinan Multidimensi di Negara Lain

Terdapat banyak kajian dilakukan berkaitan kemiskinan multidimensi di luar negara. Sebahagian besar negara-negara tersebut telah mengaplikasikan pengukuran kemiskinan multidimensi ini. Dalam bahagian ini, penyelidik mengupas tiga buah negara yang mempunyai struktur sosioekonomi yang berbeza namun, masih menggunakan pengukuran kemiskinan multidimensi dalam mengukur kemiskinan di negara mereka. Tujuan kajian kes ini adalah untuk melihat perbezaan dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi yang digunakan di negara-negara tersebut yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang berbeza.

Kajian ini telah menggunakan Amerika Syarikat (AS) yang merupakan sebuah negara yang mempunyai kuasa ekonomi terbesar dunia dan diklasifikasikan sebagai negara maju dengan jumlah penduduk melebihi 330 juta orang. Kedua, kajian ini turut menggunakan negara India yang tergolong dalam kelompok negara membangun dengan mempunyai jumlah populasi kedua terbesar dunia selepas negara China iaitu melebihi 1.3 bilion dan mencatatkan jumlah kemiskinan terbesar dunia. Ketiga, adalah negara Indonesia yang juga merupakan negara membangun dan terletak dalam lingkungan negara Asia Tenggara sama seperti Malaysia. Indonesia mempunyai jumlah populasi keempat terbesar dunia iaitu melebihi 268 juta orang di mana 25.1 juta orang masih lagi berada di bawah garis kemiskinan (Bank Dunia, 2020).

Secara kasarnya, terdapat perbezaan ketara dalam dimensi dan indikator yang ditetapkan bagi mengukur kemiskinan di negara-negara tersebut. Bagi AS dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi yang ditetapkan adalah lebih kepada memenuhi keperluan sosial masyarakat. Namun, bagi negara membangun seperti India dan Indonesia yang mempunyai jumlah penduduk padat dengan kadar kemiskinan yang tinggi dimensi dan indikator yang ditetapkan perlu memenuhi keperluan asas masyarakat kerana ia menyumbang kepada tahap kemiskinan yang tinggi di sana.

### 2.10.1 Amerika Syarikat

Kajian IKM di AS telah dibuat oleh Wagle (2008), iaitu sebelum IKM diterima secara rasmi sebagai medium pengukuran kemiskinan oleh UNDP. Beliau telah meletakkan lima dimensi sebagai pengukuran IKM iaitu kesejahteraan ekonomi, kemampuan, sosial, politik dan budaya/ sivik. Beliau turut mengklasifikasikan kemiskinan di AS kepada empat status.

- a. Miskin: Miskin jika hanya miskin dari kesejahteraan ekonomi atau hanya miskin dari segi kemampuan atau hanya miskin dari segi sosial sahaja.
- b. Sangat miskin: Sangat miskin jika miskin dua daripada tiga dimensi kemiskinan
- c. Kemelaratan (*abject poor*): Miskin dalam ketiga-tiga dimensi kemiskinan
- d. Tidak miskin: Tidak termasuk dalam mana-mana dimensi kemiskinan

Selain itu, menurut Wagle klasifikasi kemiskinan di AS dapat ditentukan menerusi beberapa elemen yang perlu dititikberatkan seperti:

- a. Bangsa/ kaum, jantina, kelahiran (nativiti), saiz isi rumah dan status perkahwinan
- b. Golongan kulit hitam dan hispanic merupakan golongan paling miskin
- c. Wanita sebagai ketua keluarga
- d. Mereka yang lahir di luar Amerika Syarikat
- e. Saiz isi rumah yang besar (Ramai anak)
- f. Mereka yang tidak pernah berkahwin dan ibu bapa tunggal


Pada tahun 2011, AS telah menggunakan pengukuran IKM secara rasmi dalam menentukan tahap kemiskinan rakyatnya. AS telah menggunakan empat dimensi pengukuran IKM iaitu kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan perumahan yang dipecahkan kepada lapan indikator (Jadual 2.6).

Jadual 2.6: Pengukuran dimensi kemiskinan multidimensi Amerika Syarikat

Dimensi	Indikator	Pemberat
Kesihatan	Insurans Kesihatan	Tidak mempunyai insurans kesihatan awam atau swasta.
	Kurang Upaya	Kurang Upaya lebih daripada satu: Pendengaran, penglihatan, kognitif, ambulatori, penjagaan diri, hidup berdikari.
Pendidikan	Tamat Persekolahan	Tidak mendapatkan Gred 12.
	Tidak Menguasai Bahasa Inggeris	Ahli isi rumah yang berumur 14 tahun ke atas tidak dapat berbahasa Inggeris dengan baik.
Taraf Hidup	Pendapatan Kemiskinan	Pendapatan yang menjurus kepada kemiskinan.
	Status Pekerjaan	Tidak bekerja.
Perumahan	Kos Perumahan	Membayar harga sewa rumah lebih daripada 50% daripada pendapatan bulanan
	Kepadatan Isi Rumah	Lebih daripada seorang tinggal dalam sebuah bilik.

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

Berdasarkan kajian IKM pada tahun 2011, satu daripada lima orang rakyat AS adalah miskin IKM. Bilangan ini adalah lebih besar jika dibandingkan dengan pengukuran kemiskinan yang dilakukan menggunakan PGK. Walaupun indikator pendapatan tidak diletakkan sebagai salah satu indikator pengukuran namun, 16% daripada rakyat AS masih lagi miskin. Indikator kemiskinan yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi adalah tidak mempunyai insurans kesihatan dan masalah perumahan (Rajah 2.3).



Rajah 2.3: Peratusan kemiskinan di Amerika Syarikat melalui pendekatan multidimensi

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

## 2.10.2 India

Kajian kemiskinan IKM di India telah dilakukan oleh Alkire dan Seth pada tahun 2009. Terdapat 10 dimensi IKM yang digunakan iaitu tanah, perumahan, sekuriti makanan, sanitasi, aset, pendidikan, buruh, pekerjaan, status anak dan pinjaman. Hasil kajian menunjukkan, hampir kesemua rakyat India adalah miskin dalam dimensi sanitasi, tanah dan pinjaman. Melalui PGK, sebahagian besar daripada mereka berada di bawah garis kemiskinan tersebut dan pihak kerajaan memberikan kad pengiktirafan miskin yang dikenali sebagai kad BPL (*Below Poverty Line*). Namun begitu, berlaku ketidakadilan dalam pemberian kad BPL tersebut di mana tidak semua rakyat India miskin menerimanya. Oleh yang demikian, pengukuran IKM adalah lebih sesuai digunakan berbanding PGK (Alkire & Seth, 2009).


Laporan UNDP (2010), adalah berdasarkan pengiraan IKM tahun 2005 yang menggunakan tiga dimensi sebagai pengukuran IKM di India iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Dimensi-dimensi ini dibahagikan kepada 10 indikator pengukuran yang lain. Penunjuk IKM bagi India adalah seperti Jadual 2.7:

Jadual 2.7: Dimensi pengukuran IKM di India

Dimensi	Indikator	Pemberat
Pendidikan	Tahun Persekolahan	Tiada isi rumah yang menamatkan pengajian dalam tempoh lima tahun persekolahan.
	Kehadiran ke Sekolah	Kanak-kanak umur persekolahan (6-14 tahun) tidak hadir ke sekolah.
Kesihatan	Kematian Bayi	Kanak-kanak umur di bawah 5 tahun dan wanita yang pernah berkahwin mati dalam keluarga.
	Nutrisi	Wanita yang pernah berkahwin dengan BMI di bawah 18.5 kg/m <sup>2</sup> atau mana-mana kanak-kanak yang di bawah umur 36 bulan yang mengalami kurang berat badan.
Taraf Hidup	Elektrik	Tidak mempunyai bekalan elektrik.
	Sanitasi	Tidak mempunyai saliran yang baik.
	Air Minum	Tidak mempunyai akses kepada air bersih atau perlu berjalan kaki 30 minit untuk mendapatkan air bersih.
	Rumah	Rumah yang dibuat daripada tanah, najis dan kayu.
	Bahan Bakar (Memasak)	Menggunakan najis, kayu atau arang sebagai bahan bakar memasak.
	Aset	Isi rumah tidak mempunyai radio, telefon, TV, basikal, motosikal, peti sejuk, kereta dan lori.

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

Dalam laporan tersebut, jelas menunjukkan kemiskinan masyarakat India melalui pendekatan IKM adalah dalam indikator bahan bakar (memasak) iaitu sebanyak 52.2% dan diikuti dengan kemiskinan dalam pemilikan aset iaitu sebanyak 38.1% (Rajah 2.4).



Rajah 2.4: Peratusan kemiskinan di India melalui pendekatan multidimensi

Sumber: *United Nations Development Programme* (UNDP, 2015)

### 2.10.3 Indonesia

Kajian kemiskinan IKM di Indonesia telah dilakukan oleh Ford Foundation dengan kerjasama PRAKARSA pada tahun 2012 hingga 2014. Kajian kemiskinan multidimensi telah menggariskan tiga dimensi utama dengan 11 indikator. Dimensi kesihatan meletakkan empat indikator iaitu sanitasi, air bersih, bantuan kelahiran dan nutrisi. Manakala, dalam dimensi pendidikan pula menggariskan tiga indikator iaitu tamat persekolahan, buta huruf dan akses kepada pendidikan prasekolah. Seterusnya, dalam dimensi taraf hidup terdapat empat indikator pengukuran iaitu sumber kuasa (elektrik), bahan bakar memasak, atap, lantai dan dinding rumah dan pemilikan rumah (Jadual 2.8).


Jadual 2.8: Dimensi pengukuran multidimensi di Indonesia

<b>Dimensi</b>	<b>Indikator</b>	<b>Pemberat</b>
Kesihatan	Sanitasi	Rumah yang tidak mempunyai sistem sanitasi yang baik dan tidak mempunyai tandas di dalam rumah.
	Air Bersih	Rumah yang tidak mempunyai akses kepada air bersih/ dirawat/ paip/ perigi dan mempunyai jarak kurang 10 meter dari rumah untuk mendapatkan sumber air bersih.
	Bantuan Kelahiran	Proses kelahiran yang tidak mendapat bantuan atau pertolongan daripada mereka berkecukupan (dokter, bidan, dan paramedik).
	Nutrisi	Bayi/ kanak-kanak di bawah umur 5 tahun yang mengalami malnutrisi.
Pendidikan	Tamat Persekolahan	Kanak-kanak umur persekolahan yang tidak menamatkan pendidikan di peringkat menengah.
	Buta Huruf	Isi rumah umur produktif (15 tahun - 64 tahun) buta huruf.
	Akses kepada Pendidikan Prasekolah	Kanak-kanak umur prasekolah (3 tahun – 6 tahun) yang tidak mempunyai akses kepada prasekolah.
Taraf Hidup	Sumber Kuasa (Elektrik)	Rumah yang tidak mempunyai bekalan kuasa elektrik (lampu minyak, lampu picit dan selain sumber yang tidak menggunakan elektrik tidak melebihi 900 watt)
	Bahan Bakar Memasak	Isi rumah yang menggunakan minyak tanah, arang, kayu. Tidak menggunakan sumber elektrik atau gas.
	Atap, lantai, dinding rumah	Isi rumah yang mempunyai dua daripada tiga kriteria ini: i. Atap rumah yang diperbuat selain daripada konkrit, jubin, kayap, zink, asbestos. ii. Lantai rumah yang diperbuat selain daripada jubin, seramik, granit, marmar, simen kayu iii. Dinding rumah yang diperbuat selain daripada batu dan kayu.
	Pemilikan Rumah	Tidak memiliki kediaman sendiri (mendiami rumah sewa dan rumah keluarga)

Sumber: PRAKARSA (2014)




Kajian kemiskinan multidimensi di Indonesia ini meliputi kawasan luar bandar dan bandar. Hasil kajian mendapati sebanyak 42.4% kemiskinan multidimensi dicatatkan pada tahun 2012 kemudian menurun kepada 41.8% pada tahun 2013 dan 2014. Kajian ini juga mencatatkan kemiskinan di kawasan luar bandar adalah lebih buruk berbanding kawasan bandar namun dalam trend yang positif. Kemiskinan di luar bandar pada tahun 2012 mencatatkan sebanyak 43.4% kemudian menurun kepada 42.7% pada tahun 2013 dan 2014. Kajian di kawasan bandar pula mencatatkan trend peratusan tidak sekata bagi ketiga-tiga tahun yang dikaji. Pada tahun 2012 sebanyak 40.2 peratus kemiskinan multidimensi dicatatkan dan kemudian menurun kepada 39.6% pada tahun 2013 dan meningkat kepada 40% pada tahun 2014 (Rajah 2.5).



Rajah 2.5: Intensiti kemiskinan multidimensi di Indonesia bagi tahun 2012-2014

Sumber: PRAKARSA (2014)

Hasil kajian juga menunjukkan, sebahagian besar masyarakat di Indonesia mengalami kekurangan dalam indikator sumber kuasa (elektrik). Namun, berlaku perubahan positif di mana sebanyak 87.8% dicatatkan pada 2012 kepada 87.2% pada 2013 dan 85.3% pada tahun 2014. Indikator kedua yang mengalami kekurangan tertinggi di Indonesia adalah air bersih. Indikator ini mencatatkan penambahan peratusan kekurangan di mana pada tahun 2012 sebanyak 77.6% kepada 78.2% pada tahun 2013 dan sebanyak 78.4% pada tahun 2014 (Rajah 2.6).



Rajah 2.6: Peratusan kemiskinan di Indonesia melalui pendekatan multidimensi

Sumber: PRAKARSA (2014)

## 2.11 Kajian Lepas Berkaitan IKM di Malaysia

Kajian mengenai pengukuran kemiskinan melalui pendekatan multidimensi adalah masih baru dan jumlah yang sedikit di Malaysia. Kajian mendapati terdapat beberapa kajian lain yang telah dibuat menggunakan konsep kemiskinan multidimensi di negara ini. Namun, kajian-kajian tersebut masih mempunyai jurang yang perlu diperbaiki oleh penyelidik lain. Oleh itu, kajian ini mampu menambah baik kajian-kajian terdahulu.

Menurut kajian yang dibuat oleh Nadia Nabila Ibrahim et al. (2011), bertajuk indeks kemiskinan multidimensi dan aplikasinya di Malaysia: kajian kes pelajar UiTM Kampus Shah Alam, telah dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan pembangunan dengan polisi awam yang diguna pakai melalui perspektif kemiskinan multidimensi. Kajian ini telah menggunakan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Shah Alam sebagai responden dengan mengaplikasikan konsep IKM ke dalam suasana akademik pelajar. Oleh yang demikian, penyelidik dapat mengetahui hubungan antara prestasi akademik dengan kualiti hidup pelajar. Kajian ini memperuntukkan tiga dimensi utama mewakili kualiti hidup sebagai pemboleh ubah iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Hasil kajian mendapati, sebahagian besar daripada pelajar UiTM Kampus Shah Alam dikategorikan sebagai miskin multidimensi apabila nilai IKM yang diperoleh adalah dalam lingkungan 0.71 hingga 0.91 dalam pemboleh ubah kesihatan dan kualiti hidup yang dikaji. Selain itu, kajian mendapati terdapat pelajar yang mempunyai latar belakang miskin namun, mempunyai prestasi yang baik dalam akademik. Hal ini membuktikan terdapat hubungan negatif antara pencapaian prestasi pelajar dengan latar belakang keluarga yang miskin dan mempunyai kualiti hidup yang rendah.

Menurut kajian Mohamed Saladin Abdul Rasool et al. (2011), bertajuk pengukuran kemiskinan di Malaysia: sebuah kajian literatur. Kajian ini memberi penekanan terhadap usaha menghapuskan masalah kemiskinan dan peningkatan ketidakseimbangan taraf hidup. Kemiskinan dan ketidakseimbangan perlu diukur dengan

tepat bagi membolehkan pihak kerajaan memantau kemajuan program yang dilaksanakan dan projek yang masih di peringkat pelaksanaan bagi memastikan insentif yang sewajarnya diberikan. Kemiskinan membawa erti yang berbeza bagi kelompok masyarakat yang berlainan dengan mengambil kira pelbagai faktor. Lazimnya, kemiskinan diukur berdasarkan kepada jangka hayat yang pendek, kadar buta huruf yang tinggi dan kekurangan sumber. Di Malaysia, kemiskinan diukur menggunakan PGK sebagai penanda aras pendapatan bulanan yang diperoleh oleh isi rumah. Oleh itu, kertas penyelidikan ini dibuat untuk menjadi kayu ukur kemiskinan yang berbeza dengan menggunakan IKM dalam menentukan tahap kemiskinan masyarakat di Malaysia. IKM adalah pendekatan yang telah digunakan di peringkat global dengan tidak hanya mengambil kira aspek pendapatan sahaja sebagai pengukuran tahap kemiskinan. Selain itu, IKM adalah bersifat holistik dalam menjadi alternatif pengukuran kemiskinan.

Selain itu, kajian Siti Hadijah Che Mat et al. (2012), bertajuk indeks kemiskinan pelbagai dimensi sebagai alternatif pengukuran kemiskinan, telah mengaplikasikan IKM sebagai satu pengukuran untuk mengukur kemiskinan bagi Daerah Baling, Kedah. Terdapat 14 indikator dalam empat dimensi yang dikaji iaitu dimensi pendidikan, kesihatan, kesejahteraan dan kekayaan. Kajian telah dilakukan ke atas 198 isi rumah di Daerah Baling. Keputusan kajian menunjukkan selain dimensi ternakan, sebanyak 87.37% isi rumah menghadapi kekurangan dalam mendapatkan makanan yang berzat dan 70.20% isi rumah kekurangan dalam dimensi pemilikan tanah.

Kajian Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat (2014), bertajuk realiti kemiskinan: satu kajian teoretikal, membincangkan kaedah atau metodologi baru bagi mengenal pasti isi rumah miskin berdasarkan realiti sebenar kemiskinan. Dalam konteks kemiskinan di Malaysia, kemiskinan dijelaskan melalui perspektif kewangan. Melalui konsep ini kemiskinan terbahagi kepada kemiskinan mutlak/tegar dan kemiskinan relatif. Walaupun begitu, kemiskinan mutlak kerap kali menjadi penanda aras tahap kemiskinan

Malaysia berdasarkan kepada PGK. Pengukuran kemiskinan multidimensi belum lagi digunakan dan dijadikan asas kepada pembuat dasar untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. Pengukuran kemiskinan multidimensi ini lebih kepada langkah-langkah mengenal pasti “siapa yang miskin” berdasarkan kekurangan yang dialami dalam setiap dimensi. Dengan pengukuran kemiskinan multidimensi ini, identiti atau ciri-ciri orang yang miskin wujud pada dua tahap atau peringkat. Tahap pertama ialah mengenal pasti kekurangan individu dalam setiap dimensi dan seterusnya melibatkan definisi kemiskinan menerusi semua dimensi. Kemiskinan multidimensi, merupakan satu kaedah pengukuran kemiskinan yang dapat membuktikan kekurangan sebenar ataupun realiti kemiskinan yang dialami oleh sesebuah isi rumah.

## **2.12 Kerangka Teoretikal Kajian**

Pada asasnya, dalam sistem ekonomi konvensional terdapat empat konsep kemiskinan dikenal pasti iaitu pendekatan monetari, pendekatan keupayaan, penyisihan sosial dan penilaian penyertaan kemiskinan (Laderchi, 2003; Mohd Fauzi Harun & Ahmad Fauzee Abdullah, 2007). Pembangunan pengukuran kemiskinan moden meliputi tiga tahap iaitu bermula dengan pendekatan kemiskinan tegar yang dicetuskan oleh Rowntree pada awal abad ke-29 di England. Pendekatan ini juga menjadi asas kepada pengenalan terhadap pengukuran kemiskinan relatif yang dicetuskan oleh Townsend (1979). Kedua-dua pendekatan ini secara asasnya mengukur kemiskinan berdasarkan sumber material. Tahap kedua adalah pengenalan kemiskinan yang diukur berdasarkan keadaan kehidupan dan kekurangan dialami masyarakat. Ia dijelaskan oleh Ringen (1985) dan Bergman (2002) kemudian disokong oleh Sen (1979, 1980 & 1987) yang telah memperkenalkan aspek kekurangan dan keupayaan sebagai definisi kemiskinan yang lebih lengkap berdasarkan indeks. Tahap ketiga adalah pendekatan penyisihan sosial yang menjelaskan kemiskinan perlu mengambil kira kekurangan bagi individu disisihkan

dalam kehidupan harian, budaya dan aktiviti. Pada masa kini, kemiskinan telah diterima sebagai suatu fenomena bersifat multidimensi di mana menggunakan pelbagai kaedah seperti pendekatan penyertaan kemiskinan yang turut mengambil kira perspektif kemiskinan berdasarkan pandangan masyarakat miskin secara langsung.

Oleh itu, kajian ini menggunakan tiga teori kemiskinan yang diasaskan oleh Sen iaitu teori kemiskinan dan kebuluran, teori kemiskinan dan ketidaksamarataan dan teori keupayaan. Teori-teori ini juga adalah asas kepada pengukuran kemiskinan multidimensi Alkire dan Foster (2007); Alkire dan Santos (2013). Seterusnya menjadi asas kepada pengukuran kemiskinan multidimensi bagi UNDP di peringkat global. Namun begitu, masih tidak terdapat teori kemiskinan yang menggunakan pendekatan kemiskinan multidimensi terhadap masyarakat Orang Asli khususnya di Malaysia.

a. Teori kemiskinan dan kebuluran

Teori kemiskinan dan kebuluran ini telah dicetuskan oleh Sen (1981), dalam penulisannya yang bertajuk '*Entitlement and Deprivation*' menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara kadar kemiskinan individu dengan ketidaksamarataan kekurangan bagi mereka yang berada di bawah PGK. Menurutnya, terdapat pelbagai faktor yang mendorong berlakunya kebuluran dan ia tidak diukur sewajarnya dalam pengiraan PGK. Menurut beliau lagi, sekiranya harga beras di pasaran meningkat, keupayaan membeli beras terutama bagi masyarakat luar bandar akan berkurangan. Namun, terdapat penurunan relatif dalam harga barangan keperluan lain seperti gandum, tepung, minyak, pakaian, susu dan ikan. Teori ini juga menyatakan terdapat beberapa faktor lain yang turut mendorong kenaikan harga barangan komoditi seperti inflasi dan pengurangan penawaran dalam pasaran.

Secara keseluruhannya, teori ini menggambarkan mekanisme kemiskinan dan kebuluran sesebuah masyarakat yang tidak diukur secara komprehensif melalui PGK. Pengukuran kemiskinan perlu bersifat holistik di mana merangkumi pelbagai dimensi

keperluan hidup yang lain seperti pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Pengukuran melalui satu indikator sahaja yang diketengahkan dalam pengukuran PGK adalah tidak tepat untuk mengklasifikasikan seseorang individu itu miskin.

b. Teori kemiskinan dan ketidaksamarataan

Teori ini juga turut dicetuskan oleh Amartya Kumar Sen dalam memerangi kemiskinan di India. Beliau mendapati terdapat ketidaksamarataan agihan pendapatan dan perbelanjaan dalam kalangan masyarakat yang berada di bawah garis kemiskinan di India. Hasil kajian beliau mendapati, sekiranya taburan kemiskinan adalah tinggi, maka terdapat jurang pendapatan dan ketidaksamarataan yang sangat besar dalam kalangan individu di bawah garis kemiskinan. Oleh itu, Sen telah mencipta formula yang dikenali sebagai Indeks Sen dalam mengira kemiskinan iaitu:

$$P = [1 + (1 - 1) G] H.$$

Di mana,

P = Indeks kemiskinan

1 = Hasil pengiraan taburan

G = Pekali gini

H = Nisbah individu di bawah garis kemiskinan

Menurut Sen, kaedah pengukuran dalam garis kemiskinan perlu bersifat lebih terbuka dan bebas bagi mengurangkan ketidaksamarataan kemiskinan dalam masyarakat. Pengukuran lebih sensitif untuk mengubah taburan parameter dalam kelompok garis kemiskinan, perubahan dalam indeks harga gaji-barangan, perubahan dalam harga relatif gaji-barangan ekoran daripada perubahan produktiviti barang akhir. Menerusi kajian Sen, terdapat banyak faktor lain yang turut menjadi punca kemiskinan di India selain faktor

pendapatan seperti buta huruf, kesihatan, pengangguran, karenah birokrasi dan sebagainya. Di samping itu, beliau mendapati terdapat ketidaksamarataan agihan dalam aspek kesihatan dan pendapatan. Oleh itu, hanya sebilangan individu sahaja yang dapat mengumpul kekayaan. Hal ini disebabkan oleh kadar buta huruf yang tinggi di India menjadikan mereka sering kali ditindas oleh majikan dan golongan berkepentingan. Selain itu, berlaku diskriminasi golongan wanita di India walaupun mereka lebih mengalami kekurangan dalam indikator bekalan makanan yang mencukupi, pendidikan dan kesihatan. Hasil kajian Sen juga mendapati, kadar kematian golongan wanita dan kanak-kanak lebih tinggi berbanding golongan lelaki akibat kebuluran dan kemiskinan.

Berdasarkan teori ini juga, jelas membuktikan kemiskinan unidimensi atau pengiraan kemiskinan melalui satu dimensi sahaja mempunyai skop pengukuran yang begitu terhad dan tidak menggambarkan tahap kemiskinan sebenar individu dan masyarakat. Pengukuran ini memperlihatkan ketidaksamarataan dalam pelbagai aspek kesejahteraan hidup yang lain. Ekoran itu, selain pengukuran kemiskinan menggunakan indikator pendapatan melalui garis kemiskinan, masih terdapat indikator-indikator lain yang turut memberi impak terhadap kemiskinan seperti pendidikan dan kesihatan.

### c. Teori keupayaan

Teori Keupayaan (*capability theory*) merupakan satu teori ekonomi yang menitikberatkan elemen kebajikan. Idea ini dicetuskan oleh Sen (1985), sebagai asas dan pelengkap kepada beberapa konsep pembangunan kesejahteraan hidup manusia. Pendekatan keupayaan ini mengambil kira aspek bukan pendapatan seperti jangka hayat, pendidikan dan kadar kematian kanak-kanak dalam mengira kemiskinan. Teori ini juga memberi fokus terhadap kualiti hidup dan menghapuskan halangan bagi membolehkan masyarakat menikmati kebebasan melakukan aktiviti asas yang diperlukan bagi mengelak kemiskinan. Sen (1997), turut menjelaskan fungsi aktiviti dan tindakan individu yang



perlu mengambil kira aspek pekerjaan, istirahat, kesihatan, pendidikan dan dihormati. Teori ini juga telah menjadi asas kepada Akire dan Foster (2007); Alkire dan Santos (2013) dalam mengukur kemiskinan multidimensi. Seterusnya ia dibangunkan dan digunakan di peringkat dunia oleh PBB dalam menilai Pertumbuhan, MPM, Hak Asasi Manusia dan Keselamatan Manusia.

Menurut Nussbaum dan Sen (1993), teori keupayaan merupakan pilihan atau keupayaan individu dalam memperoleh kehidupan yang lebih baik. Teori ini juga dapat dilihat dalam dua teras utama iaitu pertama adalah kebebasan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik terutama dalam aspek kepentingan moral dan kedua adalah kebebasan dalam mencapai kesejahteraan hidup dalam aspek keupayaan keadaan dan melaksanakan “*being and doing*”. Sen (1985), mengambil berat terhadap lima aspek dalam menilai keupayaan:

- a. Kepentingan kebebasan sebenar dalam menilai kelebihan seseorang.
- b. Perbezaan keupayaan individu mengubah sumber kepada aktiviti bernilai.
- c. Sifat aktiviti multivariat menjadi kegembiraan.
- d. Keseimbangan faktor material dan bukan material dalam kebajikan.
- e. Mengambil kira agihan peluang dalam kalangan masyarakat.

Teori keupayaan ini juga telah dibahaskan oleh pakar-pakar pelbagai bidang seperti Nussbaum (falsafah politik) (1992), Anand (1977) (ekonomi pembangunan) dan Foster (teori ekonomi) (2007), untuk menjadikannya sebagai salah satu polisi penting dalam Indeks Pembangunan Manusia di PBB. Teori ini adalah penting dalam mengira pembangunan manusia, keupayaan mendapatkan kesihatan, pendidikan dan pendapatan yang baik.

Teori Keupayaan yang dikemukakan oleh Sen, cuba untuk mengenal pasti faktor kesejahteraan masyarakat. Antaranya adalah:

- a. Individu dapat dibezakan melalui keupayaan mengubah sumber yang sama kepada sesuatu yang berfungsi atau lebih baik '*being and doing*'. Individu kurang upaya fizikal memerlukan keperluan khas untuk mencapai mobilitinya. Bagi wanita mengandung, memerlukan nutrisi khas untuk memperoleh kesihatan lebih baik. Oleh itu, penilaian tidak spesifik dan hanya memberi fokus terhadap individu tertentu tanpa mengambil kira keupayaan individu lain adalah tidak tepat.
- b. Individu dapat menerima kekurangan menjadikan mereka tidak dapat menjangkakan apa yang boleh lakukan. Situasi ini dipanggil "menerima keadaan" (*adaptive preferences*) dan ia tidak sesuai dalam memajukan diri. Contohnya, masih yakin kesihatan diri dalam keadaan baik. Oleh itu, penilaian yang hanya berfokus terhadap metrik mental yang subjektif tanpa mengambil kira ia dapat disesuaikan dengan objektif yang lebih baik adalah tidak tepat.
- c. Sama ada individu mengambil pilihan yang ada dan tetap mempunyai pilihan yang lebih baik dan signifikan. Contohnya, pengambilan nutrisi individu berpuasa dan kelaparan adalah sama namun, hakikatnya berpuasa adalah pilihan untuk tidak mengambil sebarang makanan. Manakala, kelaparan bukanlah satu pilihan individu. Oleh itu, penilaian perlulah lebih sensitif terhadap pencapaian sebenar "*functionings*" dan kebebasan efektif "*capability*".
- d. Realiti adalah sukar dan penilaian perlu mengambil kira tahap yang kompleks berbanding mengambil jalan mudah dengan tidak mengambil kira semua maklumat diperlukan. Contohnya, kegembiraan adalah elemen penting dalam menentukan kesejahteraan individu namun, ia bukanlah satu faktor dominan. Ia perlu mengambil kira aspek lain yang dirasakan perlu. Oleh itu, penilaian terhadap kesejahteraan individu memerlukan skop lebih luas.

Oleh yang demikian, teori keupayaan ini menjelaskan seseorang individu dapat diklasifikasikan sebagai miskin sekiranya mengalami kekurangan dalam keperluan asas dan elemen kesejahteraan hidup, fungsi dan keupayaan. Selain itu, teori ini juga menggambarkan kemiskinan turut berlaku sekiranya seseorang individu tidak mampu untuk mengubah indikator yang ada kepada sesuatu yang lebih baik atau bernilai.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga teori yang menjadi asas kajian ini menjelaskan pengukuran kemiskinan perlu menyentuh pelbagai dimensi kemiskinan dan lebih sensitif terhadap kekurangan yang dihadapi dalam menentukan tahap kemiskinan sebenar sesebuah masyarakat. Perkara ini dijelaskan secara khusus oleh Sen dalam teori kemiskinan dan kebuluran serta teori kemiskinan dan ketidaksamarataan di atas. Namun, selain mengukur tahap kemiskinan dalam pelbagai dimensi, teori keupayaan turut menjelaskan kemiskinan akan terus berlaku sekiranya tiada bantuan yang diberikan kepada golongan sasaran.

Oleh itu, teori-teori ini perlu menjadi asas kajian dalam menentukan tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Kemiskinan masyarakat Orang Asli perlu dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan hidup. Menurut JAKOA (2011), masih terdapat masyarakat Orang Asli yang tidak bersekolah, tidak mendapat akses kepada rawatan kesihatan (klinik), mengalami malnutrisi, tiada akses jalan yang baik (jalan berturap), tidak mempunyai rumah yang baik, sistem sanitasi yang buruk, tiada bekalan elektrik dan air dirawat (paip) di rumah selain hanya bergantung kepada sumber hutan sebagai sumber ekonomi utama. Indikator-indikator ini perlu dimasukkan ke dalam pengukuran kemiskinan masyarakat Orang Asli bagi menentukan tahap kemiskinan mereka.

Selain itu, masyarakat Orang Asli merupakan satu kelompok masyarakat minoriti terpinggir yang lazimnya miskin dan sangat memerlukan perhatian pihak kerajaan dalam menjadikan aspek kesejahteraan hidup mereka seiring dengan masyarakat dalam arus

perdana (Ramle Abdullah, 2014; Mohd Zahedi Daud, 2007). Pada kebiasaannya, masyarakat Orang Asli tinggal di dalam kawasan pedalaman dan dikelilingi oleh pelbagai sumber ekonomi semula jadi yang berpotensi untuk dibangunkan menjadi sumber ekonomi alternatif secara komersial bagi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka seperti hutan, sungai, tasik, tanah dan sebagainya (Muhammad Fuad Abdullah et al., 2016; Wagaman, 2007). Namun, golongan ini tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran atau skil (fungsi) yang baik untuk mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada (Ma'rof Redzuan & Zahid Emby, 2008). Oleh itu, peranan pihak bertanggungjawab diperlukan dalam menangani isu ini agar sumber yang dimiliki tidak disia-siakan. Seterusnya dapat mengeluarkan masyarakat Orang Asli daripada kemiskinan.

### 2.13 Rumusan

Bab ini menjelaskan tentang konsep dan teori kemiskinan yang digunakan dalam kajian ini di mana ia dapat membantu menguatkan lagi kefahaman terhadap pengukuran kemiskinan secara multidimensi. Konsep kemiskinan pada dasarnya tidak mempunyai definisi yang khusus di mana ia tidak meletakkan suatu indikator sebagai aspek asas yang perlu wujud dalam mengukur tahap kemiskinan. Namun, pengukuran kemiskinan yang sebenar perlu mengambil kira semua aspek kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat dan tidak hanya bersandarkan kepada satu komponen sahaja (monetari). Oleh itu, pengukuran kemiskinan berteraskan multidimensi diwujudkan di peringkat global kerana ia merangkumi pelbagai komponen kesejahteraan hidup masyarakat.

Konsep kemiskinan di Malaysia pada dasarnya telah merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan hidup iaitu dilihat melalui IKHM. Namun, ianya tidak dijadikan sebagai salah satu asas pengukuran dalam menentukan tahap kemiskinan di negara ini. Sebaliknya, Malaysia masih menggunakan PGK yang hanya menggunakan komponen pendapatan atau perbelanjaan sahaja dalam mengklasifikasikan kemiskinan sesebuah masyarakat. Pengukuran yang bersifat unidimensi ini tidak mencerminkan tahap kemiskinan sebenar sesebuah masyarakat kerana pengukurannya tidak merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan hidup masyarakat.

Pengukuran IKM merupakan suatu indeks kemiskinan yang dicetuskan oleh Alkire dan Foster dan telah dibangunkan di peringkat global oleh UNDP dalam mengukur kemiskinan sejagat. Pengukuran IKM ini merangkumi tiga dimensi iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup dan dipecahkan kepada 10 indikator yang lain. Namun, pengukuran ini bersifat fleksibel di mana setiap negara berhak untuk menentukan dimensi dan indikator pengukuran mengikut kesesuaian negara masing-masing dan dapat mengukur tahap kemiskinan individu miskin dalam kelompok masyarakat miskin dalam populasi yang kecil. Oleh itu, kajian ini menambah baik pengukuran kemiskinan IKM

yang digunakan oleh UNDP dengan penambahan beberapa dimensi dan indikator pengukuran yang lain.

Subjek kajian ini adalah masyarakat Orang Asli di Terengganu kerana seperti yang diketahui umum, masyarakat Orang Asli sering kali dikaitkan dengan kemunduran, kemiskinan dan kedaifan dalam pelbagai aspek termasuk sosial, ekonomi mahupun politik. Oleh itu, kajian ini meneliti secara terperinci menggunakan pendekatan IKM untuk mengetahui sejauh mana tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Bab ini juga menjelaskan impak pembangunan lestari terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pembangunan lestari adalah pembangunan yang mampu memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa menolak keupayaan generasi akan datang dalam memenuhi kehendak dan keperluan. Pembangunan lestari ini juga turut mengambil kira pelbagai aspek kesejahteraan hidup masyarakat seperti sosioekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar. Pembangunan lestari ini mewujudkan komuniti yang menambah baik kualiti hidup dengan memelihara biodiversiti.

Walaupun konsep IKM telah digunakan secara meluas di seluruh dunia namun, kajian literatur menunjukkan masih kurang kajian berkaitan kemiskinan khususnya berkaitan masyarakat Orang Asli yang menggunakan pendekatan IKM. Oleh itu, kaedah pendekatan IKM ini dijangkakan akan dapat memberi impak yang besar dalam sistem sosioekonomi, polisi dan budaya masyarakat Orang Asli di negara ini.

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

### 3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu mengkaji kemiskinan multidimensi bagi masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Pada asasnya, kaedah trigulasi yang digunakan dalam kajian ini telah melibatkan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan disokong oleh kaedah kualitatif sebagai data primer manakala, analisis dokumen sebagai data sekunder. Pengumpulan data melalui pelbagai sumber ini dapat menghasilkan penyelidikan yang lebih kukuh untuk memahami situasi sebenar dalam mengupas isu kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Negeri Terengganu mempunyai populasi masyarakat Orang Asli kedua terkecil di Malaysia. Skop kajian ini adalah melibatkan ketua isi rumah (KIR) masyarakat Orang Asli di tiga perkampungan penempatan semula Orang Asli di Terengganu. Jumlah populasi masyarakat Orang Asli di sini yang tidak terlalu ramai membolehkan jumlah saiz sampel yang ideal diperolehi bagi merangkumi populasi.

Bab ini juga menunjukkan beberapa kaedah analisis data yang digunakan di dalam kajian seperti analisis deskriptif, ujian khi-kuasa dua (*Chi-Square*) dan pengukuran kemiskinan multidimensi. Pada asasnya, kajian ini telah mengadaptasi model pengukuran kemiskinan multidimensi UNDP dan telah diubahsuai dengan keadaan dan latar belakang masyarakat Orang Asli di Terengganu. Penambahbaikan ini adalah berdasarkan kajian-kajian lepas dan kajian rintis yang telah dibuat. Ekoran daripada itu, kajian ini telah ditambah baik dengan menggunakan empat dimensi dan 17 indikator pengukuran kemiskinan multidimensi berbanding hanya tiga dimensi dan 10 indikator pengukuran UNDP di peringkat global. Oleh itu, kajian ini adalah lebih komprehensif dan inklusif dalam mengukur tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap kemiskinan sebenar dengan mengaplikasikan IKM dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Masyarakat Orang Asli sering kali dikaitkan dengan faktor kemunduran, kemiskinan dan kehidupan yang serba kedaifan dalam pelbagai aspek termasuk sosial, ekonomi mahupun politik. Walau bagaimanapun, pengukuran tahap kemiskinan yang digunakan telah menimbulkan satu persoalan yang serius iaitu sejauh mana kaedah pengukuran kemiskinan yang telah dilakukan sekarang, dapat mengukur tahap kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli secara holistik, inklusif dan komprehensif? Sedangkan, pengukuran kemiskinan PGK yang digunakan oleh Malaysia hanya mengambil kira elemen pendapatan atau perbelanjaan sahaja. Oleh itu, kajian ini meneliti dengan lebih terperinci melalui pendekatan pengukuran kemiskinan yang telah diguna pakai oleh UNDP pada tahun 2010 untuk diaplikasikan kepada masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Reka bentuk kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang kompleks dengan menggabungkan pendekatan sosiologi.


Terdapat tiga kaedah penyelidikan yang boleh digunakan dalam sesuatu kajian iaitu kuantitatif, kualitatif dan penyelidikan campuran (Migiro & Magangi, 2011). Ekoran daripada itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kaedah kualitatif turut digunakan untuk menyokong dan menentu sahkan hasil dapatan kuantitatif yang diperoleh. Menurut Denzin (2012), penggunaan kedua-dua pendekatan (kuantitatif dan kualitatif) ini membolehkan ahli sosiologi memahami situasi masyarakat yang dikaji secara makro (cenderung deterministik-boleh diramal) dan struktur mikro (perlunya penjelasan dan proses kreatif-interaktif). Selain itu, menurut Creswell (2009), pendekatan kaedah kuantitatif mampu untuk memberi kerangka realiti sosial dan kaedah kualitatif pula dapat menempatkan data kuantitatif yang diperoleh dalam perspektif yang benar. Kaedah ini



juga saling melengkapi kekurangan yang terdapat dalam kaedah kuantitatif mahupun kualitatif yang digunakan dalam kajian yang dilakukan (Greene et. al., 1989; Tashakkori & Teddlie, 1998). Kaedah ini digunakan berdasarkan kepada permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian (Wilson, 1997; Mckinlay, 1993; Baum, 1995). Kaedah ini lebih kompleks berbanding penyelidikan yang hanya menggunakan satu kaedah sahaja (Sieber, 1973). Penggunaan kedua-dua kaedah ini dapat menjadikan hasil penyelidikan lebih tepat dan isu dikaji dapat dijelaskan dengan baik (Giddens, 2013).

Selain itu, kajian ini bermatlamat untuk menjelaskan tahap kemiskinan multidimensi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Oleh itu, bagi mendapatkan penjelasan yang lebih sempurna tentang tahap kemiskinan masyarakat minoriti ini, maklumat yang tepat perlu diperoleh (Konting, 1990). Tujuan penggunaan kaedah penyelidikan kualitatif adalah untuk menyokong dan menentu sahkan dapatan kuantitatif yang diperoleh berkaitan tahap kemiskinan sebenar masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu melalui pendekatan kemiskinan multidimensi yang dicituskan oleh UNDP.


Berdasarkan reka bentuk kaedah kajian yang dicituskan Creswell (2003), menunjukkan reka bentuk kaedah kajian yang mana data kuantitatif telah dikumpulkan terlebih dahulu dan diikuti oleh data kualitatif (Rajah 3.0). Rangka kerja penyelidik bermula dengan menyatakan teori-teori kajian, mengumpul data kuantitatif dan menganalisis data yang diperoleh. Hasil analisis kajian kuantitatif menentukan jenis data yang digunakan dalam kajian kualitatif dan dianalisis sebagai sokongan (Konting, 1990). Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan terlebih dahulu berdasarkan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan kajian literatur dan diikuti dengan kaedah kualitatif bagi mengetahui corak kajian.



Rajah 3.0: Reka bentuk kaedah kajian  
 Sumber: Diadaptasi daripada Creswell (2003)

### 3.2 Trigulasi Data

Trigulasi data adalah suatu pendekatan analisis data yang menggabungkan pelbagai sumber data sama ada berbentuk teoretikal, kuantitatif dan kualitatif. Menurut Cohen dan Manion (1989), proses trigulasi mampu untuk menjelaskan menggabungkan, mengeluarkan, data yang kompleks berdasarkan kajian berkaitan masyarakat daripada pelbagai sumber. Menurut Creswell (2005), pengumpulan data daripada pelbagai sumber merupakan salah satu proses trigulasi yang bertujuan untuk mempertingkatkan kesahan, kebolehpercayaan dan kejitian data kajian. Kaedah trigulasi diperlukan bagi saling melengkapi kekurangan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Menurut Denzin (2010), kaedah trigulasi melibatkan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai sesuatu isu walaupun menggunakan subjek (responden) yang sama. Pendekatan kaedah ini digunakan bagi memperkukuhkan data dan meningkatkan kefahaman terhadap hasil kajian yang diperoleh (Lincoln & Guba, 2000). Model trigulasi yang diasaskan oleh Creswell dan Plano (2007) (Rajah 3.1):



Rajah 3.1: Model trigulasi kajian kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu  
 Sumber: Diadaptasi daripada Creswell & Plano (2007)

Pendekatan kaedah trigulasi diguna pakai dalam kajian ini untuk meneliti hasil dapatan kuantitatif dan kualitatif mengenai tahap kemiskinan sebenar masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu melalui pendekatan pengukuran kemiskinan multidimensi. Kaedah ini digunakan bagi menguatkan lagi huraian bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.

### 3.3 Populasi dan Sampel Kajian


Secara keseluruhannya, seramai 178,197 orang masyarakat Orang Asli yang mendiami Semenanjung Malaysia. Skop kajian ini adalah masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Terdapat kira-kira 893 orang masyarakat Orang Asli yang mendiami negeri Terengganu. Negeri Terengganu juga mempunyai jumlah populasi masyarakat Orang Asli kedua terkecil di Malaysia selepas negeri Kedah (Jadual 3.0) (JAKOA, 2010). Sampel kajian ini dipilih kerana jumlah populasi masyarakat Orang Asli di Terengganu yang tidak terlalu ramai memberi peluang kepada penyelidik untuk mendapatkan jumlah saiz sampel ideal yang dapat merangkumi populasi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Tambahan pula, masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu ini masih kurang mendapat liputan kajian ilmiah. Hal ini disokong oleh Ramle Abdullah (2014) dan JAKOA (2013), yang menyatakan masyarakat Orang Asli di Terengganu merupakan masyarakat minoriti yang kurang mendapat perhatian umum dan penyelidik kerana hanya menyumbang 0.5% daripada populasi masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Jadual 3.0: Taburan masyarakat Orang Asli mengikut suku kaum di setiap negeri

Negeri	Negrato	Senoi	Melayu-Proto	Jumlah
Pahang	925	29,439	37,142	67,506
Perak	2,413	50,281	605	53,299
Kedah	251	19	0	270
Selangor	3	5,073	12,511	17,587
Kelantan	1,381	12,047	29	13,457
Terengganu	34	818	41	893
N. Sembilan	0	96	10,435	10,531
Melaka	1	28	1,486	1,515
Johor	1	55	13,083	13,139
<b>Jumlah</b>	5,009	97,856	75332	178,197

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2016)

Kajian ini menggunakan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu sebagai sampel kajian. Di Terengganu, hanya terdapat tiga buah perkampungan semula Orang Asli iaitu Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu, Kampung Sungai Pergam, Kemaman dan Kampung Sungai Sayap, Besut (Rajah 3.2).



Rajah 3.2: Kedudukan perkampungan Orang Asli di Terengganu

Sumber: Diadaptasi daripada Ramle Abdullah (2014)

### 3.3.1 Responden

Secara keseluruhannya, kajian ini hanya melibatkan ketua isi rumah (KIR) masyarakat Orang Asli di tiga buah kampung penempatan semula Orang Asli di negeri Terengganu. Sampel kajian ini melibatkan 241 orang KIR masyarakat Orang Asli. Seramai 93 orang daripada 98 orang KIR dari Kampung Sungai Berua di Daerah Hulu Terengganu telah berjaya diperoleh sebagai responden kajian ini. Manakala, kesemua 140 orang KIR Kampung Sungai Pergam di Daerah Kemaman telah berjaya diperoleh sebagai responden kajian ini. Seterusnya, kesemua lapan orang KIR Kampung Sungai Sayap di Daerah Besut berjaya diperoleh sebagai responden kajian ini (Jadual 3.1).

Jadual 3.1: Bilangan responden

Daerah	Kampung	Kawasan	Ketua Isi Rumah (KIR) (Orang)	
			Responden	Penduduk
Besut	Kg. Sg. Sayap	Pinggir	8	8
Hulu Terengganu	Kg. Sg. Berua	Pinggir	93	98
Kemaman	Kg. Sg. Pergam	Pinggir	140	140
Jumlah (Orang)			241	246

Sumber: Hasil kajian penyelidikan

### 3.3.2 Informan

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam sebagai salah satu daripada teknik pengumpulan data. Kaedah ini telah melibatkan 24 orang informan daripada pelbagai latar belakang dalam memberikan maklumat dan pandangan mereka mengenai kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu (Jadual 3.2). Menurut Creswell (1998), seramai lima hingga 25 orang informan sudah memadai untuk ditemu bual dalam kajian kualitatif. Perkara ini disokong oleh Morse (1994), yang menyatakan enam orang informan adalah cukup untuk melengkapinya kaedah kualitatif.

Daripada jumlah tersebut (24 orang informan), seramai lapan orang informan telah ditemu bual semasa kajian rintis dilakukan. Temu bual awal iaitu semasa kajian rintis ini adalah penting bagi mendapatkan gambaran awal mengenai latar belakang masyarakat serta mendapatkan isu-isu berkaitan dimensi-dimensi kemiskinan yang dikaji. Hasil kajian awal yang diperolehi ini merupakan salah satu elemen yang menentukan indikator kemiskinan yang digunakan oleh penyelidik dalam mengukur tahap kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Daripada jumlah informan kajian rintis tersebut (8 orang informan), seramai tiga orang informan ditemu bual adalah dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang tidak memegang sebarang jawatan dalam perkampungan yang dikaji, berstatus penduduk asal kampung tersebut dan berumur 20 tahun ke atas. Selain itu, seorang informan adalah dari

Pejabat Kesihatan Hulu Terengganu, seorang informan yang mewakili aspek pendidikan dan seorang informan daripada JAKOA.

Selain itu, daripada jumlah keseluruhan informan (24 orang) seramai 16 orang responden telah ditemu bual secara mendalam semasa kajian lapangan. Daripada jumlah tersebut, seramai lima orang adalah daripada masyarakat Orang Asli, seramai tiga orang daripada pihak jawatan kuasa kemajuan kampung (JKKK), seorang daripada pihak pejabat kesihatan daerah dan klinik desa, empat orang daripada wakil bahagian pendidikan (sekolah) serta tiga orang daripada pihak JAKOA daerah.

Fokus utama kaedah temu bual mendalam yang dilakukan ke atas informan-informan ini adalah untuk memandu arah tuju kajian selain kaedah kuantitatif yang digunakan, mencari faktor dan penyelesaian sesuatu isu kemiskinan multidimensi yang dialami oleh masyarakat Orang Asli dan sebagai sokongan kepada dapatan kuantitatif yang diperolehi dalam mencapai objektif ditetapkan. Kaedah temu bual separa berstruktur dan tidak berstruktur telah digunakan dalam mencapai objek tersebut. Oleh itu, kaedah pensampelan bertujuan digunakan sebagai untuk menerokai dan mendapatkan maklumat yang mendalam daripada informan yang terlibat.

Jadual 3.2: Senarai informan bagi kaedah temu bual

Bil.	Kumpulan	Jawatan	Organisasi/ Tempat	Daerah	Bilangan Informan	Kod
1.	Masyarakat Orang Asli	Tiada	Kg. Sg. Berua	Hulu Terengganu	3	MOAB1
		Tiada				MOAB2
		Tiada				MOABR*
		Tiada	Kg. Sg. Pergam	Kemaman	3	MOAP1
		Tiada				MOAP2
		Tiada				MOAPR*
		Tiada	Kg. Sg. Sayap	Besut	2	MOAS1
Tiada	MOASR*					
2.	Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung (JKKK)	Setiausaha	Kg. Sg. Berua	Hulu Terengganu	2	JKKKB
		AJK				JKKKBR*
		Batin	Kg. Sg. Pergam	Kemaman	2	JKKKP
		AJK				JKKKPR*
		Pemangku Batin	Kg. Sg. Sayap	Besut	1	JKKKS

Sambungan...

Jadual 3.2: Senarai informan bagi kaedah temu bual

Bil.	Kumpulan	Jawatan	Organisasi/ Tempat	Daerah	Bilangan Informan	Kod
3.	Kesihatan	Pegawai Kesihatan Daerah	Pejabat Kesihatan Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	2	KKOA
		Pegawai Kesihatan Daerah (Unit Vektor)				KKOAR*
4.	Pendidikan (Sekolah)	Guru Besar	SK Berua	Hulu Terengganu	3	SSGB1
		Guru Penolong Kanan (SK)				SSGBR*
		Guru Penolong Kanan (SMK)	SMK Jenagor		SSGB2	
		Guru Penolong Kanan Pengetua	Kg. Sg. Pergam SMK Felda Neram	Kemaman	2	SSGP1 SSGP2
5.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	Pegawai Tadbir	Kg. Sg. Berua	Hulu Terengganu	2	JAKOAB
		Pegawai Tadbir				JAKOABR*
		Pegawai Tadbir	Kg. Sg. Pergam	Kemaman	1	JAKOAP
		Pegawai Kanan JAKOA	Kuala Terengganu	Kuala Terengganu	1	JAKOAKT
<b>Jumlah Informan</b>					24	

Nota: \*Informan dalam kajian rintis

### 3.4 Teknik Pensampelan

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dalam menentukan sampel yang akan digunakan. Teknik pensampelan bertujuan ini digunakan kerana bersesuaian dengan kajian ini berdasarkan beberapa kriteria iaitu:

- Hanya melibatkan masyarakat Orang Asli.
- Hanya masyarakat Orang Asli yang mendiami perkampungan penempatan semula di negeri Terengganu.
- Hanya ketua isi rumah (KIR) digunakan sebagai responden.
- Hanya individu berautoriti dalam organisasi yang terlibat dalam pembangunan masyarakat Orang Asli di Terengganu menjadi informan.



Selain itu, penyelidik telah menggunakan parameter atau dimensi dan indikator pendekatan pengukuran kemiskinan multidimensi yang telah digunakan oleh UNDP dalam mengukur tahap kemiskinan di lebih 100 buah negara sebagai asas pengukuran kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Pengukuran multidimensi UNDP ini menetapkan tiga dimensi dengan 10 indikator sebagai parameter pengukuran kemiskinan multidimensi. Manakala, dalam kajian ini telah memberi tumpuan kepada empat dimensi dengan 17 indikator sebagai parameter pengukuran tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Kaedah pensampelan bertujuan ini dapat digunakan sekiranya mempunyai responden yang memenuhi kriteria secara spesifik dan berasaskan kepada parameter pengukuran yang telah ditetapkan. Kaedah pensampelan bertujuan ini sesuai digunakan sama ada dalam kajian berbentuk kuantitatif, kualitatif mahupun campuran (Neuman, 2011; Krathwohl, 1998). Menurut Babbie (2013), kaedah ini dilakukan apabila populasi kajian sudah dikenal pasti dan memenuhi matlamat kajian. Bagi Maxwell (1996), terdapat empat kriteria penting yang perlu dipatuhi dalam pensampelan bertujuan iaitu perlu untuk mewakili latar, individu dan parameter pengukuran yang telah ditentukan; mencakupi heterogen populasi atau parameter maksimum; sampel kajian yang dipilih bertujuan untuk meneliti kes kajian; dan dapat membandingkan secara khusus perbezaan latar dan individu. Menurut Marshall dan Rossman (1989) pula, data daripada sampel (informan) dapat memberikan gambaran yang jelas tentang suatu kajian kerana mengambil kira latar bersesuaian yang telah ditetapkan. Menurut Borman et al. (1984), pensampelan bertujuan merupakan '*criterion based sampling*' di mana penyelidik perlu menetapkan kriteria atau parameter asas kepada unit dikaji. Selain itu, individu yang dipilih sebagai responden atau informan adalah berdasarkan kepada kepakaran dan pengetahuan mereka terhadap suatu isu yang dikaji (Leedy & Ormrod, 2005).

### 3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Data merupakan pengiraan ke atas ciri-ciri, kriteria, kejadian, fakta dan pengukuran sesuatu situasi yang boleh dihitung (Marican, 2005). Pendekatan metodologi sumber primer dan sumber sekunder merupakan elemen penting dalam melengkapkan proses pengumpulan data yang diperlukan dalam kajian ini. Menurut Yin (2014), terdapat enam kaedah pengumpulan data yang boleh dilakukan seperti dokumen, rekod arkib, temu bual, pemerhatian secara langsung/ kerja lapangan, pemerhatian peserta dan artifak fizikal. Data yang diperoleh daripada kajian ini telah dikumpulkan sendiri oleh penyelidik melalui pelbagai kaedah seperti soal selidik, temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen berkaitan. Pengumpulan data daripada pelbagai sumber menerusi kaedah-kaedah tertentu membolehkan tragulasi data dilakukan bagi mendapatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang lebih baik (Lincoln & Guba, 1985).

Pengumpulan data secara pasif dilakukan secara berstruktur dan terbuka di mana ia dilakukan dengan menggunakan borang kaji selidik. Bagi melancarkan proses pengumpulan data ini, setiap responden akan dimaklumkan terlebih dahulu tentang tujuan kajian ini dilakukan supaya mereka dapat memberikan jawapan yang memenuhi objektif kajian selain memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh kajian soal selidik.

Selain itu, pengumpulan data secara aktif dilakukan melalui temu bual bersemuka (*face to face interview*) secara mendalam (*in-depth interview*) menggunakan soalan separa berstruktur (*semi-structured*) dan tidak berstruktur (*unstructured*). Proses temu bual ini dilakukan melalui dua peringkat. Peringkat pertama adalah temu bual bersama informan yang dilakukan semasa kajian rintis dan peringkat kedua adalah semasa kajian lapangan di ketiga-tiga buah perkampungan semula masyarakat Orang Asli di Terengganu (seperti dalam jadual 3.2: halaman 121). Temu bual yang dilakukan ini mengambil masa sekurang-kurangnya satu jam.

### **3.5.1 Soal Selidik**

Kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif adalah berbentuk deskriptif di mana menggunakan set soal selidik sebagai medium pengumpulan data. Menurut Salkind (2006), analisis statistik deskriptif digunakan untuk mengkaji isu semasa. Menurutnya lagi, soal selidik merupakan satu cara yang digunakan dalam kajian deskriptif untuk mendapatkan maklum balas daripada sampel yang mewakili populasi. Menurut Konting (2005), kaedah kuantitatif ini dapat menerangkan sesuatu fenomena, keadaan dan situasi semasa serta mampu untuk memberi gambaran jelas berkaitan masalah yang dikaji. Selain itu, data yang diperoleh melalui kaedah ini dapat digunakan dalam membantu mengenal pasti dan menyelesaikan sesuatu isu dikaji. Kaedah ini juga dapat menunjukkan hubungan yang jelas antara kesan dan akibat dengan menggunakan teknik yang sesuai (Johnson & Christensen, 2000; Taylor, 2000).

Kajian ini telah melibatkan 241 orang responden dari tiga buah perkampungan penempatan semula Orang Asli di negeri Terengganu iaitu Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu, Kampung Sungai Pergam, Kemaman dan Kampung Sungai Sayap, Besut dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Kajian ini hanya melibatkan KIR masyarakat Orang Asli yang tinggal di ketiga-tiga kampung tersebut. Data yang diperoleh melalui soal selidik ini dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21 dan *microsoft excel*.

### **3.5.2 Temu Bual**

Temu bual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang turut dilakukan semasa kajian lapangan. Tujuan temu bual ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai tatacara hidup, keadaan sosioekonomi, kemiskinan dan isu-isu berkaitan pembangunan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Menurut Britten (1999), kaedah temu bual terdiri daripada beberapa soalan penting yang

bukan sahaja dapat meneroka sesuatu isu tetapi juga dapat memberikan gambaran yang jelas dan terperinci mengenai isu-isu penting yang dikaji. Menurut Patton (1990), kaedah temu bual dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam terhadap sesuatu perkara yang tidak dapat dilihat secara terus. Selain itu menurut Seidman (1991) pula, kaedah temu bual dapat menjelaskan pengalaman dan maklumat yang dihadapi oleh orang lain.

Menurut Patton (1990), terdapat tiga jenis teknik temu bual yang boleh digunakan dalam memperolehi maklumat daripada informan iaitu temu bual formal (*formal interview*), temu bual tidak formal (*unformal interview*) dan temu bual terbuka (*open interview*). Menurut Fontana dan Frey (1994); Merriem (1998) pula, terdapat tiga teknik temu bual yang boleh digunakan iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bagi memperoleh data dan maklumat yang lebih terperinci daripada informan. Teknik ini dipilih kerana sifat masyarakat Orang Asli yang pemalu dan tidak merasa selesa untuk ditemu bual dalam keadaan formal serta berstruktur. Mereka lebih selesa untuk ditemu bual dalam keadaan santai dan tidak begitu berprotokol. Keselesaian informan untuk ditemu bual adalah penting bagi memastikan mereka memberikan data dan maklumat yang baik tanpa sebarang gangguan. Selain itu, kajian ini telah menggunakan teknik temu bual mendalam untuk mendapatkan data dan maklumat daripada informan yang terlibat.

Terdapat dua situasi temu bual mendalam yang dilakukan oleh penyelidik dalam kajian ini. Temu bual mendalam pertama telah dilakukan semasa kajian rintis. Sesi temu bual ini telah dibuat bersama lapan orang informan daripada pelbagai latar belakang. Kajian rintis ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal dan pandangan mereka berkaitan kemiskinan multidimensi yang berlaku dalam kalangan masyarakat

Orang Asli di Terengganu. Selain itu, temu bual ini penting bagi menentu sahkan dimensi dan indikator pengukuran kemiskinan multidimensi yang akan digunakan semasa proses pengumpulan data. Bagi teknik temu bual mendalam kedua pula telah dilakukan semasa kajian lapangan. Sesi temu bual ini telah melibatkan seramai 16 orang informan daripada pelbagai organisasi berkaitan dengan pembangunan masyarakat Orang Asli di Terengganu (rujuk jadual 3.2: halaman 121).

### **3.5.3 Pemerhatian**

Kajian ini juga menggunakan teknik pemerhatian sebagai salah satu kaedah untuk mendapatkan data. Menurut Patton (2001), kajian lapangan yang dilakukan dapat memberikan informasi penting terhadap kehidupan manusia. Selain itu, penyelidik dapat mendekati diri dan lebih memahami keadaan sebenar kehidupan masyarakat yang dikaji. Dalam kajian ini terdapat dua kaedah pemerhatian telah dilakukan iaitu pemerhatian secara terus (*direct observation*) dan pemerhatian melalui penglibatan (*participant-observation*). Kaedah pemerhatian secara terus ini melibatkan pemerhatian secara langsung terhadap kehidupan masyarakat Orang Asli di membolehkan penyelidik dapat mengetahui aktiviti sosioekonomi dan budaya mereka. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak mencukupi kerana ia tidak melibatkan komunikasi secara langsung dengan masyarakat Orang Asli. Ekoran daripada itu, kaedah pemerhatian melalui penglibatan turut dilakukan. Penyelidik telah melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti sosioekonomi masyarakat secara langsung. Oleh itu, penyelidik dapat lebih memahami dengan jelas tentang isu, situasi, kehidupan, taraf hidup dan budaya mereka.

#### **3.5.4 Bahasa**

Kajian ini juga menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Bahasa Melayu digunakan sebagai medium penyampaian maklumat dalam setiap instrumen kajian yang dilakukan. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli di Terengganu menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian selain bahasa suku kaum. Oleh itu, penggunaan Bahasa Melayu akan memudahkan lagi komunikasi antara responden dengan penyelidik dalam kajian ini.

#### **3.5.5 Hubungan Penyelidik**


Hubungan antara penyelidik dengan responden dan informan yang baik adalah penting bagi membina kepercayaan (Glesne & Peshkin, 1999). Hubungan yang baik membolehkan responden atau informan memberikan pelbagai maklumat personel dan tiada rasa janggal dengan kehadiran penyelidik. Dalam kajian ini, penyelidik telah meluangkan masa dalam dua bulan pertama di perkampungan Orang Asli bagi membina hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Hubungan yang baik ini membolehkan penyelidik masuk ke dalam kawasan perkampungan Orang Asli tanpa reaksi tidak senang daripada mereka. Ekoran daripada itu, penyelidik telah berjaya memperoleh sebahagian besar daripada KIR sebagai responden di samping mendapat maklumat yang lebih terperinci dalam sesi temu bual.

#### **3.6 Prosedur Kajian dan Kutipan Data**

Kajian ini telah melalui dua peringkat proses pengumpulan data iaitu kajian rintis dan kajian lapangan. Kedua-dua proses ini adalah saling bergantung kerana hasil kajian rintis yang dilakukan pada awal proses pengumpulan data dapat membantu menyempurnakan kajian lapangan yang akan dilakukan.

### 3.6.1 Kajian Rintis

Proses pengumpulan data kajian ini dimulakan dengan kajian rintis yang melibatkan lapan orang informan perkampungan Orang Asli di Terengganu. Pendekatan kajian rintis pada awal kajian ini adalah penting bagi memastikan pemboleh ubah kajian yang akan digunakan adalah bersesuaian dengan struktur sosioekonomi penduduk yang dikaji. Selain itu, kajian rintis yang dilakukan membolehkan gambaran sebenar, kesesuaian konteks, mengenal pasti masalah logistik apabila menggunakan kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi, membina dan menguji kepentingan indikator pengukuran kemiskinan multidimensi yang digunakan (Rajah 3.3). Kajian rintis ini bermula di Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu pada bulan Julai 2015 kemudian di Kampung Sungai Pergam, Kemaman pada bulan September 2015 dan seterusnya di Kampung Sungai Sayap, Besut pada bulan Disember 2015.



Rajah 3.3: Proses pengumpulan data

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian penyelidik semasa kajian rintis, terdapat beberapa indikator kemiskinan yang berlaku di kawasan lapangan namun, tidak dimasukkan sebagai indikator kemiskinan multidimensi kajian iaitu seperti indikator pengurusan sampah, ternakan komersial dan bilangan isi rumah. Oleh itu, kajian rintis ini telah berjaya mengenal pasti jurang kajian yang perlu di isi bagi melengkapkan kajian kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu.

### **3.6.2 Kajian Lapangan**

Kajian lapangan bagi kajian ini telah dilakukan selama 12 bulan iaitu bermula pada bulan Julai 2015 sehingga bulan Julai 2016, pelbagai kaedah pengumpulan data dilakukan sepanjang tempoh berkenaan. Penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada KIR masyarakat Orang Asli bagi mendapatkan data yang diperlukan. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual bersemuka dengan responden untuk mendapatkan maklumat diperlukan berdasarkan borang soal selidik. Menurut Neuman (2011), kaedah temu bual yang dilakukan dapat memberikan gambaran yang jelas dan terperinci mengenai sesuatu isu yang ingin dikaji berbanding kaedah-kaedah lain. Selain itu, penyelidik juga perlu untuk mengisi borang soal selidik itu bagi mewakili responden berdasarkan interaksi dua hala kerana sebahagian besar daripada mereka adalah buta huruf dan berpendidikan rendah. Oleh itu, pendekatan ini perlu dilakukan untuk memastikan responden memahami kandungan dan tujuan setiap soalan yang diajukan.

Selain itu, kaedah pemerhatian dan tinjauan juga turut diguna pakai dalam memperoleh data kualitatif. Segala perbuatan dan aktiviti harian masyarakat Orang Asli berkaitan indikator kajian kemiskinan multidimensi direkodkan oleh penyelidik sebagai sokongan dan membuktikan kejituan data kuantitatif yang diperoleh. Menurut Punch (1998), kaedah pemerhatian dan tinjauan yang dilakukan dapat memberikan maklumat secara langsung daripada pelakunya. Ekoran daripada itu, kaedah ini memerlukan penyelidik untuk berada di dalam kelompok masyarakat Orang Asli dan kaedah pemerhatian secara terus serta temu bual secara mendalam perlu dilakukan. Seterusnya, kaedah ini memerlukan penyelidik untuk berada secara langsung dan berinteraksi dengan responden. Oleh itu, mereka berasa lebih selesa dan berkeyakinan untuk memberikan maklumat diperlukan. Seterusnya, temu bual mendalam dengan pihak-pihak berwajib seperti JAKOA, JKKK, pihak sekolah dan pejabat kesihatan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci bagi menyokong hasil kajian ini.



### 3.6.3 Analisis Dokumen

Pengumpulan data sekunder dilakukan melalui penelitian terhadap dokumen-dokumen seperti nota, buku-buku, jurnal, catatan, tesis, laporan, majalah, akhbar dan laman sesawang. Analisis yang dilakukan terhadap data sekunder ini merupakan salah satu daripada kaedah pengumpulan data secara objektif menggunakan dokumen di mana ia tidak memerlukan kehadiran responden sebagai sumber pengumpulan data (Frankel & Wallen, 1996). Selain itu, analisis dokumen juga dapat memberi maklumat dan data secara konsisten dalam menentu sahkan hasil kajian yang diperolehi. Antara dokumen-dokumen utama yang digunakan oleh penyelidik sebagai rujukan adalah seperti:

1. Indeks Pembangunan Manusia, Malaysia 2016.
2. Laporan Indeks Kemiskinan Multidimensi Malaysia 2013.
3. Dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) 2011-2015.
4. Dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020.
5. Laporan Indeks Kemiskinan Multidimensi UNDP 2016.
6. Laporan Pendapatan dan Kemiskinan Isi Rumah, UPE 2014.
7. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2000.
8. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015.
9. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2016-2020.
10. Laporan Tahunan Matlamat Pembangunan Milenium 2015.
11. Data pendaftaran murid sekolah (SK. Berua, Hulu Terengganu).
12. Data kesihatan Orang Asli Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu.
13. Data kesihatan penduduk Orang Asli Kampung Sungai Pergam, Kemaman.
14. Data kesihatan penduduk Orang Asli Kampung Sungai Sayap, Besut.

### 3.7 Instrumen Kajian

Kaedah pendekatan kajian berbentuk deskriptif secara keratan rentas (*cross-section study*) dengan menggunakan pengumpulan data secara kuantitatif telah dilakukan dalam kajian ini. Menurut Piaw (2006), kajian berbentuk deskriptif amat sesuai menggunakan borang soal selidik dan temu bual sebagai instrumen kajian kerana ia dapat menjelaskan konsep-konsep yang diguna pakai dalam sesebuah kajian. Selain itu, menurut Creswell (2009), kajian deskriptif secara keratan rentas amat sesuai digunakan dalam mengkaji sikap, kepercayaan, pendapat dan tingkah laku individu. Oleh itu, bagi memperoleh data kuantitatif yang diperlukan dalam kajian ini, borang soal selidik telah digunakan. Borang soal selidik ini diubahsuai dengan merujuk kepada borang soal selidik yang telah dibuat oleh UNDP (2011), terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia serta beberapa kajian kes berkaitan kemiskinan di Malaysia seperti Siti Hadijah Che Mat et al. (2012); Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat (2014); Mohd Fauzi Mohd Harun (2006).

Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian 1 dan bahagian 2 (seperti dalam lampiran E: halaman 387). Dalam bahagian 1, soal selidik yang menempatkan soalan-soalan berbentuk pilihan jawapan tertutup. Dalam bahagian ini juga, ia memberi tumpuan terhadap status kemiskinan IKM yang ingin diukur. Pengisian bahagian ini adalah terdiri daripada enam komponen penting iaitu soalan demografi, pendapatan, taraf hidup, aset, pendidikan dan kesihatan. Manakala bahagian 2 adalah berbentuk skala likert positif dengan pilihan skala 1 hingga 5. Dalam bahagian ini juga, ia lebih memberi fokus terhadap pandangan responden terhadap dimensi-dimensi IKM yang telah ditentukan.

Bagi pengumpulan data melalui kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur, penyelidik telah merangka satu lagi set borang soal selidik agar soalan yang diajukan kepada setiap informan adalah sama dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan (seperti dalam lampiran F: halaman 403). Selain itu,

penggunaan set borang soal selidik kualitatif ini akan memudahkan penyelidik untuk mencatat maklumat yang diberikan semasa proses temu bual dijalankan. Set borang soal selidik ini telah digunakan semasa proses pengumpulan data secara temu bual mendalam. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian 1 adalah bahagian demografi informan. Manakala, bahagian 2 adalah berasaskan kepada dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi sepertimana yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Dalam bahagian kedua ini, soalan-soalan yang diajukan adalah berbentuk terbuka. Soalan jenis ini lebih memudahkan informan untuk memberi pendapat dan maklumat mereka tanpa sebarang halangan.

Selain itu, untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen analisis pekali kebolehpercayaan *crombach alpha* telah digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis yang dilakukan mendapati nilai *crombach alpha* adalah 0.72. Hal ini bermakna kebolehpercayaan instrumen kajian adalah dalam kategori boleh diterima (Pallant, 2010). Oleh yang demikian, instrumen kajian yang dibina ini boleh digunakan serta sesuai untuk mengukur tahap kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Jadual 3.3: Rujukan pekali kebolehpercayaan *crombach alpha*


Nilai Alpha	Kategori Kebolehpercayaan
0.89	Sangat Baik
0.80	Baik
0.70	Boleh Diterima
<0.70	Skor Item Salah
<0.30	Item Tidak Mengukur

Sumber: Pallant (2010)

### 3.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibuat bagi melihat pemboleh ubah yang terdiri daripada dimensi dan indikator dalam mengukur kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Kajian ini telah menggunakan empat dimensi pengukuran iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan kekayaan. Selain itu, dimensi-dimensi ini diukur

dengan menggunakan 17 indikator yang lain (Rajah 3.4). Dimensi pendidikan diukur dengan menggunakan indikator tamat persekolahan dan kehadiran ke sekolah. Bagi dimensi kesihatan diukur dengan kadar kematian dan kekurangan zat makanan (nutrisi). Taraf hidup pula diukur dengan akses kepada bekalan elektrik, sistem sanitasi, bekalan air bersih, jenis rumah, jenis dapur, kelengkapan rumah, bilangan isi rumah, akses kepada jalan perhubungan dan pengurusan sampah. Dalam dimensi kekayaan, ia diukur dengan melihat kepada indikator-indikator seperti aset yang dimiliki termasuk aset fizikal dan aset tetap, pendapatan yang melihat kepada garis kemiskinan dan seterusnya adalah ternakan yang menjana sumber pendapatan.



Rajah 3.4: Kerangka konseptual kajian  
 Sumber: Diadaptasikan daripada UNDP (2018)

### **3.9 Kaedah Analisis Data Kajian Kes**

Bahagian ini menjelaskan kaedah analisis data yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan sebelum ini. Terdapat dua kaedah analisis data yang digunakan iaitu kaedah analisis secara kuantitatif dan kualitatif.

#### **3.9.1 Analisis Kuantitatif**

Bahagian ini menerangkan kaedah analisis data yang diguna pakai dalam kajian ini. Dalam menganalisis data, kajian ini menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan hasil kajian yang diperlukan. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah analisis seperti analisis diskriptitif berdasarkan kepada beberapa elemen demografik dan latar belakang responden yang diterangkan melalui frekuensi, peratusan, jadual dan graf. Selain itu, ujian khi-kuasa dua (*Chi-Square*) juga turut digunakan untuk meneliti hubungan antara pembolehubah sosioekonomi dengan PGK. Kajian ini juga menggunakan pengukuran kemiskinan multidimensi yang telah diguna pakai oleh UNDP bagi menentukan tahap kemiskinan golongan sasaran. Pemindahan data daripada SPSS kepada *microsoft excel* dilakukan bagi mendapatkan hasil kajian tersebut.

##### **3.9.1.1 Ujian Khi-Kuasa Dua Tak Bersandar**

Kaedah non-parametrik ujian Khi-Kuasa dua tak bersandar (*Chi-Square test of independence*) merupakan salah satu daripada kaedah statistik yang diguna pakai dalam penjadualan silang (*crosstabulation*). Kaedah ini bertujuan untuk mengetahui hubungan antara dua pembolehubah berkategori yang berkaitan dengan kajian ini berdasarkan kepada hipotesis:

H<sub>0</sub>: Tiada hubungan antara kedua-dua pembolehubah.

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan antara kedua-dua pembolehubah.

Dengan menganggarkan aras keertian *alpha* ( $\alpha$ ) bersamaan 5% atau 0.05 ( $\alpha=5\%$ ), darjah kebebasan (*degree of freedom*) dikira menggunakan formula  $(c-1)(r-1)$  di mana  $c$  adalah bilangan ruangan (*column*) manakala  $r$  bilangan baris (*row*) di dalam jadual. Hipotesis nul ditolak apabila nilai  $\chi^2 > \chi^2_{0.05, (c-1)(r-1)}$  dan hipotesis alternatif diterima (Levine et al., 1999). Formula khi-kuasa dua ( $\chi^2$ ):

$$\text{Statistik Ujian: } \chi^2 = \sum \frac{(f_o - f_e)^2}{f_e}$$

Di mana:

$f_o$  = Kekerapan diperolehi dalam sel tertentu jadual kontingensi.

$f_e$  = Kekerapan jangkaan dalam sel tertentu jika hipotesis nol adalah benar.

Ujian statistik  $\chi^2$  dikira berdasarkan  $\chi^2$  dengan 1 sebagai darjah kebebasan.

Dalam kajian ini, pembolehubah bebas sosioekonomi adalah merangkumi indikator-indikator seperti pendidikan, umur kahwin, bilangan isi rumah rancang keluarga, jenis pekerjaan, perbelanjaan bulanan dan dividen FELCRA. Manakala, pembolehubah bersandar pula merangkumi PGK luar bandar di Malaysia bagi tahun 2014 (Jadual 3.4). PGK dapat menentukan tahap kemiskinan responden berdasarkan kepada pembolehubah bebas ditetapkan. Oleh itu, PGK diklasifikasikan kepada dua kelompok iaitu miskin dan terkeluar miskin. Bagi kelompok miskin, adalah responden yang berada di bawah PGK ditetapkan. Manakala, kelompok terkeluar miskin adalah responden yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi PGK ditetapkan. Hasil kajian ini juga adalah merangkumi keseluruhan 241 orang responden yang juga KIR.

Jadual 3.4: Purata pendapatan garis kemiskinan Malaysia tahun 2014

Wilayah	Miskin (RM/ Bulanan)		Miskin Tegar (RM/ Bulanan)	
	Isi Rumah	Perkapita	Isi Rumah	Perkapita
Semenanjung Malaysia	930	230	580	140
Bandar	940	240	580	140
Luar Bandar	870	200	580	130

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (UPE, 2014)

Bagi menentukan hubungan antara pembolehubah tersebut, hipotesis awal adalah seperti berikut:

Hipotesis nul ( $H_0$ ): Terdapat hubungan signifikan antara pembolehubah sosioekonomi dengan PGK.

Hipotesis penyelidikan ( $H_1$ ): Tidak terdapat hubungan signifikan antara pembolehubah sosioekonomi dengan PGK.

### **3.9.1.2 Pengukuran Kemiskinan Multidimensi**

Kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi merupakan analisis utama dalam kajian ini. Penggunaan pendekatan analisis ini dapat menentukan secara langsung ‘Siapa Miskin’ di dalam kelompok masyarakat miskin. Oleh yang demikian, beberapa elemen penting perlu dititikberatkan bagi mendapatkan hasil yang analisis yang tepat. Berikut merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan sebelum pengukuran kemiskinan multidimensi dilakukan:

a. Mengenal pasti siapa miskin

Siapakah miskin dan siapa tidak? Menurut Bourguignon dan Chakravarty (2003), pendekatan multidimensi dalam mengira kemiskinan adalah kekurangan yang terdapat dalam dimensi kemiskinan yang ditetapkan. Oleh itu, pengiraan multidimensi yang tepat adalah bermula dengan mengenal pasti dimensi kemiskinan bagi setiap individu tersebut menggunakan pemberat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, dengan hanya menggunakan satu dimensi pemberat sahaja tidak dapat menentukan siapa yang miskin. Oleh itu, gabungan beberapa dimensi kemiskinan diperlukan bagi mendapatkan ukuran terbaik dalam menentukan kemiskinan seseorang. Sebagai permulaan, perlu untuk melihat kepada potensi individu  $\rho$ , menggunakan pemberat yang sama.

Bagi pengiraan kemiskinan menggunakan satu dimensi, ia menggunakan kaedah agregat untuk mencapai pemboleh ubah kardinal seperti ‘kesejahteraan’ dan ‘pendapatan’

serta menggunakan garis pemisah agregat bagi menentukan individu yang miskin. Contohnya, jika  $y_i$  adalah vektor komoditi dengan harga pasaran vector  $p$ , ia boleh diringkai dengan  $\rho_p(y_i; z) = 1$ , bila  $py_i < pz$  dan  $\rho_p(y_i; z) = 0$ . Dalam kes ini, seseorang itu miskin jika nilai wang yang dicapai adalah di bawah kos sasaran  $z$ . Secara umumnya, seseorang boleh meningkatkan fungsi agregator  $u$  dengan syarat  $p_u(y_i; z) = 1$  bila  $u(y_i) < u(z)$  dan  $p_u(y_i; z) = 0$ . Walau bagaimanapun, bentuk unidimensi melibatkan banyak andaian berdasarkan prinsip-prinsip yang digariskan. Melalui pendekatan kebolehpayaan 'capability approach', terdapat banyak maklumat yang tidak dapat disentuh oleh unidimensi berbanding multidimensi terutama dalam menentukan dimensi kemiskinan dan garis pemisah. Oleh yang demikian, penggunaan pendekatan unidimensi adalah tidak relevan berbanding multidimensi kerana memerlukan lebih banyak dimensi dalam mengukur kemiskinan.

Pengukuran multidimensi yang sering digunakan adalah melalui kaedah *union*. Seseorang itu  $i$  adalah miskin multidimensi jika terdapat kekurangan dalam salah satu daripada dimensi pengukuran. Contohnya,  $\rho(y_i; z) = 1$  jika dan hanya jika  $c_i \geq 1$ . Jika setiap dimensi adalah penting dalam menghalang kemiskinan, pendekatan ini merupakan intuitif dan sangat diperlukan. Walau bagaimanapun, jika bilangan dimensi adalah besar, kebarangkalian untuk sesebuah populasi itu menjadi miskin adalah besar termasuklah individu yang dikategorikan tidak miskin. Contohnya, kekurangan dalam dimensi tunggal mungkin disebabkan oleh faktor-faktor kemiskinan yang lain. Kesannya, kemiskinan union tidak dapat membantu dalam membezakan dan tidak memberi fokus kepada kekurangan yang besar. Oleh itu, kaedah union yang sering digunakan adalah tidak berkesan dalam semua keadaan.

Kaedah pengukuran multidimensi melalui pendekatan *intersection* di mana menentukan kemiskinan seseorang  $i$  sekiranya seseorang itu mengalami kekurangan dalam semua dimensi pengukuran. Contohnya,  $\rho(y_i; z) = 1$  jika dan hanya jika  $c_i = d$ . Kriteria



ini boleh mengenal pasti individu miskin jika terdapat kekurangan dalam dimensi tunggal dan kemiskinan turut dapat dielakkan. Oleh yang demikian, kaedah ini dapat menentukan kemiskinan individu dalam kelompok masyarakat miskin. Namun begitu, tidak dapat dielakkan sekiranya seseorang itu pernah mengalami kekurangan dalam dimensi. Contohnya, seseorang individu yang mengalami kekurangan dalam sebahagian besar daripada dimensi kemiskinan dan tidak dalam dimensi kesihatan. Perkara ini menjadikan, seseorang yang tidak miskin dikategorikan sebagai miskin multidimensi.

Alternatif lain yang boleh digunakan adalah dengan meletakkan garis pemisah kepada  $c_i$  di mana kedudukannya adalah di antara 1 dan  $d$ . Untuk  $k=1, \dots, d$ , biarkan  $\rho_k$  diterangkan oleh  $\rho_k(y_i; z) = 1$  bila  $c_i \geq k$  dan  $\rho_k(y_i; z) = 0$  bila  $c_i < k$ . Dengan kata lain,  $\rho_k$  mengenal pasti individu yang miskin  $i$  bila bilangan dimensi yang individu  $i$  miskin sekurang-kurangnya  $k$ ; sebaliknya, jika bilangan dimensi kekurangan berkurangan di bawah garis pemisah ( $k$ ), menjadikan individu  $i$  tidak miskin menurut  $\rho_k$ . Oleh kerana  $\rho_k$  bergantung kepada kedua-dua di antara garis pemisah dimensi  $z_j$  dan persilangan garis pemisah dimensi  $k$ ,  $\rho_k$  dirujuk sebagai kaedah penentuan garis pemisah berganda. Diingatkan,  $\rho_k$  merupakan gabungan kaedah penyatuan dan persilangan apabila  $k=1$  dan  $k=d$ . Penentuan juga boleh dikenal pasti melalui ketidaksamarataan ( $\rho_k(y_i; z) = 1$  jika dan hanya jika  $c_i > k$ , menghasilkan set yang sama dengan  $Z$  yang jauh lebih kecil daripada  $k$ ).

Melalui beberapa kajian literatur, dalam kaedah yang sama, kemiskinan dapat diukur melalui motivasi yang berbeza. Contohnya, menurut Mack dan Lansley (1985), yang membuat kajian dalam kalangan masyarakat miskin di Britain mendapati masyarakat diklasifikasikan sebagai miskin sekiranya terdapat kekurangan dalam tiga atau lebih daripada 26 kekurangan yang dikenal pasti. Menurut UNICEF dalam Laporan Kemiskinan Kanak-kanak (2005), mengenal pasti kemiskinan kanak-kanak apabila mereka kekurangan dalam dua atau lebih daripada dimensi (Gordon et al., 2003). Oleh

yang demikian, bagi pengukuran standard kemiskinan multidimensi garis pemisah berganda digunakan sebagai pengukur kemiskinan.

Penggunaan garis pemisah berganda adalah satu kaedah yang perlu digunakan dalam menentukan tahap kemiskinan. Pertama, ia dapat menunjukkan 'fokus kemiskinan' sekiranya berlaku peningkatan dalam tahap pencapaian  $y_{ij}$  bagi individu yang tidak miskin dan meninggalkan nilai yang tidak berubah. Kedua, 'fokus kekurangan', di mana peningkatan dalam dimensi individu yang tidak miskin  $y_{ij} \geq z_j$  meninggalkan nilai dengan fungsi yang tidak berubah. Dengan kata lain, kemiskinan seseorang itu tidak akan terkesan dengan sebarang perubahan status tidak miskin. Oleh yang demikian, ia dapat memisahkan  $\rho_k$  daripada kaedah unidimensi  $\rho_u$ , yang membolehkan status tidak miskin individu menggantikan kekurangan dimensi lain dalam menentukan siapa yang miskin. Terakhir adalah kaedah penentuan garis pemisah berganda adalah lebih berkesan dalam data berbentuk ordinal, sekiranya status kemiskinan individu itu tidak berubah apabila transformasi monotonik digunakan dalam level pencapaian garis pemisah. Hal ini dapat mengetepikan kaedah unidimensi  $\rho_u$ , yang mana dimensi agregat ditentukan sebelum mengenal pasti individu miskin dan ia berubah mengikut transformasi monotonik.

b. Mengira kemiskinan

Dalam tahap kemiskinan, fungsi mengenal pasti (*identification function*)  $\rho_k$  perlu dipilih dahulu di mana pengiraan kemiskinan multidimensi  $M(y;z)$  perlu digunakan dalam metodologinya  $M$ . Oleh yang demikian, pengukuran perlu mengambil kira peratusan populasi individu miskin. Mengira nisbah individu (*Head Count Ratio*)  $H=H(y;z)$  ditentukan oleh  $H=q/n$  di mana  $q=q(y;z)=\sum_{i=1}^n \rho_k(y_i, z)$  adalah bilangan individu di dalam set  $Z_k$ , dan oleh sebab bilangan individu miskin ditentukan menggunakan pendekatan garis pemisah berganda. Hasil metodologi  $(\rho_k, H)$  adalah analog kepada keseluruhan pendapatan nisbah individu miskin  $H$ . Namun begitu, masalah akan berlaku

sekiranya individu miskin itu kekurangan dalam dimensi baru,  $H$  akan kekal tidak berubah. Keadaan ini dipanggil '*dimensional monotonicity*' di mana individu miskin  $i$  menjadi miskin atau kekurangan dalam dimensi yang baru dan menyebabkan keseluruhan kemiskinan meningkat.  $H$  juga tidak dapat diubah bagi menunjukkan kekurangan dalam dimensi menyumbang ke arah kemiskinan.

Bagi menggambarkan keadaan ini dengan lebih jelas, *censored vector of deprivation counts* ( $ck$ ) digunakan dengan  $c_i(k) = \rho_k(y_i; z) c_i$  di mana  $i=1, \dots, n$ . Untuk itu,  $c_i(k)/d$  mewakili bahagian kekurangan yang dialami oleh individu miskin  $i$  dan oleh itu purata bahagian kekurangan di dalam individu miskin  $i$  adalah  $A|c(k)|/(qd)$ . Oleh itu, ia membawa maklumat yang diperlukan dalam mengira kemiskinan multidimensi. Di samping itu, pengiraan kemiskinan multidimensi  $M_0(y; z)$  dengan beberapa kombinasi maklumat penting yang lazimnya diperlukan untuk mengenal pasti kemiskinan.

Definisi 1: *Adjusted Headcount Ratio*  $M_0 = HA = \mu(g^0(k))$

Pengiraan kemiskinan multidimensi dapat ditentukan dengan gabungan indeks antara  $H$  dan  $A$ . Oleh itu, metodologi  $(\rho_k, M_0)$  memenuhi syarat *dimensional monotonicity*, sekiranya individu miskin menjadi miskin dalam dimensi tambahan,  $A$  dan  $M_0$  akan meningkat. Melalui definisi persamaan  $M_0 = \mu(g^0(k))$ , di mana  $M_0$  merupakan jumlah kekurangan yang dialami oleh individu miskin, atau  $|c(k)| = |g^0(k)|$ , dibahagikan oleh jumlah maksimum kekurangan yang boleh dialami oleh semua individu atau  $nd$ . *Adjusted headcount ratio* boleh digunakan dengan ordinal data yang muncul dalam pendekatan multidimensi berdasarkan kebolehpayaan (*capabilities*).

Metodologi  $(\rho_k, M_0)$  adalah berdasarkan kepada data individu yang kekurangan dan tidak mengalami kekurangan dalam dimensi. Hasilnya, ia tidak akan menepati syarat *monotonisity* yang menyatakan seseorang individu itu akan menjadi miskin sekiranya lebih banyak mengalami kekurangan dalam dimensi kemiskinan. Bagi membina satu

metodologi yang peka terhadap kekurangan yang dialami (apabila data adalah kardinal), matrik jurang normaliti  $g^1(k)$  digunakan. Jadikan  $G$  sebagai purata jurang kemiskinan (*average poverty gap*) bagi semua individu yang miskin  $G = |g^1(k)| / |g^0(k)|$ .

Definisi 2: Jurang Kemiskinan Terlaras  $M_1 = HAG = \mu(g^1(k))$

Jurang Kemiskinan Terlaras adalah hasil daripada nisbah individu miskin terlaras  $M_0$  dan purata jurang kemiskinan  $G$ . Persamaan  $M_1 = \mu(g^1(k))$  memberi maksud jurang kemiskinan terlaras adalah jumlah persamaan jurang normal individu miskin atau  $|g^1(k)|$  dibahagikan dengan jumlah kebarangkalian tertinggi jurang normal atau  $nd$ . Berdasarkan metodologi  $(\rho_k, M_1)$ , jika kekurangan yang dialami individu itu semakin banyak dalam dimensi,  $g^1_{ij}(k)$  akan meningkat dan begitu juga  $M_1$ . Hasilnya,  $(\rho_k, M_1)$  memenuhi *monotonicity axiom*. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam kekurangan yang dialami mempunyai impak yang sama walaupun seseorang individu itu hanya mengalami sedikit kekurangan atau pun banyak kekurangan dalam dimensi kemiskinan.

Matrik bagi  $g^2(k)$  memberikan sebahagian daripada maklumat individu miskin. Selain menggunakan  $g^1(k)$  untuk memberi maklumat  $M$  (seperti yang dilakukan dalam  $M_1$ ),  $g^2(k)$  turut boleh digunakan yang boleh mengecilkan jurang dan memberi fokus kepada jurang yang lebih besar. Purata tahap kekurangan (*average severity deprivation*) bagi semua individu miskin dapat dikira menggunakan persamaan  $S = |g^2(k)| / |g^0(k)|$ .

Definisi 3: FGT Terlaras  $M_2 = HAS$

$M_2$  merupakan hasil daripada nisbah individu miskin terlaras dan Indeks Tahap Purata  $S$ . Definisi alternatif adalah  $M_2 = \mu(g^2(k))$  di mana  $M_2$  adalah jumlah jurang normal kuasa dua (*squared normalised gaps*) bagi individu miskin atau  $|g^2(k)|$ , dibahagikan oleh jumlah kebarangkalian tertinggi jurang normal kuasa dua atau  $nd$ . Bagi  $(\rho_k, M_2)$ , peningkatan saiz diberi dalam kekurangan individu miskin akan mempunyai impak yang

besar pada tahap permulaan kekurangan. Hasilnya, metodologi memenuhi syarat pengiraan kemiskinan dan lebih sensitif terhadap ketidaksamarataan yang berlaku bagi kekurangan yang dihadapi oleh individu miskin dan tidak hanya berdasarkan kepada kadar purata sahaja. Oleh itu,  $M_2=(M_1)^2 + V$ , di mana  $V$  adalah varian kepada kesemua jurang normal. Secara keseluruhannya  $M_0$ ,  $M_1$  dan  $M_2$  dalam kelas  $M_\alpha(y;z)$  menerusi kemiskinan multidimensi adalah merangkumi kelas FGT unidimensi.

Definisi 4: Kelas FGT terselaras dalam kemiskinan multidimensi dikira melalui  $M_\alpha=\mu(g^\alpha(k))$  di mana  $\alpha \geq 0$

Dalam kata lain,  $M_\alpha$  adalah jumlah kuasa  $\alpha$  dalam jurang normal bagi individu miskin atau  $|g^\alpha(k)|$ , dibahagikan kepada nilai kebarangkalian tertinggi dalam jumlah ini atau  $nd$ . Metodologi mengambil kira fungsi garis pemisah berganda  $\rho_k$  dan menggunakan FGT  $M_\alpha$  yang dikira melalui  $M_{k\alpha}=(\rho_k, M_\alpha)$ .

c. Pemberat

Pemberat merupakan satu metodologi dalam pengiraan kemiskinan berdasarkan kepada bilangan kekurangan dan purata. Secara implisit ia dilihat melalui  $w_j=1$  bagi setiap dimensi  $j$ . Pemberat adalah penting apabila dimensi dipilih dalam status yang sama penting. Menurut Atkinson (2003), pemberat yang sama mempunyai penarik yang intuitif “penilaian dalam set indikator adalah mudah di mana setiap komponen individu mempunyai darjah kepentingan yang tidak semestinya sama dan tidak terlalu berbeza”. Pemilihan dalam menentukan pemberat dimensi memerlukan penilaian yang baik di mana perlu untuk mendapatkan pendapat daripada masyarakat awam dan memerlukan penelitian. “Ia tidak memerlukan pelbagai soalan dalam sebagai referendum, tetapi perlu untuk memastikan pemberat atau lingkungan pemberat sentiasa dibuka untuk dikritik dan perlu untuk mengambil kira pendapat masyarakat awam” (Sen, 1997). Pemberat dalam  $\rho_k$

dan  $M_\alpha$  boleh dilihat dalam dimensi pemberat yang diberikan. Biarkan  $w$  menjadi  $d$  vektor dimensi dalam penjumlahan nombor yang positif kepada  $d$ , di mana  $j^{\text{th}}$  kordinat  $w_j$  adalah dilihat sebagai gabungan pemberat dengan dimensi  $j$ . Menerusi  $g^\alpha = [g_{ij}^\alpha]$  menjadi matriks  $n \times d$  menggunakan elemen  $[g_{ij}^\alpha] = w_j(z_j - y_{ij})/z_j \alpha$  bila  $y_{ij} < z_j$  dan  $g_{ij}^\alpha = 0$ . Langkah ini menggunakan baris  $g_i^0$  dalam matriks pemberat kekurangan  $g^0$  bagi membina vektor  $c$  dalam mengira pemberat kekurangan di mana  $i^{\text{th}}$  digunakan dalam  $|g_i^0|$  adalah jumlah pemberat dalam dimensi di mana  $i$  adalah kekurangan yang dialami oleh individu miskin. Bagi setiap  $c_i$  berbeza di antara 0 dan  $d$  dan menjadikan gabungan garis pemisah dimensi yang diambil adalah jumlah sebenar  $k$  mengikut  $0 < k \leq d$ . Garis pemisah berganda  $\rho_k$  dengan gabungan  $w$  dinilai dengan  $\rho_k(y_i; z) = 1$  bila  $c_i \geq k$  dan  $\rho_k(y_i; z) = 0$ . Bagi  $k \leq \min_j w_j$ .

Indeks pemberat kemiskinan multidimensi  $M_\alpha$  dapat dikira menggunakan matriks  $g^\alpha(k)$  yang diperoleh dengan menukar maklumat di dalamnya menggunakan individu tidak miskin dengan 0 dan keluarga terselaras FGT melalui gabungan dengan  $w$  dengan merujuk kepada  $M_\alpha = \mu(g^\alpha(k))$  bagi  $\alpha \geq 0$ . Bagi keseluruhan metodologi dapat dikira menggunakan  $M_{k\alpha} = (\rho_k, M_\alpha)$ . Nisbah pemberat individu miskin adalah  $H = q/n$  di mana  $q = \sum_{i=1}^n \rho_k(y_i, z)$  adalah bilangan individu miskin yang dikenal pasti melalui  $\rho_k$  dan gabungan metodologi pemberat  $(\rho_k, H)$ .

Kaedah pengiraan pemberat dilakukan bagi empat dimensi utama iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan kekayaan (Jadual 3.5). Untuk itu, setiap dimensi tersebut masing-masing diwakili oleh nilai nisbah  $1/4$ . Dimensi pendidikan diwakili oleh dua indikator lain iaitu pendaftaran pelajar dan tamat persekolahan. Jumlah nisbah bagi kedua-dua indikator ini perlu menghasilkan nilai nisbah dimensi pendidikan tersebut  $(1/4)$ . Oleh yang demikian, nilai nisbah bagi dimensi pendidikan perlu dibahagi kepada dua dengan menghasilkan nilai nisbah  $1/8$  atau  $0.125$  bagi mewakili kedua-dua indikator pendidikan tersebut  $[(1/4)/2 = 1/8]$ . Bagi mendapatkan nilai pemberat, jumlah keseluruhan indikator yang dikaji (17 indikator) dan nilai penyebut indikator  $(1/8)$  yang

diperoleh perlu diambilkira. Pengiraan pemberat dilakukan dengan menisbahkan kedua-dua nilai tersebut iaitu  $[(17/8) = 2.125]$ . Oleh itu, pemberat bagi setiap indikator dalam dimensi pendidikan adalah 2.125. Langkah ini diulangi kepada dimensi-dimensi lain yang dikaji. Oleh yang demikian, nilai pemberat bagi dimensi pendidikan dan kesihatan adalah 2.125, nilai pemberat bagi dimensi taraf hidup adalah 0.425 dan nilai pemberat bagi dimensi kekayaan adalah 1.42. Jumlah nilai pemberat perlu sama dengan bilangan indikator yang dikaji bagi mengetahui ketepatan nilai pemberat tersebut.

Jadual 3.5: Kaedah ringkas pengiraan pemberat bagi dimensi dikaji

<b>Dimensi</b>	<b>Indikator</b>	<b>Nisbah Indikator</b>	<b>Pemberat</b>
Pendidikan (1/4)	Pendaftaran (1/8)	$(1/4)/2 = 1/8$ atau 0.125	17/8 = 2.125
	Tamat Sekolah (1/8)		
Kesihatan (1/4)	Nutrisi (1/8)	$(1/4)/2 = 1/8$ atau 0.125	17/8 = 2.125
	Kadar Mati Kanak-kanak (1/8)		
	Penyisihan Sosial (1/40)		
	Elektrik (1/40)		
	Sanitasi (1/40)		
	Air Bersih (1/40)		
	Jenis Rumah (1/40)		
Taraf Hidup (1/4)	Jenis Dapur (1/40)	$(1/4)/10 = 1/40$ atau 0.025	17/40 = 0.425
	Perkakasan Rumah (1/40)		
	Isi Rumah (1/40)		
	Jalan Raya (1/40)		
	Sampah (1/40)		
	Aset (1/12)		
Kekayaan (1/4)	Pendapatan (1/12)	$(1/4)/3 = 1/12$ atau 0.083	17/12 = 1.42
	Ternakan (1/12)		

Sumber: Diubahsuai menggunakan pendekatan pengiraan IKM Alkire & Foster (2007)

d. Garis pemisah

Menurut Alkire dan Foster (2011), dalam metodologi ini terdapat dua jenis garis pemisah yang dikenal pasti iaitu garis pemisah dalam dimensi  $z_j$  dan persilangan dimensi  $k$ . Dimensi garis pemisah seperti  $z_j$  telah lama digunakan bagi mengenal pasti kekurangan di dalam dimensi yang dipilih. Bagi mengenal pasti pemilihan  $z$  dengan lebih jelas, ia memerlukan ujian secara rawak dan data yang sah dengan menilai tahap kemiskinan dalam grid garis pemisah. Namun, dalam memilih tahap yang sesuai bagi  $z$  tidak memerlukan latihan yang banyak.

Bagi garis pemisah persilangan dimensi  $k$ , melalui perbandingan, akan kurang kelihatan sekiranya ia berada dalam ruang antara dimensi namun, akan jelas kelihatan sekiranya berada dalam domain yang lebih spesifik. Dalam metode identifikasi  $\rho_k$  dan parameter  $k$  menyediakan penyelesaian yang lebih baik dalam mengetahui pengiraan kesaksamaan pemberat yang fokus terhadap bilangan dimensi yang ada kekurangan bagi individu. Individu yang mempunyai kekurangan yang banyak diberikan keutamaan berbanding mereka yang kurang mempunyai kekurangan dalam dimensi kemiskinan di mana meletakkan  $k$  sebagai kebolehpayaan minimum kriteria kemiskinan.

e. Pengukuran IKM

Berdasarkan penjelasan,, dapat disimpulkan pengiraan IKM dapat dilakukan dengan menggunakan metode Alkire dan Foster (AF) (2011), seperti berikut:

$$\text{Formula IKM} = M_0 = H \times A$$

Di mana;

H: Nisbah individu miskin. Ia menunjukkan bilangan kes kemiskinan multidimensi.

A: Purata berwajar pemberat dalam kekurangan yang dihadapi oleh individu dalam masa yang sama ia menunjukkan intensiti individu miskin.

f. Langkah-langkah dalam menentukan kemiskinan multidimensi



Kajian ini menggunakan pendekatan yang telah dilakukan oleh Naveed dan Tanweer (2010), seperti yang telah dibuat oleh Alkire dan Foster (2007). Menurut Alkire dan Foster, terdapat 12 langkah yang perlu dilakukan dalam mengukur indek kemiskinan multidimensi ini. Menurut kaedah Alkire dan Foster (2009), setiap satu indikator dalam setiap dimensi mempunyai pemberat yang sama. Selepas pemilihan dimensi, indikator dan garis pemisah dilakukan, pengukuran ini akan dapat mengenal pasti sama ada wajar atau tidak sesebuah isi rumah itu dikategorikan sebagai miskin (kekurangan) dalam suatu dimensi. Seterusnya adalah mengagregatkan jumlah kekurangan yang dialami oleh isi rumah dan kemudiannya menetapkan garis pemisah agregat. Garis pemisah agregat ini adalah jumlah minimum indikator-indikator kekurangan isi rumah yang membolehkan mereka dikategorikan sebagai miskin.

Kaedah ini adalah bebas untuk meletakkan pemberat sama ada menggunakan pemberat yang sama ataupun berbeza bagi setiap dimensi yang diukur. Alkire dan Foster (2007), telah memberi cetusan idea dalam mengukur tahap kemiskinan multidimensi isi rumah. Kaedah ini adalah bersesuaian untuk data berbentuk kategori atau ordinal. Berikut adalah 12 langkah yang diguna pakai oleh Alkire dan Foster dalam mengukur kemiskinan multidimensi:

Langkah 1: Memilih unit analisis

Langkah 2: Memilih dimensi

Langkah 3: Memilih indikator

Langkah 4: Tetapkan garis kemiskinan untuk setiap dimensi

Langkah 5: Menggunakan garisan kemiskinan iaitu menggantikan kekurangan isi rumah itu dengan garis kemiskinan

Langkah 6: Bilangan jumlah kekurangan untuk setiap isi rumah

Langkah 7: Tetapkan garis kemiskinan yang kedua. Garis Kemiskinan kedua,  $k$ , menetapkan jumlah dimensi seseorang itu harus kurang bagi membolehkannya dikategorikan sebagai miskin sebagai dimensi

Langkah 8: Gunakan garis kemiskinan,  $k$  untuk mendapatkan set orang yang miskin dan sensor data mereka yang tidak miskin.

Langkah 9: Mengira kadar kemiskinan (*head count ratio*),  $H$ . Bahagikan jumlah individu yang miskin dengan jumlah kesemua individu.

Langkah 10: Mengira purata jurang kemiskinan,  $A$ , iaitu purata bilangan kekurangan yang dihadapi oleh mereka yang miskin. Ia dikira dengan menjumlahkan nisbah kekurangan yang dihadapi oleh setiap orang yang miskin dan dibahagikan dengan jumlah orang yang miskin.

Langkah 11: Mengira kadar kemiskinan terselaras (*Adjusted head count ratio*),  $M_0$ , yang boleh diperolehi dengan mendarabkan  $H$  dengan  $A$ .

Langkah 12: Pemisahan mengikut kumpulan dan dimensi. Kadar kemiskinan terselaras,  $M_0$  boleh dipisahkan mengikut sub-kumpulan seperti agama, bandar, luar bandar dan kaum.

g. Pemilihan dimensi, indikator dan titik garis kemiskinan

Menurut Alkire (2007), penyelidik perlu mempunyai justifikasi sendiri dalam menentukan dimensi dan indikator yang hendak digunakan. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Naveed dan Tanweer (2010), yang menggunakan empat dimensi dengan 14 indikator bagi mengukur tahap kemiskinan dalam kajian kes di Pakistan. Selain itu, pemilihan dimensi dan indikator dalam kajian ini juga dipengaruhi oleh pengukuran kemiskinan multidimensi oleh UNDP pada tahun 2016 yang meletakkan tiga indikator dengan 10 dimensi pengukuran. Pengukuran kemiskinan dalam kajian ini juga turut

mengguna pakai dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi yang dibuat Siti Hadijah Che Mat pada tahun 2010 terhadap masyarakat luar bandar di Daerah Baling, Kedah. Pemilihan dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu ini juga adalah berdasarkan kepada hasil kajian rintis yang dilakukan. Hal ini akan menjadikan pemilihan dimensi dan indikator lebih tepat dengan keadaan dan bersesuaian dengan situasi masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Kajian ini meletakkan empat dimensi dengan 17 indikator sebagai pengukur kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Antara indikator yang digunakan adalah tahap pendidikan ketua isi rumah, tahap pendidikan isi rumah, kesihatan, makanan dan nutrisi, bekalan air bersih, bekalan sumber kuasa, bilangan isi rumah, keadaan rumah, sistem kumbahan dan sanitasi, peralatan dan kelengkapan rumah, jenis dapur rumah, aktiviti ekonomi dan aset. Maklumat terperinci mengenai dimensi pengukuran kemiskinan yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 3.6:

Jadual 3.6: Skop pengukuran kajian

Bil.	Dimensi	Indikator	Skop Pengukuran Kekurangan	Garis Pemisah Kemiskinan
1.	Pendidikan	Tamat Persekolahan	Bilangan isi rumah yang tidak menamatkan sekolah rendah.	Miskin jika salah seorang ahli isi rumah tidak menamatkan sekolah rendah
		Kehadiran	Kanak-kanak umur persekolahan (6-14 tahun) tidak hadir ke sekolah dalam tahun persekolahan.	Miskin jika tidak hadir ke sekolah kerana ketidakmampuan keluarga.
		Kadar Kematian	Kanak-kanak yang di bawah umur 5 tahun dan wanita yang pernah berkahwin.	Miskin jika kadar kematian adalah tinggi bagi umur yang ditetapkan dalam pengukuran.
2.	Kesihatan	Nutrisi	Wanita dengan BMI rendah daripada 18.5 kg/m <sup>2</sup> atau kanak-kanak yang di bawah umur 36 bulan /+ yang rendah dari sepatutnya.	Miskin jika hanya makan sekali sehari dengan kuantiti makanan yang tidak mencukupi. Juga jenis makanan yang diambil setiap hari.

Jadual 3.6: Skop pengukuran kajian

Bil.	Dimensi	Indikator	Skop Pengukuran Kekurangan	Garis Pemisah Kemiskinan
3. Taraf Hidup	Bekalan Elektrik		Jenis punca kuasa yang digunakan.	Miskin jika punca kuasa yang digunakan adalah lilin, pelita dan lampu minyak tanah.
		Sanitasi	Jenis tandas dan saliran kumbahan yang digunakan.	Miskin jika tandas dan saliran kumbahan yang digunakan. (Bukan tandas di dalam rumah). Tandas dengan mengorek lubang tanah, di dalam semak dan di parit. Sistem saliran kumbahan yang buruk seperti saliran terus ke dalam sungai atau parit.
			Bekalan Air Bersih	Sumber air harian yang digunakan untuk minum dan masak.
	Jenis Rumah	Dinding		Miskin jika dinding rumah diperbuat daripada daun-daun
		Lantai		Miskin jika lantai rumah adalah daripada tanah, pasir, papan, kayu dan buluh
		Bilangan Bilik tidur.		Miskin jika hanya mempunyai sebuah bilik tidur.
	Jenis Dapur	Jenis bahan bakar yang digunakan.	Miskin jika isi rumah menggunakan kayu, najis, arang dan minyak tanah sebagai bahan bakar.	
	Kelengkapan Rumah	Kelengkapan kediaman.	Miskin jika tidak mempunyai salah satu daripada kelengkapan rumah seperti televisyen, pembakar roti, ketuhar dan lain-lain.	
	Bilangan Isi Rumah	Lebih daripada 5 Orang.	Miskin jika jumlah lebih baki pendapatan isi rumah di bawah garis kemiskinan (PGK) iaitu selepas agihan kepada setiap isi rumah.	
	Jalan Perhubungan	Jalan raya berturap/ Batu Kerikil.	Miskin jika tidak mempunyai akses jalan yang baik seperti jalan balak, denai dan lain-lain	
	Pengurusan Sampah	Tong sampah disediakan sekurangnya tong sampah berpusat.	Miskin jika tidak mempunyai tong sampah pusat berhampiran dan rutin pungutan sampah	
	Penyisihan Sosial	Tidak mendapat bantuan dan berlaku perselisihan faham dalam komuniti.	Miskin jika diabaikan atau disisihkan oleh JAKOA, komuniti, keluarga dan badan berwajib	
4. Kekayaan	Aset	Aset tetap: Rumah, tanah Aset fizikal: Kenderaan bermotor, telefon bimbit, komputer.	Miskin jika isi rumah tidak memiliki dua antara aset tetap dan aset fizikal.	
	Pendapatan	Jumlah pendapatan yang dimiliki oleh isi rumah.	Miskin jika jumlah pendapatan isi rumah kurang daripada garis kemiskinan (PGK) yang ditetapkan.	
	Ternakan	Binatang ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik.	Miskin sekiranya isi rumah tidak mempunyai sebarang ternakan komersial.	

### **3.9.2 Analisis Kualitatif**

Analisis data temu bual dilakukan dengan menyusun dan meringkaskan data yang diperoleh daripada responden. Kaedah ini dilakukan melalui transkripsi temu bual dan kategori kod yang dihasilkan. Proses kategori kod data adalah berdasarkan kepada konsep catatan semula iaitu data daripada informan menerusi pemahaman penyelidik dan konsep mengenal pasti iaitu data daripada informan yang dapat digunakan dalam huraian isu. Seterusnya, data-data yang telah dikenal pasti kemudiannya disusun dan di agregat semula mengikut tema.

Langkah berikutnya adalah dengan membina kerangka atau jalan penceritaan yang mudah difahami. Bagi melengkapkan penulisan ini, setiap tema dan data yang disusun perlu dibaca berulang kali bagi mendapatkan kerangka penulisan atau jalan penceritaan yang mengaitkan isu-isu yang diketengahkan dengan model pendekatan yang digunakan sebagai asas kajian. Selain berdasarkan data temu bual, hasil analisis dokumen berkaitan juga turut dijadikan rujukan penting sebagai sokongan hasil kajian yang diperoleh. Rujukan daripada dokumen-dokumen tersebut dapat memastikan hasil dapatan daripada kaedah kualitatif ini lebih bermakna dan menyokong hasil dapatan kuantitatif yang diperoleh. Menurut Scott dan Garner (2013); Punch (1998) dan Merriam (1998), proses trigulasi yang digunakan mampu untuk menentu sahkan kebenaran data dengan membandingkan data yang diperoleh melalui kaedah-kaedah yang diguna pakai. Trigulasi data adalah berdasarkan kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti.

### 3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian atau *validity research* merupakan elemen yang perlu ada dalam laporan kajian ini bagi menentu sahkan sama ada kajian yang dilakukan ini menepati konsep, etika, kajian lepas dan prosedur yang telah digariskan. Menurut Mimi Mohaffyza Mohamad et al. (2015), kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebolehgunaan (*usefulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebenaran (*truthfulness*) yang membolehkan data yang diperolehi diinferenkan. Bagi Campbell dan Fiske (1959) pula, kesahan adalah persetujuan antara dua percubaan bagi mengukur *trait* yang sama secara maksimum melalui kaedah yang berlainan.

Kaedah ini juga turut menegaskan hasil kajian ini tidak boleh ditukar atau diterjemahkan kepada konteks yang lain. Menurut Zohrabi (2013), tujuan kesahan instrumen kajian adalah bagi menjamin ia dapat dipertahankan (*defensibility*), ketepatan (*accuracy*), kesesuaian (*appropriateness*) dan kebolehgunaan (*usefulness*). Manakala, konsep kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran kajian. Kebolehpercayaan diukur apabila hasil dan data yang sama diperolehi melalui instrumen kajian yang sama dan digunakan kepada populasi atau sampel yang sama (Sabitha Marican, 2005).

Menurut Bogdan dan Biklen (2003), terdapat tujuh teknik kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang boleh dilakukan iaitu pengesahan inventori soalan separa berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang, trigulasi data, kajian rintis, pengesahan pakar dalam tema, tempoh yang panjang dalam kajian, pengiraan *Cohen Kappa* dalam mengukur persetujuan pakar terhadap tema dan laporan nota lapangan dan diari. Bagi Creswell (2003) pula, terdapat lapan teknik yang boleh digunakan untuk kesahan dan kebolehpercayaan sesebuah kajian iaitu penglibatan berpanjangan dan pemerhatian berterusan di kawasan kajian (*prolonged engagement and persistent observation in the field*), trigulasi data (*data trigulation*), penelitian rakan (*peer review*), analisis kes negatif

(*negative case analysis*), penjelasan yang kukuh (*clarifying*), semakan rakan (*member chicking*), keterangan yang baik (*rich and thick description*) dan audit luaran (*external audits*). Walau bagaimanapun, penyelidik hanya memerlukan sekurang-kurangnya dua teknik utama untuk menentusahkan sesebuah kajian tersebut (Creswell, 2003). Namun begitu, kajian ini telah menggunakan empat teknik kesahan dan kebolehpercayaan iaitu kaedah kajian rintis, trigulasi dan penglibatan berpanjangan serta pemerhatian berterusan di kawasan kajian.

i. Kajian rintis

Kajian rintis yang dilakukan merupakan salah satu daripada teknik kesahan dan kebolehpercayaan data yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik telah menyiapkan inventori soalan sebelum diserahkan kepada penyelia untuk disemak. Inventori ini penting bagi melihat perkaitan antara objektif kajian dan persoalan dengan dimensi kemiskinan yang ditentukan dalam mengukur kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Selain itu, penelitian daripada penyelia yang pakar dalam bidang berkaitan dan pengesahan daripada rakan penyelidik merupakan antara teknik kesahan dan kebolehpercayaan data. Perkara ini disokong oleh Bogdan dan Biklen (2003), yang menyatakan kesahan dan kebolehpercayaan data turut boleh dilakukan oleh penyelia yang pakar dan rakan penyelidik di mana dapat menentukan tahap keteraturan kajian yang dilakukan.

Pada bulan Julai 2015, penyelidik telah melakukan kajian rintis pertama di Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu. Hasil daripada kajian rintis ini telah diserahkan kepada penyelia untuk disemak sama ada dapatan kajian ini menepati instrumen kajian yang ditetapkan dan objektif kajian. Namun, terdapat sedikit pindaan dalam aspek pemilihan responden Orang Asli di mana tidak semua masyarakat Orang Asli di kampung tersebut memberikan kerjasama yang baik. Oleh itu, penyelia mencadangkan untuk hanya menjadikan KIR sebagai responden kajian ini. Kajian rintis

kedua telah dilakukan di Kampung Sungai Pergam, Kemaman pada bulan September 2015 dan kajian rintis ketiga dilakukan di Kampung Sungai Sayap, Besut pada bulan Disember 2015.

ii. Trigulasi data

Trigulasi data merupakan salah satu daripada teknik kesahan dan kebolehpercayaan (Wiersma, 1991; Maaneen, 1983). Trigulasi data dalam kajian ini telah dipacu dua komponen pengumpulan data primer iaitu secara kuantitatif dan disokong oleh kualitatif. Pengumpulan data secara kuantitatif kajian ini melibatkan kaedah kaji selidik di kawasan lapangan. Manakala, pengumpulan data secara kualitatif adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan pemerhatian. Selain itu, analisis dokumen juga turut digunakan sebagai sumber data sekunder. Kesahan dan kebolehpercayaan data yang tinggi dapat diperolehi apabila maklumat atau data yang sama diperolehi daripada responden atau informan yang sama walaupun melalui kaedah pengumpulan data yang berbeza (Scott & Garner, 2013). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan 241 orang KIR masyarakat Orang Asli sebagai responden untuk menjawab soal selidik berkaitan kemiskinan multidimensi yang dialami oleh mereka. Kesahan dan kebolehpercayaan data dalam membentuk trigulasi adalah bersandarkan kepada data kualitatif dari temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dengan data kuantitatif melalui soal selidik (Merriam, 1998; Creswell, 2007; Merton & Kandall, 1946).

Menurut Merriam (1998), trigulasi melibatkan pelbagai kaedah pengumpulan data di lapangan yang berlaian (*multiple case atau multisite studies*) merupakan kaedah yang mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini kerana, kajian ini telah melibatkan tiga perkampungan Orang Asli di Terengganu iaitu Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu, Kampung Sungai Pergam, Kemaman dan Kampung Sungai Sayap, Besut. Menurut Merriam lagi, pengumpulan data seperti ini mempunyai tahap



kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana mempunyai tahap kesahan yang tinggi atau generalisasi dapatan kajian.

Selain itu, kaedah trigulasi data juga menggunakan data temu bual mendalam yang dijalankan melalui kajian rintis dan kajian lapangan di mana ia turut mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Melalui kajian rintis yang dilakukan terhadap lapan orang informan Orang Asli dari tiga perkampungan Orang Asli di Terengganu memberi gambaran awal tentang tahap kemiskinan multidimensi yang dialami. Seterusnya, temu bual mendalam dilakukan bersama 16 informan lain yang mempunyai pelbagai latar belakang (rujuk jadual 3.2: halaman 121) memberi gambaran yang jelas terhadap kemiskinan mereka.

Trigulasi data kajian ini juga turut melibatkan kaedah pemerhatian secara terus di kawasan lapangan dan analisis dokumen. Kedua-dua kaedah ini merupakan kaedah pengumpulan data sokongan yang tidak boleh berdiri sendiri tanpa melibatkan kaedah temu bual yang dijalankan. Pemerhatian penyelidik adalah berfokus kepada aktiviti harian dan tatacara hidup masyarakat Orang Asli di kawasan penempatan mereka. Penyelidik telah dibawa pergi ke dalam hutan berhampiran Tasik Kenyir sebanyak lima kali oleh beberapa orang masyarakat Orang Asli untuk melihat sendiri aktiviti ekonomi sara diri yang dilakukan mereka. Dalam aktiviti tersebut, penyelidik telah ditunjukkan cara-cara untuk memasang perangkap dan menjerat haiwan liar di hutan, cara pembuatan sumpitan, kaedah menangkap ikan menggunakan panah dan tombak serta aktiviti mencari tumbuhan dan herba hutan. Selain itu, pemerhatian juga dilakukan setiap pagi bagi melihat sendiri aktiviti persekolahan anak-anak masyarakat Orang Asli dan temu bual dilakukan terhadap guru-guru dan ibu bapa.

Pengumpulan data juga dibuat melalui analisis dokumen yang diperoleh daripada pihak-pihak berautoriti semasa temu bual mendalam dijalankan. Bagi temu bual bersama pihak sekolah penyelidik telah memperoleh dokumen seperti laporan pendaftaran murid, laporan kehadiran murid dan laporan peperiksaan tahunan. Bagi temu bual bersama pegawai dari klinik kesihatan pula, penyelidik telah memperoleh dokumen seperti laporan kelahiran dan kematian penduduk dan laporan kesihatan bagi setiap isi rumah. Selain itu juga, temu bual bersama pihak JAKOA setempat membolehkan penyelidik memperoleh dokumen seperti laporan bantuan yang diperoleh isi rumah, laporan projek-projek pembangunan sosioekonomi dan laporan latar belakang sosioekonomi setiap isi rumah. Menurut Malakolunthu (2001), teknik trigulasi yang disumbangkan melalui sumber dokumen bukan sahaja dapat menyokong dan sebagai bukti sahih kepada sumber data yang lain tetapi juga dapat mengesahkan maklumat yang diperoleh terutama daripada kaedah temu bual dan pemerhatian.

iii. Penglibatan berpanjangan dan pemerhatian berterusan di kawasan kajian

Salah satu daripada kaedah kesahan dan kebolehpercayaan data dalam kajian ini adalah melalui teknik penglibatan berpanjangan dan pemerhatian berterusan di kawasan kajian atau "*prolonged engagement and persistent observation in the field*" (Creswell, 2007; Padgett, 2016). Menurut Creswell (2007), tempoh masa yang lama dalam kajian lapangan membolehkan kajian bersifat etnografi dilakukan dan ia mempunyai tahap kesahan yang tinggi terutama bagi kajian yang berkaitan sesebuah masyarakat. Secara keseluruhannya, proses pengumpulan data kajian ini telah mengambil masa selama 12 bulan iaitu bermula pada bulan Julai 2015 hingga bulan Julai 2016. Pengumpulan data telah dilakukan di ketiga-tiga perkampungan Orang Asli di negeri Terengganu sepanjang tempoh berkenaan.

Melalui penggunaan teknik ini penyelidik dapat membina hubungan yang baik dan memperoleh kepercayaan yang tinggi bersama penduduk. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli merupakan golongan minoriti terpinggir yang mempunyai sifat pemalu dan kurang terdedah dengan masyarakat luar (Ramle Abdullah, 2014). Oleh itu, dengan menggunakan teknik ini responden tidak akan berasa malu, janggal atau takut untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik semasa proses pengumpulan data dijalankan. Selain itu, teknik ini juga mampu untuk mendedahkan penyelidik terhadap budaya dan tatacara hidup masyarakat Orang Asli yang unik. Data ini adalah penting bagi memudahkan penyelidik untuk memahami tatacara hidup mereka yang masih lagi dibelenggu amalan nenek moyang. Hal ini dapat memastikan penyelidik tidak melanggar pantang larang masyarakat setempat. Tempoh masa yang lama ini juga membolehkan penyelidik untuk menyemak semula data-data yang diperoleh sepanjang proses pengumpulan data. Semakan semula ini mampu untuk menjadikan data yang diperoleh lebih tepat dan mencerminkan keadaan sebenar kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu.

### **3.11 Pematuhan Etika Kajian**

Dalam memastikan kajian yang dilakukan ini mematuhi standard piawaian, setiap responden yang terlibat akan diberitahu terlebih dahulu tentang objektif kajian. Oleh itu, responden akan lebih bersedia dengan jawapan yang baik dan sesuai bagi mematuhi objektif kajian yang ditetapkan. Selain itu, nama setiap responden yang terlibat dalam kajian ini tidak akan didedahkan dalam sebarang penerbitan berkaitan kajian ini. Di samping itu juga, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah secara sukarela dan persendirian.

Sebelum proses pengumpulan data dibuat, penyelidik terlebih dahulu memaklumkan kepada responden iaitu maklumat seperti nama, alamat, kedudukan dan organisasi yang diwakili tidak akan didedahkan kepada umum melalui sebarang media tanpa pengetahuan dan kerelaan responden bagi melindungi hak privasi. Selain itu, penyelidik juga memperkenalkan diri sebagai pelajar ijazah doktor falsafah (PhD) yang membuat kajian di kawasan tersebut melalui surat pengesahan dari Universiti Malaya dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (rujuk lampiran G: halaman 307).

Bagi pengumpulan data secara temu bual mendalam, penyelidik akan meminta kebenaran daripada responden terlebih dahulu untuk merakam perbualan tersebut secara audio dan visual. Penyelidik tidak akan membuat rakaman sekiranya tidak mendapat persetujuan responden. Responden juga turut diberi peluang untuk mengutarakan maklumat tambahan berkaitan kajian yang dilakukan dengan kerelaan mereka. Selain itu, penyelidik juga telah memberikan nombor telefon dan alamat e-mail kepada responden bagi memudahkan proses komunikasi dan penghantaran maklumat tambahan.

### 3.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah melibatkan 241 orang KIR (98%) di tiga buah perkampungan Orang Asli di negeri Terengganu iaitu 93 orang daripada Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu, 140 orang Kampung Sungai Pergam, Kemaman dan lapan orang Kampung Sungai Sayap, Besut. Bagi mendapatkan data yang lebih terperinci kajian ini telah menggunakan kaedah trigulasi dalam mengumpul data dari pelbagai sumber iaitu melalui data primer (kuantitatif dan kualitatif) dan data sekunder. Sumber data primer telah diperoleh daripada borang soal selidik dan ditemu bual secara mendalam manakala, data sekunder adalah daripada dokumen-dokumen rasmi seperti nota, buku-buku, jurnal, catatan, tesis, laporan, majalah, akhbar dan laman sesawang.

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah analisis seperti analisis deskriptif bagi bahagian demografi dan latar belakang responden yang diterangkan melalui frekuensi, peratusan, jadual dan graf. Selain itu, ujian khi-kuasa dua (*Chi-Square*) juga digunakan untuk meneliti hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK. Kajian ini turut menggunakan pengukuran kemiskinan multidimensi yang telah diguna pakai oleh UNDP bagi menentukan tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Bagi kesahan dan kebolehpercayaan, nilai pekali kebolehpercayaan *crombach alpha* adalah 0.7 yang menunjukkan data kuantitatif yang diperoleh dalam kajian ini boleh diterima. Selain itu, kajian ini juga telah menggunakan tiga kaedah kesahan dan kebolehpercayaan bagi data kualitatif iaitu secara kajian rintis, trigulasi data dan penglibatan berpanjangan dan pemerhatian berterusan di kawasan kajian.

## BAB 4: ANALISIS SOSIOEKONOMI

### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi berdasarkan kepada analisis data di tiga buah perkampungan Orang Asli di Terengganu iaitu Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu, Kampung Sungai Pergam, Kemaman dan Kampung Sungai Sayap, Besut. Analisis ini dibuat berdasarkan kepada 241 orang responden yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR). Bab ini akan memberi fokus terhadap hasil analisis profil, demografi dan status sosioekonomi responden. Analisis pertama yang digunakan adalah analisis melalui analisis frekuensi. Analisis ini digunakan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai latar belakang responden. Selain itu, status sosioekonomi pula dapat dilihat melalui perbezaan latar belakang masyarakat Orang Asli menggunakan ujian non-parametrik melalui analisis penjadualan silang. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran jelas terhadap perbezaan latar belakang sosioekonomi masyarakat Orang Asli di ketiga-tiga buah kampung tersebut.

Selain itu, bab ini juga turut menghurai hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan purata pendapatan garis kemiskinan (PGK) Malaysia berdasarkan tahun 2014. Analisis ini dilakukan untuk menjawab persoalan kajian pertama dan objektif kajian pertama. Hubungan antara pemboleh ubah ini juga, ditentukan dengan menggunakan ujian khi-kuasa dua ( $\chi^2$ ) Pearson untuk Kebebasan (*Pearson chi-square test for independent*). Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk menguji sama ada PGK adalah faktor dominan yang mempengaruhi sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Sekiranya sebahagian besar pemboleh ubah sosioekonomi yang ditetapkan mempunyai nilai yang signifikan dengan PGK, maka PGK merupakan faktor dominan yang mempengaruhi tingkat kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

#### 4.1 Latar Belakang Masyarakat Orang Asli di Terengganu

Berdasarkan pengumpulan data yang dibuat oleh penyelidik menerusi survei dan maklumat yang telah diberikan oleh pihak JAKOA setempat, negeri Terengganu mempunyai populasi masyarakat Orang Asli seramai 1,086 orang (Jadual 4.0). Hal ini menunjukkan berlakunya peningkatan jumlah populasi masyarakat Orang Asli berdasarkan data yang dikeluarkan JAKOA pada tahun 2010 iaitu seramai 893 orang.

Jadual 4.0: Jumlah populasi masyarakat Orang Asli di Terengganu

Daerah	Kampung	Kawasan	Jumlah Penduduk (Orang)
Besut	Kg. Sg. Sayap	Pinggir	32
Hulu Terengganu	Kg. Sg. Berua	Pinggir	510
Kemaman	Kg. Sg. Pergam	Pinggir	544
Jumlah			1086

Sumber: Hasil kajian penyelidik

#### 4.2 Analisis Profil dan Demografi

##### 4.2.1 Umur

Sebahagian besar daripada responden (15.8%) adalah berumur antara 30-34 tahun dan diikuti 14.5% responden yang berumur 25-29 tahun (Jadual 4.1). Selain itu, sebanyak 1.2% sahaja responden yang berumur antara 15-19 tahun dan golongan tua iaitu responden yang berumur antara 60-64 tahun dan berumur lebih daripada 65 tahun masing-masing hanya mencatatkan sebanyak 5%.

Selain itu juga, hasil kajian ini turut menunjukkan perbezaan umur responden bagi ketiga-tiga buah kampung tersebut. Bagi Kampung Sungai Berua, responden yang berumur antara 20-24 tahun mencatatkan jumlah terbanyak iaitu 18.3% diikuti responden berumur antara 25-29 tahun iaitu sebanyak 16.1% dan antara umur 30-34 tahun iaitu

sebanyak 15.1%. Peratusan umur responden paling kecil adalah antara umur 15-19 tahun dan responden yang berumur lebih dari 65 tahun iaitu masing-masing sebanyak 2.2%.

Bagi Kampung Sungai Pergam pula, peratusan umur responden terbanyak adalah antara umur 35-39 tahun iaitu sebanyak 16.4% diikuti responden berumur antara 30-34 tahun iaitu sebanyak 15% dan antara 25-29 tahun iaitu sebanyak 12.9%. Peratusan umur responden yang paling kecil adalah berumur antara 15-19 tahun iaitu sebanyak 0.7%.

Bagi Kampung Sungai Sayap, peratusan umur responden terbanyak adalah antara 30-34 tahun dan 55-59 tahun iaitu masing-masing adalah sebanyak 37.5%. Manakala, peratusan umur responden paling kecil di kampung ini adalah antara 25-29 tahun iaitu sebanyak 25%.

Jadual 4.1: Peratusan umur

<b>Umur (Tahun)</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
15-19	2.2	0.7	0	1.2
20-24	18.3	4.3	0	9.5
25-29	16.1	12.9	25.0	14.5
30-34	15.1	15.0	37.5	15.8
35-39	11.8	16.4	0	14.1
40-44	7.5	10.0	0	8.7
45-49	5.4	6.4	0	5.8
50-54	5.4	8.6	0	7.1
55-59	9.7	14.3	37.5	13.3
60-64	6.5	4.3	0	5.0
< 65	2.2	7.1	0	5.0



#### 4.2.2 Suku Kaum

Hasil kajian ini turut menunjukkan peratusan suku kaum responden di ketiga-tiga buah perkampungan Orang Asli yang dikaji (Jadual 4.2). Jadual tersebut jelas menunjukkan Semaq Beri merupakan suku kaum terbesar yang mendominasi ketiga-tiga kampung tersebut iaitu sebanyak 76.8% daripada keseluruhan responden. Jumlah ini telah diikuti dengan suku kaum Jakun sebanyak 11.2% dan seterusnya suku kaum Bateq dengan 5.4%. Suku kaum yang paling sedikit mendiami ketiga-tiga kampung tersebut adalah Jah Hut, Temiar, Semelai dan Cina dengan masing-masing sebanyak 0.4%. Walaupun suku kaum masyarakat Orang Asli dikategorikan kepada tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto namun, mereka tidak membatasi perkahwinan campur dengan suku kaum lain. Oleh yang demikian, wujud suku kaum lain seperti Melayu diwakili 1.7%, Cina dengan 0.4% dan Bumiputera sebanyak 1.2%. Selain itu, terdapat juga di antara masyarakat Orang Asli yang berkahwin dengan kaum bukan Bumiputera iaitu sebanyak 1.2%.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan perbezaan antara suku kaum yang terdapat di setiap kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, suku kaum Semaq Beri mendominasi populasi kampung tersebut dengan menyumbang sebanyak 91.4% dan diikuti 6.5% suku kaum Bateq. Suku kaum Jahai dan Jakun adalah suku kaum terkecil.

Bagi Kampung Sungai Pergam pula, ia juga turut didominasi oleh suku kaum Semaq Beri iaitu sebanyak 71.4% dan diikuti 18.6% suku kaum Jakun. Bagi suku kaum Jah Hut, Temiar, Semelai dan kaum Cina pula masing-masing menyumbangkan sebanyak 0.7%. Manakala, turut terdapat 2.9% kaum Melayu daripada jumlah responden. Peratusan terkecil adalah kaum Bumiputera dan kaum lain-lain (bukan Bumiputera) iaitu masing-masing sebanyak 2.1%.

Bagi Kampung Sungai Sayap, suku kaum terbesar adalah suku kaum Bateq yang menyumbang sebanyak 87.5% dan diikuti 12.5% suku kaum Jahai. Manakala, tiada rekod yang menunjukkan kampung ini didiami oleh suku kaum yang lain.

Jadual 4.2: Peratusan suku kaum

<b>Suku Kaum</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
Jahai	1.1	0	12.5	0.8
Bateq	6.5	0	87.5	5.4
Temiar	0	0.7	0	0.4
Jah Hut	0	0.7	0	0.4
Semaq Beri	91.4	71.4	0	76.8
Semelai	0	0.7	0	0.4
Jakun	1.1	18.6	0	11.2
Melayu	0	2.9	0	1.7
Cina	0	0.7	0	0.4
Bumiputera	0	2.1	0	1.2
Lain-lain (Bukan Bumiputera)	0	2.1	0	1.2

#### 4.2.3 Agama

Hasil kajian ini menunjukkan peratusan anutan agama masyarakat Orang Asli di ketiga-tiga buah perkampungan Orang Asli di Terengganu (Jadual 4.3). Jadual tersebut jelas menunjukkan sebahagian besar mereka adalah beragama Islam iaitu sebanyak 99.2% dan diikuti oleh Kristian dan Animisme dengan masing-masing sebanyak 0.4%. Perubahan anutan agama masyarakat Orang Asli ini daripada kepercayaan nenek moyang kepada agama Islam adalah ekoran daripada tindakan proaktif kerajaan negeri dalam memartabatkan agama Islam. Selain itu, dengan beragama Islam membolehkan masyarakat Orang Asli menerima bantuan-bantuan lain seperti zakat dan baitulmal.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan anutan agama responden bagi ketiga-tiga buah kampung yang dikaji. Keseluruhan responden di Kampung Sungai Berua adalah beragama Islam. Manakala, sebanyak 99.3% penduduk di Kampung Sungai Pergam adalah beragama Islam dan sebanyak 0.7% lagi adalah Kristian. Di Kampung Sungai Sayap pula, sebanyak 99.2% adalah beragama Islam dan diikuti dengan Kristian dan Animisme yang masing-masing menyumbang sebanyak 0.4%.

Jadual 4.3: Peratusan anutan agama

<b>Agama</b>	<b>Berua</b> (%) (n=93)	<b>Pergam</b> (%) (n=140)	<b>Sayap</b> (%) (n=8)	<b>Jumlah</b> (%) (n=241)
Islam	100.0	99.3	87.5	99.2
Kristian	0	0.7	0	0.4
Animisme	0	0	12.5	0.4

#### 4.2.4 Penduduk Asal

Hasil kajian menunjukkan peratusan status penduduk asal masyarakat Orang Asli yang tinggal di ketiga-tiga buah kampung Orang Asli di Terengganu (Jadual 4.4). Sebahagian besar responden iaitu sebanyak 76.3% adalah berasal dari kawasan tersebut. Manakala, 23.7% penduduk mendiami perkampungan di situ bukan berasal daripada kampung tersebut. Hal ini adalah berikutan dengan faktor migrasi penduduk yang berlaku dari kawasan lain. Faktor perkahwinan campur adalah penyumbang terbesar kepada migrasi penduduk ini selain faktor bertukar tempat kerja, mengikut keluarga dan sebagainya. Faktor perkahwinan campur ini membolehkan pasangan bukan Orang Asli untuk tinggal di dalam kawasan penempatan Orang Asli dan mendapat faedah-faedah sama dengan Orang Asli yang lain. Perkahwinan campur ini bukan sahaja memperlihatkan wujudnya kaum-kaum lain seperti Melayu, Cina dan Bumiputera bahkan, terdapat juga bukan Bumiputera yang datang bermigrasi seperti dari negara Thailand.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan status penduduk asal di setiap kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, sebanyak 69.9% responden adalah penduduk asal manakala 30.1% lagi bukan penduduk asal. Bagi Kampung Sungai Pergam, sebanyak 81.4% responden adalah penduduk asal manakala, 18.6% responden bukan penduduk asal. Bagi Kampung Sungai Sayap, 62.5% adalah penduduk asal manakala, 37.5% lagi bukan penduduk asal kampung tersebut.

Jadual 4.4: Peratusan status penduduk asal

<b>Penduduk Asal</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
Ya	69.9	81.4	62.5	76.3
Tidak	30.1	18.6	37.5	23.7

### 4.3 Sosioekonomi

#### 4.3.1 Pendidikan

Hasil kajian menunjukkan peratusan tahap pendidikan responden di ketiga-tiga buah lokasi kajian (Jadual 4.5). Sebahagian besar (29.5%) responden tidak pernah bersekolah dan diikuti 19.1% yang berjaya menamatkan pendidikan di darjah enam. Jumlah ini diikuti 14.1% responden yang menamatkan persekolahan di darjah tiga dan diikuti 6.6% yang menamatkan pendidikan di tingkatan satu. Hanya sebahagian kecil (0.4%) sahaja yang melanjutkan pengajian ke peringkat Maktab/ Kolej/ Universiti.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan status pendidikan responden bagi setiap kawasan kajian. Bagi Kampung Sungai Berua, sebahagian besar daripada responden adalah tidak pernah bersekolah iaitu sebanyak 28% diikuti 19.4% yang hanya menamatkan persekolahan di darjah tiga dan 15.1% lagi di darjah dua. Selain itu, hanya 3.2% sahaja responden yang berjaya menamatkan pendidikan rendah (darjah enam). Di peringkat menengah, sebanyak 7.5% responden tamat tingkatan dua diikuti sebanyak

5.4% tamat tingkatan satu dan sebanyak 4.3% tamat tingkatan tiga. Di kampung ini juga, tiada responden yang melanjutkan pengajian ke tingkatan empat dan di peringkat tinggi.

Kampung Sungai Pergam menunjukkan sebilangan besar (27.9%) responden tidak pernah bersekolah. Jumlah ini diikuti 29.3% responden yang menamatkan pengajian peringkat rendah (darjah enam) dan 11.4% di darjah tiga. Di peringkat menengah, sebahagian besar (7.9%) responden menamatkan tingkatan satu diikuti 4.3% di tingkatan dua dan tingkatan tiga. Manakala, hanya 2.9% yang melanjutkan pendidikan di tingkatan empat. Terdapat 0.7% responden berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi (Maktab/ Kolej/ Universiti).

Kampung Sungai Sayap juga menunjukkan sebahagian besar responden tidak pernah bersekolah iaitu sebanyak 75%. Jumlah ini diikuti dengan responden yang tamat darjah enam iaitu sebanyak 25%. Di kampung ini juga tiada responden berjaya melanjutkan pendidikan di sekolah menengah mahupun melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Jadual 4.5: Peratusan tahap pendidikan

<b>Pendidikan</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
Darjah 1	4.3	3.6	0	3.7
Darjah 2	15.1	3.6	0	7.9
Darjah 3	19.4	11.4	0	14.1
Darjah 4	6.5	2.9	0	4.1
Darjah 5	6.5	1.4	0	3.3
Darjah 6	3.2	29.3	25.0	19.1
Tingkatan 1	5.4	7.9	0	6.6
Tingkatan 2	7.5	4.3	0	5.4
Tingkatan 3	4.3	4.3	0	4.1
Tingkatan 4	0	2.9	0	1.7
Maktab/ Kolej/ Universiti	0	0.7	0	0.4
Tidak Pernah Bersekolah	28.0	27.9	75.0	29.5

Hasil kajian kuantitatif ini turut disokong oleh dapatan analisis dokumen yang diperoleh daripada pihak sekolah yang terbabit. Dalam rekod yang dikeluarkan oleh Tadika KEMAS Kampung Sungai Berua (2015), peratusan kehadiran bulanan murid-murid Orang Asli adalah tidak menentu dari tahun 2009 hingga 2015 (Jadual 4.6).

Jadual 4.6: Peratusan kehadiran murid Tadika Kg. Sg. Berua bagi tahun 2009-2015

Bulan	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Januari	55	80	43	60	67	83	29
Februari	45	52	43	55	33	88	71
Mac	40	38	35	41	33	58	42
April	60	44	43	43	46	29	33
Mei	50	36	55	42	58	17	38
Jun	55	50	43	44	63	21	33
Julai	40	41	43	40	63	17	33
Ogos	40	44	39	41	63	25	33
September	45	44	36	42	58	33	38
Oktober	30	38	39	37	54	25	39
November	45	25	30	40	63	38	39
Disember	0	0	0	0	0	0	0

Sumber: Kompilasi data hasil kajian penyelidikan terhadap Tadika KEMAS Kg. Sg.

Berua, Hulu Terengganu (2015)

Selain itu, Sekolah Kebangsaan Sungai Berua (2015), merekodkan ketidaktentuan bilangan murid berdaftar ke sekolah tersebut bagi darjah satu hingga darjah 6 dari tahun 2008 hingga tahun 2015. Namun, berlaku peningkatan jumlah pendaftaran murid dari 112 orang pada tahun 2014 kepada 117 orang pada tahun 2015 (Jadual 4.7).

Jadual 4.7: Bilangan murid berdaftar di SK. Berua bagi tahun 2008-2015

Tahun	Darjah 1	Darjah 2	Darjah 3	Darjah 4	Darjah 5	Darjah 6	Jumlah
2008	22	18	18	11	15	5	89
2009	12	22	15	18	11	15	93
2010	13	12	19	15	18	11	88
2011	12	13	12	39	15	18	109
2012	11	12	13	11	39	15	101
2013	22	13	13	11	19	20	98
2014	17	24	13	13	26	19	112
2015	19	23	25	12	13	25	117

Sumber: Kompilasi data hasil kajian penyelidikan terhadap Sekolah Kebangsaan Sg.

Berua, Hulu Terengganu (2015)

Manakala, bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Jenagor pula, mencatatkan rekod yang tidak memuaskan apabila tiada anak-anak Orang Asli yang melanjutkan pelajaran ke tingkatan empat dari tahun 2004 hingga tahun 2015 (Jadual 4.8). Rekod-rekod sekolah ini jelas menunjukkan keciciran pendidikan yang amat serius dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih lagi berlaku hingga ke hari ini.

Jadual 4.8: Bilangan murid Orang Asli berdaftar di SMK. Jenagor tahun 2004-2015

Tingkatan	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	Jumlah
Tingkatan 1	6	3	10	8	0	0	5	0	2	15	14	19	82
Tingkatan 2	0	6	1	4	0	0	0	0	2	14	12	15	54
Tingkatan 3	0	0	4	0	0	8	0	1	2	12	11	14	52
Tingkatan 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tingkatan 5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>9</b>	<b>15</b>	<b>12</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>41</b>	<b>37</b>	<b>48</b>	<b>188</b>

Sumber: Kompilasi data hasil kajian penyelidikan terhadap Sekolah Menengah Kebangsaan Jenagor, Hulu Terengganu (2015)

#### 4.3.2 Umur Berkahwin

Hasil kajian menunjukkan umur berkahwin bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu (Jadual 4.9). Umur berkahwin paling tinggi bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu adalah berumur antara 20-24 tahun iaitu sebanyak 39.8%. Ia diikuti oleh responden yang berkahwin antara umur 15-19 tahun iaitu sebanyak 36.9% dan antara 25-29 tahun iaitu sebanyak 14.1%. Selain itu, terdapat 2.9% responden berkahwin pada umur kurang daripada 14 tahun. Peratusan paling kecil adalah responden yang berkahwin berumur antara 35-39 tahun, 40-44 tahun dan 45-49 tahun iaitu masing-masing mencatatkan 0.4%.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan umur kahwin bagi setiap kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, peratusan umur kahwin paling tinggi adalah antara 15-19 tahun dan diikuti 20-24 tahun. Peratusan umur kahwin paling kecil adalah antara 30-34 tahun iaitu sebanyak 2.4%. Di kampung itu juga, tidak terdapat

responden berkahwin pada umur kurang daripada 14 tahun dan pada umur melebihi 35 tahun.

Bagi Kampung Sungai Pergam, peratusan umur kahwin paling tinggi adalah antara 20-24 tahun iaitu sebanyak 38.6%. Jumlah ini diikuti responden yang berumur antara 15-19 tahun iaitu sebanyak 26.4% dan 25-29 tahun iaitu sebanyak 22.1%. Di kampung ini juga, terdapat responden berkahwin pada usia kurang daripada 14 tahun iaitu sebanyak 4.3%. Hanya 0.7% sahaja responden berkahwin antara umur 35-39 tahun, 40-44 tahun dan 45-49 tahun.

Di Kampung Sungai Sayap, peratusan umur kahwin paling tinggi adalah antara 25-29 tahun iaitu sebanyak 37.5%. Jumlah ini diikuti 25% responden berkahwin berumur antara 15-19 tahun. Sebanyak 12.5% responden berkahwin pada umur kurang daripada 14 tahun, 20-24 tahun dan 30 hingga 34 tahun. Manakala, tiada responden berkahwin pada umur lebih daripada 35 tahun.

Jadual 4.9: Peratusan umur berkahwin

<b>Umur Kahwin (Tahun)</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
< 14	0	4.3	12.5	2.9
15-19	53.8	26.4	25.0	36.9
20-24	44.1	38.6	12.5	39.8
25-29	0	22.1	37.5	14.1
30-34	2.2	6.4	12.5	5.0
35-39	0	0.7	0	0.4
40-44	0	0.7	0	0.4
45-49	0	0.7	0	0.4



### 4.3.3 Jenis Pekerjaan

Hasil kajian menunjukkan peratusan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh responden di ketiga-tiga buah perkampungan Orang Asli di Terengganu (Jadual 4.10). Sebahagian besar daripada responden (84.2%) bekerja sebagai pekerja hutan. Jumlah ini diikuti 13.7% responden yang tidak bekerja. Golongan ini terdiri daripada responden yang telah tua dan tidak mampu untuk bekerja lagi. Responden ini menggunakan wang daripada hasil dividen ladang sawit yang diusahakan oleh FELCRA sebagai pendapatan utama untuk menyara diri dan keluarga. Jenis pekerjaan lain yang turut diceburi adalah pentadbir/ pengurus, perkeranian, jualan/ peniaga, perkhidmatan dan pengamal perubatan tradisional/ bidan kampung dengan masing-masing diwakili oleh 0.4%.

Hasil kajian ini turut menunjukkan perbezaan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh responden bagi setiap kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, sebahagian besar responden (97.8%) adalah pekerja hutan. Jumlah ini diikuti 1.1% responden yang bekerja dalam bidang pengkeranian dan pengamal perubatan tradisional/ bidan kampung. Walau bagaimanapun, tiada di antara responden yang tidak bekerja.

Bagi Kampung Sungai Pergam, sebahagian besar responden (77.1%) bekerja sebagai pekerja hutan. Selain itu, sebanyak 0.7% responden bekerja dalam bidang pentadbiran/pengurusan, perkeranian dan pekerja perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sebanyak 22.7% responden yang tidak bekerja. Kampung Sungai Sayap turut menunjukkan sebahagian besar daripada responden (50.0%) adalah pekerja hutan manakala 50% lagi tidak bekerja.

Jadual 4.10: Peratusan jenis pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Berua (%) (n=93)	Pergam (%) (n=140)	Sayap (%) (n=8)	Jumlah (%) (n=241)
Pentadbir/Pengurus	0	0.7	0	0.4
Perkeranian	1.1	0	0	0.4
Pekerja Jualan/Peniaga	0	0.7	0	0.4
Pekerja Perkhidmatan	0	0.7	0	0.4
Pekerja Hutan	97.8	77.1	50.0	84.2
Pengamal Perubatan Tradisional/Bidan Kampung	1.1	0	0	0.4
Tidak Bekerja	0	20.7	50.0	13.7

#### 4.3.4 Pendapatan

Hasil kajian ini menunjukkan peratusan pendapatan diperoleh oleh responden di ketiga-tiga buah kampung dikaji (Jadual 4.11). Secara kasarnya, masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi dapat diklasifikasikan sebagai miskin. Jadual tersebut jelas menunjukkan sebahagian besar daripada responden memperoleh pendapatan bulanan antara RM500-RM999 iaitu sebanyak 60.2%. Selain itu, sebanyak 19.1% responden memperoleh pendapatan bulanan di bawah garis kemiskinan iaitu sebanyak RM499. Namun begitu, jumlah pendapatan bulanan yang diperoleh ini adalah tidak tetap dan sering kali berkurangan kerana faktor kekurangan sumber hutan yang boleh dijual. Sebanyak 15.8% responden memperoleh pendapatan bulanan antara RM1000-RM1499 dan diikuti dengan 4.1% responden yang memperoleh pendapatan bulanan antara RM1500-RM1999. Namun begitu, sebanyak 0.8% responden memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM3000.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan pendapatan bagi setiap kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, sebanyak 50.5% responden menerima pendapatan di antara RM500-RM999. Jumlah ini diikuti 32.3% responden yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM1000-RM1499 dan sebanyak 9.7% responden memperoleh pendapatan antara RM1500-RM1999. Walau bagaimanapun, sebanyak

7.5% responden menerima pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Manakala, tiada responden yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM3000.

Bagi Kampung Sungai Pergam, sebanyak 69.3% responden memperoleh pendapatan bulanan antara RM500-RM999. Jumlah ini diikuti 22.9% responden yang memperoleh jumlah pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Selain itu, terdapat responden yang mempunyai jumlah pendapatan bulanan antara RM1000-RM1499 dan RM1500-RM1999 dengan masing-masing 5.7% dan 0.7%. Walau bagaimanapun, terdapat 1.4% responden yang memperoleh jumlah pendapatan bulanan melebihi RM3000.

Bagi Kampung Sungai Sayap pula, pendapatan tertinggi adalah kurang daripada RM499 sebulan iaitu sebanyak 87.5% dan diikuti oleh responden yang memperoleh pendapatan bulanan antara RM500-RM999. Walau bagaimanapun, di kampung ini tidak direkodkan responden yang mempunyai pendapatan bulanan yang melebihi RM1000.

Jadual 4.11: Peratusan pendapatan utama

<b>Pendapatan Utama (RM)</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
<499	7.5	22.9	87.5	19.1
500-999	50.5	69.3	12.5	60.2
1000-1499	32.3	5.7	0	15.8
1500-1999	9.7	0.7	0	4.1
>3000	0	1.4	0	0.8

#### 4.3.5 Perbelanjaan

Hasil kajian ini menunjukkan perbelanjaan bulanan responden di ketiga-tiga buah kampung dikaji (Jadual 4.12). Jadual tersebut jelas menunjukkan sebahagian besar responden (76.3%) telah membelanjakan pendapatan bulanan antara RM500-RM999. Manakala, sebanyak 23.7% telah membelanjakan pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Namun begitu, tiada responden yang membelanjakan pendapatan bulanan melebihi RM1000.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan perbelanjaan bulanan yang dibuat oleh responden di ketiga-tiga buah kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, sebahagian besar responden (65.6%) telah membelanjakan pendapatan bulanan antara RM500-RM999. Jumlah ini diikuti dengan 34.4% responden yang membelanjakan pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Namun begitu, tiada responden yang membelanjakan pendapatan bulanan melebihi RM1000.

Bagi Kampung Sungai Pergam, sebahagian besar responden (83.6%) telah membelanjakan pendapatan bulanan antara RM500-RM999. Jumlah ini diikuti 16.4% responden yang membelanjakan pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Namun begitu, tiada responden membelanjakan pendapatan bulanan melebihi RM1000.

Bagi Kampung Sungai Sayap pula, sebahagian besar responden (75.0%) membelanjakan pendapatan bulanan antara RM500-RM999. Manakala, 25.0% membelanjakan pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Namun begitu, tiada responden yang membelanjakan pendapatan bulanan melebihi RM1000.

Jadual 4.12: Peratusan perbelanjaan bulanan

<b>Perbelanjaan Bulanan (RM)</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
< 499	34.4	16.4	25.0	23.7
500-999	65.6	83.6	75.0	76.3

#### 4.3.6 Sumber Pendapatan Lain

Hasil kajian menunjukkan peratusan masyarakat Orang Asli di ketiga-tiga buah kampung di Terengganu yang menerima dividen daripada pihak FELCRA hasil dari ladang kelapa sawit yang diusahakan di dalam kawasan Tanah Rizab Orang Asli (Jadual 4.13). Sebanyak 69.7% Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli telah menerima dividen. Manakala, sebanyak 30.3% lagi tidak menerima dividen tersebut.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan jumlah dividen bulanan yang diterima oleh responden di ketiga-tiga kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, keseluruhan responden menerima dividen kurang daripada RM499. Tiada di antara responden yang menerima dividen melebihi RM500 sebulan. Manakala, bagi Kampung Sungai Pergam, 63.6% responden menerima dividen antara RM1500-RM1999 sebulan dan sebanyak 36.4% responden lagi menerima dividen kurang daripada RM499 sebulan. Tiada responden menerima dividen antara RM500-RM999 dan RM1000-RM1499 sebulan. Bagi Kampung Sungai Sayap pula, keseluruhan responden menerima dividen antara RM1000-RM1499 sebulan. Tiada responden menerima dividen kurang daripada RM499, RM1500-RM1999 dan melebihi RM2000 sebulan.

Jadual 4.13: Peratusan sumber pendapatan sampingan

<b>Sumber Pendapatan Sampingan (Dividen)</b>		<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
FELCRA BHD	Ya	76.3	63.6	100.0	69.7
	Tidak	23.7	36.4	0	30.3
Bantuan FELCRA	< RM499	100.0	36.4	0	59.8
	RM1000-RM1499	0	0	100.0	3.3
	RM1500-RM1999	0	63.6	0	36.9

#### 4.3.7 Bilangan Isi Rumah

Hasil kajian ini menunjukkan peratusan bilangan isi rumah bagi ketiga-tiga perkampungan Orang Asli dikaji (Jadual 4.14). Peratusan isi rumah ini direkodkan bagi mengetahui jumlah isi rumah yang mendiami sesebuah rumah di perkampungan tersebut. Sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Terengganu mempunyai bilangan isi rumah kurang atau sama dengan empat orang dalam sebuah rumah iaitu sebanyak 55.2% dan diikuti 41.5% responden dengan jumlah isi rumah lima hingga lapan orang. Sebanyak 3.3% responden mempunyai lebih daripada sembilan orang isi rumah.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan bilangan isi rumah bagi setiap kampung dikaji. Kampung Sungai Berua menunjukkan bilangan isi rumah terbanyak (57.0%) adalah antara lima hingga lapan orang. Jumlah ini diikuti 36.6% responden yang mempunyai bilangan isi rumah kurang daripada empat orang. Manakala, 6.5% responden mempunyai bilangan isi rumah lebih daripada sembilan orang.

Bagi Kampung Sungai Pergam pula, peratusan bilangan isi rumah terbesar (66.4%) adalah kurang daripada empat orang dan diikuti 32.1% responden yang mempunyai bilangan isi rumah seramai lima hingga lapan orang. Manakala, hanya 1.4% responden yang mempunyai bilangan isi rumah lebih daripada sembilan orang.

Kampung Sungai Sayap pula menunjukkan responden yang peratusan bilangan isi rumah terbesar (75.0%) adalah kurang daripada empat orang dan diikuti 25.0% responden yang mempunyai bilangan isi rumah antara lima hingga lapan orang. Selain itu, tiada responden yang mempunyai bilangan isi rumah melebihi sembilan orang.

Jadual 4.14: Peratusan bilangan isi rumah

<b>Bilangan Isi Rumah (Orang)</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
< 4	36.6	66.4	75.0	55.2
5-8	57.0	32.1	25.0	41.5
> 9	6.5	1.4	0	3.3

#### 4.3.8 Rancang Keluarga

Hasil kajian ini menunjukkan peratusan keluarga Orang Asli di ketiga-tiga penempatan semula Orang Asli di Terengganu yang merancang keluarga (Jadual 4.15). Sebanyak 67.6% keluarga Orang Asli telah merancang keluarga. Manakala, sebanyak 32.4% lagi tidak merancang keluarga. Amalan merancang keluarga penting dalam mengawal bilangan isi rumah. Ia berkait rapat dengan kemampuan KIR untuk menyediakan keperluan asas yang diperlukan oleh ahli isi rumah. Pendapatan bulanan yang sedikit perlu diagihkan kepada bilangan isi rumah yang ramai dan isi rumah juga perlu untuk berkongsi ruang di dalam rumah yang kecil.

Hasil kajian ini juga turut menunjukkan perbezaan jumlah responden yang mengikuti program rancang keluarga yang disyorkan oleh pihak kementerian kesihatan ini di kampung-kampung dikaji. Bagi Kampung Sungai Berua, sebanyak 50.5% responden tidak melakukan amalan rancang keluarga ini berbanding 49.5% yang melakukannya. Bagi Kampung Sungai Pergam pula, 77.9% responden melakukan amalan rancang keluarga ini berbanding 22.1% yang tidak melakukannya. Bagi Kampung Sungai Sayap pula, keseluruhan responden kampung tersebut melakukan amalan rancang keluarga.

Jadual 4.15: Peratusan penyertaan program rancang keluarga

<b>Rancangan Keluarga</b>	<b>Berua (%) (n=93)</b>	<b>Pergam (%) (n=140)</b>	<b>Sayap (%) (n=8)</b>	<b>Jumlah (%) (n=241)</b>
Ya	49.5	77.9	100.0	67.6
Tidak	50.5	22.1	0	32.4

#### 4.4 Hubungan antara Pemboleh ubah Sosioekonomi dengan PGK

Bagi menepati objektif kajian pertama iaitu untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK, ujian *Pearson's Chi-Squared* ( $\chi^2$ ) telah dilakukan terhadap pemboleh ubah bebas dari aspek sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu dengan pemboleh ubah bersandar iaitu PGK luar bandar di Malaysia bagi tahun 2014. Hasil dapatan ujian ini akan membuktikan sama ada pemboleh ubah sosioekonomi tersebut adalah salah satu faktor penting dalam mempengaruhi tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

##### 4.4.1 Hubungan antara Tahap Pendidikan dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan responden dengan PGK (Jadual 4.16). Sebanyak 60.3% responden yang mempunyai status pendidikan rendah tergolong dalam kumpulan terkeluar miskin manakala 49.1% lagi masih berada dalam kelompok miskin. Bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan peringkat menengah pula, 22.1% terkeluar daripada kelompok miskin. Manakala, 16.8% responden, masih lagi tergolong dalam kelompok miskin. Selain itu, 17.6% responden terkeluar miskin adalah tidak bersekolah dan 34.1% responden miskin berada dalam tahap pendidikan yang sama.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul ditolak pada nilai- $p = 0.041$  ( $p < 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan responden dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, tahap pendidikan adalah salah satu faktor penting dalam mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.16: Analisis  $\chi^2$  tahap pendidikan dengan PGK

Tahap Pendidikan	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
Rendah	49.1	60.3	0.041	6.4
Menengah	16.8	22.1		
Tidak Bersekolah	34.1	17.6		



#### 4.4.2 Hubungan antara Umur Berkahwin dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara umur kahwin responden dengan PGK (Jadual 4.17). Sebanyak 44.1% responden yang terkeluar miskin berkahwin antara umur 20-24 tahun. Jumlah ini diikuti 39.7% responden yang berkahwin antara umur 15-19 tahun dan 8.8% responden berkahwin antara umur 25-29 tahun. Manakala, hanya 2.9% responden yang terkeluar miskin berkahwin pada umur kurang daripada 14 tahun dan antara umur 30-34 tahun. Selain itu, hanya 1.5% responden yang berkahwin pada umur melebihi 45 tahun.

Bagi responden yang berada dalam kelompok miskin, sebanyak 38.2% responden berkahwin antara umur 20-24 tahun. Jumlah ini diikuti 35.8% responden berkahwin antara umur 15-19 tahun dan 16.2% responden berkahwin antara umur 25-29 tahun. Sebanyak 5.8% responden dalam kelompok miskin ini berkahwin antara umur 30-34 tahun. Manakala, 0.6% responden berkahwin antara umur 35-39 tahun dan 40-44 tahun. Hanya 2.9% responden berkahwin pada usia kurang daripada 14 tahun dan tiada responden berkahwin pada umur melebihi 45 tahun.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul diterima pada nilai- $p = 0.468$  ( $p > 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara umur kahwin responden dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, pemboleh ubah umur kahwin tidak mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.17: Analisis  $\chi^2$  umur berkahwin dengan PGK

Umur Kahwin (Tahun)	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
< 14	2.9	2.9	0.468	6.630
15-19	35.8	39.7		
20-24	38.2	44.1		
25-29	16.2	8.8		
30-34	5.8	2.9		
35-39	0.6	0.0		
40-44	0.6	0.0		
45 $\geq$	0.0	1.5		

#### 4.4.3 Hubungan antara Bilangan Isi Rumah dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara bilangan isi rumah responden dengan PGK (Jadual 4.18). Bagi responden terkeluar miskin, sebanyak 52.9% responden mempunyai bilangan isi rumah kurang daripada empat orang. Jumlah ini diikuti 41.2% responden yang mempunyai bilangan isi rumah antara lima hingga lapan orang dan 5.9% mempunyai bilangan isi rumah melebihi sembilan orang.

Bagi responden yang tergolong dalam kelompok miskin pula, sebanyak 56.1% mempunyai bilangan isi rumah yang kurang daripada empat orang. Manakala, sebanyak 41.6% mempunyai bilangan isi rumah antara lima hingga lapan orang dan sebanyak 2.3% lagi mempunyai bilangan isi rumah melebihi sembilan orang.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul diterima pada nilai- $p = 0.375$  ( $p > 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan isi rumah responden dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, bilangan isi rumah tidak mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.18: Analisis  $\chi^2$  bilangan isi rumah dengan PGK

Bilangan Isi Rumah (Orang)	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
< 4	56.1	52.9	0.375	1.963
5-8	41.6	41.2		
> 9	2.3	5.9		

#### 4.4.4 Hubungan antara Merancang Keluarga dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara bilangan isi rumah responden dengan PGK (Jadual 4.19). Bagi responden terkeluar miskin, sebanyak 61.8% responden merancang keluarga. Manakala, sebanyak 38.2% lagi tidak merancang keluarga. Bagi responden dalam kelompok miskin pula, sebanyak 69.9% merancang keluarga dan sebanyak 30.1% lagi tidak merancang keluarga.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul diterima pada nilai- $p = 0.222$  ( $p > 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara merancang keluarga dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, merancang keluarga tidak mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.19: Analisis  $\chi^2$  penyertaan program rancang keluarga dengan PGK

Rancang Keluarga	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
Ya	69.9	61.8	0.222	1.491
Tidak	30.1	38.2		

#### 4.4.5 Hubungan antara Jenis Pekerjaan dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara jenis pekerjaan responden dengan PGK (Jadual 4.20). Sebanyak 5.9% responden dalam kategori makan gaji terkeluar miskin. Manakala tiada responden miskin dalam kategori yang sama. Selain itu, sebanyak 94.1% responden dalam kategori bekerja sendiri terkeluar miskin. Manakala 80.9% masih lagi miskin dalam kategori yang sama. Sebanyak 19.1% responden miskin berada dalam kategori tidak bekerja dan tiada responden terkeluar miskin dalam kategori yang sama.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul ditolak pada nilai- $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jenis pekerjaan responden dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, jenis pekerjaan responden adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.20: Analisis  $\chi^2$  jenis pekerjaan dengan PGK

Jenis Pekerjaan	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
Makan Gaji	0	5.9	0.000	24.151
Bekerja Sendiri	80.9	94.1		
Tidak Bekerja	19.1	0		

#### 4.4.6 Hubungan antara Perbelanjaan Bulanan dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara perbelanjaan bulanan responden dengan PGK (Jadual 4.21). Bagi responden yang terkeluar miskin, sebanyak 6.5% membelanjakan pendapatan bulanan antara RM500 hingga RM999. Manakala, sebanyak 23.5% lagi membelanjakan pendapatan bulanan kurang daripada RM499. Bagi responden dalam kelompok miskin pula, sebanyak 76.3% responden membelanjakan pendapatan bulanan antara RM500 hingga RM999. Manakala, sebanyak 23.7% lagi membelanjakan kurang daripada RM499. Namun, tiada responden yang membelanjakan pendapatan bulanan melebihi RM1000 dalam kedua-dua kategori kemiskinan tersebut.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul diterima pada nilai- $p = 0.978$  ( $p > 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perbelanjaan bulanan dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, perbelanjaan bulanan tidak mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.21: Analisis  $\chi^2$  perbelanjaan bulanan dengan PGK

Perbelanjaan Bulanan (RM)	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
< 499	23.7	23.5	0.978	0.001
500-999	76.3	76.5		

#### 4.4.7 Hubungan antara Dividen dengan PGK

Hasil kajian menunjukkan hubungan antara dividen FELCRA yang diperoleh responden dengan PGK (Jadual 4.22). Bagi responden yang terkeluar miskin, sebanyak 84.1% responden menerima dividen kurang daripada RM499. Manakala, sebanyak 15.9% menerima dividen antara RM1500-RM1999 sebulan. Selain itu, tiada responden menerima dividen antara RM1000-RM1499 dan melebihi RM2000.

Bagi responden dalam kelompok miskin pula, sebanyak 27.4% menerima dividen kurang daripada RM499 sebulan. Manakala, sebanyak 6.5% lagi menerima dividen antara RM1000-RM1499 sebulan. Selain itu, sebanyak 66.1% responden menerima dividen antara RM1500-RM1999 sebulan. Namun, tiada responden menerima dividen melebihi RM2000 sebulan.

Keputusan ujian  $\chi^2$  juga turut menunjukkan hipotesis nul ditolak pada nilai- $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dividen yang diperoleh responden dengan PGK. Hal ini turut membuktikan, dividen FELCRA yang diperoleh responden adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi tahap kemiskinan responden.

Jadual 4.22: Analisis  $\chi^2$  dividen FELCRA dengan PGK

Dividen FELCRA (RM)	Pendapatan (%)		Nilai- $p$	Chi-Square ( $\chi^2$ )
	Miskin	Terkeluar Miskin		
< 499	27.4	84.1	0.000	42.980
1000-1499	6.5	0.0		
1500-1999	66.1	15.9		

#### 4.5 Rumusan

Bab ini telah membincangkan tentang hasil dapatan latar belakang responden di ketiga-tiba buah kampung di negeri Terengganu menerusi profil, demografi dan sosioekonomi. Analisis deskriptif mendapati majoriti masyarakat Orang Asli di sini adalah daripada suku kaum Semaq Beri yang beragama Islam. Malangnya mereka mempunyai tahap pendidikan yang sangat rendah iaitu hampir kesemua penduduk tidak pernah bersekolah. Analisis mendapati sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli di sini bekerja sebagai pemungut hasil hutan seperti kayu gaharu, candan, rotan, buluh, herba dan haiwan liar dengan hasil pendapatan diperoleh antara RM500 hingga RM999 sebulan. Kos perbelanjaan bulanan yang tinggi iaitu dalam antara RM500 hingga RM999. Namun, sebahagian besar daripada mereka memperoleh dividen ladang sawit yang diusahakan oleh pihak FELCRA. Sebahagian besar daripada mereka juga berkahwin dalam usia muda iaitu antara umur 20 hingga 24 tahun. Walaupun berkahwin dalam usia muda, sebahagian besar daripada mereka mempunyai purata bilangan isi rumah yang sedikit dalam setiap keluarga iaitu kurang daripada empat orang. Hal ini adalah ekoran daripada langkah proaktif yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menjalankan program merancang keluarga. Oleh itu, risiko keterabaihan anak-anak dan keluarga dalam aspek nutrisi, ruang dan sumber-sumber keperluan asas yang lain dapat dielakkan.

Bab ini juga turut membincangkan hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK. Hasil kajian non-parametrik mendapati, hanya tiga pemboleh ubah sosioekonomi yang mempunyai nilai signifikan dengan PGK iaitu pendidikan, jenis pekerjaan dan dividen FELCRA. Hal ini menunjukkan PGK bukan faktor dominan yang sangat mempengaruhi tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Namun, PGK masih boleh digunakan sebagai salah satu pengukuran dalam IKM. Bab seterusnya akan membincangkan tahap kemiskinan sebenar masyarakat Orang Asli Terengganu menerusi pendekatan kemiskinan multidimensi.

## **BAB 5: PENGUKURAN KEMISKINAN MULTIDIMENSI**

### **5.0 Pengenalan**

Pengukuran kemiskinan multidimensi telah diguna pakai dalam kajian ini bagi mengenal pasti dimensi dan indikator kemiskinan sebenar masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Kaedah analisis ini menepati objektif kedua dan ketiga kajian iaitu untuk mengenal pasti dimensi dan indikator kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu dan untuk menentukan indeks kemiskinan menggunakan MPI. Dalam kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi ini, keputusan kajian kemiskinan akan dibincangkan melalui dua kaedah. Kaedah pertama, membincangkan hasil kajian kemiskinan multidimensi tanpa berpemberat dan kedua hasil kajian kemiskinan multidimensi berpemberat. Selain itu, bab ini juga akan mengemukakan hasil dapatan kajian daripada analisis kualitatif yang membantu untuk menyokong hasil dapatan kajian kuantitatif yang dilakukan.

### **5.1 Kemiskinan Multidimensi Tanpa Berpemberat**

Hasil analisis ini dikemukakan untuk mencapai objektif kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti dimensi dan indikator kemiskinan multidimensi yang menyebabkan kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hasil kajian ini menunjukkan peratusan kekurangan yang dihadapi oleh isi rumah bagi setiap dimensi yang dikaji tanpa meletakkan pemberat (Rajah 5.0). Pada keseluruhannya, tidak terdapat banyak indikator kemiskinan yang dikaji mengalami kekurangan. Terdapat empat indikator yang dikaji mengalami kekurangan melebihi 50%. Hasil kajian mendapati 97.1% KIR mengalami kekurangan dalam indikator ternakan. Kadar peratusan yang tinggi ini menunjukkan, masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak menternak binatang secara komersial. Mereka lebih berminat untuk bekerja sebagai pemungut hasil hutan sekitar kawasan




penempatan. Sebanyak 96.7% isi rumah masyarakat Orang Asli mengalami masalah dalam pengurusan sampah harian. Masyarakat Orang Asli masih kurang kesedaran tentang pengurusan sampah yang baik.

Kehidupan di dalam hutan sebelum ini tidak menuntut mereka untuk melupuskan sampah dengan sewajarnya. Pada lazimnya, mereka membuang sampah di merata tempat tanpa perlu bimbang akan isu pencemaran. Sampah yang dibuang biasanya terdiri daripada bahan yang mudah diurai secara semula jadi. Sebanyak 83.4% isi rumah Orang Asli di Terengganu tidak menamatkan persekolahan mereka di sekolah rendah. Mereka menganggap pendidikan formal adalah tidak penting dan tidak dapat memberi pulangan yang baik kepada kehidupan harian mereka. Mereka lebih suka untuk mengajar anak-anak cara kehidupan di dalam hutan dan mencari hasil hutan. Selain itu, 58.9% kekurangan berlaku dalam indikator pendapatan. Masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi mengamalkan ekonomi sara diri dan tidak terlibat dalam aktiviti ekonomi komersial atau berskala besar. Mereka masih lagi bekerja sebagai pekerja hutan untuk dijual kepada peraih atau dikenali sebagai 'tauke'.

Walaupun begitu, terdapat beberapa indikator yang mempunyai peratusan kekurangan yang rendah. Kajian mendapati kurang daripada 11% isi rumah masyarakat Orang Asli mempunyai kekurangan dalam indikator-indikator seperti jenis rumah, jenis dapur dan nutrisi. Di samping itu, terdapat indikator-indikator lain yang tidak mencatatkan sebarang peratusan kekurangan seperti jalan raya, air bersih, bekalan elektrik, penyisihan sosial dan kadar kematian kanak-kanak. Hal ini kerana, sebahagian besar daripada indikator-indikator ini telah disediakan dan dibangunkan oleh pihak kerajaan bagi memastikan keselesaan masyarakat Orang Asli dan mengurangkan jurang perbezaan antara masyarakat luar bandar.

Inisiatif pihak kerajaan dalam membina penempatan semula masyarakat Orang Asli di bawah program Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) telah membawa banyak

perubahan besar dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, kampung baru yang dibina telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur yang baik seperti jalan raya, air bersih, sistem telekomunikasi, rumah batu, sistem sanitasi, bekalan elektrik, klinik, sekolah rendah dan pelbagai kemudahan lain yang diperlukan. Penyediaan perumahan ini juga turut menuntut masyarakat Orang Asli untuk berubah ke arah kehidupan yang lebih moden dan sistematik.



Rajah 5.0: Peratusan kekurangan dihadapi oleh isi rumah dalam setiap indikator

Bagi mengenal pasti dimensi kemiskinan yang mempunyai kadar kekurangan yang tinggi, pengiraan purata agregat bagi empat dimensi dikaji dilakukan Berdasarkan (Jadual 5.0). Dimensi kemiskinan yang mempunyai nilai purata agregat tertinggi merupakan dimensi yang mempunyai kadar kekurangan tertinggi bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Analisis ini membuktikan dimensi kekayaan memainkan peranan penting dalam menentukan kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu dan diikuti oleh dimensi pendidikan, taraf hidup dan kesihatan di Terengganu.

Hasil kajian mendapati dimensi kekayaan merupakan penyumbang terbesar dalam kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu iaitu dengan jumlah purata agregat sebanyak 68.19%. Daripada jumlah ini, 97.1% telah adalah daripada indikator ternakan komersial. Jumlah tersebut diikuti dengan indikator pendapatan iaitu 58.92% dan seterusnya indikator aset iaitu 48.55%.

Pendidikan merupakan dimensi kedua yang mempunyai jumlah purata agregat terbanyak iaitu 61.62%. Indikator tamat sekolah merupakan penyumbang terbesar masyarakat Orang Asli yang mengalami kekurangan di dalamnya iaitu sebanyak 83.40%. Jumlah ini diikuti dengan indikator pendaftaran ke sekolah iaitu 39.83%.

Taraf hidup merupakan dimensi kemiskinan yang ketiga terbesar dalam jumlah purata agregat iaitu 23.20%. Indikator pengurusan sampah telah memberikan nilai terbesar iaitu 96.68% Orang Asli yang mengalami kekurangan di dalamnya. Jumlah tersebut diikuti dengan indikator bilangan isi rumah iaitu sebanyak 44.81% dan seterusnya indikator peralata atau perkakasan iaitu 41.08%. Manakala, indikator sistem sanitasi dan indikator jenis rumah, masing-masing menyumbang kepada 39.93% dan 10.79%. Namun begitu, lain-lain indikator hanya menyumbang sebahagian kecil daripada jumlah kekurangan yang dihadapi.

Bagi dimensi kesihatan pula, ia hanya menyumbang sebanyak 0.41% daripada jumlah keseluruhan jumlah purata agregat dalam kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hanya terdapat 0.83% masyarakat Orang Asli yang mengalami malnutrisi dan tiada di antara kanak-kanak di bawah umur lima tahun dan wanita berkahwin yang mati akibat penyakit kronik.


Jadual 5.0: Purata agregat dimensi kemiskinan

<b>Bil.</b>	<b>Dimensi</b>	<b>Peratus Kekurangan (%)</b>	<b>Purata Agregat (%)</b>
1.	<b>Pendidikan</b>		<b>61.62</b>
	i. Tamat Persekolahan	83.40	
	ii. Pendaftaran Persekolahan	39.83	
	<b>Jumlah</b>	<b>123.24*</b>	
2.	<b>Kesihatan</b>		<b>0.41</b>
	i. Kadar Kematian	0.00	
	ii. Nutrisi	0.83	
	<b>Jumlah</b>	<b>0.83**</b>	
3.	<b>Taraf Hidup</b>		<b>23.20</b>
	i. Jalan Raya	0.00	
	ii. Bekalan Elektrik	0.00	
	iii. Bekalan Air Bersih	0.00	
	iv. Jenis Rumah	10.79	
	v. Jenis Dapur	1.66	
	vi. Penyisihan Sosial	0.00	
	vii. Bilangan Isi Rumah	44.81	
	viii. Sistem Sanitasi	36.93	
	ix. Peralatan/ Perkakasan Rumah	41.08	
	x. Pengurusan Sampah	96.68	
	<b>Jumlah</b>	<b>231.95***</b>	
4.	<b>Kekayaan</b>		<b>68.19</b>
	i. Pendapatan	58.92	
	ii. Aset	48.55	
	iii. Ternakan	97.10	
	<b>Jumlah</b>	<b>204.56****</b>	

Nota:  
 \* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi pendidikan = 200%  
 \*\* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi kesihatan = 200%  
 \*\*\* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi taraf hidup = 1000%  
 \*\*\*\* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi kekayaan = 300%

Hasil analisis juga menunjukkan peratusan jumlah isi rumah dengan jumlah kekurangan-kekurangan tertentu yang dihadapi oleh mereka (Rajah 5.1). Secara keseluruhannya, walaupun kajian ini menggunakan 17 dimensi dalam empat dimensi kemiskinan yang berbeza namun, hasil kajian ini mendapati jumlah maksimum kekurangan yang dihadapi oleh responden adalah sebanyak sembilan indikator sahaja. Bilangan kekurangan yang paling tinggi dialami oleh isi rumah Orang Asli di Terengganu adalah dalam enam indikator iaitu sebanyak 33.61% dan diikuti oleh kekurangan dalam lima indikator iaitu sebanyak 27.39%. Di samping itu, terdapat 13.28% isi rumah Orang

Asli yang mengalami bilangan kekurangan dalam empat indikator kemiskinan dan 12.03% lagi mengalami bilangan kekurangan dalam tujuh indikator. Kurang daripada 5% isi rumah Orang Asli Terengganu mengalami bilangan kekurangan dalam dua, tiga, lapan dan sembilan indikator. Namun, tiada isi rumah Orang Asli yang mengalami bilangan kekurangan dalam satu indikator.



Rajah 5.1: Peratusan isi rumah mengalami kekurangan dalam indikator kemiskinan

Penerangan sebelum ini hanya melihat kepada kekurangan yang dialami daripada aspek dimensi dan indikator isi rumah dan peratusan isi rumah yang mempunyai kekurangan dalam sesuatu dimensi tersebut. Namun, untuk mengklasifikasikan sesebuah isi rumah itu miskin multidimensi, garis pemisah secara agregat perlu diambil kira. Garis pemisah agregat adalah merujuk kepada jumlah minimum dimensi di mana sesebuah isi rumah itu perlu mempunyai kekurangan bagi membolehkan mereka diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi. Oleh itu, garis pemisah ini merupakan garis kemiskinan yang menjadi penentu untuk mengkategorikan sesebuah isi rumah itu miskin multidimensi atau tidak. Justeru, perlu diletakkan satu garis ketetapan mengenai berapa dimensi atau indikator kekurangan yang perlu ada pada isi rumah tersebut. Contohnya, dengan meletakkan lima sebagai garis pemisah, maka isi rumah sekurang-kurangnya

perlu kekurangan dalam lima indikator kemiskinan atau lebih bagi diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi.

Hasil analisis turut menunjukkan kemiskinan multidimensi beragregat untuk mengklasifikasikan tahap kemiskinan isi rumah masyarakat Orang Asli di Terengganu (Jadual 5.1). Apabila meletakkan nilai lima sebagai garis pemisah ( $k=5$ ), 81% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Walau bagaimanapun, sekiranya enam sebagai garis pemisah ( $k=6$ ), 54% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Apabila menjadikan nilai tujuh sebagai garis pemisah ( $k=7$ ), sebanyak 20% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Dengan meletakkan lapan sebagai garis pemisah ( $k=8$ ), sebanyak 8% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Seterusnya, apabila sembilan dijadikan garis pemisah ( $k=9$ ), sebanyak 4% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi.

Untuk mengambil kira tahap kedalaman kemiskinan yang dihadapi oleh isi rumah miskin, pengiraan kadar kemiskinan terselaras ( $M_0$ ) dilakukan. Pada  $k=5$ , nilai  $M_0$  adalah 0.29 dan jumlah ini semakin berkurangan apabila titik garis pemisah ditingkatkan. Nilai  $A$  meningkat apabila garis titik pemisah dinaikkan. Pada garis titik pemisah yang tinggi, bagi mereka yang berada di bawah garisan kemiskinan tersebut secara puratanya menghadapi lebih banyak kekurangan daripada mereka yang berada di bawah garis kemiskinan pada titik garis pemisah yang rendah. Pada  $k=5$ , nilai purata kemiskinan ( $A$ ) adalah 0.357. Ini bermakna, di kalangan isi rumah miskin, secara puratanya mengalami kekurangan sebanyak 35.7% berdasarkan kepada keseluruhan indikator yang dikaji. Pada  $k=6$ , nilai  $A$  adalah 0.389 di mana membuktikan isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan secara puratanya kekurangan sebanyak 38.9% daripada jumlah indikator yang dikaji.

Jadual 5.1: Kemiskinan multidimensi beragregat

Garis pemisah (k)	Kadar Kemiskinan (H)	Purata Kemiskinan (A) (A=M <sub>0</sub> /H)	Kadar Kemiskinan Terselaras (M <sub>0</sub> ) (HA)
k=5	0.813	0.357	0.290
k=6	0.539	0.389	0.210
k=7	0.203	0.448	0.091
k=8	0.083	0.500	0.041
k=9	0.041	0.529	0.022

Pengiraan IKM turut dilakukan bagi melihat tahap kemiskinan dengan lebih terperinci mengikut kawasan dikaji (Jadual 5.2). Kajian menggunakan lima garis pemisah iaitu k=5 hingga k=9. Pada k=5, nilai A tertinggi didapati di Kampung Sungai Pergam iaitu sebanyak 32.5% diikuti oleh Kampung Sungai Berua iaitu sebanyak 32.5% dan 32.4% bagi Kampung Sungai Sayap. Hasil kajian juga mendapati apabila k=5, IKM (M<sub>0</sub>) bagi Kampung Sungai Pergam adalah paling tinggi iaitu sebanyak 32.1% berbanding 25.5% bagi Kampung Sungai Berua dan 16.2% Kampung Sungai sayap. Apabila k=6, nilai IKM (M<sub>0</sub>) bagi Kampung Sungai Pergam adalah paling tinggi iaitu sebanyak 27.1%. Seterusnya, ia diikuti oleh IKM (M<sub>0</sub>) bagi Kampung Sungai Berua iaitu sebanyak 12.8% dan 8.8% bagi Kampung Sungai Sayap. Apabila k=7, nilai IKM bagi Kampung Sungai Pergam adalah paling tinggi iaitu sebanyak 14.2%. Seterusnya, ia diikuti oleh IKM (M<sub>0</sub>) bagi Kampung Sungai Berua iaitu sebanyak 2.2% dan sudah tiada IKM (M<sub>0</sub>) bagi Kampung Sungai Sayap direkodkan. Apabila k=8 dan k=9, hanya nilai IKM (M<sub>0</sub>) Kampung Sungai Pergam dicatatkan iaitu masing-masing sebanyak 7.1% dan 3.8%.

Oleh itu, pengiraan kemiskinan multidimensi tidak berpemberat mendapati, Kampung Sungai Pergam adalah lebih miskin berbanding kampung-kampung lain yang dikaji. Hal ini kerana, Kampung Sungai Pergam mempunyai kadar kemiskinan IKM (M<sub>0</sub>) yang tinggi pada setiap garis pemisah yang telah ditetapkan (k=5 hingga k=9).

Jadual 5.2: Kemiskinan mengikut perkampungan Orang Asli di Terengganu

Garis Pemisah	Kampung	Kadar Kemiskinan (H)	Purata Kemiskinan (A)	Kadar Kemiskinan Terselaras (M <sub>0</sub> )
k=5	Berua	0.785	0.325	0.255
	Pergam	0.850	0.378	0.321
	Sayap	0.500	0.324	0.162
k=6	Berua	0.355	0.362	0.128
	Pergam	0.679	0.399	0.271
	Sayap	0.250	0.353	0.088
k=7	Berua	0.054	0.412	0.022
	Pergam	0.314	0.452	0.142
	Sayap	0	0	0
k=8	Berua	0	0	0
	Pergam	0.143	0.500	0.071
	Sayap	0	0	0
k=9	Berua	0	0	0
	Pergam	0.071	0.529	0.038
	Sayap	0	0	0

## 5.2 Kemiskinan Multidimensi Berpemberat

Bagi mengukur kemiskinan multidimensi berpemberat, memberi kebebasan kepada penyelidik untuk meletakkan nilai pemberat yang dikehendaki mengikut kepentingan relatif indikator yang dikaji itu. Sebagai contoh, sekiranya pembuat dasar ingin memberi tumpuan terhadap aspek kesihatan, mereka bebas meletakkan nilai pemberat yang lebih tinggi dalam indikator kesihatan berbanding indikator-indikator pengukuran yang lain. Dengan meletakkan nilai pemberat yang berbeza kepada indikator yang berlainan akan memberikan gambaran pengukuran kemiskinan multidimensi yang lebih tepat kerana ia melibatkan pertimbangan nilai. Nilai pemberat bagi setiap indikator adalah berbeza dan signifikan kerana jumlah nilai pemberat bagi keseluruhan indikator adalah sama dengan bilangan pemberat yang dikaji iaitu 17 (Jadual 5.3).



Jadual 5.3: Pemberat untuk setiap indikator

<b>Bil.</b>	<b>Indikator</b>	<b>Pemberat</b>
1	Pendaftaran Pelajar	2.125
2	Tamat Persekolahan	2.125
3	Nutrisi	2.125
4	Kadar Kematian	2.125
5	Penyisihan Sosial	0.425
6	Elektrik	0.425
7	Sanitasi	0.425
8	Air Bersih	0.425
9	Jenis Rumah	0.425
10	Jenis Dapur	0.425
11	Perkakasan Rumah	0.425
12	Isi Rumah	0.425
13	Jalan Raya	0.425
14	Sampah	0.425
15	Aset	1.42
16	Pendapatan	1.42
17	Ternakan	1.42
<b>Jumlah Pemberat</b>		<b>17.00</b>

Hasil analisis turut menunjukkan anggaran dimensi kemiskinan dengan menggunakan lima nilai garis pemisah yang berbeza iaitu  $k=5$  hingga  $k=9$  (Jadual 5.4). Apabila nilai pemberat diambil kira dalam menentukan kemiskinan multidimensi, pengiraan semula perlu dilakukan dengan menjumlahkan nilai pemberat dalam setiap indikator. Apabila lima diletakkan sebagai garis pemisah  $k=5$ , tidak semestinya isi rumah yang mengalami kekurangan dalam lima atau lebih diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi. Sebaliknya, isi rumah yang kekurangan dalam lima indikator atau lebih diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi apabila nilai pemberat yang diperoleh dijumlahkan.

Keputusan kajian menunjukkan, apabila nilai lima diletakkan sebagai garis pemisah  $k=5$ , sebanyak 81.3% isi rumah berada di bawah garisan kemiskinan multidimensi ini. Peratusan isi rumah yang berada pada atau di bawah garisan kemiskinan menunjukkan kadar yang semakin menurun apabila nilai garis pemisah ( $k$ ) dinaikkan.

Pada setiap garis pemisah ( $k$ ), peratusan isi rumah yang berada di bawah garisan kemiskinan berpemberat untuk dimensi-dimensi yang berbeza memberi nilai yang lebih rendah daripada yang menggunakan pemberat yang sama. Hal ini kerana, secara relatifnya hanya peratusan kecil sahaja isi rumah yang kekurangan dalam empat dimensi yang diberi pemberat yang berganda berbanding dengan dimensi yang lain.

Jadual 5.4: Kemiskinan multidimensi berpemberat

Anggaran Berpemberat	k=5	k=6	k=7	k=8	k=9
Kadar Kemiskinan (H)	0.813	0.539	0.203	0.083	0.041
Purata Kemiskinan(A)	0.415	0.459	0.506	0.524	0.547
Nisbah Kadar Kemiskinan Terselaras ( $M_0$ )	0.338	0.248	0.103	0.043	0.023

### 5.3 Kemiskinan Multidimensi bagi Perkampungan Orang Asli Terengganu

Hasil analisis ini dikemukakan untuk mencapai objektif kajian ketiga iaitu untuk menentukan indeks kemiskinan bagi perkampungan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hasil kajian ini menunjukkan anggaran kemiskinan multidimensi berpemberat di setiap perkampungan Orang Asli di Terengganu (Jadual 5.5). Hasil kajian mendapati, Kampung Sungai Pergam mempunyai kemiskinan multidimensi yang paling tinggi dan diikuti oleh Kampung Sungai Berua dan Kampung Sungai Sayap. Hal ini kerana IKM ( $M_0$ ) bagi Kampung Sungai Pergam adalah paling tinggi pada setiap garis pemisah yang ditetapkan ( $k=5$  hingga  $k=9$ ) dan masih mempunyai 7.5% kemiskinan pada  $k=8$  berbanding kampung-kampung lain.

Jadual 5.5: Kemiskinan multidimensi berpemberat mengikut kawasan


Garis Pemisah (k)	Kampung	Kadar Kemiskinan (H)	Purata Kemiskinan (A)	Nisbah Kadar Kemiskinan Terselaras (M <sub>0</sub> )
k=5	Berua	0.785	0.359	0.281
	Pergam	0.850	0.450	0.383
	Sayap	0.500	0.426	0.213
k=6	Berua	0.355	0.422	0.150
	Pergam	0.679	0.472	0.321
	Sayap	0.250	0.439	0.110
k=7	Berua	0.054	0.494	0.027
	Pergam	0.314	0.508	0.160
	Sayap	0	0	0
k=8	Berua	0	0	0
	Pergam	0.143	0.524	0.075
	Sayap	0	0	0
k=9	Berua	0	0	0
	Pergam	0.071	0.547	0.039
	Sayap	0	0	0

#### 5.4 Kemiskinan Multidimensi Orang Asli Terengganu dari Perspektif UNDP

Bahagian ini menerangkan kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu melalui indikator-indikator UNDP di peringkat global. Oleh itu, bahagian ini akan membandingkan hasil kajian yang diperolehi daripada indikator kajian ini dengan indikator UNDP. Secara kasarnya, indikator kajian menetapkan 17 indikator kajian seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Manakala bagi UNDP, hanya terdapat 10 indikator yang ditetapkan. Secara tidak langsung, kajian ini akan dapat menilai sama ada indikator-indikator telah ditetapkan oleh UNDP dapat menilai tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu dengan lebih tepat atau sebaliknya.

#### 5.4.1 Kemiskinan Multidimensi melalui Indikator UNDP

Hasil kajian ini juga menunjukkan peratusan kekurangan dihadapi oleh isi rumah bagi setiap indikator yang ditetapkan UNDP di peringkat global tanpa meletakkan pemberat (Rajah 5.2). Pada keseluruhannya, tidak terdapat banyak indikator kemiskinan UNDP mengalami kekurangan. Indikator tamat persekolahan mempunyai peratusan kekurangan paling tinggi iaitu sebanyak 83.4% diikuti oleh indikator aset iaitu sebanyak 48.55%. Indikator pendaftaran persekolahan dan sistem sanitasi turut menyumbang peratusan kekurangan yang tinggi iaitu masing-masing sebanyak 39.83% dan 36.93%. Namun begitu, lain-lain indikator hanya mempunyai peratusan kekurangan kurang daripada 11% seperti indikator jenis rumah yang mempunyai peratusan kekurangan sebanyak 10.79% diikuti dengan indikator jenis dapur iaitu sebanyak 1.66% dan indikator nutrisi iaitu sebanyak 0.83%. Walau bagaimanapun, indikator bekalan air bersih, bekalan elektrik dan kadar kematian tidak mempunyai sebarang kekurangan.



Rajah 5.2: Peratusan kekurangan dalam setiap indikator ditetapkan UNDP


Bagi mengenal pasti dimensi kemiskinan yang mempunyai kadar kekurangan yang tinggi, pengiraan purata agregat bagi tiga dimensi yang telah ditetapkan oleh UNDP turut dilakukan (Jadual 5.6). Dimensi kemiskinan yang mempunyai nilai purata agregat tertinggi merupakan dimensi yang mempunyai kadar kekurangan tertinggi bagi masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Secara keseluruhannya, hasil kajian membuktikan dimensi pendidikan telah menyumbang peratusan agregat tertinggi dalam kekurangan yang dihadapi iaitu sebanyak 61.62%. Jumlah peratusan ini diikuti dengan dimensi taraf hidup dengan menyumbang sebanyak 16.32% dan seterusnya dimensi kesihatan dengan menyumbang sebanyak 0.41%.

Jadual 5.6: Purata agregat dimensi kemiskinan UNDP

<b>Bil.</b>	<b>Dimensi</b>	<b>Peratus Kekurangan (%)</b>	<b>Purata Agregat (%)</b>
1.	<b>Pendidikan</b>		61.62
	i. Tamat Persekolahan	83.40	
	ii. Pendaftaran Persekolahan	39.83	
	<b>Jumlah</b>	<b>123.33</b>	
2.	<b>Kesihatan</b>		0.41
	i. Kadar Kematian	0.00	
	ii. Nutrisi	0.83	
	<b>Jumlah</b>	<b>0.83</b>	
3.	<b>Taraf Hidup</b>		16.32
	i. Bekalan Elektrik	0.00	
	ii. Bekalan Air Bersih	0.00	
	iii. Jenis Rumah	10.79	
	iv. Jenis Dapur	1.66	
	v. Sistem Sanitasi	36.93	
	vi. Aset	48.55	
	<b>Jumlah</b>	<b>97.93</b>	

Nota:  
\* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi pendidikan = 200%  
\*\* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi kesihatan = 200%  
\*\*\* Jumlah keseluruhan peratusan kekurangan dimensi taraf hidup =600%

Hasil kajian ini turut menunjukkan peratusan jumlah isi rumah dan jumlah kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli Terengganu mengikut indikator yang telah ditetapkan oleh UNDP (Rajah 5.3). Secara keseluruhannya, UNDP menetapkan 10 indikator dalam tiga dimensi kemiskinan yang berbeza namun, hasil kajian mendapati jumlah maksimum kekurangan yang dihadapi adalah sebanyak lima indikator sahaja. Jumlah kekurangan yang paling tinggi dialami oleh isi rumah Orang Asli di Terengganu adalah dalam dua indikator iaitu sebanyak 40.25% dan diikuti oleh kekurangan dalam tiga indikator iaitu sebanyak 25.31% dan 19.09% kekurangan dalam satu indikator. Kurang daripada 6% isi rumah Orang Asli mengalami kekurangan dalam empat dan lima indikator iaitu masing-masing sebanyak 5.39% dan 4.98%. Namun begitu, sebanyak 4.98% masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak mengalami sebarang kekurangan.



Rajah 5.3: Peratusan isi rumah mengalami kekurangan indikator kemiskinan UNDP

Oleh kerana UNDP hanya mengambil kira 10 indikator kemiskinan sahaja, garis pemisah ( $k$ ) perlu dikurangkan kerana tiada kekurangan isi rumah Orang Asli yang berlaku pada  $k$  lebih daripada 5 ( $k > 5$ ) (Jadual 5.7). Ekoran itu,  $k=2$  diletakkan sebagai garis pemisah kerana ia mempunyai peratusan kekurangan yang tertinggi dalam indikator UNDP iaitu 40.25%. Untuk itu, menunjukkan sekiranya  $k=2$ , 75.9% isi rumah Orang

Asli miskin multidimensi. Namun, apabila  $k=3$ , 35.7% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Walau bagaimanapun, sekiranya  $k=4$ , 10.4% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Apabila  $k=5$ , sebanyak 5% isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi. Dengan meletakkan  $k=6$ , tiada isi rumah Orang Asli berada di bawah garis kemiskinan multidimensi.

Untuk mengambil kira tahap kedalaman kemiskinan yang dihadapi oleh isi rumah miskin, kadar kemiskinan terselaras ( $M_0$ ) harus dikira. Pada  $k=2$ ,  $M_0$  adalah 0.203 dan jumlah ini semakin berkurangan apabila titik garis pemisah ditingkatkan. Pada  $k=2$  juga, purata kemiskinan ( $A$ ) adalah 0.267. Ini bermakna, di kalangan isi rumah yang miskin, secara puratanya mereka mengalami kekurangan sebanyak 27.1% berdasarkan kepada keseluruhan indikator yang dikaji. Pada  $k=3$ , nilai  $A$  adalah 0.343 di mana membuktikan isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan secara puratanya kekurangan dalam 34.3% daripada jumlah indikator yang dikaji. Nilai  $A$  meningkat apabila nilai  $k$  dinaikkan. Pada garis titik pemisah yang tinggi, bagi mereka yang berada di bawah garisan kemiskinan tersebut secara purata menghadapi lebih banyak kekurangan daripada yang berada di bawah garis kemiskinan pada titik garis pemisah yang rendah.

Jadual 5.7: Kemiskinan multidimensi UNDP beragregat

Garis pemisah ( $k$ )	Kadar Kemiskinan ( $H$ )	Purata Kemiskinan ( $A$ ) ( $A=M_0/H$ )	Kadar Kemiskinan Terselaras ( $M_0$ ) ( $HA$ )
$k=2$	0.759	0.267	0.203
$k=3$	0.357	0.343	0.122
$k=4$	0.104	0.448	0.046
$k=5$	0.050	0.500	0.025

Pengiraan IKM dilakukan bagi melihat tahap kemiskinan dengan lebih terperinci mengikut kawasan yang dikaji (Jadual 5.8). Kajian turut menggunakan empat garis pemisah iaitu k=2 hingga k=5. Apabila pada k=2, sebanyak 100% kadar kemiskinan tertinggi (H) di Kampung Sungai Sayap diikuti oleh Kampung Sungai Pergam iaitu sebanyak 91.4%. Namun, Kampung Sungai Berua hanya mencatatkan 50.5% isi rumah yang mengalami kemiskinan multidimensi. Apabila k=3, sebanyak 15.1% kadar kemiskinan dicatatkan di Kampung Sungai Berua, 50% di Kampung Sungai Pergam dan 25% di Kampung Sungai Sayap. Pada k=4 dan k=5, hanya Kampung Sungai Pergam mempunyai isi rumah miskin multidimensi iaitu masing-masing sebanyak 17.9% dan 8.6%. Oleh itu, IKM bagi UNDP tidak berpemberat mendapati, Kampung Sungai Pergam lebih miskin berbanding kampung-kampung lain dikaji. Kampung Sungai Pergam mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi pada setiap garis pemisah ditetapkan k=2 hingga k=5.

Jadual 5.8: Kemiskinan UNDP mengikut kampung Orang Asli di Terengganu

<b>Garis Pemisah (k)</b>	<b>Kampung</b>	<b>Kadar Kemiskinan (H)</b>	<b>Purata Kemiskinan (A)</b>	<b>Kadar Kemiskinan Terselaras (M<sub>0</sub>)</b>
k=2	Berua	0.505	0.230	0.116
	Pergam	0.914	0.284	0.259
	Sayap	1.000	0.225	0.225
k=3	Berua	0.151	0.300	0.045
	Pergam	0.500	0.353	0.176
	Sayap	0.250	0.300	0.075
k=4	Berua	0.000	0.000	0.000
	Pergam	0.179	0.448	0.080
	Sayap	0.000	0.000	0.000
k=5	Berua	0.000	0.000	0.000
	Pergam	0.086	0.500	0.043
	Sayap	0.000	0.000	0.000



#### 5.4.2 Kemiskinan Multidimensi UNDP Berpemberat

Dalam mengukur kemiskinan multidimensi, adalah bebas untuk meletakkan nilai pemberat yang dikehendaki mengikut kepentingan relatif indikator dikaji. Meletakkan nilai pemberat berbeza kepada indikator berbeza akan memberikan gambaran pengukuran kemiskinan multidimensi yang lebih tepat kerana melibatkan pertimbangan nilai. Nilai pemberat bagi setiap indikator adalah berbeza kerana jumlah nilai pemberat bagi keseluruhan indikator adalah sama dengan bilangan pemberat yang dikaji iaitu 10 (Jadual 5.9).

Jadual 5.9: Pemberat untuk setiap indikator UNDP

<b>Bil.</b>	<b>Indikator</b>	<b>Pemberat</b>
1	Pendaftaran Pelajar	1.66
2	Tamat Persekolahan	1.66
3	Nutrisi	1.66
4	Kadar Kematian	1.66
5	Elektrik	0.56
6	Sanitasi	0.56
7	Air Bersih	0.56
8	Jenis Rumah	0.56
9	Jenis Dapur	0.56
10	Aset	0.56
<b>Jumlah Pemberat</b>		<b>10.00</b>

Hasil kajian turut menunjukkan anggaran dimensi kemiskinan UNDP dengan menggunakan empat nilai garis pemisah berbeza iaitu  $k=2$  hingga  $k=5$  (Jadual 5.10). Apabila nilai pemberat diambil kira dalam menentukan kemiskinan multidimensi, pengiraan semula perlu dilakukan dengan menjumlahkan nilai-nilai pemberat dalam setiap indikator yang dikaji. Sebagai contoh, apabila dua ( $k=2$ ) diletakkan sebagai garis pemisah, tidak semestinya isi rumah yang mengalami kekurangan dalam dua atau lebih diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi. Sebaliknya, isi rumah yang kekurangan dalam dua indikator atau lebih diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi apabila nilai pemberat yang diperoleh dijumlahkan.

Keputusan kajian menunjukkan, apabila nilai dua diletakkan sebagai garis pemisah ( $k=2$ ), sebanyak 79.7% isi rumah berada di bawah garisan kemiskinan multidimensi dan nilai ini meningkat apabila nilai  $k$  dinaikkan. Pada setiap garis pemisah ( $k$ ), peratusan isi rumah yang berada di bawah garisan kemiskinan berpemberat untuk dimensi berbeza memberi nilai yang lebih rendah daripada yang menggunakan pemberat yang sama. Secara relatifnya hanya peratusan kecil sahaja isi rumah yang mengalami kekurangan dalam empat dimensi yang diberi pemberat yang berganda berbanding dengan dimensi yang lain.

Jadual 5.10: Kemiskinan multidimensi UNDP berpemberat

<b>Anggaran Berpemberat</b>	<b>k=2</b>	<b>k=3</b>	<b>k=4</b>	<b>k=5</b>
Kadar Kemiskinan (H)	0.797	0.411	0.104	0.054
Purata Kemiskinan(A)	0.318	0.505	0.905	0.476
Nisbah Kadar Kemiskinan Terselaras ( $M_0$ )	0.254	0.207	0.094	0.026

Keputusan kajian mendapati, Kampung Sungai Pergam, Kemaman mempunyai tahap kemiskinan multidimensi paling tinggi dan diikuti oleh Kampung Sungai Sayap, Besut dan Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu (Jadual 5.11). Hasil kajian ini jelas menunjukkan pada  $k=2$ , nilai IKM ( $M_0$ ) adalah paling tinggi di Kampung Sungai Sayap iaitu sebanyak 34.8% berbanding Kampung Sungai Pergam 30.5% dan diikuti Kampung Sungai Berua iaitu sebanyak 14.9%. Pada  $k=3$ , sebanyak 20.5% kadar kemiskinan IKM dicatatkan di Kampung Sungai Pergam diikuti oleh Kampung Sungai Sayap iaitu sebanyak 9.8% dan 5.9% bagi Kampung Sungai Berua. Namun begitu, pada  $k=4$  dan  $k=5$ , hanya Kampung Sungai Pergam mencatatkan nilai kemiskinan IKM iaitu masing-masing sebanyak 7.7% dan 4.8%. Hal ini membuktikan, masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Pergam adalah lebih miskin IKM berbanding kampung-kampung lain.

Jadual 5.11: Kemiskinan multidimensi UNDP berpemberat mengikut kawasan

<b>Garis Pemisah (k)</b>	<b>Kampung</b>	<b>Kadar Kemiskinan (H)</b>	<b>Purata Kemiskinan (A)</b>	<b>Nisbah Kadar Kemiskinan Terselaras (M<sub>0</sub>)</b>
k=2	Berua	0.505	0.295	0.149
	Pergam	0.914	0.333	0.305
	Sayap	1.000	0.348	0.348
k=3	Berua	0.151	0.390	0.059
	Pergam	0.500	0.410	0.205
	Sayap	0.250	0.390	0.098
k=4	Berua	0.000	0.000	0.000
	Pergam	0.179	0.433	0.077
	Sayap	0.000	0.000	0.000
k=5	Berua	0.000	0.000	0.000
	Pergam	0.086	0.558	0.048
	Sayap	0.000	0.000	0.000

### 5.5 Hubungan Kemiskinan Unidimensi dengan Kemiskinan Multidimensi

Pada keseluruhannya, pengukuran kemiskinan unidimensi dan multidimensi adalah diperlukan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini. Hal ini kerana, kedua-dua kaedah tersebut adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Pada asasnya, pengukuran menggunakan pendekatan unidimensi dengan menggunakan indikator pendapatan atau perbelanjaan sebagai garis kemiskinan adalah baik. Namun, kaedah pengukuran tersebut tidak bertindak secara holistik kerana tidak mengambil kira faktor-faktor lain sebagai asas indikator pengukuran seperti pengukuran multidimensi.

Dalam memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu, pengukuran kemiskinan menggunakan PGK turut dilakukan (Jadual 5.12). Hasil kajian menunjukkan tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu berasaskan kepada PGK tahun 2014 dengan pendapatan daripada pekerjaan utama. Hasil kajian mendapati, seramai 238 orang (98.8%) KIR masih berada dalam kelompok miskin iaitu memperoleh pendapatan kurang daripada RM870 sebulan. Manakala, hanya tiga orang (12%) KIR terkeluar miskin kerana memperoleh pendapatan melebihi RM871 sebulan. Selain itu, seramai 234 orang (97.1%) KIR berada dalam kelompok miskin tegar kerana memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM580

sebulan. Manakala, hanya tujuh orang (2.9%) KIR terkeluar daripada kelompok miskin tegar kerana memperoleh pendapatan melebihi RM581 sebulan.

Jadual 5.12: Kemiskinan daripada pekerjaan utama

<b>Jenis Kemiskinan</b>	<b>Purata Garis Kemiskinan (RM)</b>	<b>Bilangan Miskin (Orang)</b>	<b>Peratus Miskin (%)</b>
Miskin	< 870	238	98.8
	>871	3	12
Miskin Tegar	< 580	234	97.1
	>581	7	2.9

Masyarakat Orang Asli di Terengganu turut memperoleh sumber pendapatan daripada dividen ladang sawit yang diusahakan pihak FELCRA. Dividen ini perlu diambil kira kerana ia turut menyumbang kepada sumber pendapatan sampingan mereka. Hasil kajian menunjukkan tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu berasaskan kepada PGK tahun 2014 dengan pendapatan daripada pekerjaan utama dengan dividen FELCRA (Jadual 5.13). Hasil kajian mendapati seramai 141 orang (58.5%) KIR masih berada dalam kelompok miskin dengan menerima pendapatan kurang daripada RM870 sebulan walaupun sudah menerima dividen. Manakala, seramai 100 orang (41.5%) KIR lagi sudah terkeluar daripada kelompok miskin dengan menerima pendapatan melebihi RM871 sebulan. Selain itu, seramai 115 orang (47.7%) KIR masih berada dalam kelompok miskin tegar dengan menerima jumlah pendapatan kurang daripada RM580 sebulan walaupun setelah menerima dividen. Manakala, seramai 126 orang (52.3%) KIR telah terkeluar daripada kelompok miskin tegar dengan menerima jumlah pendapatan bulanan lebih daripada RM581.

Jadual 5.13: Kemiskinan daripada pekerjaan utama dengan dividen

<b>Jenis Kemiskinan</b>	<b>Purata Garis Kemiskinan (RM)</b>	<b>Bilangan Miskin (Orang)</b>	<b>Peratus Miskin (%)</b>
Miskin	< 870	141	58.5
	>871	100	41.5
Miskin Tegar	<580	115	47.7
	>581	126	52.3

Melalui analisis menggunakan PGK ini membuktikan dividen FELCRA telah berjaya mengeluarkan sebahagian masyarakat Orang Asli Terengganu daripada kelompok miskin. Hal ini dapat dibuktikan dengan seramai 97 orang (40.3 %) KIR telah terkeluar daripada kelompok miskin setelah menerima dividen FELCRA. Manakala, seramai 119 orang (49.4%) KIR telah terkeluar daripada kelompok miskin tegar setelah menerima dividen FELCRA tersebut.

Pengiraan semula telah dilakukan bagi melihat tahap kemiskinan melalui pengukuran PGK dalam setiap perkampungan Orang Asli (Jadual 5.14). Analisis mendapati kemiskinan PGK paling ketara bagi pendapatan utama adalah dalam Kampung Sungai Pergam iaitu sebanyak 99.29% dan diikuti dengan Kampung Sungai Berua iaitu sebanyak 98.92%. Walau bagaimanapun, bagi kemiskinan tegar dalam pendapatan utama Kampung Sungai Berua mempunyai peratusan yang lebih tinggi iaitu 97.85% berbanding 96.43% bagi Kampung Sungai Pergam. Manakala, tiada kemiskinan mahupun kemiskinan tegar dalam berlaku dalam Kampung Sungai Sayap.

Hasil analisis juga menunjukkan, pendapatan masyarakat Orang Asli bersama dividen FELCRA diperoleh di setiap kampung yang dikaji. Pendapatan ini merupakan pendapatan sebenar masyarakat Orang Asli di sana kerana ia telah menggabungkan kedua-dua elemen pendapatan utama mereka. Analisis mendapati Kampung Sungai Berua mempunyai tahap kemiskinan PGK yang jauh lebih besar iaitu sebanyak 97.85% berbanding Kampung Sungai Pergam iaitu sebanyak 63.57%. Begitu juga dalam kemiskinan tegar, di mana Kampung Sungai Berua mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 73.12%. Manakala, tiada kemiskinan dicatatkan dalam Kampung Sungai Sayap. Oleh itu, dapat disimpulkan Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu adalah lebih miskin berbanding kampung-kampung lain melalui analisis PGK.

Jadual 5.14: Analisis kemiskinan berdasarkan PGK

Kampung	Pendapatan Utama				Pendapatan Utama + Dividen FELCRA			
	Miskin (%)		Miskin Tegar (%)		Miskin (%)		Miskin Tegar (%)	
	<870	>871	< 580	>581	<870	>871	< 580	>581
Berua	98.92	1.08	97.85	2.15	97.85	2.15	73.12	26.88
Pergam	99.29	0.71	96.43	3.57	36.43	63.57	33.57	66.43
Sayap	0	100	0	100	0	100	0	100

## 5.6 Perbandingan Pengukuran Kemiskinan

Berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat sebelum ini, tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli dapat dibandingkan melalui tiga pendekatan analisis iaitu pengukuran multidimensi yang digunakan dalam kajian ini, pengukuran multidimensi yang digunakan oleh pihak UNDP dan analisis kemiskinan menggunakan PGK. Secara keseluruhannya, pengukuran kemiskinan multidimensi kajian dan UNDP adalah satu kaedah pengukuran kemiskinan yang menggunakan lebih daripada satu dimensi dan indikator. Contohnya, seperti dalam pengukuran multidimensi kajian ini telah menggunakan empat dimensi dengan 17 indikator manakala dalam analisis UNDP menggunakan tiga dimensi dengan 10 indikator. Kaedah ini berbeza dengan pengukuran kemiskinan menggunakan PGK yang hanya menggunakan satu dimensi (unidimensi) atau satu indikator sahaja.

Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang ketara antara ketiga-tiga kaedah pengukuran ini (Jadual 5.15). Pengukuran multidimensi ini menggunakan garis pemisah  $k=5$  sebagai garis pemisah kemiskinan. Hal ini kerana garis pemisah  $k=5$  adalah memberikan nilai kadar kemiskinan (H) terakhir bagi pengukuran multidimensi UNDP dan memberikan nilai H yang pertama bagi pengukuran multidimensi kajian ini. Untuk itu, garis pemisah  $k=5$  adalah titik persilangan H bagi pengukuran multidimensi kajian ini dan UNDP. Apabila garis pemisah  $k=5$ , sebanyak 33.8% isi rumah Orang Asli

mengalami kekurangan IKM dalam pengukuran multidimensi kajian ini. Manakala, hanya sebanyak 2.8% sahaja isi rumah Orang Asli mengalami kemiskinan IKM melalui pengukuran multidimensi UNDP.

Walau bagaimanapun, dalam analisis PGK kadar kemiskinan ditentukan sepenuhnya oleh pendapatan. Bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu, pendapatan sebahagian besar daripada pendapatan mereka adalah daripada hasil hutan. Analisis mendapati sebanyak 98.8% masih lagi miskin dan sebanyak 97.1% masih lagi tergolong dalam miskin tegar. Namun, dengan pelbagai inisiatif pihak kerajaan dalam membangunkan ekonomi Orang Asli terutama dalam aspek pembangunan tanah untuk tujuan tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah membolehkan dividen bulanan diberikan kepada mereka. Analisis mendapati sebanyak 58.5% masyarakat Orang Asli tergolong dalam kelompok miskin manakala sebanyak 47.7% berada dalam miskin tegar walaupun dividen telah diberikan kepada mereka.

Pengukuran multidimensi juga mendapati terdapat beberapa dimensi kemiskinan yang diukur mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Dalam pengukuran multidimensi kajian ini dimensi kekayaan menyumbang peratusan kekurangan/ kemiskinan tertinggi iaitu sebanyak 68.19% diikuti dengan dimensi pendidikan sebanyak 61.62% dan sebanyak 23.20% bagi dimensi taraf hidup. Dimensi kesihatan hanya menyumbang sebanyak 0.41% kekurangan/ kemiskinan isi rumah masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Manakala, bagi pengukuran multidimensi UNDP dimensi pendidikan menyumbang peratusan kekurangan/ kemiskinan tertinggi iaitu sebanyak 61.62% diikuti dengan dimensi taraf hidup sebanyak 16.32% dan 0.41% bagi dimensi kesihatan. Daripada aspek kemiskinan kampung, Kampung Sungai Berua mempunyai tahap kemiskinan PGK yang jauh lebih besar iaitu sebanyak 97.85% berbanding Kampung Sungai Pergam iaitu sebanyak 63.57%. Begitu juga dalam kemiskinan tegar, di mana

Kampung Sungai Berua mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 73.12%. Walau bagaimanapun pengukuran multidimensi IKM mendapati Kampung Sungai Pergam mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi iaitu sebanyak 3.9% bagi pengukuran multidimensi kajian dan 4.8% bagi pengukuran multidimensi UNDP.

Jadual 5.15: Perbandingan analisis kemiskinan

	<b>Multidimensi Kajian</b>	<b>Multidimensi UNDP</b>	<b>Purata Pendapatan Garis Kemiskinan Malaysia (PGK)</b>
Pendekatan	Multidimensi	Multidimensi	Unidimensi
Bilangan Dimensi	4	3	1
Bilangan Indikator	17	10	1
Peratus Kemiskinan (%)	k= 5 (33.8%)	k= 5 (2.8%)	Pendapatan Utama: Miskin = 98.8%
Peratus Kemiskinan mengikut Dimensi (%)	Pendidikan = 61.62% Kesihatan = 0.41% Taraf Hidup = 23.20% Kekayaan = 68.19%	Pendidikan = 61.62% Kesihatan = 0.41% Taraf Hidup = 16.32%	Miskin Tegar = 97.1%
Kemiskinan IKM Tertinggi	Pergam: k=9 (3.9%)	Pergam: k=5 (4.8%)	Pendapatan Utama dengan Dividen: Miskin = 58.5% Miskin Tegar = 47.7%
			Berua: Miskin = 97.85% Miskin Tegar = 73.12%

## 5.7 Analisis Kualitatif

Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif sebagai salah satu daripada sumber trigulasi data dalam menentukan tahap kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Data-data yang diperoleh dalam analisis ini akan dikaitkan dengan hasil kajian kuantitatif. Oleh itu, hasil kajian kualitatif ini dapat membantu untuk menyokong hasil dapatan kuantitatif yang diperoleh dan seterusnya menyumbang kepada tahap kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang tinggi. Kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual mendalam yang dilakukan secara separa berstruktur dan tidak berstruktur bagi memberi keselesaan kepada informan untuk memberi maklumat.



### 5.7.1 Temu bual Mendalam

Di bahagian ini, seramai 16 orang informan dari pelbagai latar belakang seperti masyarakat Orang Asli, ahli jawatan kuasa kemajuan kampung (JKKK), pegawai kesihatan, guru sekolah dan pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah ditemu bual (jadual 3.2: halaman 121) sebelum ini. Kumpulan informan ini telah ditemu bual secara mendalam bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan kemiskinan multidimensi dialami oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu. Soalan-soalan yang diajukan lebih cenderung kepada bidang pengetahuan mereka agar huraian lanjut mengenai isu kemiskinan dalam dimensi kemiskinan multidimensi yang diukur dapat dijelaskan dengan lebih terperinci. Hasil temu bual ini adalah berdasarkan kepada empat tema yang telah ditetapkan dalam pengukuran kemiskinan multidimensi kajian ini iaitu dimensi pendidikan, dimensi kesihatan, dimensi taraf hidup dan dimensi kekayaan.

#### i. Tema: Dimensi Pendidikan

Menurut seorang pegawai JAKOA yang ditemu bual tujuan asal memperkenalkan pendidikan formal kepada masyarakat Orang Asli adalah bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran asas seperti membaca dan mengira selain untuk memenangi hati mereka agar tidak mudah terpengaruh dengan dakwah komunis yang menentang kerajaan kolonial ketika itu. Pada peringkat awal, semua sekolah Orang Asli diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Orang Asli (JOA) (sekarang JAKOA). Oleh yang demikian, pegawai JOA turut berperanan sebagai guru Orang Asli di sana. Sekitar tahun 1996 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sekarang dikenali sebagai JAKOA menyerahkan pengurusan sekolah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi meningkatkan kualiti standard pendidikan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Kenyataan ini adalah selaras dengan penjelasan yang diberikan oleh pegawai JAKOA yang menyatakan:

*“Pendidikan Orang Asli di Malaysia telah berlaku sejak penjajahan Inggeris. Inggeris bimbang pengaruh komunis dalam kalangan masyarakat tempatan yang cuba menentang mereka. [...] JOA ditubuhkan bagi melindungi Orang Asli dari pengaruh luar yang cuba menggunakan mereka bagi mendapatkan bekalan makanan, ubatan dan maklumat. Mereka dikumpulkan dalam satu perkampungan dilindungi sepenuhnya pihak kerajaan ketika itu. Dalam masa sama, Orang Asli ini telah diberikan pendidikan formal asas seperti membaca, mengira dan menulis agar mereka tidak mudah terpedaya dengan agenda komunis.”*

*Kod: JAKOAKT*

Pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah suatu isu yang begitu membimbangkan dan dilihat semakin kritikal sejak kebelakangan ini. Seorang informan menyatakan *“Setiap hari kami sebagai guru berusaha keras untuk mendidik anak-anak Orang Asli di sini sekurang-kurangnya boleh membaca, menulis dan mengira.”* Kod: SSGBI. Ekoran daripada itu, semua pihak termasuklah KPM, sekolah dan JAKOA berusaha keras bagi memastikan pencapaian akademik murid-murid Orang Asli ini berada pada tahap yang lebih baik. Perkara ini dinyatakan dengan jelas melalui temu bual bersama guru sekolah yang menyatakan:

*“Keciciran pendidikan masih lagi berlaku di sebahagian besar masyarakat Orang Asli Terengganu walaupun pelbagai usaha dijalankan pihak KPM sejak dahulu agar tahap pendidikan mereka berada sama aras dengan masyarakat yang lain di negara ini.”*

*Kod: SSGB2*

Majoriti informan menyatakan masyarakat Orang Asli terutama ibu bapa dan anak-anak seakan tidak menghiraukan kepentingan pendidikan dan pencapaian akademik. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan:

*“Anak-anak hanya bersekolah sampai darjah tiga sahaja dan ramai juga tidak bersekolah langsung. Kalau hantar ke sekolah waktu pagi, dalam sedikit waktu mereka pulang ke rumah juga. Kalau mereka tidak ke sekolah kami bawa mereka ke hutan.”*

*Kod: MOAB1*

Hasil temu bual menunjukkan ibu bapa masyarakat Orang Asli tidak begitu prihatin terhadap pendidikan formal anak-anak. Majoriti informan menyatakan mereka lebih tertumpu untuk mengajar anak-anak mereka tentang skil dan pengetahuan mencari sumber hutan yang boleh membantu meringankan beban mereka. Perkara ini dinyatakan sendiri oleh masyarakat Orang Asli yang ditemu bual iaitu:

*“Kami suka anak-anak ikut sekali ke hutan mencari gaharu dan akar kayu daripada ke sekolah. Bila sudah besar, mereka sudah tahu apa yang mereka mahu ambil di hutan ini. [...] Ramai yang masuk ke hutan lebih banyak dapat hasil.”*

*Kod: MOAB2*

*“Anak-anak kami tidak mahu lagi bersekolah dan berhenti sekolah rendah di darjah tiga. [...] Apabila anak-anak bersekolah susah bagi kami untuk ke hutan untuk mencari gaharu. Kami terpaksa tinggalkan mereka bersama saudara lain.”*

*Kod: MOAP1*

*“Anak-anak Orang Asli di sini tidak akan pandai di sekolah. Tak ada lagi anak-anak Orang Asli sini yang berjaya. Jadi, untuk apa hantar anak-anak ke sekolah?[...] bila sudah besar, mereka akan jadi seperti kami juga.”*

*Kod: MOASI*

Hasil temu bual bersama seorang informan menyatakan *“Pendidikan masyarakat Orang Asli di Terengganu adalah masih rendah dan jauh ketinggalan dalam arus perdana.”* Kod: SSGP2. Oleh itu, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi memastikan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli adalah lebih baik. Antara langkah kerajaan adalah dengan membina sekolah rendah di dalam kawasan perkampungan Orang Asli tersebut. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan *“Pembinaan sekolah ini bertujuan untuk memastikan anak-anak Orang Asli pergi ke sekolah setiap hari dan mendapat pendidikan di peringkat awal usia.”* Kod: JAKOAB. Selain bertujuan memudahkan anak-anak Orang Asli mendapatkan pendidikan, pembinaan sekolah di dalam kawasan penempatan ini juga dapat mengurangkan kadar ketidakhadiran dan meningkatkan kadar pendaftaran.

Selain itu, pihak JAKOA dan guru-guru turut ditugaskan untuk memastikan anak-anak Orang Asli ini melanjutkan pengajian ke sekolah menengah dengan menyediakan bantuan yang diperlukan. Perkara ini disokong oleh hasil temu bual bersama seorang informan yang menyatakan:

*“Pihak kerajaan menerusi JAKOA telah menghulurkan pelbagai bantuan bagi memastikan anak Orang Asli di Terengganu ini mendapat pendidikan terbaik sama seperti masyarakat luar. Hanya kesanggupan mereka yang kami inginkan.”*

*Kod: JAKOAP*

Pelbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu bagi menarik minat dan perhatian mereka terhadap pendidikan formal di sekolah. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan "*Telah banyak pertolongan yang anak-anak kami dapat di sekolah seperti wang saku, alat tulis, baju, seluar, kasut, bas sekolah dan pelbagai lagi.*" Kod: JKKKB. Bantuan-bantuan yang diberikan adalah seperti perkhidmatan bas sekolah, bantuan kewangan sara diri dan bantuan pengurusan persekolahan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli ini bukan sahaja dapat mendorong mereka untuk ke sekolah tetapi juga dapat membantu meringankan beban persekolahan untuk menghantar anak-anak.

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli di Terengganu namun, keberkesanan tindakan tersebut tidak banyak menampakkan kesan positif. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, seorang informan menyatakan "*Walaupun pelbagai bentuk bantuan dihulurkan bagi meningkatkan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli di sini sejak dahulu lagi, namun perubahannya terlalu kecil.*" Kod: SSGP2. Sebahagian besar kanak-kanak di sekolah rendah gagal menamatkan persekolahan mereka sebelum memasuki tahun enam di peringkat rendah dan tingkatan tiga di sekolah menengah. Perkara ini dapat dilihat semasa kajian lapangan di Kampung Sungai Sayap, Besut di mana kesemua anak-anak masyarakat Orang Asli di sana tidak didaftarkan ke sekolah. Namun begitu, bagi Kampung Sungai Pergam dan Kampung Sungai Berua tahap keciciran pendidikan masih di tahap yang membimbangkan. Hal ini adalah selaras dengan kenyataan pegawai JAKOA yang menyatakan:

*“Pelbagai usaha dilakukan dalam membangunkan pendidikan anak-anak Orang Asli di Terengganu. Namun, usaha-usaha dilakukan tidak mencapai kejayaan diimpikan. Buktinya, tiada anak-anak Orang Asli di Besut yang bersekolah. Ramai anak-anak Orang Asli di Hulu Terengganu dan Kemaman yang berhenti sekolah rendah dan tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Keciciran ini adalah disebabkan oleh faktor ibu bapa dan anak-anak orang Asli itu sendiri.”*

*Kod: JAKOAKT*

Secara keseluruhannya, keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu merupakan salah satu indikator kemiskinan multidimensi yang perlu diberi perhatian. Berdasarkan hasil temu bual mendalam yang dilakukan, masih ramai anak-anak Orang Asli di Terengganu yang tidak bersekolah dan tidak menamatkan persekolahan walaupun di peringkat rendah. Hal ini kerana, pendidikan formal bukanlah suatu aspek yang begitu dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Mereka masih lagi berpendapat pendidikan formal ini tidak menjanjikan pulangan. Oleh itu, masyarakat Orang Asli di sini lebih menggalakkan anak-anak untuk ke hutan bersama mereka untuk mencari hasil hutan dan menambah pendapatan.

ii. Tema: Dimensi Kesehatan

Kesehatan merupakan aspek penting dalam menjamin kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat. Kesehatan juga merupakan elemen penting dalam meningkatkan taraf hidup dan status sosial sesebuah masyarakat. Namun begitu, masih terdapat masyarakat Orang Asli yang masih percaya dan mengamalkan amalan nenek moyang mereka. Salah seorang informan yang ditemu bual menyatakan *“Semasa tinggal di dalam hutan dahulu, kami selalu membuat pelbagai persembahan kepada semangat alam supaya ‘dia’ menjaga kami di kampung ini.”* Kod: MOAB2. Selain itu, hasil temu bual di kawasan lapangan juga mendapati masyarakat Orang Asli di Terengganu ini masih percaya penyakit dan musibah yang berlaku adalah pembalasan daripada perbuatan atau kesalahan yang mereka telah lakukan. Kenyataan ini juga telah disokong oleh hasil temu bual yang dilakukan terhadap ahli JKKK dan masyarakat Orang Asli iaitu:

*“Orang Asli amat sinonim dengan amalan ritual dan pegangan kepada semangat nenek moyang. Kami sangat percaya sebarang penyakit dan bala yang berlaku disebabkan kemarahan semangat alam sekeliling terhadap perbuatan kami.”*

*Kod: JKKKP*

Hasil temu bual dengan informan juga mendapati pengamal perubatan tradisional atau dikenali sebagai bomoh/ pawang/ dukun bomoh ini juga dikatakan mempunyai kuasa ajaib yang diwarisi daripada nenek moyang dan mempunyai kuasa untuk berhubung secara terus dengan alam sekitar. Informan menyatakan *“Bomoh ialah seseorang yang ada kuasa sakti diwarisi daripada nenek moyang keturunan [...] Dia boleh berinteraksi dengan semangat alam untuk menghalang bala berlaku.”* Kod: JKKKB. Oleh yang demikian, mereka percaya pengamal perubatan tradisional ini mempunyai kuasa luar biasa untuk mengubati penyakit atau menghalang malapetaka daripada berlaku. Hasil

temu bual bersama JKKK dan masyarakat Orang Asli di Terengganu ini telah menyokong keterangan tersebut yang menyatakan:

*“Dahulu kami memang bergantung sepenuhnya kepada bomoh. Kami percaya bomoh dapat mengubati penyakit dan menyeru semangat alam untuk membantu kami dari mendapat bala. Kepercayaan ini telah wujud sejak zaman nenek moyang kami lagi.”*

*Kod: MOAP1*

Hasil temu bual dengan informan juga mendapati pengaruh budaya dan kepercayaan nenek moyang yang begitu kuat ini menjadikan tahap kesihatan masyarakat Orang Asli di Terengganu berada di tahap rendah dan terdapat kes kematian kanak-kanak pada setiap tahun. Hal ini kerana, mereka tidak mendapat rawatan yang sewajarnya dalam mengubati penyakit yang dihidapi. Pernyataan ini disokong oleh rekod temu bual bersama pegawai kesihatan daerah yang menyatakan:

*“Kepercayaan dan pegangan yang sangat kuat terhadap amalan nenek moyang dalam mengubati penyakit telah meningkatkan kadar kematian terutama bagi anak-anak kecil. Mereka tidak dirawat dengan cara yang sepatutnya.”*

*Kod: KKOA*

Namun begitu, menerusi program Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang menerapkan pembangunan in-situ di kawasan penempatan Orang Asli Terengganu telah mengubah persepsi dan cara hidup masyarakat Orang Asli terhadap rawatan moden. Berdasarkan hasil temu bual bersama seorang informan yang menyatakan *“Ramai Orang Asli di kampung ini yang datang ke klinik untuk mendapatkan rawatan semenjak ia siap*



*dibina.”Kod: KKOAA. Seorang lagi informan yang ditemu bual menyatakan “Keadaan Orang Asli di sini banyak berubah apabila kampung yang dibina ini telah lengkap dengan klinik kesihatan dan ada kalanya pemantauan kesihatan dilakukan.” Kod: JAKOAB. Pembinaan klinik desa di dalam kawasan kampung secara langsung telah memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu untuk mendapatkan rawatan di klinik desa yang disediakan apabila menghadapi masalah kesihatan.*

Hasil temu bual ini juga mendapati akses untuk mendapatkan rawatan kesihatan yang lebih mudah membolehkan masyarakat Orang Asli menerima rawatan secara konsisten berbanding sebelum ini. Faktor geografi dan fizikal merupakan halangan utama yang menyukarkan mereka untuk mendapatkan rawatan diperlukan di klinik mahupun hospital yang terletak di kawasan bandar. Seorang informan menyatakan *“Dengan adanya klinik di dalam kampung ini sangat memudahkan kami untuk mendapatkan ubat dan bantuan.” Kod: MOABI. Oleh itu, mereka lebih cenderung untuk mendapat rawatan tradisional daripada pengamal perubatan tradisional. Berdasarkan pemerhatian penyelidik di kawasan lapangan, pembinaan klinik desa ini turut memudahkan pihak jabatan kesihatan daerah dan agensi-agensi bertanggungjawab untuk memeriksa tahap kesihatan masyarakat Orang Asli dari semasa ke semasa tanpa perlu pergi ke dalam hutan di mana perkampungan mereka dibina secara berselerak. Perkara ini dijelaskan menerusi temu bual bersama pegawai JAKOA yang menyatakan:*

*“Kerajaan amat teliti dalam menyediakan kemudahan kepada Orang Asli. RPS yang dilengkapi kemudahan termasuk klinik kesihatan telah membantu Orang Asli di sini menerima rawatan sepatutnya. Mereka tidak perlu lagi ke hospital di bandar dan pihak kami sendiri tidak perlu lagi ke dalam hutan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan.”*

*Kod: JAKOAP*

Selain itu, hasil kajian juga mendapati pembinaan klinik desa, pemeriksaan berkala dan program-program kesihatan lain yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan telah berjaya meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Menurut informan yang ditemu bual lagi, kadar kematian dan malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak berkurangan, kadar kelahiran meningkat dan penularan wabak penyakit berjangkit seperti viral hepatitis, tuberculosis, syphilis, malaria, chikungunya, leptospirosis, dysentery dan denggi di ketiga-tiga buah kampung ini berkurangan sepanjang tahun. Kenyataan ini telah disokong oleh hasil temu bual bersama pegawai kesihatan daerah yang menyatakan:

*“Pada awalnya, memang susah bagi kami meyakinkan Orang Asli di sini untuk datang ke klinik bagi mendapatkan rawatan. Kami perlu ke setiap rumah dan memeriksa tahap kesihatan mereka. Namun, sekarang mereka sudah sedar dan faham kepentingan kami di sini. Mereka sering datang ke klinik bagi mendapatkan ubat, rawatan dan makanan tambahan. Kami juga membuat lawatan kesihatan ke rumah dari semasa ke semasa untuk memastikan tahap kesihatan Orang Asli di sini baik terutama apabila kami menerima laporan terdapat wabak penyakit berjangkit seperti hepatitis, malaria, chikungunya, leptospirosis dan denggi.”*

*Kod: KKO A*

*“Kadar kematian, kekurangan zat makanan dalam kalangan ibu mengandung dan anak-anak kecil dan penularan wabak penyakit yang berkurangan membuktikan program RPS ini telah berjaya meningkatkan taraf kesihatan Orang Asli di sini. [...] Pihak pejabat kesihatan khususnya dapat memantau tahap kesihatan Orang Asli di perkampungan baru ini dengan lebih kerap [...] terutama berlakunya wabak atau penyakit berjangkit.”*

*Kod: KKO A*

Selain itu, temu bual yang dilakukan bersama informan menyatakan terdapat juga program merancang keluarga turut didedahkan kepada masyarakat Orang Asli ini bagi mengelakkan risiko penyakit lain seperti HIV/AIDS dan syphilis. Program ini juga berkesan kepada masyarakat Orang Asli dalam mengawal jumlah isi rumah mereka. Kawalan populasi ini diperlukan kerana bilangan ahli isi rumah yang ramai menjadikan taraf hidup mereka lebih rendah. Seorang pegawai JAKOA telah menyatakan:

*“Orang Asli juga turut diperkenalkan dengan program rancang keluarga. Program ini bukan sahaja dapat membendung jangkitan HIV dan syphilis tetapi juga dapat membantu ekonomi mereka. [...] Pada kebiasaannya Orang Asli kan berkahwin awal mempunyai bilangan anak yang ramai. Bilangan ahli keluarga yang ramai ini bukan sahaja mengganggu ekonomi keluarga yang sememangnya hidup dalam kedaifan malah mereka lebih cenderung untuk mengabaikan anak-anak mereka.”*

*Kod: JAKOAP*

Secara keseluruhannya, hasil temu bual ini mendapati dimensi kesihatan bukanlah suatu bentuk kekurangan penting yang menyumbang kepada faktor kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hal ini kerana, terdapat perubahan yang positif dengan kewujudan klinik desa di dalam kawasan perkampungan semula dan program-program pembangunan kesihatan yang dilaksanakan bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Perkara ini dinilai dengan pengurangan kadar kematian bayi dan kanak-kanak serta kes kekurangan zat makanan (malnutrisi). Hal ini adalah ekoran daripada pembinaan klinik desa dalam kampung tersebut lebih memudahkan mereka untuk mendapatkan ubatan, rawatan dan makanan tambahan terutama bagi kanak-kanak dan ibu mengandung. Di samping itu, ia lebih memudahkan pihak bertanggungjawab khususnya

pejabat kesihatan daerah dan klinik desa untuk memantau tahap kesihatan mereka terutama apabila berlaku penularan wabak dan penyakit berjangkit. Selain itu juga, masyarakat Orang Asli telah menerima perubahan dan pembangunan kesihatan yang diberikan kepada mereka. Ramai di antara mereka telah pergi ke klinik desa untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya berbanding hanya bergantung kepada kaedah perubatan tradisional daripada yang diamalkan selama ini. Mereka percaya dengan menerima kaedah rawatan moden dan nasihat pakar di klinik adalah lebih efektif dalam menyembuhkan penyakit yang dialami.

iii. Tema: Dimensi Taraf Hidup

Secara kasarnya, tidak begitu banyak isu berkaitan dengan kemiskinan dalam dimensi taraf hidup dibangkitkan dalam temu bual yang dijalankan bersama informan. Majoriti informan menyatakan ketiga-tiga kampung tersebut telah disediakan dengan pelbagai kemudahan asas yang mencukupi melalui RPS sejak tahun 1990an lagi dan kemudahan-kemudahan ini kian ditambah bagi menampung keperluan populasi yang semakin meningkat.

Menurut seorang informan yang ditemu bual, sejajar dengan program pembasmian kemiskinan secara holistik di peringkat nasional, pelaksanaan program penempatan tersusun melalui skim Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) turut dilaksanakan bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Program ini merupakan skim perumahan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli yang masih lagi berada dalam kategori miskin dan miskin tegar. Menurut informan *“Salah satu usaha kerajaan adalah melalui rumah PPRT yang disediakan dalam program RPS bagi membantu Orang Asli yang miskin di sini.”* Kod: JAKOAKT. Tujuannya adalah untuk membantu ketua isi rumah (KIR) Orang Asli menyediakan keperluan asas yang lebih baik kepada ahli isi rumah (AIR) bagi memperoleh kehidupan yang lebih baik dan selesa. Hal ini kerana penempatan

baru yang disediakan adalah lengkap dengan pelbagai infrastruktur dan kemudahan asas yang diperlukan daripada aspek ekonomi mahupun sosial setanding dengan perkampungan masyarakat luar bandar yang lain. Perkara ini disokong oleh hasil temu bual bersama seorang pegawai JAKOA setempat yang menyatakan:

*“Pembinaan RPS di Terengganu ini telah banyak membantu meningkatkan status sosial masyarakat Orang Asli khususnya kerana kemudahan yang disediakan adalah seiring dengan pembangunan masyarakat luar bandar yang lain.”*

*Kod: JAKOAP*

Berdasarkan pemerhatian penyelidik di kawasan lapangan, perumahan PPRT yang disediakan dalam perkampungan Orang Asli di Terengganu telah dilengkapi pelbagai jenis kemudahan seperti binaan rumah daripada batu, mempunyai dua hingga tiga buah bilik tidur, bekalan air bersih/ paip, tandas di dalam rumah, sistem sanitasi dan saluran longkang yang baik dan bekalan elektrik 24 jam. Seorang informan menyatakan *“Sekarang kami mempunyai kehidupan yang lebih baik kerana kami telah diberi rumah batu, air paip, elektrik dan kebajikan kami juga turut dijaga oleh pegawai yang bertugas di kampung ini.”* Kod: JKKKB. Selain itu, terdapat juga infrastruktur asas yang dibina bagi melengkapkan lagi perkampungan tersebut seperti akses jalan raya berturap, medan infodesa, padang permainan, tempat ibadat/surau, sekolah rendah, TADIKA, klinik, pejabat urus tadbir JAKOA dan sebagainya. Penyataan ini disokong hasil temu bual bersama pegawai JAKOA iaitu:

*“Nasib Orang Asli di sini lebih terbela kerana bilangan mereka adalah sedikit berbanding di tempat lain. [...] Oleh itu, pihak kerajaan masih mampu untuk menampung kos menaik taraf kehidupan mereka termasuklah membina perkampungan baru yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas diperlukan. [...] seperti rumah batu dengan bilik tidur, bekalan elektrik 24 jam, air paip, tandas, saliran dan longkang. Tambahan pula, kampung ini turut disediakan jalan raya, infodesa, padang, surau, sekolah, TADIKA, klinik, pejabat JAKOA dan macam-macam lagi.”*

*Kod: JAKOAKT*

Namun begitu, hasil temu bual juga mendapati masalah pengurusan sampah dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu dilihat begitu ketara. Perkara ini adalah disebabkan oleh tahap kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap isu penjagaan alam sekitar di sekeliling mereka dipandang remeh. Keadaan ini adalah berpunca daripada masyarakat Orang Asli yang dahulunya tinggal di dalam kawasan pedalaman dan sudah biasa untuk membuang atau melupuskan sampah mereka di merata tempat. Menurut seorang informan yang ditemu bual menyatakan:

*“Masalah paling ketara dapat dilihat dalam kampung ini adalah masalah pembuangan sampah. Punca keadaan ini berlaku adalah disebabkan mereka masih lagi membawa tabiat lama semasa tinggal di dalam hutan dahulu ke sini. [...] Membuang sampah di merata tempat adalah suatu yang biasa bagi mereka.”*

*Kod: JAKOAB*

Selain itu, hasil temu bual ini juga mendapati reka bentuk rumah yang dibuat daripada buluh atau kayu kebiasaannya mempunyai banyak lubang yang membolehkan sampah yang dibuang akan jatuh ke bahagian bawah rumah. Seorang informan juga menyatakan *“Dahulu kami boleh buang sampah terus ikut lubang lantai rumah dan membakar di dapur kayu di dalam rumah, tapi sekarang tidak boleh lagi kerana rumah sekarang rumah batu.”* Kod: MOAP. Namun, menurut seorang lagi informan yang ditemu bual sampah yang dibuang tersebut biasanya adalah sampah yang mudah diurai oleh agen penguraian semula jadi dan menjadi bahan kompos, baja atau makanan kepada haiwan ternakan. Pernyataan ini telah di sokong oleh hasil temu bual dengan pegawai JAKOA yang bertugas di kampung tersebut iaitu:

*“Kalau dahulu sampah yang dibuang jenis mudah lupus sendiri seperti kulit buah-buahan dan tumbuhan, tetapi sekarang mereka sudah banyak guna plastik yang dibuang merata tempat di sekitar kampung termasuk sungai, sekolah, keliling rumah dan longkang.”*

Kod: JAKOAP

Apabila mereka berpindah ke kawasan penempatan baru yang lebih sistematik, amalan tidak sihat ini tidak dapat dilakukan lagi. Namun, keadaannya masih lagi sama di mana hasil pemerhatian pengkaji di kawasan lapangan mendapati sampah sarap masih lagi bertaburan di sekeliling rumah. Sampah sarap yang kebanyakannya adalah daripada plastik bungkusan makanan dan minuman berada di merata tempat dan sampah jenis ini adalah tidak dapat diurai oleh agen penguraian semula jadi dalam masa yang singkat. Kesannya, ramai di antara mereka yang mengalami penyakit kulit serius dan ditambah pula faktor kurangnya penjagaan kebersihan diri. Pernyataan ini disokong oleh hasil temu bual yang dilakukan ke atas pegawai JAKOA bertugas iaitu:

*“Terdapat bermacam-macam jenis sampah yang dibuang di merata tempat telah mendedahkan mereka dengan penyakit seperti penyakit kulit, aedes, malaria, keracunan makanan dan macam-macam lagi.”*

*Kod: JAKOAB*

Hasil temu bual dengan pihak JAKOA pula mendapati, kampung-kampung tersebut pernah disediakan tong sampah dan diberikan perkhidmatan pungutan sampah berkala oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Besut. Namun, perkhidmatan ini tidak berpanjangan kerana tong sampah plastik yang disediakan di kawasan kampung tersebut sering mengalami kerosakan akibat vandalisme. Ekoran daripada itu, pihak JAKOA mengakui telah sedia maklum dengan isu ini dan beberapa kali permohonan baru dibuat agar menempatkan tong sampah pusat dan khidmat pungutan sampah berkala dilaksanakan semula di perkampungan Orang Asli. Namun, permohonan tersebut masih dalam pertimbangan pihak yang bertanggungjawab. Perkara ini telah di sokong oleh hasil temu bual dengan pegawai JAKOA iaitu:

*“Sebenarnya pihak kami sudah sedia maklum dengan perkara ini. Sebelum ini pihak kami telah beberapa kali menyediakan tong sampah pusat dan disertakan dengan perkhidmatan pungutan sampah berkala oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Besut. [...] Namun, tong sampah yang disediakan sering kali rosak akibat vandalisme. Permohonan semula untuk sediakan tong sampah di sini telah dihantar kepada bertanggungjawab. Namun, perkara ini masih dalam pertimbangan mereka.”*

*Kod: JAKOAKT*



Berdasarkan pemerhatian, penyelidik mendapati masyarakat Orang Asli di sini melupuskan sampah dengan cara membakarnya, membuang ke kawasan hutan dan sungai berhampiran serta menanamnya. Perkara ini telah disokong dengan hasil temu bual dengan pegawai JAKOA iaitu:

*“Kebiasaannya, Orang Asli di sini membakar sampah di sekitar rumah, membuang sampah ke dalam hutan berhampiran dan sungai. Perbuatan ini mengundang masalah kesihatan dan pencemaran.”*

*Kod: JAKOAB*

Secara keseluruhannya, tidak banyak indikator kemiskinan dalam dimensi taraf hidup yang dikaji mengalami kekurangan bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Pihak kerajaan telah memperkasa pembangunan in-situ menerusi program RPS dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas, prasarana dan infrastruktur termasuklah rumah batu, bekalan air bersih/ paip, tandas di dalam rumah, sistem sanitasi dan saliran longkang dan bekalan elektrik 24 jam. Selain itu, terdapat juga infrastruktur asas yang dibina seperti jalan raya berturap, medan infodesa, padang permainan, tempat ibadat/surau, sekolah rendah, TADIKA, klinik, pejabat urus tadbir JAKOA dan sebagainya. Namun begitu, masalah pengurusan sampah dilihat begitu kritikal bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Masalah pengurusan sampah ini adalah disebabkan pembawaan sikap dan tabiat lama masyarakat Orang Asli yang dahulunya tinggal di dalam hutan. Namun, keadaan berubah apabila mereka dipindahkan ke tempat baru yang memerlukan komitmen dalam menjaga kebersihan sekitar kerana struktur binaan dan kejurangan perumahan yang lebih teratur. Oleh itu, penyediaan tong sampah berpusat dan khidmat kutipan sampah berkala perlu dilakukan di kawasan penempatan ini agar tahap kebersihan dan kesihatan masyarakat Orang Asli di sini lebih terjamin.

iv. Tema: Dimensi Kekayaan

Masalah kemiskinan dalam aspek pendapatan sememangnya masih berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Majoriti informan yang ditemu bual telah menyatakan walaupun pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan sosioekonomi mereka sejak dahulu namun, isu kemiskinan pendapatan ini masih wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan *“Pendapatan di bawah garis kemiskinan adalah masalah utama sebahagian besar Orang Asli di Terengganu.”* Kod: JAKOAKT. Hasil temu bual yang dilakukan mendapati kemiskinan masyarakat Orang Asli ini adalah berikutan beberapa faktor antaranya adalah penglibatan sebahagian besar daripada mereka dalam aktiviti ekonomi yang tidak berdaya saing dan tidak berdaya maju. Hasil pemerhatian penyelidik mendapati masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi bergantung dengan hasil hutan dan persekitaran semula jadi dengan menjalankan kegiatan ekonomi sara diri seperti mengumpul hasil hutan, memburu dan menangkap ikan. Perkara ini disokong oleh hasil temu bual bersama masyarakat Orang Asli di sana iaitu:

*“Setiap hari kami akan ke hutan untuk mencari sesuatu yang boleh dijual dan dimakan. Kadang kala kami dapat gaharu, candan, rotan dan akar kayu. Ada kalanya kami mencari binatang hutan seperti landak, kancil, pelanduk, ayam hutan untuk dimakan. Ada kalanya kami menangkap ikan.”*

*Kod: MOAB1*

Hasil pemerhatian penyelidik di kawasan lapangan juga mendapati, masyarakat Orang Asli di sini masih menggunakan peralatan tradisional untuk kegiatan ekonomi mereka seperti sumpitan, panah, jerat, perangkap, parang dan kapak untuk mendapatkan

hasil-hasil hutan yang diperlukan. Oleh yang demikian, hasil hutan yang diperoleh adalah sedikit dan perlu dikumpulkan untuk satu tempoh masa sebelum dijual kepada tauke. Ekoran daripada itu, pendapatan yang diperoleh daripada hasil hutan ini adalah tidak tetap dan tidak terjamin. Pernyataan ini disokong oleh hasil temu bual yang dilakukan ke atas pegawai JAKOA yang bertugas iaitu:

*“Kemiskinan Orang Asli disebabkan beberapa aspek seperti masih bergantung dengan hasil hutan sepenuhnya secara sara diri. Antara aktiviti ekonomi mereka seperti pertanian pindah, memburu, mengumpul hasil hutan dan menangkap ikan. Peralatan yang digunakan juga tidak memungkinkan mereka untuk memperoleh hasil yang banyak. Mereka masih menggunakan sumpit, panah, jerat perangkap, parang dan kapak. Hasil yang diperoleh adalah sedikit dan perlu dikumpulkan sebelum dijual.”*

*Kod: JAKOAB*

Selain itu, hasil yang diperoleh ini tidak setimpal dengan usaha mereka mencari sumber-sumber hutan tersebut. Harga hasil hutan yang dijual dimonopoli oleh orang tengah atau dikenali sebagai tauke yang memanipulasi harga pasaran. Seorang informan menyatakan *“Mengeruhkan lagi keadaan, mereka kerap ditipu oleh peraih yang memberi harga yang rendah.”* Kod: JAKOAP. Berdasarkan temu bual bersama informan, masyarakat Orang Asli di sini menjual hasil hutan yang mereka peroleh kepada tauke yang telah dikenali sahaja. Namun, harga yang ditawarkan oleh tauke adalah sangat rendah berbanding harga pasaran. Pernyataan ini disokong melalui hasil temu bual dengan masyarakat Orang Asli iaitu:

*“Kami tahu harga gaharu, candan dan rotan di luar sana lebih tinggi berbanding apa tauke di sini berikan. Tetapi, kami lebih susah apabila tiada tauke yang datang ke sini untuk ambil hasil hutan ini. Lagipun, kami sudah lama kenal dengan tauke itu. Kami tidak perlu bawa barangan ini semua ke bandar untuk jual. Dia yang akan datang sini untuk ambil barang-barang ini semua. Dia pun selalu tolong kami di sini untuk beli barang-barang rumah kami dan kadang kala bawa kami ke bandar.”*

*Kod: MOAB*

Di samping itu, faktor lain yang turut menyumbang kepada kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu adalah modal insan. Tahap pendidikan masyarakat Orang Asli yang rendah, pengetahuan yang terhad kepada alam sekitar dan tahap kemahiran yang rendah antara penyebab kemiskinan masyarakat Orang Asli ini. Salah seorang informan yang ditemu bual menyatakan *“Orang Asli di sini tiada pekerjaan lain selain mencari sumber hutan untuk dijual. Mereka tidak ada kelayakan bekerja di luar dan sebahagian besar mereka buta huruf.”* Kod: JAKOAB. Tahap pendidikan yang rendah ini telah menjadikan mereka tidak diterima untuk bekerja di luar terutama dalam sektor pekerjaan kolar biru. Kenyataan ini di sokong oleh hasil temu bual yang di buat bersama dengan pegawai JAKOA iaitu:

*“Mereka hanya bergantung kepada wang dividen sawit FELCRA. Ada juga yang menambah hasil pendapatan dengan bekerja sebagai buruh sambilan di ladang sawit terutama wanita dan golongan muda seperti mengutip biji sawit. Hanya segelintir sahaja yang bernasib baik diterima bekerja di luar. Ini disebabkan tahap pendidikan rendah dan sebahagian besarnya tidak tahu membaca.”*

*Kod: JAKOAP*

Ekoran daripada itu, hasil temu bual juga mendapati masyarakat Orang Asli di Terengganu lebih terdorong untuk melakukan aktiviti ekonomi tradisional dan sara diri. Menurut mereka, hasil jualan rotan dalam tempoh dua minggu adalah dalam lingkungan RM300 hingga RM500. Bagi pencari kayu gaharu dan candan pula, mereka akan memperoleh RM800 hingga RM3,000 dalam tempoh dua minggu bekerja. Perkara ini dinyatakan jelas dalam hasil temu bual yang dilakukan kepada ahli JKKK iaitu:

*“Orang Asli lebih terdorong untuk melakukan aktiviti ekonomi tradisional yang biasa mereka lakukan sejak dari dahulu. Hasil jualan rotan adalah 300 hingga 500 ringgit untuk tempoh dua minggu. Bagi gaharu dan candan pula boleh mendapat 800 hingga 3000 ringgit dalam tempoh dua minggu mengumpul hasil.”*

*Kod: JKKKB*

Namun, pekerjaan ini tidak menjamin jumlah pendapatan yang tetap pada setiap kali jualan dilakukan. Hasil temu bual mendapati, selain daripada bergantung kepada nasib, memungut hasil hutan ini juga bergantung kepada faktor cuaca. Masyarakat Orang Asli tidak dapat ke hutan pada musim hujan kerana faktor keselamatan dan mereka juga akan memperoleh hasil yang kurang memuaskan kerana sumber sukar untuk diperolehi. Pernyataan ini telah di sokong oleh hasil temu bual yang dibuat ke atas masyarakat Orang Asli iaitu:

*“Kami bergantung kepada nasib untuk mendapatkan hasil hutan. Kalau musim hujan, kami tidak akan ke hutan kerana risau berlakunya kecelakaan. Lagipun hasil hutan kurang diperolehi ketika itu.”*

*Kod: JAKOAB*

Di samping itu, majoriti informan menyatakan pembukaan tanah ladang komersial untuk tanaman kelapa sawit turut mengurangkan sumber hutan di kawasan sekitar. Berdasarkan pemerhatian penyelidik di kawasan lapangan, pembukaan ladang kelapa sawit yang begitu luas di mana turut melibatkan perkampungan Orang Asli Sungai Pergam telah mengecilkan kawasan rayau masyarakat Orang Asli di situ. Selain itu, hakisan semula jadi Tasik Kenyir yang menenggelamkan sebahagian besar daratan di sekelilingnya turut memberi impak yang sama kepada penduduk Kampung Sungai Berua. Oleh yang demikian, masyarakat Orang perlu pergi ke hutan yang lebih jauh untuk tempoh masa yang lebih lama iaitu dalam lingkungan seminggu hingga sebulan bagi mendapatkan lebih banyak hasil. Mereka juga pergi ke hutan Pahang dan Kelantan untuk mendapatkan hasil-hasil hutan tertentu yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi seperti gaharu, candan dan herba-herba hutan terpilih seperti ubi jaga, kacip fatimah, tongkat ali dan sebagainya. Penyataan ini telah di sokong oleh hasil temu bual yang dibuat ke atas ahli JKKB iaitu:

*“Penerokaan dan pembangunan tanah untuk sawit dan getah telah mengecilkan ruang rayau Orang Asli untuk mendapatkan hasil hutan. Ada yang pergi hingga ke hutan Pahang dan Kelantan untuk mencari rotan, gaharu, candan serta akar kayu seperti ubi jaga, kacip fatimah, tongkat ali.”*

*Kod: JKKB*

Masyarakat Orang Asli di Terengganu masih mengalami kekurangan dalam indikator pemilikan aset terutama tanah. Mereka masih menganggap tanah merupakan anugerah daripada nenek moyang yang dapat diwarisi atau dikenali juga sebagai tanah adat atau tanah saka. Pemilikan tanah ini dibuat tanpa pendaftaran atau perjanjian yang sah antara Orang Asli dengan kerajaan negeri. Oleh itu, tanpa dokumen yang diiktiraf

tanah adat atau tanah saka yang diwarisi tersebut adalah masih hak milik kerajaan negeri. Pernyataan adalah berdasarkan hasil temu bual bersama pegawai JAKOA yang menyatakan:

*“Orang Asli biasanya ada tanah adat yang diwarisi keluarga. Tetapi, status tanah tersebut diragui kerana tiada perjanjian sah dengan kerajaan negeri dan tanpa geran. Secara, dasarnya tanah tersebut adalah hak milik kerajaan Negeri.”*

*Kod: JAKOAKT*

Kerajaan negeri telah mewartakan sebahagian tanah di sekitar kawasan penempatan Orang Asli di Terengganu sebagai Tanah Rizab Orang Asli (TROA). Seorang informan menyatakan ketiga-tiga buah perkampungan Orang Asli di Terengganu tidak memperoleh jumlah pembahagian TROA yang sama bagi setiap individu. Hal ini disebabkan beberapa faktor seperti terdapat TROA yang dikelilingi oleh tanah persendirian dan taman negara. Salah seorang informan menyatakan *“Pembahagian tanah rizab Orang Asli di Terengganu adalah berbeza kerana dikelilingi tanah orang kampung yang lain dan taman negara.”* Kod: JAKOAKT. Oleh itu, jumlah keluasan TROA yang diperuntukkan di setiap kampung adalah berbeza.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik di kawasan lapangan mendapati sebahagian besar TROA ini telah dibangunkan dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah dalam membantu menjana pendapatan sampingan kepada masyarakat Orang Asli dalam bentuk dividen. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan pihak kerajaan telah melantik organisasi profesional seperti FELCRA untuk menguruskan tanaman kelapa sawit dan RISDA bagi tanaman getah bagi membantu menjayakan projek tanaman komersial ini. Dalam aspek pembahagian tanah untuk tujuan tanaman komersial tersebut, Kampung Sungai Berua diperuntukkan dengan satu ekar tanah untuk tanaman kelapa

sawit. Manakala, Kampung Sungai Pergam jumlah sebanyak 25 ekar untuk tanaman kelapa sawit dan tujuh ekar tanah untuk tanaman getah bagi setiap individu. Bagi Kampung Sungai Sayap pula, sebanyak 10 ekar tanah diperuntukkan untuk tanaman kelapa sawit. Perkara ini dijelaskan dalam temu bual yang dilakukan bersama pegawai JAKOA iaitu:

*“FELCRA telah dilantik untuk membangunkan tanaman sawit dan RISDA untuk getah. [...] Orang Asli di Berua hanya mendapat satu ekar sahaja keluasan tanaman sawit bagi setiap individu. Tetapi, bagi Orang Asli di Pergam mereka mendapat 25 ekar sawit dengan 7 ekar getah dan 10 ekar sawit bagi Orang Asli di Sayap.”*

*Kod: JAKOAKT*

Hasil temu bual juga mendapati, perbezaan jumlah peruntukan TROA untuk tujuan tanaman komoditi ini turut mempengaruhi jumlah dividen yang diperoleh oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu. Pada asasnya, pendapatan melalui dividen yang diperoleh oleh masyarakat Orang Asli ini bertujuan untuk membantu meningkatkan jumlah pendapatan selain dapat mengeluarkan mereka daripada kemiskinan. Perkara ini telah dijelaskan dalam temu bual yang dilakukan bersama pegawai JAKOA iaitu:

*“Bagi Orang Asli di Pergam dan Sayap, jumlah dividen FELCRA yang diperoleh mampu menampung keperluan bulanan mereka dan membawa mereka keluar dari kelompok kemiskinan tegar.”*

*Kod: JAKOAKT*



Ternakan secara komersial merupakan salah satu langkah terbaik yang dapat dilakukan dalam meningkatkan status sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan projek ternakan komersial ini telah diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu untuk meningkatkan pendapatan sampingan mereka. Menurut informan tersebut *“Projek ternakan komersial telah dibawa masuk kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu untuk membasmi kemiskinan mereka. Kod: JAKOAP.* Namun, usaha membasmi kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu melalui pembabitan mereka dalam aktiviti ternakan komersial ini tidak mencapai objektifnya. Perkara ini disokong oleh hasil temu bual bersama pegawai JAKOA iaitu:

*“ Pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu ini termasuklah aktiviti penternakan. Walau bagaimanapun usaha ini dilihat tidak berjaya.*

*Kod: JAKOAKT*

Terdapat beberapa faktor pendorong yang membolehkan aktiviti ternakan komersial dapat dilaksanakan di sekitar perkampungan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Berdasarkan pemerhatian penyelidik di kawasan lapangan mendapati kedudukan ketiga-tiga perkampungan masyarakat Orang Asli di Terengganu ini adalah strategik dan sesuai untuk aktiviti ternakan. Hal ini kerana lokasinya yang terletak di pinggir bandar dengan di kelilingi oleh ladang kelapa sawit, getah dan kawasan hutan. Tambahan pula ia terletak jauh daripada perkampungan masyarakat lain. Menurut seorang informan yang ditemu bual menyatakan *“Sebelum projek ternakan ini dilaksanakan dahulu, kami dapati lokasi perkampungan ini sangat sesuai untuk tujuan tersebut.” Kod: JAKOAB.* Secara teknikalnya, lokasi yang strategik ketiga-tiga kampung

ini berupaya untuk menjadi kawasan ternakan haiwan ruminan seperti lembu, kambing, biri-biri mahupun haiwan bukan ruminan seperti ayam dan itik yang berdaya maju dan berdaya saing. Selain itu, bagi Kampung Sungai Berua yang terletak begitu hampir dengan Tasik Kenyir berpotensi dalam ternakan ikan sangkar air tawar. Terdapat banyak inisiatif yang dijalankan dan insentif yang diberikan kepada kampung-kampung berkenaan untuk menjayakan projek ternakan komersial berkenaan secara percuma seperti induk ternakan, peralatan dan khidmat nasihat. Seorang pegawai JAKOA yang ditemu bual menyatakan:

*“Terdapat pelbagai inisiatif kerajaan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi Orang Asli di Terengganu termasuklah dalam bidang ternakan komersial. Lokasi kampung yang sangat sesuai untuk bidang ternakan terutama ternakan ruminan kerana dikelilingi kawasan hutan. [...] Malah, bagi Kampung Berua yang mempunyai berhampiran dengan Tasik Kenyir membolehkan ternakan ikan sangkar dilakukan.”*

*Kod: JAKOAKT*

Berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan, terdapat pelbagai projek berasaskan ternakan diperkenalkan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Antara projek-projek yang diusahakan adalah seperti projek ternakan lembu, biri-biri dan itik telur di Kampung Sungai Pergam. Manakala projek ternakan ikan sangkar di Tasik Kenyir untuk masyarakat Orang Asli Kampung Sungai Berua. Pernyataan ini adalah selaras dengan hasil temu bual yang dilakukan bersama pegawai JAKOA iaitu:

*“Antara projek ternakan yang diperkenalkan kepada Orang Asli di Terengganu adalah seperti ternakan lembu, biri-biri dan itik telur di Kampung Pergam dan projek ikan sangkar di Tasik Kenyir bagi Orang Asli Kampung Berua.”*

*Kod: JAKOAKT*

Namun begitu, hasil temu bual mendapati projek ternakan yang diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu ini didapati gagal mencapai objektifnya. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli di sana lebih suka untuk menjalankan aktiviti ekonomi berasaskan sumber hutan kerana hasilnya lebih cepat dan kadangkala lebih lumayan. Penyataan ini disokong berdasarkan hasil temu bual dengan pegawai JAKOA iaitu:

*“Kesemua projek ternakan yang diusahakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak berjaya. Kami mendapati Orang Asli di sini lebih suka ke hutan untuk mencari gaharu, candan dan rotan untuk dijual. [...] Mungkin kerana sumber ini tidak memerlukan komitmen tinggi dan kadangkala memberikan hasil lumayan kepada mereka.”*

*Kod: JAKOAKT*

Walau bagaimanapun, hasil temu bual bersama masyarakat Orang Asli mendapati kegagalan projek ternakan yang diperkenalkan bukan disebabkan oleh mereka sepenuhnya. Seorang informan yang ditemu bual menyatakan bahawa *“Hanya sekali-sekala sahaja pegawai bertugas datang melawat. Kami tidak tahu membela binatang macam ini. Sebelum ini, kami ke hutan untuk memburu binatang.”* Kod: MOAP. Menurut mereka, kurangnya pemantauan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh pelatih dan pegawai-pegawai yang bertugas menjadi punca kegagalan projek-projek berkenaan. Hal ini kerana,

mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam aspek penternakan dan perlu diberi tunjuk ajar sepenuhnya. Perkara ini dinyatakan dengan jelas berdasarkan temu bual dengan masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua dan Kampung Sungai Pergam iaitu:

*“Bukan kami tidak mahu membela ikan sangkar, tetapi kami tidak tahu macam mana. Pada mulanya ramai orang datang sini bagi ajar kami semua. Tapi lama-lama sudah makin tidak ada. Banyak juga ikan kami dimakan oleh memerang dan burung di sungai itu. Tetapi kami tidak tahu apa patut kami buat. Sebab itu kami lebih suka ke hutan cari binatang liar, ikan di sungai, gaharu, candan dan rotan.”*

*Kod: MOAB*

Secara keseluruhannya, sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi mengalami kekurangan dalam dimensi kekayaan menerusi indikator pendapatan, aset dan ternakan komersial. Kemiskinan pendapatan yang diukur menggunakan purata pendapatan garis kemiskinan (PGK) masih lagi berlaku bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hal ini kerana sebahagian besar daripada mereka masih mengamalkan aktiviti ekonomi sara diri dan bergantung kepada hutan sebagai sumber pendapatan utama.

Selain itu, masyarakat Orang Asli tidak begitu memberi tumpuan dalam aspek pengumpulan aset. Hal ini kerana, sebahagian besar aset tetap seperti rumah dan tanah telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada mereka sebagai salah satu insentif pembangunan masyarakat. Namun begitu, aset tanah telah diketengahkan sebagai indikator kemiskinan yang kritikal bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Terdapat beberapa isu yang masih lagi membelenggu kemiskinan aset tanah di sini. Antaranya adalah masyarakat Orang Asli masih menganggap tanah yang diteroka oleh nenek moyang mereka adalah tanah adat yang dapat diwarisi kepada mereka. Namun, tiada

dokumentasi sah yang mengisytiharkan status tanah tersebut. Oleh yang demikian, secara realitinya tanah tersebut adalah hak milik kerajaan negeri.

Selain itu juga, pihak kerajaan telah mewartakan kawasan sekitar penempatan masyarakat Orang Asli sebagai Tanah Rizab Orang Asli (TROA) bagi tujuan kawasan rayau mereka mencari sumber hutan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar tanah tersebut telah diusahakan dengan tanaman ladang komersial kelapa sawit dan getah oleh pihak kerajaan dalam usaha membantu mereka mendapatkan pendapatan sampingan melalui dividen yang diterima. Namun, keluasan tanah yang diperuntukkan untuk tujuan tanaman komersial di setiap perkampungan Orang Asli di Terengganu adalah berbeza. Hal ini kerana terdapat kekangan daripada aspek kedudukan tanah yang dihimpit oleh tanah persendirian masyarakat kampung sekitar dan kawasan taman negara. Oleh itu, masyarakat Orang Asli di ketiga-tiga perkampungan ini mempunyai jumlah keluasan TROA dan hasil dividen yang berbeza.

Masyarakat Orang Asli di Terengganu juga masih mengalami kemiskinan dalam indikator ternakan komersial. Ternakan komersial merupakan antara aktiviti ekonomi sampingan yang dilihat dapat membantu dan mengukuhkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Namun, usaha ini dilihat gagal dilaksanakan disebabkan beberapa faktor seperti kesediaan dan penerimaan masyarakat Orang Asli di sana terhadap aktiviti ekonomi baru yang diperkenalkan. Selain itu, faktor pemantauan berkala yang efisien terhadap projek oleh badan bertanggungjawab turut menjadi faktor kegagalan projek-projek ternakan komersial yang dibawa kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu.

## 5.8 Rumusan

Bab ini merupakan antara bahagian terpenting dalam menjawab persoalan kajian kedua dan objektif kajian kedua. Hasil kajian ini mendapati dimensi kekayaan merupakan dimensi kemiskinan utama masyarakat Orang Asli di Terengganu yang sebahagian besar disumbangkan oleh indikator ternakan komersial dan aset. Seterusnya diikuti dengan dimensi pendidikan yang sebahagian besar disumbangkan oleh indikator tamat persekolahan. Namun, kemiskinan dalam dimensi taraf hidup sebahagian besar disumbangkan oleh indikator pengurusan sampah.

Bagi menjawab persoalan ketiga dan objektif ketiga, hasil kajian mendapati Kampung Sungai Pergam, Kemaman mempunyai tahap kemiskinan multidimensi yang lebih tinggi dan diikuti oleh Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu dan Kampung Sungai Sayap, Besut. Hal ini berlaku apabila nilai garis pemisah ( $k$ ) ditingkatkan kepada sembilan, Kampung Sungai Pergam masih lagi mempunyai nilai nisbah kadar kemiskinan terselaras ( $M_0$ ) iaitu 4% berbanding tiada nilai dicatatkan di kawasan lain.

Hasil dapatan dalam analisis kualitatif didapati telah menyokong hasil dapat kuantitatif yang diperolehi sebelum ini. Hasil temu bual mendalam mendapati masyarakat Orang Asli di Terengganu masih mengalami kekurangan dalam tema kekayaan menerusi iaitu pendapatan, aset dan penternakan komersial. Selain itu, mereka turut mengalami kekurangan tema pendidikan terutama dalam indikator tamat persekolahan. Selain itu juga, hasil temu bual mendapati masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak begitu mengalami kekurangan dalam dimensi taraf hidup kerana sebahagian besar pembangunan prasarana dan infrastruktur telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam pelbagai program pembangunan masyarakat dan menghapuskan kemiskinan. Namun begitu, mereka masih mempunyai kekurangan dalam indikator pengurusan sampah. Walau bagaimanapun, Hasil temu bual mendapati terdapat perubahan yang positif dalam dimensi kesihatan masyarakat Orang Asli di Terengganu.

## **BAB 6: PERBINCANGAN**

### **6.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu berdasarkan hasil kajian yang diperoleh sebelum ini. Penemuan hasil kajian berdasarkan dimensi dan indikator kekurangan tertinggi dialami oleh mereka menimbulkan persoalan lanjut iaitu apakah yang menyebabkan dimensi dan indikator ini menjadi penyumbang kepada kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu? Oleh itu, perbincangan lanjut berkaitan kekurangan yang dialami dinyatakan dalam bab ini. Selain itu, dalam bab ini turut menyenaraikan sokongan sosioekonomi yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu bagi melihat sejauh manakah penglibatan pihak kerajaan dan pihak berwajib dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Selain itu juga, bab ini turut menyatakan implikasi kajian dalam teori, metodologi dan polisi bagi melihat signifikan kajian ini terhadap aspek-aspek tersebut.

### **6.1 Tahap Kemiskinan Multidimensi Masyarakat Orang Asli Terengganu**

Berdasarkan analisis dan hasil kajian yang diperoleh, penyelidikan ini telah berjaya untuk mencapai tiga objektif yang telah dikemukakan dalam mengkaji tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Pertama, kajian ini telah berjaya untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah sosioekonomi dengan PGK bagi masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Hasil kajian mendapati hanya terdapat tiga pemboleh ubah bebas yang mempunyai hubungan signifikan dengan PGK. Pemboleh ubah tersebut adalah seperti pendidikan ( $p = 0.014$ ), jenis pekerjaan ( $p = 0.00$ ) dan dividen ( $p = 0.00$ ). Hal ini membuktikan ketiga-tiga pemboleh ubah ini turut mempengaruhi PGK secara langsung. Secara kasarnya,  $\chi^2$  dalam kajian ini membuktikan PGK bukan suatu kaedah pengukuran sosioekonomi yang tepat kerana ia tidak dapat

mengukur tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu secara menyeluruh. Namun begitu, PGK masih relevan dalam memenuhi elemen pengukuran sosioekonomi masyarakat dan ditetapkan sebagai salah satu elemen pengukuran IKM.

Hasil kajian kuantitatif ini telah disokong oleh hasil dapatan kajian kualitatif dalam bab sebelum ini. Hasil dapatan kajian kualitatif mendapati kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu tidak hanya berlaku dalam indikator pendapatan sahaja. Hasil temu bual mendalam yang dilakukan bersama informan mendapati masih terdapat indikator-indikator lain yang turut menyumbang kepada kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Antara indikator lain yang turut menyumbang kepada kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu seperti indikator tamat persekolahan dalam dimensi pendidikan, indikator pengurusan sampah dalam dimensi taraf hidup, indikator pengumpulan aset dan ternakan komersial dalam dimensi kekayaan.

Pengukuran kemiskinan masyarakat Orang Asli dengan tidak melihat kepada indikator pendapatan sahaja turut diguna pakai dalam beberapa kajian lain yang dikenal pasti. Kajian yang dibuat oleh Mohd Fauzi Mohd Harun dan Nor Aini Idris (2012), yang turut mengukur kemiskinan masyarakat Orang Asli di Perak dengan menggunakan beberapa indikator kualiti hidup seperti bekalan air paip, elektrik, jenis rumah, sistem sanitasi, penyisihan sosial, aset fizikal (kenderaan berenjin), perkakasan rumah dan penyakit kronik telah membuktikan pendapatan bukanlah suatu indikator tunggal yang boleh digunakan untuk mengukur tahap kemiskinan sesebuah masyarakat. Hasil kajian beliau mendapati indikator kekurangan paling tinggi dialami masyarakat Orang Asli di Perak adalah dalam akses kepada bekalan air paip, elektrik, kenderaan berenjin dan jenis rumah yang didiami. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli di sana mempunyai tahap kesihatan, kebolehan hidup bermasyarakat dan sistem sanitasi yang baik.

Kedua, hasil kajian juga turut mengenal pasti dimensi dan indikator kemiskinan IKM yang dialami oleh masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu. Hasil kajian IKM



mendapati dimensi kekayaan merupakan penyumbang terbesar dalam kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu iaitu dengan jumlah purata agregat sebanyak 68.19%. Peratusan agregat tersebut adalah sebahagian besarnya disumbangkan oleh indikator ternakan komersial iaitu sebanyak 97.1%. Selain itu, indikator lain dalam dimensi ini juga turut mencatatkan jumlah peratusan kemiskinan yang tinggi seperti 58.9% dalam indikator pendapatan dan 48.5% dalam indikator aset.

Hasil kajian kuantitatif ini turut disokong oleh dapatan kajian kualitatif menerusi temu bual mendalam yang dilakukan bersama beberapa orang informan. Sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi bergantung kepada sumber hutan dan menjalankan kegiatan ekonomi sara diri sebagai sumber pendapatan utama mereka. Kegiatan ekonomi sangat mempengaruhi masyarakat Orang Asli untuk masuk ke hutan bagi mencari pelbagai jenis sumber hutan yang mempunyai nilai pasaran. Perkara ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Courchamp et al. (1996); Sham Sani (1986) dan Gomes (2004), yang menyatakan masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi aktif menjalankan kegiatan ekonomi sara diri dalam memenuhi keperluan keluarga. Dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua, hutan dapat diibaratkan sebagai 'Bank' atau dalam bahasa tempatan dikenali 'Bank Beri' yang membawa maksud 'Bank Hutan' (Ramle Abdullah, 2014). Istilah ini diberikan kerana mereka percaya hutan menyimpan segala khazanah, sumber kekayaan dan sumber rezeki. Kebergantungan masyarakat Orang Asli dalam aktiviti ekonomi sara diri ini membuatkan mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap dan rendah (Bartholomew et al., 2016).

Hasil kajian ini juga menunjukkan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi tinggi berbanding laporan matlamat pembangunan lestari (MPL) Malaysia (2017), iaitu kadar kemiskinan di Malaysia sebanyak 0.6%. Kadar kemiskinan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi mengamalkan kegiatan ekonomi sara diri yang tidak menjamin sumber pendapatan yang

lumayan kepada mereka (Ramle Abdullah, 2014; Muhammad Fuad Abdullah et al., (2016). Menurut Kuchikura (1988); Ramle Abdullah (2001) dan Lye Tuck Po (2002), kekurangan hasil hutan yang diperoleh dipengaruhi oleh kepercayaan nenek moyang yang masih dipegang kuat oleh masyarakat Orang Asli di sini dan pembukaan tanah untuk tujuan pertanian komersial seperti kelapa sawit dan getah serta manipulasi harga hasil hutan oleh orang tengah. Antara kepercayaan nenek moyang yang masih diamalkan sehingga kini adalah seperti kepercayaan terhadap hasil hutan yang diperoleh adalah bergantung sepenuhnya kepada nasib. Sekiranya bernasib baik, mereka akan memperoleh hasil hutan yang banyak atau mendapat hasil hutan yang bernilai tinggi. Seterusnya, adalah faktor cuaca di mana masyarakat Orang Asli tidak pergi ke hutan pada musim hujan kerana dikhuatiri sesuatu yang buruk akan berlaku.

Selain itu, faktor pembangunan setempat di mana sebahagian besar hutan di sekeliling perkampungan di tebang untuk tujuan pembangunan terutama untuk pertanian komersial. Perkara ini disokong oleh hasil kajian yang dibuat oleh Muhammad Syamsul Aznan Ariffin et al. (2016), yang menyatakan pembersihan hutan untuk tujuan pembangunan pertanian ini telah mengecilkan keluasan kawasan rayau mereka untuk memperoleh hasil hutan. Ekoran daripada hasil hutan yang berkurangan ini, mereka perlu untuk pergi ke kawasan hutan yang lebih jauh seperti ke negeri Kelantan dan Pahang. Tambahan pula, harga sumber hutan yang diperoleh ini sering kali dimanipulasi oleh orang tengah atau dikenali sebagai tauke (Dunn, 1977). Pada kebiasaannya tauke akan meletakkan harga yang sangat rendah berbanding harga pasaran untuk sumber hutan yang dibeli daripada masyarakat Orang Asli di sana (Tan Siew Bee, 1996). Ekoran daripada itu, sebahagian besar daripada mereka tergolong dalam kelompok miskin dan miskin tegar (Bartholomew et al., 2016). Antara sumber hutan yang biasa diambil oleh masyarakat Orang Asli ini adalah seperti kayu gaharu, candan, rotan sebagai sumber

pendapatan, haiwan liar dan ikan sebagai sumber protein serta tumbuhan herba untuk tujuan kesihatan (Ramle Abdullah, 2014; Bartholomew et al., 2016).

Indikator pemilikan aset tetap terutamanya pemilikan tanah, dilihat antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu. Perkara ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh JHEOA, (2003); Hasan Mat Nor, (1998); Sunaidin San Ka Chang (1997) dan Sato (2019), yang menyatakan kemunduran masyarakat Orang Asli turut berkait rapat dengan masalah pemilikan tanah. Dalam laporan JAKOA (2011), pihak kerajaan telah memberikan insentif pembangunan komuniti luar bandar terutamanya masyarakat Orang Asli dengan mewartakan sebahagian besar tanah di sekitar penempatan mereka sebagai Tanah Rizab Orang Asli (TROA). Berdasarkan analisis dokumen, status TROA adalah berdasarkan kepada peruntukan dalam Akta 134, Akta Orang Asli 1954 dalam fasal 6 dan 7. Berdasarkan laporan JAKOA 2011, sebanyak 20,670.83 hektar tanah telah diwartakan sebagai TROA dan sebanyak 26, 288.47 hektar lagi masih dalam proses pewartaan. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan berkenaan masyarakat Orang Asli hanya berhak menggunakan tanah tanpa diberi hak memiliki secara bebas. Oleh itu, tanah-tanah yang dimiliki oleh Orang Asli di bawah akta ini tidak dikeluarkan hak milik dan mereka tidak berhak untuk menjalankan sebarang urusan niaga (Nik Mohd Zain, 1989).

Selain itu, terdapat beberapa faktor yang menjadikan indikator ini antara faktor penyumbang tertinggi kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Pembahagian TROA kepada individu di setiap kampung di Terengganu adalah tidak sama (Nik Mohd Zain, 1989). Perkara ini dapat dilihat melalui pemilikan TROA bagi masyarakat Orang Asli di Kampung Berua yang hanya memperoleh satu ekar tanah sahaja untuk tanaman kelapa sawit berbanding 25 ekar tanah untuk tanaman kelapa sawit dan tujuh ekar untuk tanaman getah bagi setiap individu di Kampung Sungai Pergam. Manakala, masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Sayap pula, mendapat sebanyak 10 ekar tanah untuk

tanaman kelapa sawit. Pembahagian tanah yang tidak sama rata ini menjadikan dividen diterima oleh masyarakat Orang Asli di setiap kampung tersebut berbeza. Dalam pembahagian peruntukan TROA ini, jelas sekali Kampung Sungai Berua mempunyai keluasan pemilikan TROA yang paling kecil dan ekoran itu mereka memperoleh jumlah dividen yang sedikit (Ramle Abdullah, 2014).

Selain itu, tidak semua masyarakat Orang Asli di kampung-kampung berkenaan memperoleh TROA yang diperuntukkan. Sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada generasi baru yang masih menunggu proses mendapatkan TROA daripada pihak kerajaan negeri. Oleh yang demikian, pihak kerajaan negeri perlu untuk membuka tanah-tanah baru untuk diberikan kepada golongan ini. Namun, pembukaan tanah baru akan menimbulkan konflik penggunaan sumber dan budaya. Pembukaan tanah baru akan menyebabkan pembersihan hutan dilakukan dan menjadikan kawasan rayau masyarakat Orang Asli semakin kecil (Sham Sani, 1986). Ekoran daripada itu, pembukaan tanah baru akan mengurangkan sumber ekonomi masyarakat Orang Asli terutama bagi mereka yang menggunakannya sebagai sumber pendapatan utama. Perkara ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Suet (2010), dalam kalangan masyarakat Orang Asli Mah Meri yang sangat kecewa dengan kemusnahan tanah adat dan sumber semula jadi akibat pembangunan tanah untuk tujuan pertanian komersial.

Di samping itu, terdapat juga tanah-tanah sekitar penempatan masyarakat Orang Asli yang dibina dan dibangunkan adalah berstatus tanah saka dan tanah adat. Tanah-tanah ini merupakan tanah pusaka yang diturunkan daripada generasi ke generasi yang lain (Ramle Abdullah, 2014). Namun, status tanah ini tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan kerana tidak mempunyai sebarang dokumen pemilikan yang sah. Menurut Hasan Mat Nor (1998) dan Sunaidin San Ka Chang (1997), Kanun Tanah Negara yang dibentuk dalam Akta 134 (Akta Orang Asli), tidak mengiktiraf hak milik tradisi masyarakat Orang Asli ke atas tapak tanah yang didiami atau diusahakan. Hal ini bermakna kerajaan negeri

berkuasa penuh ke atas TROA. Oleh itu, kerajaan negeri berhak untuk mengambil semula tanah tersebut untuk tujuan pembangunan dan masyarakat Orang Asli tidak mempunyai sebarang hak untuk menuntut pampasan. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli dibenarkan menetap atau dikurniakan hak untuk menduduki (*tenant-at-will*) (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007).

Indikator ternakan komersial adalah penyumbang terbesar kemiskinan masyarakat Orang Asli dalam dimensi kekayaan yang diukur dalam kemiskinan multidimensi kajian ini. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak menternak binatang secara komersial mahupun terlibat dengan pertanian ladang sebagai salah satu sumber pendapatan alternatif. Walaupun pelbagai insentif telah diberikan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli Terengganu sejak sekian lama termasuk dalam bidang penternakan namun, tindakan tersebut tidak menampakkan hasil yang baik. Perkara ini telah disokong hasil kajian Ramle Abdullah (2014), yang menyatakan masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak menunjukkan minat terhadap kegiatan ekonomi alternatif diperkenalkan kepada mereka sama ada dalam bidang pertanian mahupun ternakan.

Pelaksanaan projek ternakan bukan sahaja bertujuan untuk menambah pendapatan masyarakat Orang Asli secara berpanjangan tetapi juga memberikan pengalaman dan kemahiran baru kepada mereka untuk berubah daripada aktiviti sara diri kepada projek berskala besar dan komersial. Antara ternakan yang telah diusahakan adalah seperti biri-biri, itik telur dan lembu di Kampung Sungai Pergam (JHEOA, 1996).

Menurut JHEOA (1996) lagi, ternakan ikan sangkar juga turut diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu khususnya bagi Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu. Hal ini kerana kedudukan kampung ini yang berhampiran dengan Tasik Kenyir. Pada awalnya, projek ini telah diusahakan sekitar tahun 1994 di Pulau Lit berhampiran dengan Pengkalan Gawi sebelum dipindahkan ke Sungai Chomo.

Perpindahan ini adalah disebabkan oleh kedudukan Sungai Chomo yang lebih berhampiran dengan Kampung Sungai Berua. Pelaksanaan projek telah dikendalikan sepenuhnya oleh JAKOA dengan kerjasama Pejabat Kemajuan Negeri Terengganu, Pejabat Daerah Hulu Terengganu, Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan Pejabat Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Sehingga tahun 1998, sebanyak RM224,015 telah digunakan untuk keseluruhan perbelanjaan projek.

Pada peringkat awal, sebanyak 40 petak sangkar dengan 25,000 ekor anak ikan tilapia ditenak. Namun, pada 1995 sebanyak 40 petak lagi ditambah dengan kapasiti 32,000 ekor anak ikan tilapia ditenak. Pelaksanaan projek ini juga telah melibatkan persetujuan dan bantuan daripada semua keluarga di kampung tersebut. Mereka telah membantu dalam operasi membersihkan kawasan dan membina sangkar yang diperlukan. Selain itu, pada peringkat permulaan, seramai 10 orang penduduk kampung Sungai Berua diambil bekerja dalam menguruskan projek tersebut. Mereka telah diberikan wang upahan sebanyak RM100 seorang setiap minggu sehingga projek ternakan ikan ini dapat mengeluarkan hasil. Selain itu, barangan keperluan lain seperti beras, gula dan minyak masak turut diberikan sepanjang tempoh berkenaan untuk menampung keperluan harian mereka (JHEOA, 1996).

Namun begitu, projek-projek pembangunan sosioekonomi terutamanya aktiviti ternakan komersial yang diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak mencapai objektifnya (Ramle Abdullah, 2014). Terdapat dua aspek yang dilihat menjadi pendorong kepada kegagalan projek-projek pembangunan sosioekonomi ini iaitu sikap masyarakat Orang Asli itu sendiri dan pihak pengurusan projek. Perkara ini dilihat dengan lebih mendalam melalui:

a. Sikap masyarakat Orang Asli

i. Tidak berminat

Terdapat masyarakat Orang Asli yang tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang ekonomi komersial yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan kepada mereka. Mereka beranggapan projek-projek pembangunan tersebut bukanlah bidang kepakaran mereka dan aktiviti tersebut tidak membuahkan hasil dalam membantu menambah pendapatan harian mereka. Menurut Sham Sani (1986) dan Lim Hin Fui (1997), yang menyatakan masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak begitu tertarik dengan aktiviti yang memerlukan komitmen yang konsisten untuk mendapatkan hasil. Mereka lebih berminat untuk mencari hasil hutan dan menjualnya kepada orang tengah, orang kampung atau secara terus kepada tauke-tauke yang berminat dengan harga yang telah dijanjikan. Perkara ini turut dijelaskan oleh Dunn (1977) dan Mooris (1996), yang menyatakan tauke adalah individu yang berperanan penting dalam aktiviti jual beli pemberian kredit dan membekal barang keperluan bagi masyarakat Orang Asli di Terengganu.

ii. Tidak berpandangan jauh

Projek ekonomi komersial yang diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli seperti projek tanaman, ternakan dan perikanan merupakan projek ekonomi jangka panjang. Projek-projek ini memerlukan masa yang lama untuk membuahkan hasil yang dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi dan sosial mereka secara berterusan. Oleh itu, masyarakat Orang Asli tidak berminat untuk menceburkan diri dalam projek-projek ini. Mereka lebih suka ke hutan untuk menjalankan aktiviti ekonomi tradisional dan dapat memberi pulangan dalam tempoh yang singkat bagi menampung keperluan harian keluarga (Siti Nor Awang & Juli Edo, 2003).

iii. Terlalu mengharapkan bantuan

Kegagalan projek pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli juga adalah disebabkan oleh sikap masyarakat Orang Asli yang terlalu bergantung harap kepada pihak kerajaan dan rakan sinergi untuk menyumbangkan dan membantu dalam pelbagai aspek (JHEOA, 2003 & Hasan Mat Nor, 1998). Salah satu daripada tindakan ini dapat dilihat menerusi projek pembangunan ekonomi usahawan Orang Asli. Pihak JAKOA telah memberikan bantuan berbentuk premis perniagaan runcit, modal kewangan dan keperluan perniagaan yang diperlukan. Namun, hasil jualan diperoleh tidak digunakan untuk membuat modal pusingan. Sebaliknya, masih mengharapkan bantuan modal lain secara berterusan (Ramle Abdullah, 2014).

iv. Tiada kesungguhan

Masyarakat Orang Asli dilihat tidak bersungguh dalam melaksanakan projek-projek pembangunan ekonomi yang diperkenalkan kepada mereka. Walaupun segala peluang dan keperluan projek telah diberikan secara percuma namun, tiada usaha secara serius dilihat dalam usaha untuk menjayakan projek-projek berkenaan (JHEOA, 2003; Hasan Mat Nor, 1998). Perkara ini dapat dilihat menerusi projek pembangunan tanah melalui pertanian dan penternakan di mana masyarakat Orang Asli tidak mengerjakan projek ini secara konsisten. Mereka hanya akan ke kawasan projek apabila ada arahan daripada pihak JAKOA atau hanya pada hari pemantauan projek.

v. Sukar menerima perubahan

Masyarakat Orang Asli lebih selesa dengan kehidupan secara tradisional yang telah diamalkan sejak dahulu lagi (Evans, 1920). Oleh itu, amalan tradisional ini merupakan antara faktor penghalang kepada perubahan yang dibawa oleh pihak kerajaan kepada mereka (Ramle Abdullah, 1993; Amran Kasimin, 1995). Perkara ini dapat dilihat dalam



usaha pembangunan tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi yang terhalang disebabkan oleh tanah adat dan pantang larang nenek moyang (Kuchikura, 1986). Masyarakat Orang Asli percaya pembangunan yang dibawa akan mencetuskan kemarahan kuasa ghaib atau kuasa alam dan akan menerima balasan atas perbuatan tersebut (Fatan Hamamah Yahaya et al. 2009).

b. Pihak pengurusan projek

i. Jenis projek dilaksanakan

Sebahagian besar projek yang diperkenalkan dan dilaksanakan adalah tidak menepati kehendak masyarakat Orang Asli di sana. Penentuan jenis program yang dilaksanakan hanya berdasarkan pendapat, pandangan dan kehendak agensi-agensi yang terlibat tanpa menghiraukan pandangan masyarakat Orang Asli. Menurut Ahmad Rfaai Ayudin dan Ruhizan Mohd Yasin (2009), keadaan ini telah mengurangkan minat masyarakat Orang Asli untuk melibatkan diri. Tambahan pula, masyarakat Orang Asli berpendapat program-program yang dilaksanakan tidak mempunyai potensi untuk terus dimajukan di kawasan penempatan mereka.

ii. Kaedah pelaksanaan projek

Masalah yang sering diutarakan dalam isu ini adalah dalam aspek pemantauan projek. Masyarakat Orang Asli adalah golongan yang jauh terpinggir daripada arus pemodenan dan memerlukan tunjuk ajar khusus secara berpanjangan daripada pihak yang bertanggungjawab. Namun, projek-projek yang dijalankan tidak menempatkan pegawai khusus untuk tujuan rujukan tersebut. Ketiadaan sumber rujukan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli yang mengusahakan projek-projek pembangunan ini hilang arah dan merasakan projek-projek tersebut tidak akan berjaya (Ahmad Rfaai Ayudin &

Ruhizan Mohd Yasin, 2009). Oleh yang demikian mereka kembali melakukan aktiviti ekonomi tradisional.

iii. Iltizam pihak yang memperkenalkan projek

Iltizam beberapa buah agensi kerajaan dalam melaksanakan projek pembangunan kepada masyarakat Orang Asli tidak berada pada tahap yang memuaskan. Isu ini diutarakan dalam kes pemberian jentera pembajak kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu. Masyarakat Orang Asli di sana tidak diajar secara berterusan untuk menggunakan jentera tersebut. Oleh yang demikian, mereka tidak begitu mahir dalam penggunaannya (Ahmad Rafeai Ayudin & Ruhizan Mohd Yasin, 2009).

iv. Kelemahan pengurusan pentadbiran

Pegawai dilantik yang ditugaskan menjaga kebajikan dan kemajuan masyarakat Orang Asli tidak menjalankan peranan yang sepatutnya. Peranan pegawai yang ditempatkan di kawasan RPS adalah begitu luas kerana mereka bukan sahaja perlu untuk menjaga kebajikan setiap individu di kampung tersebut tetapi juga perlu berfikiran kreatif untuk menerapkan nilai-nilai murni seiring dengan arus perdana. Perkara ini adalah penting untuk memastikan masyarakat Orang Asli di bawah seliaan memandang serius khususnya tentang pembangunan sosioekonomi mereka.

Selain itu, pegawai-pegawai ini perlu untuk menyimpan rekod setiap individu yang tinggal di kampung tersebut dan memastikan rekod tersebut dikemas kini sekerap mungkin agar data-data yang diperolehi dapat diguna pakai sebagai data rasmi demografi penduduk tanpa sebarang keraguan. Antara rekod-rekod asas yang perlu ada adalah seperti kelahiran, kematian, asal penduduk, suku kaum, agama, jenis pekerjaan, pendapatan, jenis bantuan yang diperolehi, bilangan ahli keluarga, bilangan lelaki, bilangan wanita, bilangan golongan dewasa/tua, bilangan golongan muda, bilangan

golongan bayi/ kanak-kanak, biodata ahli keluarga, rekod kesihatan dan sebagainya. Data-data ini adalah penting untuk direkodkan bagi memastikan tiada sebarang kemusykilan, penipuan dan ketidaksampaian bantuan kepada yang memerlukan.

Dalam masa yang sama, rekod kesihatan yang jitu dan persis adalah sangat penting sebagai salah satu penanda aras tahap kesihatan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, rekod kesihatan klinik desa perlu sama dengan rekod kesihatan yang ada di pejabat kesihatan daerah agar dokumen tersebut senang dirujuk, dianalisis dan langkah pencegahan.

Di samping itu, penerapan nilai keagamaan dan kerohanian perlu lebih dititikberatkan dalam membentuk masyarakat Orang Asli ke arah yang lebih baik. Di negeri Terengganu, pengislaman Orang Asli secara beramai-ramai telah dilakukan sekitar tahun 1994 lagi. Namun, sebahagian besar daripada mereka masih mengamalkan cara hidup lama iaitu mempercayai kepercayaan nenek moyang atau animisme. Mereka masih lagi tidak mengamalkan ciri-ciri Islam sebenar seperti tidak bersolat, tidak berpuasa, berjudi, minum arak, makan binatang buruan yang diharamkan Islam dan sebagainya. Oleh yang demikian, sudah menjadi peranan pegawai agama Islam yang ditempatkan di sana untuk menjadi lebih kreatif dalam menarik minat dan perhatian saudara baru ini untuk mendekati ajaran Islam yang sebenar. Pengislaman beramai-ramai masyarakat Orang Asli di Terengganu tiada bermakna sekiranya mereka masih lagi mengamalkan cara hidup lama.

#### v. Masyarakat sekitar

Masyarakat Orang Asli turut berpandangan terdapat unsur iri hati daripada penduduk kampung sekitar dengan projek-projek pembangunan sosioekonomi baru yang diberikan kepada mereka. Masyarakat Orang Asli beranggapan penduduk sekitar dengan sengaja melepaskan ternakan mereka ke kawasan tanaman untuk dirosakkan. Masyarakat Orang

Asli begitu kesal dengan sikap penduduk sekitar yang seolah-olah tidak menyokong pembaharuan yang diperkenalkan kepada mereka (Ramle Abdullah, 2008).

vi. Pendekatan pembangunan yang diambil

Projek-projek pembangunan sosioekonomi moden yang diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu juga tidak mengambil kira elemen sosiobudaya, adat dan kepercayaan mereka. Walaupun projek pembangunan yang dijalankan bersifat material dengan menekankan aspek pembasmian kemiskinan dalam masyarakat Orang Asli namun, bagi masyarakat Orang Asli itu sendiri pembangunan yang dikecap tidak bermakna tanpa mengambil kira kerosakan budaya dan amalan nenek moyang mereka. Perkara ini perlu dipandang serius terutama dalam aspek pembangunan makro yang telah dijalankan seperti pembinaan empangan elektrik hidro Kenyir yang telah menenggelamkan lebih daripada 38,000 hektar kawasan hutan. Kehilangan sejumlah besar tanah ini bermakna masyarakat Orang Asli telah kehilangan sumber ekonomi utama mereka (Sham Sani, 1986; Lim Hin Fui, 1997). Begitu juga dengan pembukaan tanah berskala besar di Kampung Sungai Pergam untuk tujuan pembinaan lebuhraya dan ladang sawit. Pembukaan tanah ini bukan sahaja memudaratkan sumber ekonomi mereka bahkan juga turut merosakkan ekosistem biodiversiti di kawasan tersebut (Sham Sani, 1986).

Selain itu, hasil kajian kuantitatif juga mendapati dimensi pendidikan merupakan penyumbang kedua terbesar dalam kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu iaitu dengan jumlah purata agregat sebanyak 61.62%. Sebahagian besar peratusan dalam dimensi pendidikan ini telah disumbangkan oleh indikator tamat persekolahan iaitu sebanyak 83.4%. Hasil kajian ini membuktikan sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak menamatkan persekolahan mereka di peringkat rendah (darjah 1 hingga darjah 6). Menurut Doris et al. (2012), masyarakat

Orang Asli masih jauh ketinggalan dan mempunyai kadar keciciran pendidikan yang tinggi dalam semua peringkat pendidikan bermula dari sekolah rendah, sekolah menengah mahupun institusi pengajian tinggi. Namun, laporan MPL Malaysia (2017), menunjukkan tatap pendidikan di Malaysia adalah jauh lebih baik (97.2% mendaftar di sekolah rendah dan 90% di sekolah menengah).

Hasil-hasil dapatan ini turut disokong oleh dapatan kajian kualitatif menerusi temu bual mendalam yang dilakukan bersama beberapa orang informan. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilakukan di perkampungan masyarakat Orang Asli di Terengganu, terdapat dua aspek penting yang menjadi faktor keciciran pendidikan anak-anak Orang Asli iaitu daripada aspek keluarga dan anak-anak Orang Asli itu sendiri. Antara faktor-faktor tersebut adalah:

- a. Aspek keluarga
  - i. Latar belakang pendidikan ibu bapa

Aspek ibu bapa yang pertama adalah dilihat menerusi latar belakang pendidikan ibu bapa yang rendah. Faktor ini turut dijelaskan dalam kajian Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razak Ahmad (2009), yang menyatakan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah turut mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak Orang Asli. Status pendidikan ibu bapa dan golongan tua yang rendah adalah disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan pendidikan formal pada ketika itu. Perkara ini adalah disebabkan oleh tempat tinggal mereka yang jauh di pedalaman dan keadaan geografi yang tidak mengizinkan mereka untuk hadir ke sekolah setiap hari (Abdul Razaq Ahmad et al., 2009; Zainal Abidin Ali, 2008). Kesukaran untuk ke sekolah mendorong mereka untuk ke hutan bagi membantu ibu bapa mencari hasil hutan (Reddy, 2010). Hasil perolehan sumber hutan yang banyak dapat membantu meringankan beban keluarga.

Ekoran daripada itu, pada ketika ini masih wujud golongan ibu bapa dan golongan tua yang tidak mempunyai pendidikan formal dan buta huruf. Sebahagian daripada

golongan ini menolak pendidikan formal yang diperkenalkan dan masih menitikberatkan skil, kemahiran hidup dan pengetahuan berkaitan hutan kepada generasi muda. Perkara ini secara tidak langsung telah memudahkan minat anak-anak Orang Asli untuk belajar dan menerima pendidikan formal yang diberikan kepada mereka di sekolah. Kesannya, kadar keciciran murid Orang Asli kian meningkat. Menurut Hasan Mat Nor (1998); Vitaro et al. (2001) dan Alicia (2009), masih terdapat ibu bapa Orang Asli yang tidak boleh menerima pendidikan formal kerana bimbang akan mengubah mobiliti sosial mereka.

Tahap pendidikan ibu bapa yang rendah ini juga adalah disebabkan oleh amalan berkahwin pada usia muda. Hal ini menyebabkan mereka mengabaikan pendidikan anak-anak kerana belum bersedia dengan tanggungjawab keibubapaan yang harus dipikul pada usia yang muda (Kamarudin & Ngah, 2007; Mohammad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009).

ii. Status sosioekonomi keluarga

Status sosioekonomi keluarga yang rendah turut mempengaruhi pencapaian anak-anak mereka. Masyarakat Orang Asli di sini bergantung sepenuhnya kepada hasil hutan seperti penjualan kayu gaharu, candan, herba, akar kayu dan pelbagai jenis rotan bagi menampung kehidupan keluarga. Kebanyakan ibu bapa hanya menumpukan perhatian terhadap usaha mencari sumber pendapatan setiap hari dan mengabaikan pendidikan anak-anak mereka (JHEOA, 2008). Sebahagian besar daripada mereka lebih suka membawa anak-anak ke hutan agar mereka dapat mempelajari kemahiran kelangsungan hidup di hutan. Bagi mereka, hasil hutan lebih menjamin masa depan anak-anak mereka (Ramle Abdullah & Faridah Mat, 2012).

### iii. Persepsi ibu bapa

Sebahagian besar ibu bapa masyarakat Orang Asli tidak meletakkan harapan yang tinggi untuk anak-anak mereka berjaya di sekolah. Mereka merasakan cukup sekadar anak-anak menguasai pengetahuan asas membaca, menulis dan mengira (3M). Mereka juga merasakan tiada peluang untuk anak-anak mereka untuk berjaya dalam pelajaran di sekolah (Ting Len Siong et al., 2012). Menurut Juli Edo (2012), ibu bapa Orang Asli tidak begitu mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak. Mereka tidak memaksa sekiranya anak-anak tidak mahu ke sekolah dan tidak menghukum sekiranya mereka ponteng sekolah. Sikap dan persepsi ibu bapa ini telah mendorong kemerosotan kehadiran dan peningkatan keciciran anak-anak mereka.

Tambahan pula, terdapat juga ibu bapa yang membawa anak-anak mereka tinggal di pondok yang dibina di dalam kawasan hutan dan bermigrasi ke kawasan lain dalam tempoh lama (seminggu hingga lebih sebulan). Hal ini menyebabkan anak-anak mereka tidak hadir ke sekolah untuk jangka masa yang lama (Ramle Abdullah & Faridah Mat, 2012). Ekoran daripada itu, prestasi pembelajaran mereka merosot dan ada di antara anak-anak ini berhenti bersekolah setelah kembali ke kampung mereka. Hal ini menyebabkan pihak sekolah mengambil tindakan drastik dengan mengerahkan guru untuk datang ke rumah murid bermasalah ini dan memujuk mereka untuk hadir semula ke sekolah.

Persepsi ibu bapa terhadap peranan sekolah juga perlu diubah kerana ada sebilangan mereka merasakan sekolah adalah medium mudah untuk mendapatkan bantuan pihak kerajaan. Dalam usaha pihak KKLW, JAKOA dan KPM meningkatkan prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli, pelbagai inisiatif telah diberikan termasuklah wang saku berjumlah RM3 sehari bagi setiap murid yang hadir ke sekolah untuk perbelanjaan harian mereka. Secara kasarnya, tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan murid-murid untuk hadir ke sekolah dan tidak membebankan ibu bapa mereka dengan masalah perbelanjaan harian persekolahan anak-anak. Namun, ada

di kalangan mereka yang menyalahafsirkan program bantuan wang saku tersebut dengan menganggapnya sebagai bantuan ekonomi keluarga. Perkara ini turut disokong oleh kajian Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razak Ahmad (2009), yang menyatakan ibu bapa Orang Asli tidak berminat dengan pendidikan dan melihat sekolah sebagai tempat untuk anak-anak mereka bermain dan makan percuma.

Tambahan pula, KPM turut menyediakan Rancangan Makanan Tambahan secara percuma kepada semua murid untuk makan pagi (sarapan) dan makan tengah hari. Rasional skim bantuan ini adalah untuk menarik minat murid-murid untuk ke sekolah, memberikan makanan seimbang kepada murid-murid sebelum proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan untuk membantu meringankan beban ibu bapa untuk menyediakan makanan kepada anak-anak mereka. Oleh itu, dengan adanya program RMT ini murid-murid tidak perlu lagi membelanjakan wang saku untuk tujuan membeli makanan dan minuman di sekolah. Namun begitu, tidak dinafikan ada sebilangan ibu bapa yang amat mengharapkan bantuan wang saku ini untuk membeli barangan keperluan persekolahan anak-anak dan ada juga yang menggunakannya untuk membantu ekonomi keluarga.

Terdapat sebilangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah semata-mata untuk mendapatkan makanan dan minuman percuma di bawah skim RMT yang disediakan. Kemudiannya mereka akan pulang ke rumah masing-masing tanpa masuk ke kelas untuk proses P&P yang seterusnya. Gejala ini sedikit sebanyak telah mendorong anak-anak Orang Asli untuk terus ponteng sekolah dan mengalami keciciran dalam pendidikan. Ekoran daripada itu, guru-guru perlu sentiasa mengawasi pergerakan murid-murid ini agar mereka tidak pulang ke rumah selepas waktu rehat. Guru-guru juga mengambil langkah bijak dengan menutup pintu pagar sekolah dan pintu bilik darjah semasa proses P&P berlangsung. Selain itu, guru-guru juga mengambil langkah drastik dengan pergi ke rumah murid-murid yang ponteng sekolah ini pada setiap pagi untuk



membawanya kembali ke sekolah sekiranya mereka tidak mengalami masalah kesihatan dan masalah yang tidak dapat dielakkan. Langkah-langkah ini dirasakan perlu dilakukan dan menjadi rutin harian guru-guru yang mengajar di sekolah Orang Asli kerana ia mampu membendung gejala ponteng dan keciciran anak-anak Orang Asli ini.

iv. Keadaan persekitaran

Kediaman yang kurang selesa dan sesuai untuk suasana pembelajaran juga menjadi salah satu faktor gangguan terhadap pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli di sini. Perkampungan Orang Asli di Terengganu merupakan sebuah kampung penempatan semula yang telah dibangunkan dengan pelbagai infrastruktur yang baik termasuklah rumah kediaman melalui Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Rumah PPRT adalah rumah batu yang dilengkapi dengan dua hingga tiga buah bilik tidur dan tandas di dalamnya. Namun, keselesaan dan suasana pembelajaran di rumah tidak begitu memberangsangkan kerana tidak mempunyai kelengkapan sempurna untuk pembelajaran anak-anak seperti kerusi dan meja, buku rujukan serta peralatan lain yang diperlukan. Selain itu, keadaan rumah yang kotor dan berselerak turut menjadikan kediaman mereka tidak kondusif untuk pembelajaran anak-anak (Mohammad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009).

b. Anak-anak Orang Asli

i. Hiperaktif

Hasil pemerhatian dan temu bual dengan pihak sekolah, mendapati sifat dan personaliti merupakan faktor utama yang menjadikan murid-murid Orang Asli ini keciciran dalam pendidikan bilik darjah selain faktor ibu bapa. Menurut Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razak Ahmad (2009), hiperaktif sudah sifat dan tabiat semula jadi anak-anak Orang Asli yang tidak boleh berdiam diri dalam suatu tempoh yang lama. Berdasarkan

pemerhatian di dalam bilik darjah, murid-murid didapati tidak boleh berada dalam keadaan diam dan berada di tempat masing-masing walaupun semasa guru sedang mengajar. Keadaan menjadi lebih tidak terkawal apabila ketiadaan guru atau waktu pertukaran mata pelajaran. Mereka akan keluar dari bilik darjah dan melakukan pelbagai aktiviti bersama rakan-rakan yang lain. Terdapat juga murid-murid yang memanjat pagar sekolah untuk keluar bermain. Aktiviti yang sering mereka lakukan adalah seperti menangkap binatang dan unggas di hutan berhampiran, berkeliaran di kawasan perumahan mereka, pulang ke rumah dan sebagainya. Sifat hiperaktif ini menyebabkan tumpuan di dalam bilik darjah terganggu dan mereka terus keciciran dalam akademik.

ii. Kurang tumpuan dalam bilik darjah dan mudah berasa bosan

Menurut guru-guru di SK. Kg. Sungai Berua dan SMK Jenagor, murid-murid Orang Asli mudah berasa bosan dengan aktiviti yang dilakukan dalam bilik darjah. Kebanyakan daripada mereka hanya dapat memberi tumpuan dalam waktu P&P selama 15 ke 20 minit sahaja. Selebihnya, mereka akan mula melakukan aktiviti-aktiviti lain seperti mengusik kawan-kawan dan bermain. Pemerhatian yang sama diperoleh dalam kajian Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razak Ahmad (2009) bersama pelajar Orang Asli di Ulu Chemperoh, Janda Baik di mana mereka hanya boleh memberi selama 15 minit sahaja, kemudian mereka mula membuat aktiviti lain seperti mengusik rakan-rakan dan berlari.

iii. Tidak berminat

Guru-guru juga turut berpendapat murid-murid Orang Asli tidak menunjukkan minat dalam waktu P&P bilik darjah. Menurut Ma'rof Redzuan dan Zahid Emby (2008), murid-murid Orang Asli ini tidak menunjukkan minat yang mendalam semasa proses P&P berlangsung. Mereka tidak memberi tumpuan sepenuhnya semasa P&P berlangsung. Tambahan pula, mereka juga tidak akan diberikan kerja rumah berbentuk latih tubi di

rumah. Kerja rumah yang diberikan tidak akan disiapkan dan akan dihilangkan. Keadaan berbeza dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), di mana mereka akan dibenarkan untuk bermain di padang sekolah dan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah. Tumpuan dan komitmen yang diberikan adalah lebih baik berbanding aktiviti di dalam bilik darjah (Mohammad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009).

iv. Sifat merendah diri

Sifat rendah diri yang begitu tebal dalam diri anak-anak Orang Asli turut menyumbang kepada keciciran pelajaran mereka. Menurut guru-guru sekolah berkenaan, mereka terpaksa mengajar berulang kali bagi setiap topik mata pelajaran. Hal ini kerana, tiada respons yang diberikan oleh mereka dalam waktu P&P dan dengan merujuk keputusan ujian bulanan menunjukkan mereka tidak menguasai sepenuhnya topik-topik yang diajar. Perkara ini turut disokong oleh Ramle Abdullah dan Faridah Mat (2012), yang menyatakan sifat terlalu pemalu untuk mengambil bahagian dalam aktiviti bilik darjah dan tidak mahu menonjolkan diri adalah antara sifat murid-murid Orang Asli di Sekolah. Menurut Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razak Ahmad (2009), murid-murid Orang Asli ini mempunyai konsep sendiri yang rendah di mana mereka terlalu malu untuk berhadapan dengan murid luar dan guru.

v. Sensitif

Murid-murid Orang Asli juga adalah begitu sensitif, mudah terasa dan begitu rendah diri. Hal ini kerana mereka merasakan status sosial mereka lebih rendah daripada kaum lain. Sifat ini menjadi alasan kepada mereka untuk ponteng sekolah. Mereka merasakan penampilan diri prestasi akademik yang rendah tidak setanding dengan rakan-rakan yang lain di sekolah. Tambahan pula, dengan status gelaran Orang Asli yang dipegang

membuatkan mereka lebih merendah diri (Mohammad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009).

Selain itu, hasil kajian kuantitatif juga mendapati dimensi taraf hidup merupakan penyumbang ketiga terbesar dalam kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu iaitu dengan jumlah purata agregat sebanyak 23.2%. Sebahagian besar peratusan dalam dimensi taraf hidup ini telah disumbangkan oleh indikator pengurusan sampah iaitu sebanyak 96.7%.

Hasil kajian kuantitatif ini telah disokong dengan hasil dapatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian di kawasan lapangan. Hasil pemerhatian di kawasan lapangan mendapati sistem pelupusan sampah di ketiga-tiga perkampungan Orang Asli di Terengganu adalah teruk. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli di sini masih membudayakan kehidupan lama mereka semasa tinggal di dalam hutan dahulu ke dalam perkampungan baru yang disediakan (Ma'rof Redzuan & Zahid Emby, 2008). Berdasarkan pemerhatian, penyelidik mendapati masyarakat Orang Asli di sini melupuskan sampah dengan cara membakarnya, membuang ke kawasan hutan dan sungai berhampiran serta menanamnya. Perkara ini adalah selari dengan kajian Mustaffa Omar (2008), yang menyatakan terdapat banyak cabaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran dan kejiranan baru bagi masyarakat Orang Asli yang berpindah ke dalam RPS yang disediakan termasuklah terutama bagi golongan tua.

Hasil temu bual dengan pihak JAKOA mendapati, kampung-kampung tersebut telah disediakan tong sampah dan perkhidmatan pungutan sampah berkala oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Namun, perkhidmatan ini tidak berpanjangan kerana tong sampah plastik yang disediakan di kawasan kampung tersebut sering mengalami kerosakan akibat vandalisme. Ekoran daripada itu, pihak JAKOA mengakui telah sedia maklum dengan isu ini dan beberapa kali permohonan baru dibuat agar menempatkan

tong sampah pusat dan khidmat pungutan sampah berkala dilaksanakan semula. Namun, permohonan ini masih dalam pertimbangan pihak bertanggungjawab.

Walaupun, laporan MPL Malaysia (2017), mencatatkan pencapaian sebanyak 95% akses kepada bekalan air bersih dan sistem sanitasi serta sebanyak 58% akses jalan raya namun, masyarakat Orang Asli khususnya di Terengganu masih mengalami kekurangan dalam indikator pengurusan sampah. Kegagalan dalam menangani masalah ini akan membawa kepada ketidaksampaian beberapa indikator MPL yang lain terutamanya dalam indikator ketiga iaitu kesihatan yang baik.

Hasil kajian kuantitatif juga mendapati dimensi kesihatan merupakan penyumbang terkecil dalam kemiskinan multidimensi masyarakat Orang Asli di Terengganu iaitu dengan jumlah purata agregat sebanyak 0.41% sahaja. Hal ini adalah ekoran daripada inisiatif dan insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan dan rakan-rakan sinergi yang lain dalam memperkasakan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli di Terengganu dengan pelbagai program seperti menyediakan klinik desa di dalam kawasan RPS, pemantauan berkala, khidmat nasihat, bantuan makanan kesihatan, bantuan susu percuma, perkhidmatan penghantaran ke klinik berhampiran dan hospital besar sekiranya mengalami kecemasan dan pembinaan hospital Orang Asli di Gombak. Insentif-insentif yang disediakan khas kepada masyarakat Orang Asli ini telah membawa perubahan yang ketara kepada kesihatan mereka berbanding sebelum mereka dipindahkan ke dalam RPS.

Penularan wabak penyakit berjangkit adalah antara penyebab penyusutan tahap kesihatan masyarakat Orang Asli. Namun, analisis dokumen berdasarkan rekod kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu (2015), berlaku penurunan kes penyakit berjangkit bagi masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua dari tahun 2011 hingga 2015. Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat 35 kes viral hepatitis dan 36 kes leptospirosis direkodkan pada tahun 2011 dan tiada kes direkodkan pada tahun berikutnya. Selain itu, terdapat sembilan kes syphilis direkodkan pada tahun 2011 dan

berkurangan kepada satu kes pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, pemantauan berkala dan tindakan lanjut oleh pihak berwajib, berlaku penurunan kes penyakit berjangkit di kampung tersebut dari tahun 2011 hingga 2015.

Analisis dokumen berdasarkan rekod kesihatan Klinik Kesihatan Desa Kampung Sungai Berua (2015), menunjukkan berlaku peningkatan dalam jumlah kelahiran berbanding jumlah kematian masyarakat Orang Asli di sana pada tahun 2011 hingga 2015. Pada tahun 2011 terdapat 25 kelahiran dengan hanya dua kematian direkodkan. Pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing terdapat 19 kelahiran dengan empat kematian direkodkan. Seterusnya, pada tahun 2014 terdapat 10 kelahiran dengan dua kes kematian dan pada tahun 2015 terdapat 12 kelahiran dengan empat kes kematian direkodkan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini membuktikan indikator pendapatan bukan suatu indikator tunggal yang mempengaruhi tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Hal ini kerana masih terdapat indikator-indikator lain yang turut menyumbang kepada tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu seperti indikator ternakan komersial, pengurusan sampah dan tamat persekolahan. Oleh itu, indikator-indikator ini juga perlu diberi penekanan oleh pihak-pihak berwajib dalam membangunkan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu.

Pencapaian objektif ketiga adalah untuk menentukan IKM bagi perkampungan Orang Asli di Terengganu. Objektif bertujuan untuk membandingkan tahap kemiskinan IKM bagi setiap perkampungan Orang Asli yang dikaji. Berdasarkan hasil analisis, Kampung Sungai Pergam mempunyai nilai IKM yang lebih tinggi walaupun garis pemisah ( $k$ ) dinaikkan. Pada  $k=5$ , sebanyak 38.3% isi rumah miskin multidimensi berbanding Kampung Sungai Berua iaitu sebanyak 28.1% dan 21.3% di Kampung Sungai Sayap. Apabila  $k$  dinaikkan kepada  $k=9$ , Kampung Sungai Pergam masih lagi mempunyai nilai kemiskinan IKM yang tinggi iaitu 3.9%. Manakala, tiada nilai IKM direkodkan di kampung-kampung lain pada garis pemisah yang sama.

## 6.2 Sokongan Sosioekonomi terhadap Masyarakat Orang Asli di Terengganu

Secara ringkasnya, terdapat pelbagai bentuk insentif yang telah diberikan kepada masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan status sosioekonomi, membawa mereka keluar daripada kemelut kemiskinan dan sekali gus mengecilkan jurang kemiskinan masyarakat luar bandar. Pihak JAKOA dengan pelbagai agensi sinergi lain telah bersama berusaha memberikan pelbagai bentuk sokongan kepada masyarakat Orang Asli dalam memperkasakan golongan ini. Antara inisiatif sokongan sosioekonomi yang telah diberikan adalah:

- a. Sosial
  - i. Mewujudkan JAKOA sebagai badan khas di bawah KKLW bagi menjaga kebajikan dan membawa kemajuan terhadap masyarakat Orang Asli.
  - ii. Penempatan semula di bawah program Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) masyarakat Orang Asli yang tinggal di dalam hutan dan pedalaman secara berselerak dengan dilengkapi pelbagai kemudahan dan infrastruktur setaraf dengan perkampungan masyarakat luar bandar yang lain.
  - iii. Kemudahan dan infrastruktur dalam RPS yang disediakan adalah seperti rumah batu dua bilik dan tiga bilik tidur dengan dilengkapi tandas di dalam rumah, bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih, sistem sanitasi, jalan raya berturap, surau, balai raya, pejabat pentadbiran, rumah pegawai pentadbiran JAKOA, klinik desa, sekolah rendah, TADIKA, padang permainan, kedai runcit, sudut infodesa dan televisyen dengan dilengkapi saluran swasta.
  - iv. Mewujudkan sistem pentadbiran peringkat kampung dengan lebih tersusun. Badan ini berperanan dalam menjaga kebajikan masyarakat setempat.

- b. Ekonomi
  - i. Melaksanakan projek pembangunan ekonomi alternatif agar masyarakat Orang Asli tidak terlalu bergantung kepada aktiviti ekonomi tradisional.
  - ii. Projek pembangunan ekonomi yang diperkenalkan adalah seperti projek dusun, projek tanaman kontan, projek tanaman sayuran, projek penternakan biri-biri dan lembu dan projek perikanan ikan air tawar.
  - iii. Memberikan segala keperluan yang diperlukan untuk pembangunan sosioekonomi seperti premis perniagaan dan gerak kerja, modal kewangan, khidmat nasihat pakar, kursus-kursus kemahiran berkaitan dan pemantauan berkala.
  - iv. Memperoleh dividen daripada hasil ladang kelapa sawit yang diusahakan oleh pihak FELCRA menggunakan tanah rizab Orang Asli (TROA).
  - v. Masyarakat Orang Asli turut diberi tanah dan bantuan lain untuk mengerjakan ladang getah dengan dibantu oleh pihak RISDA.
  - vi. Golongan muda yang berminat dipelawa untuk mendapatkan kursus kemahiran seperti mekanik motosikal dan dandanan rambut selama enam bulan. Setelah tamat, mereka akan terus ditawarkan untuk bekerja di premis perniagaan bersesuaian.
- c. Pendidikan
  - i. Pendidikan formal masyarakat Orang Asli merupakan isu yang serius dan sering kali menjadi pertikaian masyarakat luar. Pelbagai insentif telah diberikan dan pelbagai inisiatif telah dilakukan namun, status pendidikan masyarakat Orang Asli masih lemah jika dibandingkan dengan masyarakat yang lain.
  - ii. Membina sekolah rendah di dalam kawasan penempatan dengan dilengkapi pelbagai kemudahan dan infrastruktur mengikut standard sekolah kebangsaan.
  - iii. Membina TADIKA di dalam kawasan penempatan semula agar anak-anak Orang Asli ini membiasakan diri ke sekolah dan mendapat pendidikan asas di awal usia.



- iv. Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP) disediakan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama JAKOA.
- v. Program pemerksaan pendidikan yang dibuat oleh pihak sekolah untuk memastikan pelajar Orang Asli turut menguasai pendidikan formal 3M seiring dengan sekolah luar bandar yang lain. Antara program-program yang dilaksanakan seperti kelas tambahan dan kem motivasi bagi menghadapi peperiksaan UPSR.
- vi. Bagi menerapkan nilai-nilai kerohanian, pihak sekolah turut menyelitkan kelas amali solat kepada pelajar agar mereka menguasai dan menjiwai nilai-nilai Islam.
- vii. Program motivasi ibu bapa disediakan dari semasa ke semasa bagi memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada masa depan anak-anak.
- viii. Pihak sekolah juga turut mengerahkan para guru ke rumah anak-anak Orang Asli dan memujuk mereka yang ponteng untuk ke sekolah pada setiap hari.
- ix. Menyediakan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi semua murid Orang Asli pada waktu pagi (sarapan) dan tengah hari (makan tengah hari) secara percuma. Selain itu, dalam program RMT ini juga mereka disediakan Program Susu 1Malaysia (PS1M) (dahulunya dikenali Program Susu Sekolah, PSS) bagi menggalakkan murid untuk minum susu di samping menambah zat makanan.
- x. JAKOA menyediakan khidmat bas sekolah kepada anak-anak Orang Asli yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.
- xi. Pihak KKLW menyediakan peruntukan wang saku kepada anak-anak Orang Asli.
- xii. Pihak JAKOA juga turut menyediakan segala kelengkapan persekolahan anak-anak Orang Asli ini seperti pakaian seragam, pakaian sukan, alat tulis, buku latihan.
- xiii. Pihak KPM turut memberi keistimewaan kepada anak-anak Orang Asli ini untuk memperoleh buku teks secara percuma.

- d. Kesihatan
- i. Klinik desa dibina di dalam RPS. Klinik ini dilengkapi dengan segala kemudahan asas yang diperlukan dan pegawai perubatan bertauliah. Oleh itu, penubuhannya akan memudahkan Orang Asli untuk mendapatkan rawatan kesihatan pesakit luar.
  - ii. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga turut menyediakan khidmat bidan desa bertauliah bagi membuat rawatan susulan kepada ibu-ibu yang baru melahirkan bayi.
  - iii. Pemantauan berkala dilakukan sebagai langkah pencegahan penyakit berjangkit. Sekiranya terdapat laporan, pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan menjalankan operasi pembersihan penyakit secara besar-besaran dan berkala.
  - iv. Khidmat nasihat kesihatan juga disediakan oleh pegawai kesihatan bertugas.
  - v. Program rancang keluarga dilaksanakan bagi mengecilkan bilangan ahli isi rumah Orang Asli berikutan pengabaian ahli isi rumah dan kesempitan hidup. Program ini juga digalakkan kerana dapat membendung masalah mengandung dalam usia muda dan risiko mendapat penyakit akibat mengandung terlalu kerap.
  - vi. Pemberian susu formula kepada ibu dan bayi bagi mengatasi masalah kekurangan zat.

### **6.3 Implikasi Kajian**

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah berjaya memenuhi objektif-objektif ditetapkan. Hasil kajian ini dapat menunjukkan dimensi dan indikator kekurangan dalam masyarakat Orang Asli di Terengganu serta membandingkan IKM bagi ketiga-tiga buah kampung yang dikaji. Oleh itu, dimensi dan indikator kekurangan dialami oleh isi rumah Orang Asli perlu diambil berat dan diberi tumpuan oleh pihak bertanggungjawab. Hasil kajian mendapati dimensi kekayaan dan pendidikan mempunyai kekurangan tertinggi dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu. Ekoran daripada itu, dapatan kajian ini berpotensi menyumbang kepada teori, metodologi dan dasar kajian yang menyentuh aspek pengukuran kemiskinan masyarakat Orang Asli khususnya.

#### **6.3.1 Implikasi Teori**

Dapatan kajian ini telah memberi sokongan empirikal kepada teori keupayaan, teori penyisihan sosial dan teori penyertaan kemiskinan di mana menegaskan keperluan untuk mengukur tahap kemiskinan sesebuah masyarakat dalam skop yang lebih luas. Teori-teori asas ini turut mengetengahkan indikator bukan monetari sebagai pelengkap kepada pengukuran kemiskinan yang lebih komprehensif.

#### **6.3.2 Implikasi Metodologi**

Hasil kajian ini juga menyumbang kepada penambahbaikan metodologi kajian. Kajian ini telah menggunakan empat dimensi dengan 17 indikator pengukuran berbanding pengukuran di peringkat global iaitu menggunakan tiga dimensi dengan 10 indikator. Skop pengukuran kemiskinan bagi masyarakat Orang Asli memerlukan lebih banyak dimensi dan pecahan indikator pengukuran berbanding pengukuran UNDP kerana golongan minoriti ini kebiasaannya berada di bawah paras kemiskinan dan mengalami pelbagai kekurangan termasuk dalam aspek pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan

kekayaan. Pengukuran kemiskinan berasaskan latar belakang dan isu masyarakat dikaji adalah penting dalam mengukur tahap kemiskinan sebenar yang dihadapi. Oleh itu, garis pemisah yang digunakan sebagai kayu ukur kemiskinan masyarakat Orang Asli perlu lebih spesifik dan lebih khusus kepada indikator kekurangan yang dialami.

### **6.3.3 Implikasi Polisi**

Dapatan kajian ini juga turut menyumbang kepada implikasi polisi berdasarkan kemiskinan dimensi dan indikator yang diperoleh. Hasil kajian mendapati ternakan komersial, pengurusan sampah dan tamat persekolahan adalah indikator-indikator kemiskinan paling tinggi dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu. Oleh itu, polisi dan pelan strategik pembangunan masyarakat Orang Asli di Terengganu perlu menyentuh indikator-indikator ini sebagai asas pembinaannya selain indikator-indikator lain yang diperkasakan. Kegagalan mengenal pasti secara khusus dimensi dan indikator kemiskinan ini membawa kepada perancangan dan pelaksanaan polisi-polisi yang tidak tepat serta tidak mampu mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, penambahbaikan polisi adalah diperlukan bagi memenuhi jurang yang wujud dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli khususnya di Terengganu.

Indikator ternakan komersial merupakan salah satu daripada sumber penjanaaan ekonomi alternatif kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu. Sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Malaysia masih lagi bergantung kepada sumber hutan sebagai sumber ekonomi utama terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan kawasan pedalaman. Bagi memastikan sumber ekonomi mereka terjamin, pihak kerajaan telah merangka dan melaksanakan projek berasaskan pertanian dan penternakan secara komersial. Selain itu, projek-projek ini disasarkan dapat membantu masyarakat Orang Asli untuk tidak terus bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber utama ekonomi mereka. Menerusi Teras Kedua dalam Laporan Pelan Strategik Kemajuan

Orang Asli 2011-2015 berdasarkan RMK-10 telah melaksanakan 56 projek tanaman kontan, 121 projek perikanan dan 53 projek ternakan haiwan menerusi Projek Bimbingan Usahawan dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Projek-projek ini melibatkan seramai 1,323 orang peserta Orang Asli di pelbagai negeri (Jadual 6.0).

Projek-projek ini juga telah disokong oleh pihak yang lebih berkepakaran seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Koko Malaysia, MARDI dan agensi teknikal yang lain. Dalam melaksanakan projek-projek ini, agensi terlibat turut terutamanya JAKOA telah menyediakan pelbagai bentuk subsidi pertanian seperti baja, racun, peralatan, mesin dan jentera serta benih-benih ternakan untuk tujuan komersial. RMK-10 membelanjakan sebanyak RM6 juta untuk projek pembangunan asas tani masyarakat Orang Asli (rujuk lampiran D2: halaman 358).

Jadual 6.0: Projek pertanian dan ternakan dalam RMK-10

Negeri	Agrikultur		Akuakultur		Haiwan		Jumlah	
	Bilangan Projek	Peserta	Bilangan Projek	Peserta	Bilangan Projek	Peserta	Bilangan Projek	Peserta
Pahang	10	184	3	12	7	43	20	239
Perak	19	380	4	23	24	114	47	517
Kelantan	26	405	6	33	1	1	33	439
Negeri Sembilan	1	1	1	1	8	8	10	10
Johor	0	0	92	92	0	0	92	92
Selangor	0	0	15	13	13	13	28	26
Jumlah	56	970	121	174	53	179	230	1,323

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Selain itu, Teras Kedua dalam laporan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 turut menggariskan pelbagai usaha lain dalam menggerakkan kegiatan ekonomi dan industri berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan secara bersepadu dalam membangunkan masyarakat Orang Asli di negara ini. Antara strategi yang digariskan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan ekonomi masyarakat Orang Asli:

- a. Memperluaskan projek perladangan komersial Orang Asli.
- b. Memperluaskan projek tanaman kontan.

- c. Memperluas projek ternakan dan perikanan dengan agensi lain.
- d. Menggalakkan inisiatif ekonomi bernilai tinggi.
- e. Memperluaskan pasaran sumber daya Orang Asli.
- f. Meningkatkan keupayaan petani Orang Asli dalam bidang pertanian.
- g. Melahirkan usahawan Orang Asli yang berdaya maju.
- h. Memperluaskan bantuan perniagaan kepada usahawan Orang Asli.
- i. Memperkasa koperasi Orang Asli.
- j. Mewujudkan program ekopelancongan di perkampungan Orang Asli.
- k. Mewujudkan pusat pertumbuhan ekonomi desa.

Selain itu juga, laporan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020 berdasarkan RMK-11 merupakan kesinambungan daripada RMK-10 yang turut menggariskan strategi-strategi penting dalam membangunkan taraf sosioekonomi dan budaya masyarakat Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan laporan ini, menerusi fokus keempat (ekonomi mampan) telah menggariskan teras strategik iaitu meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli menerusi aktiviti ekonomi mampan. Keberkesanan teras strategik ini dinilai melalui beberapa program seperti:

- a. Projek perladangan
- b. Projek *hands holding*
- c. Bantuan input pertanian
- d. Kursus pengembangan pertanian
- e. Memperkasakan usahawan Orang Asli sedia ada
- f. Meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam bidang keusahawanan
- g. Memperkasa koperasi Orang Asli
- h. Meluaskan peluang pemasaran produk usahawan Orang Asli

Namun begitu, program-program yang digariskan menerusi RMK-10 dan RMK-11 tidak begitu menampakkan kejayaan terutama bagi projek berasaskan pertanian dan penternakan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Berdasarkan maklumat informan daripada temu bual dan pemerhatian yang dijalankan di ketiga-tiga buah kampung yang terlibat, terdapat usaha pihak kerajaan negeri bersama pihak JAKOA kawasan memberikan insentif seperti ternakan ikan sangkar di Sungai Chomo, Hulu Terengganu dengan usaha sama Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan ternakan kambing di ketiga-tiga buah kampung tersebut. Insentif ini pada awalnya menampakkan perubahan sosial secara positif bagi masyarakat Orang Asli terutamanya bagi golongan muda. Mereka tidak lagi kerap ke hutan untuk mencari hasil hutan dan memberi tumpuan terhadap projek-projek asas tani yang baru diperkenalkan kepada mereka ini. Namun begitu, projek-projek ini gagal menampakkan hasil sebagai sumber alternatif ekonomi masyarakat Orang Asli setelah beberapa tahun diusahakan.

Temu bual bersama beberapa orang informan Orang Asli dan pegawai JAKOA mendapati kurangnya pemantauan oleh pihak-pihak bertanggungjawab menjadi punca kegagalan projek-projek ini. Pemantauan, tunjuk ajar dan motivasi yang berterusan adalah sangat diperlukan dalam memperkenalkan sumber ekonomi alternatif yang baru kepada masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli tidak mempunyai kepakaran langsung dalam bidang ini dan tidak mampu untuk berdikari tanpa bantuan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mendorong mereka melaksanakan projek-projek tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan dengan terdapat ratusan petak kosong ternakan ikan sangkar di Sungai Chomo, Hulu Terengganu yang terbiar dan tidak diusahakan lagi. Perkara ini bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada pihak kerajaan malah, memberi gambaran ketidakcekapan pengurusan badan-badan bertanggungjawab.

Indikator pengurusan sampah juga merupakan salah satu aspek kekurangan utama yang dikenal pasti melalui kajian ini. Pemerhatian yang dilakukan di ketiga-tiga kampung penempatan Orang Asli ini membuktikan aspek pengurusan sampah adalah tidak begitu memuaskan. Sampah dan sisa buangan kediaman dibuang di merata tempat.

Masyarakat Orang Asli melupuskan sampah sarap mereka dengan membuangnya di sekitar kawasan rumah termasuklah ke dalam sungai berhampiran dan membakarnya. Hal ini mewujudkan suasana tidak sihat di sekitar kejiranan akibat pencemaran sisa buangan dan seterusnya mengundang kepada masalah kesihatan penduduk. Perkara ini akan terus berlanjutan kerana generasi muda di sana tidak didedahkan dengan cara pengurusan sampah yang betul oleh ibu bapa dan golongan yang lebih tua. Golongan lebih tua yang sudah terbiasa dengan kehidupan di hutan sebelum ini yang tidak mengambil peduli perihal pengurusan sampah yang betul. Oleh itu, perkara ini menjadi salah satu faktor penyumbang kemerosotan tahap kesihatan mereka berbanding sekarang.

Terdapat pelbagai polisi dan peraturan yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan aspek sosial masyarakat Orang Asli di Malaysia agar mereka tidak terus berada dalam kelompok masyarakat yang terpinggir selaras dengan pembangunan negara. Dengan merujuk kepada Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 (2011), terdapat pelbagai aspek sosial yang disentuh dalam membangunkan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Merujuk kepada Teras Ketiga (rujuk lampiran D3: halaman 367) iaitu perluasan akses prasarana. Secara ringkas ia merangkumi aspek-aspek pembangunan seperti berikut:

- a. Melaksanakan program bantuan rumah (PBR).
- b. Kemudahan jalan perhubungan.
- c. Menyediakan bekalan elektrik luar bandar (BELB).
- d. Menyediakan bekalan air luar bandar (BALB).
- e. Menyediakan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli.



Selain itu, dengan merujuk fokus kedua dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2016-2020 (kemudahan prasarana) telah menggariskan teras strategik iaitu menyediakan kemudahan prasarana di perkampungan Orang Asli. Secara ringkasnya, teras strategik ini merangkumi pelbagai aspek pembangunan prasarana penempatan Orang Asli seperti:

- a. Pembangunan bersepadu perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia.
- b. Pembangunan bersepadu perkampungan Orang Asli Sungai Siput, Perak.
- c. Penempatan semula perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highland.
- d. Projek bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli.

Namun begitu, aspek pembangunan infrastruktur masyarakat Orang Asli ini tidak menitikberatkan aspek pengurusan sampah yang sistematik dalam perkampungan mereka. Bagi masyarakat Orang Asli yang sudah biasa dengan persekitaran kehidupan di dalam hutan dan jauh daripada arus perdana, mereka memerlukan tunjuk ajar dari pelbagai aspek tatacara hidup yang sempurna dan bertamadun secara spesifik. Hal ini bermakna, pihak yang bertanggungjawab tidak boleh mengandaikan indikator pengurusan sampah adalah suatu aspek sosial yang remeh dan tidak perlu diketengahkan dalam membangunkan status sosial masyarakat Orang Asli. Aspek pengurusan sampah perlu seiring dengan komponen-komponen pembangunan sosial yang lain agar masyarakat Orang Asli tidak terus mengamalkan budaya tidak sihat dalam kehidupan harian mereka.

Hasil kajian juga mendapati, indikator tamat persekolahan bagi anak-anak Orang Asli turut menyumbang kepada faktor kekurangan. Isu tahap pendidikan Orang Asli yang rendah sememangnya sudah lama dibahaskan di pelbagai peringkat di dalam negara. Hal ini kerana, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dalam meningkatkan dalam

memberi anjakan paradigma terhadap status pendidikan golongan minoriti ini. Namun, perubahan positif yang dapat dilihat adalah begitu kecil, tidak memberangsangkan dan tidak setimpal dengan usaha-usaha yang telah dijalankan selama ini. Pihak kerajaan begitu yakin dengan tahap pendidikan yang tinggi akan dapat mengubah status sosial masyarakat Orang Asli dan turut mengubah stigma negatif masyarakat luar terhadap mereka. Namun begitu, pelaksanaannya tidak begitu mendapat sambutan daripada masyarakat Orang Asli.

Kadar keciciran pelajar Orang Asli di sekolah rendah yang tidak menamatkan persekolahan mereka sehingga darjah enam telah menunjukkan perubahan positif yang sangat kecil. Mulai Januari 2003 Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib di bawah Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka bersekolah mulai darjah satu (Jadual 6.1). Selain itu, dasar ini juga turut meletakkan pendidikan rendah (tamat darjah 6) adalah pendidikan wajib bagi kanak-kanak warganegara Malaysia. Dasar ini telah menyebabkan fenomena kemasukan pelajar sekolah rendah tidak mengikut had umur Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kesannya, mulai tahun pendaftaran 2003 terdapat lebih pelajar jika dibandingkan jumlah yang berjaya menamatkan darjah enam. Seterusnya, menyebabkan kadar keciciran di peringkat rendah adalah tinggi kerana murid-murid yang mendaftar adalah terdiri daripada golongan muda dan tua yang cenderung untuk tidak hadir ke sekolah. Mereka perlu untuk ke hutan untuk mencari hasil bagi menampung keperluan kehidupan keluarga.

Jadual 6.1: Perangkaan keciciran pelajar Orang Asli di sekolah rendah

Bilangan Mendaftar Darjah 1		Tamat Darjah 6		Bilangan Cicir (Murid)	Peratusan Keciciran(%)
Tahun Daftar	Bilangan Daftar	Tahun Tamat	Bilangan Tamat		
1995	3,205	2000	3,144	61	1.90
1996	3,036	2001	2,849	187	6.16
1997	3,475	2002	3,333	142	4.09
1998	3,730	2003	3,368	362	9.71
1999	3,740	2004	3,726	14	0.37
2000	3,836	2005	3,814	22	0.57
2001	3,829	2006	3,775	54	1.41
2002	4,287	2007	4,266	21	0.49
2003	4,226	2008	4,423	-197	-4.66
2004	4,225	2009	4,411	-186	-4.40
2005	4,160	2010	4,271	-111	-2.67

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Peratusan keciciran pelajar Orang Asli di sekolah menengah pula berada di tahap yang tinggi terutamanya daripada peralihan sekolah rendah ke sekolah menengah (Tingkatan 1) (Jadual 6.2). Terdapat pelbagai faktor pendorong keciciran pendidikan anak-anak Orang Asli. Menurut temu bual dan pemerhatian yang dilakukan di ketiga-tiga buah kampung Orang Asli, terdapat banyak faktor pendorong anak-anak Orang Asli di sini tidak menamatkan pendidikan peringkat rendah mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah.

Faktor ibu bapa yang tidak memberi galakan yang sewajarnya kepada anak-anak. Ibu bapa yang tiada latar belakang pendidikan formal yang baik juga merupakan salah satu faktor keciciran anak-anak Orang Asli ini. Ibu bapa tidak mampu untuk mengajar anak-anak mereka di rumah. Oleh itu, ibu bapa menyerahkan tugas mendidik anak-anak sepenuhnya kepada pihak sekolah. Selain itu, ibu bapa juga lebih suka anak-anak mereka ke hutan bersama untuk mencari hasil hutan bagi menyara kehidupan harian. Lebih ramai ahli keluarga yang dibawa ke hutan, lebih banyak hasil akan diperolehi. Selain itu, ibu bapa akan masuk ke hutan dalam tempoh masa yang lama. Oleh itu, mereka perlu untuk membawa keluarga bersama kerana tiada jagaan anak-anak di rumah. Dalam masa yang sama, ibu bapa telah memupuk minat anak-anak terhadap bekerja di hutan adalah lebih

baik dan sesuai untuk mereka. Ia mendorong ibu bapa untuk mengajar anak-anak tentang kehidupan di hutan dan keperluan sumbernya untuk menyara keluarga.

Persekitaran rumah yang tidak kondusif untuk pembelajaran juga adalah salah satu faktor penting dalam mendorong anak-anak Orang Asli untuk belajar di rumah. Tiada kelengkapan untuk belajar seperti meja, kerusi dan persekitaran yang kotor adalah antara faktor persekitaran yang tidak kondusif anak-anak untuk belajar di rumah. Selain itu, faktor anak-anak Orang Asli itu sendiri yang tidak minat untuk belajar, tidak fokus, tidak berdisiplin dan cepat mengalah tanpa mahu berusaha adalah salah satu faktor keciciran pelajaran mereka.

Pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak sekolah dalam menerapkan budaya ilmu kepada ibu bapa dan menarik minat anak-anak Orang Asli ke sekolah. Antaranya, dengan mengadakan Program Hari Bersama Ibu Bapa bagi membuka minda ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak ke sekolah. Pendekatan alternatif seperti pembelajaran dalam permainan (*fun learning*) bagi menarik minat anak-anak Orang Asli untuk belajar turut dilaksanakan. Pendekatan ini adalah perlu kerana mereka tidak memberi perhatian semasa P&P dalam tempoh masa yang lama.

Jadual 6.2: Keciciran pelajar Orang Asli yang tidak mendaftar di tingkatan 1

Bilangan Mendaftar Darjah 6		Bilangan Daftar Tingkatan 1		Bilangan Cicir (Murid)	Peratusan Keciciran(%)
Tahun Daftar	Bilangan Daftar	Tahun Tamat	Bilangan Tamat		
1999	2,656	2000	2,075	581	21.88
2000	3,144	2001	1,659	1,485	47.23
2001	2,849	2002	1,882	976	33.94
2002	3,333	2003	1,869	1,464	43.92
2003	3,368	2004	2,261	1,107	32.87
2004	3,726	2005	2,358	1,368	36.71
2005	3,814	2006	2,586	1,228	32.20
2006	4,099	2007	2,685	1,414	34.50
2007	4,266	2008	2,726	1,540	36.10
2008	4,423	2009	3,018	1,405	31.77
2009	4,431	2010	3,145	1,286	29.02

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2011)

Pelbagai polisi dan inisiatif daripada pihak kerajaan telah dilaksanakan dan dirancang dalam RMK-10 dalam memenuhi pembangunan modal insan masyarakat Orang Asli (rujuk lampiran D1: halaman 352) bersandarkan kepada Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015:

- a. Meningkatkan kesedaran terhadap pendidikan awal kanak-kanak.
- b. Memantapkan kefahaman pelajar di pedalaman dalam bahasa kebangsaan.
- c. Mengurangkan kadar keciciran pelajar Orang Asli.
- d. Meningkatkan dan mengekalkan kecemerlangan di institusi pengajian tinggi.
- e. Melahirkan tenaga kerja Orang Asli terlatih.
- f. Memperkasakan jati diri pemimpin dan masyarakat Orang Asli.

Selain itu, dalam laporan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020 menerusi fokus ketiga (modal insan dan kemahiran belia) telah meletakkan teras strategik iaitu membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli dan meningkatkan kemahiran belia Orang Asli. Teras strategik ini telah merangkumi beberapa program iaitu:

- a. Program pendidikan awal kanak-kanak.
- b. Program kecemerlangan pendidikan (PKP).
- c. Program jejak siswa (PJS).
- d. Program pembangunan minda insan (PPMI).
- e. Program latihan kemahiran dan kerjaya (PLKK).
- f. Program memperkasakan institusi sosial (PMIS).

Sungguhpun pelan strategik ini telah menjadi garis panduan dalam membangunkan status sosial masyarakat Orang Asli melalui bidang pendidikan namun, aspek pendidikan masih menjadi salah satu indikator kekurangan tertinggi bagi mereka. Hal ini disebabkan kesedaran yang lemah dalam kalangan masyarakat Orang Asli itu sendiri terhadap kepentingan pendidikan formal kepada masa depan anak-anak mereka. Tahap pendidikan yang baik juga dapat menambah baik status sosial masyarakat Orang Asli di Terengganu.

Secara asasnya, polisi-polisi pembangunan masyarakat Orang Asli yang digunakan dalam meneliti kekurangan masyarakat Orang Asli di Terengganu menerusi kajian ini adalah berteraskan kepada Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 dan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2016-2020 di mana turut menyentuh pelbagai aspek kesejahteraan hidup yang lain. Polisi-polisi ini adalah selaras dengan teori-teori kemiskinan yang dikemukakan oleh Sen sebelum ini di mana mengetengahkan pengukuran kekurangan atau kemiskinan berdasarkan skop yang lebih luas dan komprehensif. Perkara ini jelas dilihat menerusi teori kemiskinan dan kebuluran serta teori kemiskinan dan ketidaksamarataan yang mendapati tahap kemiskinan individu atau masyarakat perlu diukur melalui pelbagai dimensi dan indikator kesejahteraan hidup. Pergantungan kepada satu dimensi pengukuran sahaja akan membawa kepada ketidaksamarataan kekurangan terutama bagi mereka yang berada di bawah garis kemiskinan. Selain itu, dalam teori keupayaan pula Sen turut menjelaskan terdapat pelbagai faktor yang dapat menentukan kesejahteraan hidup masyarakat namun, ia perlu bergantung kepada tahap keupayaan, kapasiti, peluang dan fungsi yang dimiliki oleh mereka dalam mengubah serta membangunkan sumber yang sedia ada kepada sesuatu lebih bernilai dan bermanfaat.

Walaupun pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli namun, polisi-polisi ini dilihat masih tidak berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli di Terengganu secara holistik. Oleh yang demikian, penambahbaikan dan pengukuhan komuniti melalui pembangunan kapasiti berdasarkan kekurangan yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu dalam kajian ini perlu dilakukan bagi memastikan kesejahteraan hidup mereka seiring dengan pembangunan masyarakat arus perdana yang lain.

University of Malaya

#### 6.4 Rumusan

Bab ini telah membincangkan dengan jelas tentang faktor-faktor pendorong kemiskinan bagi dimensi dan indikator dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Kekayaan merupakan dimensi yang mempunyai peratusan kekurangan tertinggi. Hal ini disebabkan majoriti masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi mengamalkan sistem sosioekonomi sara diri dengan memungut hasil hutan. Walaupun pelbagai langkah proaktif pihak kerajaan untuk mengubah amalan ini kepada aktiviti sosioekonomi komersial seperti penternakan dan pertanian namun, projek-projek yang diperkenalkan tidak berjaya. Antara faktor kegagalan inisiatif kerajaan ini adalah sikap masyarakat Orang Asli itu sendiri yang tidak berminat, tidak berpandangan jauh, terlalu mengharapkan bantuan, tiada kesungguhan dan sukar menerima perubahan. Namun, terdapat faktor lain yang turut menyumbang seperti pihak pengurusan projek itu sendiri yang tidak merancang dengan lebih teliti berkaitan jenis projek yang sesuai diperkenalkan, kaedah pelaksanaan projek, iltizam memperkenalkan projek, kelemahan pengurusan pentadbiran, masyarakat sekitar dan pendekatan pembangunan yang diambil.

Selain itu, masyarakat Orang Asli di Terengganu juga mengalami kekurangan dalam indikator pemilikan aset terutama dalam isu pemilikan tanah. Tanah Rizab Orang Asli (TROA) yang diwartakan kepada mereka bukan hak milik kekal kerana tanah-tanah tersebut boleh diambil semula oleh pihak kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan. Status pemilikan ini turut meliputi tanah saka dan tanah adat yang tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah.

Masyarakat Orang Asli di Terengganu juga mengalami kekurangan yang tinggi dalam dimensi pendidikan terutama dalam indikator tamat persekolahan. Perkara ini adalah disebabkan oleh faktor keluarga iaitu latar belakang pendidikan ibu bapa, status sosioekonomi keluarga, persepsi ibu bapa dan keadaan persekitaran. Selain itu, faktor murid-murid itu sendiri turut memainkan peranan di mana sikap mereka yang hiperaktif,



kurang tumpuan bilik darjah dan mudah berasa bosan, tidak berminat, sifat rendah diri yang tebal dan terlalu sensitif dengan status mereka sebagai Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli di Terengganu tidak begitu mengalami kekurangan dalam dimensi taraf hidup kerana sebahagian besar keperluan telah disediakan oleh pihak kerajaan seperti rancangan penempatan semula (RPS) yang menyediakan perumahan dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalan raya, air bersih, sistem sanitasi, elektrik, sekolah, klinik dan sebagainya. Namun, mereka masih mengalami kekurangan dalam indikator pengurusan sampah. Perkara ini disebabkan oleh tabiat masyarakat Orang Asli itu sendiri membuang sampah di sekitar kawasan perumahan dan ketiadaan tempat pembuangan sampah khusus yang disediakan pihak berwajib.

Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli di Terengganu sangat sedikit mengalami kekurangan dalam dimensi kesihatan. Kemudahan dan inisiatif pihak kerajaan dalam meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat Orang Asli dengan menyediakan akses mudah kepada klinik desa, klinik bergerak, pemeriksaan kesihatan berkala dan sebagainya telah meningkatkan tahap kesihatan mereka.

Bab ini juga turut membincangkan implikasi kajian terhadap aspek teori, metodologi, dan polisi. Implikasi kajian kepada teori memperlihatkan kajian ini telah berjaya memberi sokongan empirikal kepada teori keupayaan, teori penyisihan sosial dan teori penyertaan kemiskinan di mana keperluan untuk mengukur tahap kemiskinan masyarakat menggunakan pelbagai dimensi kemiskinan. Implikasi kajian kepada metodologi pula mengetengahkan penambahbaikan bilangan dimensi dan indikator pengukuran bagi mengukur tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu berbanding UNDP. Bagi implikasi kajian kepada polisi pula memperlihatkan dimensi dan indikator kekurangan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib dalam meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka selari dengan arus perdana.

## BAB 7: KESIMPULAN DAN CADANGAN

### 7.0 Rumusan Kajian

Pengukuran kemiskinan multidimensi adalah lebih tepat dalam mengukur tahap kemiskinan sebenar masyarakat Orang Asli di Terengganu berbanding pengukuran kemiskinan unidimensi. Pengukuran kemiskinan multidimensi adalah pengukuran yang bersifat holistik dan komprehensif kerana ia merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan hidup bagi menjamin kelestarian dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli di Terengganu seiring dengan masyarakat lain dalam arus perdana.

Perkara ini dibuktikan dalam hasil kajian ini di mana terdapat tiga pemboleh ubah bebas yang turut mempengaruhi PGK selain indikator pendapatan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Selain itu, pengukuran multidimensi yang dilakukan memperkukuhkan lagi hasil kajian tersebut di mana terdapat beberapa indikator kemiskinan yang ditetapkan mempunyai nilai peratusan kemiskinan yang tinggi seperti indikator ternakan (97.1%), pengurusan sampah (96.7%) dan tamat persekolahan (83.4%). Manakala, indikator pendapatan hanya menyumbang sebanyak 58.9% sahaja. Hasil kajian ini membuktikan indikator pendapatan bukanlah faktor dominan dan tunggal yang mempengaruhi tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Namun begitu, hasil pengukuran multidimensi terhadap dimensi kemiskinan mendapati kekayaan (68.19%) merupakan dimensi kemiskinan paling tinggi dialami oleh masyarakat Orang Asli di Terengganu berbanding dimensi pendidikan (61.62%), taraf hidup (23.20%) dan kesihatan (0.41%). Hal ini kerana, jumlah peratusan kemiskinan indikator-indikator pengukuran dalam dimensi kekayaan adalah tinggi berbanding dimensi-dimensi lain. Seterusnya, hasil kajian mendapati Kampung Sungai Pergam, Kemaman mempunyai kadar kemiskinan multidimensi yang lebih tinggi berbanding kampung-kampung lain yang dikaji.

Kajian ini bukan sahaja dapat menentukan dimensi dan indikator kemiskinan masyarakat Orang Asli secara khusus bahkan ia telah mengenal pasti lokasi perkampungan Orang Asli yang lebih memerlukan perhatian pihak berwajib. Walaupun pelbagai polisi dan pelan tindakan telah dilaksanakan pihak berwajib dalam menangani masalah kemiskinan masyarakat Orang Asli di Terengganu namun, isu kemiskinan ini masih lagi wujud dalam kalangan mereka. Oleh yang demikian, penambahbaikan polisi dan pelan tindakan yang sedia ada adalah perlu dalam menangani masalah kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu berdasarkan dimensi dan indikator kemiskinan yang diperoleh dalam kajian ini. Masyarakat Orang Asli di Terengganu mengalami kemiskinan dalam dimensi kekayaan yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh indikator ternakan komersial. Oleh itu, pihak berwajib perlu untuk memastikan pelan tindakan yang dilaksanakan dapat menggalakkan masyarakat Orang Asli di Terengganu untuk menceburkan diri dalam bidang ini sebagai sumber pendapatan alternatif. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli di Terengganu masih lagi bergantung kepada sumber hutan sebagai kegiatan ekonomi utama. Walaupun terdapat pelbagai usaha dan polisi yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat terpinggir seperti pemberian skim, dana dan geran perusahaan ternakan seperti kambing, lembu dan ikan sangkar, perusahaan kebun buah-buahan dan sayuran serta premis perniagaan. Namun, sebahagian besar kegiatan ekonomi alternatif yang diperkenalkan ini gagal dalam mencapai objektifnya iaitu meningkatkan taraf sosioekonomi golongan ini.

Selain itu, masyarakat Orang Asli di Terengganu juga mengalami kemiskinan dalam dimensi pendidikan terutama dalam aspek keciciran pelajar walaupun pelbagai langkah dan polisi telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi menangani isu ini. Antara tindakan pihak kerajaan adalah dengan melancarkan pelan pembangunan pendidikan yang komprehensif di dalam Pelan Pembangunan Lima Tahun dan Pelan Pembangunan Jangka Panjang. Dalam Pelan Pembangunan Lima Tahun, pihak kerajaan telah

merancang untuk meningkatkan sumber manusia melalui pembangunan sistem pendidikan dan kemudahan pembelajaran. Selain itu, ia turut bertepatan dengan polisi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menyasarkan semua murid perlu menguasai tiga elemen asas pendidikan iaitu membaca, menulis dan mengira (3M) menjelang 2012. Selain itu, pihak kerajaan juga turut menyasarkan semua kanak-kanak umur persekolahan perlu sekurang-kurangnya menamatkan persekolahan peringkat rendah menjelang tahun 2015. Polisi ini adalah sejajar dengan Agenda 2030 menerusi MPL dalam matlamat keempat iaitu pendidikan berkualiti bagi memastikan masyarakat memperoleh pendidikan yang baik, inklusif, saksama dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Dalam masa yang sama, terdapat pelbagai langkah proaktif pihak kerajaan dalam membantu murid secara terus termasuklah dengan pemberian buku teks percuma, rancangan makanan tambahan, program pemberian susu percuma, pembinaan asrama, bantuan yuran persekolahan, biasiswa, keperluan persekolahan dan uniform sekolah.

Oleh yang demikian, beberapa cadangan penambahbaikan pembangunan masyarakat Orang Asli di Terengganu berdasarkan hasil kajian ini dikemukakan dalam bahagian berikutnya bagi tindakan lanjut pihak berwajib dalam menangani isu kemiskinan di sini.

## 7.1 Cadangan Penambahbaikan Komuniti

Berdasarkan hasil kajian ini, masyarakat Orang Asli di Terengganu mempunyai sumber semula jadi yang berpotensi untuk dibangunkan. Namun, sumber semula jadi tersebut tidak diuruskan secara optimum. Oleh itu, konsep pembinaan kapasiti dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu dapat membantu meningkatkan status sosioekonomi mereka. Menurut Nettle et al. (2010), pembinaan kapasiti adalah kaedah meningkatkan keupayaan diri untuk belajar dan menyesuaikan diri melalui perubahan. Bagi Borrini dan Jaireth (2007), kapasiti adalah keupayaan untuk melakukan sesuatu seperti mewujudkan idea baru, melaksanakan idea-idea baru atau lama dan sesuatu perlaksanaan melalui tindakan. Menurut Matachi (2006), rangka kerja pembinaan kapasiti lebih berbentuk latihan individu dan memberi penekanan seperti:

- i. Pembangunan sumber manusia: Suatu proses yang dilengkapi dengan pemahaman, kemahiran dan akses kepada maklumat, pengetahuan dan latihan yang membolehkan mereka melaksanakannya dengan efektif dan berkesan.
- ii. Pembangunan organisasi: Penjelasan struktur pengurusan, proses dan prosedur yang melibatkan bukan sahaja organisasi dalaman tetapi juga pengurusan hubungan antara organisasi berbeza dengan sektor awam, swasta dan komuniti.
- iii. Pembangunan institusi dan rangka kerja undang-undang: Membuat perubahan undang-undang dan peraturan yang membolehkan organisasi, institusi dan agensi di semua peringkat dan sektor dalam meningkatkan keupayaan mereka.

Menurut Hesketh (2010), pembangunan kapasiti adalah aktiviti pengukuhan pengetahuan, kebolehan, kemahiran dan tingkah laku individu serta memperbaiki struktur institusi serta proses yang membolehkan organisasi mencapai matlamat secara lestari. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian ini beberapa cadangan dikemukakan bagi menambahbaikkan aspek kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli di Terengganu.

### 7.1.1 Ekopelancongan

Ekopelancongan adalah satu aktiviti pelancongan semula jadi yang lestari di mana mempunyai impak minima terhadap alam sekitar dan menyumbang kepada pemeliharaan kepelbagaian bio sama ada secara terus melalui konservasi mahupun secara tidak langsung iaitu memberi pendapatan kepada komuniti setempat. Keunikan kehidupan masyarakat Orang Asli daripada aspek geografi (habitat), tradisi etnografi (warisan), kesan sejarah (akulturasi) dan produk (kraf tangan) merupakan daya tarikan utama aktiviti ekopelancongan.

Penglibatan masyarakat Orang Asli dalam aktiviti ekopelancongan adalah suatu aktiviti sosioekonomi mampu memberikan pulangan pendapatan namun bersifat lestari. Tarikan geografi bagi masyarakat Orang Asli di Sungai Berua, Hulu Terengganu adalah Tasik Kenyir. Hal ini kerana, Tasik Kenyir terkenal sebagai destinasi pelancongan semula jadi yang menjanjikan kepuasan kepada pengunjung. Ia merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara hasil daripada hakisan semula jadi ekoran pembinaan Empangan Sultan Mahmud pada tahun 1985. Sehingga kini, tasik kenyir telah meliputi kawasan seluas 260,000 hektar dengan menghasilkan sebanyak 340 buah pulau. Keistimewaan ini telah menjadi daya tarikan ramai pelancong untuk datang ke Tasik Kenyir bagi menikmati keindahan alam semula jadi. Ekoran daripada itu, masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua yang sememangnya arif mengenai kawasan Tasik Kenyir perlu mengambil peluang dengan melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti berteraskan pelancongan ini. Oleh yang demikian, aktiviti pelancongan ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan alternatif yang mampu diisi oleh masyarakat Orang Asli. Antaranya adalah menjadi pemandu pelancong, pembawa bot, sewaan kenderaan, chalet dan penginapan, restoran makanan dan sebagainya.

Selain itu, faktor budaya masyarakat Orang Asli yang unik juga boleh dijadikan sebagai tarikan kepada pelancong. Tarian Sewang yang amat terkenal dalam kalangan

masyarakat Orang Asli adalah salah satu tarikan budaya yang unik untuk diketengahkan kepada umum. Sewang merupakan tarian tradisi di mana terdiri daripada beberapa orang penari yang bergerak mengikut alunan muzik. Secara tradisinya, tarian ini hanya digunakan oleh masyarakat Orang Asli dalam upacara ritual pemujaan untuk mengubati penyakit, menolak bala dan menghiburkan hati sekiranya mengalami malapetaka. Namun, kini tarian ini menjadi satu daya tarikan kepada golongan pelancong untuk melihat sendiri bagaimana ia dilakukan.

Selain itu, Tarian Sewang turut menuntut pengamalannya untuk mahir dalam memainkan alat-alat muzik tradisional seperti seruling buluh (*siol*), buluh cenlong (*gooh*), ranggol (*genggong*), gendang (*bataq*) dan gitar buluh. Alat-alat muzik tradisional ini turut mempunyai tarikan tersendiri. Kesemua alat muzik ini diperbuat daripada sumber semula jadi di mana hampir kesemuanya berasal daripada buluh yang terdiri daripada pelbagai jenis dan saiz bagi mengeluarkan bunyi berbeza. Daya kreativiti masyarakat Orang Asli dalam membuat alatan muzik dan cara ia dimainkan bagi mengeluarkan irama bunyi dalam menghasilkan lagu diinginkan dapat mengagumkan pelancong yang datang.

Selain itu, kegiatan ekonomi tradisional juga dapat dijadikan tarikan pelancong. Sumpitan atau sumpit adalah antara alatan pemburuan atau senjata mempertahankan diri yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli. Sumpit diperbuat daripada batang kayu kecil yang panjang dan kemudiannya dikorek untuk menghasilkan lubang atau ada juga di kalangan masyarakat Orang Asli menggunakan buluh sebagai alternatif. Anak sumpitan, peluru sumpitan atau damak diperbuat daripada batang pinang hutan atau buluh yang diraut halus menjadi seperti lidi. Manakala pada bahagian belakang lidi tersebut dilekatkan dengan gabus yang diperbuat daripada dahan langkap, gemuring atau rotan ringan. Bagi tujuan memburu, racun atau digelar rengik yang diperbuat daripada getah pokok Ipoh digunakan pada hujung peluru tersebut. Damak yang dihasilkan ini diletakkan di dalam bekas dipanggil terlian yang diperbuat daripada buluh betong tua.

Selain kaedah menyumpit, masyarakat Orang Asli juga turut menggunakan jerat atau perangkap yang dipasang di dalam hutan untuk tujuan memburu haiwan. Jerat dan perangkap yang dipasang ini juga turut menggunakan kayu dan buluh sebagai bahan menghasilkannya. Pada kebiasaannya masyarakat Orang Asli akan memasang jerat atau perangkap ini di lokasi berbeza yang telah dikenal pasti sebagai laluan haiwan. Daya tarikan kemahiran hidup yang unik ini turut membawa pelancong untuk datang ke kawasan penempatan Orang Asli untuk melihat sendiri cara hidup tradisional mereka.

Struktur binaan rumah yang kebiasaannya menggunakan sumber semula jadi seperti buluh, kayu, kulit kayu sebagai dinding rumah dan daun cucur dan rumbia sebagai atap yang dibina di dalam hutan turut dapat dijadikan daya tarikan pelancong. Dengan saiz rumah yang kecil, tanpa bilik tidur dan tanpa tandas sememangnya tidak memberi keselesaan kepada penghuninya. Namun begitu, kehidupan serba kekurangan di dalam hutan ini telah menarik minat pelancong untuk datang dan merasai sendiri pengalaman hidup dalam serba kekurangan dengan cara hidup masyarakat Orang Asli.

Pelancong yang mengimpikan pengalaman asli (*authentic*) dapat tinggal bersama masyarakat Orang Asli menerusi program inap desa (*homestay programme*). Program ini telah diketengahkan oleh pihak KKLW dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia secara komersial dalam kalangan masyarakat luar bandar. Program inap desa adalah satu bentuk program yang membolehkan pelancong untuk tinggal bersama dengan keluarga yang dipilih dan menjalani kehidupan seperti masyarakat kampung yang lain untuk tempoh masa yang dikehendaki dan perlu membayar mengikut pakej yang diambil. Selain itu, masakan atau makanan tradisional Orang Asli turut menarik perhatian pengunjung yang datang. Pada kebiasaannya, masyarakat Orang Asli akan menggunakan buluh dan sumber terpilih di sekitar rumah sebagai bahan masakan. Keunikan rasa makanan ini dan kaedah membuatnya adalah salah satu daripada daya tarikan unik yang dapat diperolehi oleh pelancong apabila datang ke perkampungan Orang Asli.



Selain itu, kraf tangan, hasil seni dan keluaran hasil tani tempatan turut dapat dikomersialkan sebagai produk keluaran masyarakat Orang Asli juga boleh dijadikan daya penarik pelancongan. Masyarakat Orang Asli juga amat terkenal dengan produk kraf tangan yang boleh dikembangkan menjadi industri kecil sederhana (IKS) yang berdaya saing dan berpotensi. Contohnya hasil kraf tangan daripada rotan, buluh dan barangan terpakai, hasil anyaman, tenunan dan ukiran yang turut dapat dipasarkan.

### **7.1.2 Pembayaran untuk Perkhidmatan Persekitaran**

Program pembayaran untuk perkhidmatan persekitaran atau *payment for environmental services* (PES) merupakan salah satu langkah yang dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi tujuan memelihara dan memulihara kepelbagaian bio dan khazanah semula jadi bagi kawasan-kawasan berpotensi seperti taman negara dan hutan simpan dengan kos minima. Dengan mengenakan bayaran bagi setiap perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelancong atau pihak yang memerlukan, akan dapat meningkatkan kualiti pengurusan dan penjagaan kawasan-kawasan tersebut.

Perkampungan, budaya, adat dan tatacara hidup masyarakat Orang Asli juga dapat dijadikan aset dalam melaksanakan PES dan masyarakat Orang Asli adalah pelaksana yang menawarkan perkhidmatan yang diperlukan. Bayaran yang dibuat untuk setiap perkhidmatan yang ditawarkan akan dibahagikan kepada masyarakat Orang Asli dan pembangunan infrastruktur serta aktiviti memelihara dan memulihara alam sekitar. Oleh yang demikian, pihak kerajaan khususnya tidak lagi perlu untuk memperuntukkan sejumlah dana bagi tujuan pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli.

Selain itu, PES adalah salah satu usaha ke arah kelestarian masyarakat Orang Asli sebagai khazanah negara yang tidak ternilai dan harus dilindungi daripada lenyap dalam arus pemodenan semasa. Usaha-usaha yang dilakukan ini bukan sahaja akan dapat mengekalkan jati diri bahkan budaya mereka dapat diperkukuhkan dalam diri terutama

kepada generasi muda. Antara usaha-usaha PES yang boleh dilakukan dalam menjamin kelestarian masyarakat Orang Asli di Terengganu adalah:

i. Pameran kebudayaan Orang Asli

Warisan dan tinggalan nenek moyang Orang Asli merupakan suatu yang menarik untuk dipamerkan kepada umum. Pelbagai peralatan yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Orang Asli dalam aktiviti sosioekonomi, senjata memburu, ritual kepercayaan, perubatan dan sebagainya. Penglibatan pihak muzium dalam mempamerkan sesuatu berkaitan masyarakat Orang Asli adalah wajar agar khazanah ini kekal dan dapat menarik minat penyelidik baru untuk meneruskan usaha merungkaikan isu melibatkan golongan minoriti ini.

ii. Program kebudayaan dan kesenian Orang Asli

Melalui program ini, kerjasama antara Kementerian Penerangan Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia adalah diperlukan bagi menjayakan program berbentuk festival kesenian dan kebudayaan masyarakat Orang Asli. Walaupun masyarakat Orang Asli merupakan kaum minoriti yang dianggap ketinggalan dalam arus pemodenan namun, mereka tetap kaya dengan kesenian tersendiri. Contohnya tarian tradisional yang lebih dikenali sebagai Sewang. Tarian Sewang pada asalnya dilakukan oleh masyarakat Orang Asli untuk tujuan perubatan ritual namun, tujuan tarian tersebut berubah kepada aspek yang lebih luas iaitu sebagai tanda kesyukuran, kegembiraan dan kesedihan. Oleh itu, Tarian Sewang ini perlu ditonjolkan kepada generasi umum agar tidak dilupakan. Selain itu, program ini juga boleh mempamerkan pakaian tradisi, makanan, alat muzik, ukiran, anyaman dan sebagainya.

### iii. Perkampungan tradisional Orang Asli

Setiap suku kaum Orang Asli di Malaysia mempunyai identiti tersendiri termasuk daripada aspek rumah tradisi. Contohnya, perkampungan budaya masyarakat Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor yang telah menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara. Perkampungan ini turut mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Selain itu, masyarakat Orang Asli digalakkan untuk terus mengamalkan budaya tradisional bagi tujuan tontonan umum termasuk dalam aspek pakaian, tarian, muzik, ritual dan kraf tangan. Dengan mengangkat taraf sosiobudaya masyarakat Orang Asli ini ke peringkat yang lebih tinggi menjadikannya pemangkin semangat kepada golongan muda untuk terus mempelajari ilmu pengetahuan berkaitan kaum mereka sendiri. Oleh itu, selain dapat menjadikan amalan tradisi masyarakat Orang Asli ini sebagai medium tontonan umum ia juga mampu mengekalkan sosiobudaya masyarakat Orang Asli.

### iv. Meningkatkan kemahiran hutan

Pendedahan terhadap kerjaya yang mengekalkan aspek sosiobudaya adalah perlu dalam melestarikan kehidupan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Prospek kerjaya ini dilihat begitu luas dalam sektor pelancongan. Antara aktiviti kerjaya dalam sektor pelancongan yang boleh dilakukan oleh golongan muda Orang Asli adalah seperti pemandu pelancong, pemerhati hidupan liar dan tumbuhan tempatan. Oleh itu, pihak berwajib seperti JAKOA dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia perlu memberi latihan intensif agar mereka dapat melakukan dengan baik. Dalam masa yang sama, mereka yang telah dilatih ini perlu diberi peluang oleh pengusaha pelancongan dengan mendapat ganjaran yang setimpal dengan ilmu ekologi dan ilmu tradisional Orang Asli. Selain itu, mereka juga perlu diberikan latihan pengurusan kewangan, pengurusan masa dan komunikasi interpersonal dalam bahasa Inggeris.

Latihan-latihan ini perlu diberikan dari semasa ke semasa agar dapat menambahbaikkan kemahiran apabila berhadapan dengan pelancong dari dalam dan luar negara. Ekoran daripada itu, golongan muda masyarakat Orang Asli secara tidak langsung telah meningkatkan status sosial ke tahap yang lebih baik kerana tidak lagi mundur dalam aspek ekonomi. Dalam masa yang sama, golongan muda ini masih berkepentingan untuk mengekalkan budaya mereka untuk diterapkan dalam kerjaya.

v. Pengekalan sumber protein

Bagi memastikan kelestarian dan sosiobudaya masyarakat Orang Asli di Terengganu, kawasan tanah adat mereka seperti di sekitar Sungai Cacing, Sungai Terengganu, Sungai Cicir dan Sungai Lasir perlu diwartakan sebagai Tanah Rizab Orang Asli agar mereka dapat memburu binatang kecil dengan menggunakan peralatan tradisional atau memungut hasil makanan berasaskan tumbuhan, herba dan buah-buahan hutan di kawasan tersebut tanpa gangguan daripada pihak luar. Selain itu, sistem tagal perlu diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu seperti yang telah dilakukan oleh komuniti luar bandar di Sabah dan Sarawak. Dengan kaedah ini, sesebuah kawasan itu akan menjadi tempat tumpuan ikan.

### 7.1.3 Penerapan Sosiobudaya dalam Pedagogi Pendidikan Orang Asli

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat keciciran pendidikan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Terengganu. Bagi mengatasi masalah ini, sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) sekarang memerlukan anjakan paradigma yang lebih bersifat konstruktif dan praktikal. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penerapan nilai sosiobudaya dan penggunaan konsep sekolah rimba atau *forest school* dalam mengatasi masalah keciciran pendidikan masyarakat Orang Asli ini. Penerapan nilai budaya dalam pedagogi pendidikan masyarakat Orang Asli di Terengganu turut diperlukan dalam menangani masalah ini. Ia bermatlamat untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang bersifat relevan budaya; meningkatkan keberkesanan guru di bilik darjah, merencanakan penglibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah; dan meningkatkan kecekapan pengurusan dan pembinaan kapasiti. Kunci utama penerapan nilai sosiobudaya dalam pedagogi pendidikan ini adalah melalui pendekatan integrasi yang komprehensif dan holistik dengan mengasimilasikan budaya masyarakat Orang Asli ke dalam sistem pendidikan untuk memberi keselesaan kepada mereka semasa proses P&P di samping dapat menjamin kejayaan masyarakat Orang Asli ini dalam arus perdana. Contohnya, pihak sekolah terutamanya guru-guru perlu untuk menterjemahkan sesuatu yang diajar menggunakan bahasa pertuturan harian mereka agar mereka lebih memahami konteks dan konsep P&P tersebut. Selain itu, dengan memperbanyakkan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (PLBD) dan P&P yang menyeronokkan (*fun learning*) perlu dilakukan agar mereka tidak merasa bosan dalam aktiviti bilik darjah. Dalam pada itu, integrasi dan penglibatan semua pihak terutama golongan ibu bapa masyarakat Orang Asli dalam aktiviti di sekolah anak-anak juga diperlukan. Tindakan ini mampu menarik minat dan menggalakkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Sekolah rimba merupakan pendekatan PLBD yang lebih bersifat alami dan praktikal dengan membawa murid-murid ini ke kawasan sekitar sekolah dan menggunakan sumber alam sekitar sebagai alat bantu mengajar. Hal ini kerana sifat anak-anak Orang Asli yang agresif, mudah hilang tumpuan dan mudah berasa bosan dengan pendidikan dalam bilik darjah. Tambahan pula, alam semula jadi (hutan) merupakan nadi kehidupan harian mereka. Oleh itu, pendekatan ini mampu membuka peluang kepada anak-anak Orang Asli untuk memperkembangkan keyakinan, estim sendiri dan pencapaian masing-masing dalam empat aspek utama iaitu psikomotor (kemahiran), afektif (sikap), kognitif (pengetahuan) dan kepekaan terhadap alam sekitar. Sekolah rimba bukan sahaja dapat mampu meningkatkan kecenderungan murid dalam subjek yang diajar, bahkan turut berperanan mengurangkan masalah disiplin dan meningkatkan interaksi sosial mereka. Oleh itu, sistem pedagogi pendidikan masyarakat Orang Asli adalah lebih fleksibel dalam memenuhi aspirasi mereka agar tidak terus keciciran dalam sistem pendidikan arus perdana.

## 7.2 Limitasi Kajian

Sepanjang kajian ini dilakukan di tiga buah penempatan Orang Asli di negeri Terengganu, terdapat pelbagai halangan dan limitasi yang perlu diharungi oleh penyelidik dalam mendapatkan data-data yang diperlukan. Antara limitasi yang dihadapi oleh penyelidik adalah karenah birokrasi daripada institusi-institusi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan masyarakat Orang Asli di sana walaupun prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi sebelum proses pengumpulan data dilakukan. Kerjasama yang diperlukan adalah seperti mendapatkan maklumat dan data sekunder yang ada dalam simpanan. Dengan adanya data-data sekunder ini akan mengukuhkan lagi hasil kajian yang diperoleh bagi mengetahui tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu mengikut perspektif multidimensi.

Selain itu, penyelidik juga mempunyai masalah dalam mendapatkan jumlah responden yang ramai dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana, sifat malu yang sememangnya tebal dalam diri menyukarkan penyelidik untuk mendekati dan menemu bual mereka. Selain itu juga, sebahagian responden dan informan perlu ditemu bual semula untuk memastikan kesahihan data yang telah ambil sebelum ini. Oleh yang demikian, penyelidik mengambil masa selama lebih lapan bulan untuk mengumpul data-data daripada responden yang terbabit.

Penyelidik juga mempunyai masalah daripada aspek mendapatkan sumber rujukan pengukuran kemiskinan multidimensi di dalam negara. Hal ini kerana kurangnya sumber rujukan berkaitan dengan pengukuran kemiskinan melalui kaedah tersebut. Tambahan pula, pengukuran yang telah dibuat tidak mengambil sampel masyarakat Orang Asli sebagai responden mereka. Oleh yang demikian, dimensi dan indikator yang digunakan perlu diubah mengikut kesesuaian latar belakang masyarakat Orang Asli agar hasil dapatan memenuhi objektif kajian.

### 7.3 Cadangan Kajian akan Datang

Berdasarkan hasil kajian ini terdapat beberapa cadangan kajian masa hadapan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli.

- i. Kajian ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengetahui sejauh mana perubahan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Menurut Alkire & Foster (2007), pengukuran kemiskinan multidimensi perlu dilakukan sekurangnya dalam jangka masa lima tahun untuk memastikan data yang diperoleh masih boleh diguna pakai dalam menilai tahap kemiskinan golongan sasaran.
